



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 65

Iasnin

2 Disember 2019

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 32)

**USUL MENTERI PERTAHANAN DI BAWAH P.M. 27(3)**

■ Kertas Putih Pertahanan – Malaysia Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur (Halaman 33)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kewangan 2019 (Halaman 113)

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019 (Halaman 155)

Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019 (Halaman 159)

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019 (Halaman 161)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA  
Isnin, 2 Disember 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen Keempat Belas dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019;
2. Akta Profesjon Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019;
3. Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2019; dan
4. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2019.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menangani isu penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar kerana kurangnya peluang ekonomi di luar bandar.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Salam Bahagia, Salam Luar Bandar Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kangar, berdasarkan laporan Survey Migrasi Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2018, kadar migrasi dari luar bandar ke bandar adalah 4.8% berbanding kadar migrasi dari bandar ke luar bandar adalah sebanyak 19.5%. Berdasarkan dari laporan ini maka adalah

disimpulkan bahawa lebih ramai lagi yang daripada bandar ini yang pindah ke luar bandar sekarang. Mengikut keluarga merupakan sebab utama migrasi iaitu 44.2%, diikuti dengan kerjaya 24.35 dan persekitaran 22.4%.

Antara strategi dan program yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi menangani isu penghijrahan penduduk luar bandar adalah dengan melengkapkan kawasan luar bandar dengan kemudahan jalan perhubungan, bekalan air, elektrik dan mempunyai pencapaian internet yang baik. Di samping itu pelaksanaan program ekonomi seperti projek bersepadu pembangunan ekonomi kampung ataupun lebih dikenali sebagai PROSPEK, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Program Pemasaran Produk selain daripada program keusahawanan dan kemudahan pembiayaan perniagaan.

Selain itu pihak kementerian juga sedang giat mempromosi pelaksanaan program pemasaran atas talian yang dikenali sebagai Desamall@kplb yang bertujuan membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara atas talian melalui platform e-dagang seperti *Lazada*, *E Bay* dan juga *Shopee*. Melalui platform ini pemasaran produk usahawan luar bandar tidak hanya terhad kepada pasaran domestik malah ianya juga boleh dicapai oleh pelanggan daripada luar negara. Bagi menyokong pelaksanaan Program Desamall@kplb ini, pihak kementerian sedang dalam usaha menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan untuk meningkatkan akses dan kemudahan prasarana internet di kawasan luar bandar.

Kementerian yakin dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan seperti kemudahan prasarana program berbentuk ekonomi dan eko sistem usahawan yang lebih berkesan di luar bandar akan dapat membantu mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Di samping itu kementerian sedang meneliti program-program baru untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 khususnya untuk mewujudkan peluang ekonomi sekali gus dapat meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sedikit gembira mendengar, rupanya semakin ramai orang yang sudah berhijrah ke bandar mula kembali ke luar bandar sebab sebelum ini kalau tengok daripada segi data, kita tengok jumlah besar penduduk Malaysia ini berhijrah ke bandar untuk mengubah nasib hidup. Tetapi kita, itu juga menyumbang kepada kemiskinan bandar. Cuma saya hendak tanya sejak mungkin lima tahun yang lalu, di luar bandar ini berapa banyakkah, kita dapat mengurangkan kemiskinan dan juga menyediakan peluang kerja yang berpendapatan tinggi.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Kangar, saya tidak ada jawapan itu sekarang. Kita akan jawab secara bertulis. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat Kangar, sekarang di pihak kementerian kita bukan sahaja fokus kepada pembangunan infrastruktur dan fizikal kerana kita tahu selama ini banyak peruntukan yang telah disalurkan melalui kementerian tetapi bila disebut tentang luar bandar, masih lagi dikaitkan dengan kemiskinan. Kerana itu fokus kementerian juga sekarang ini bukan sahaja daripada

pembangunan fizikal dan infrastruktur, tapi kita hendak bangunkan juga dari segi pembangunan sosio ekonomi dan pembangunan modal insan masyarakat luar bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Soalan tambahan kedua.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang *hansom*. Senyumannya manis, menarik. Ini semua petua daripada, nasihat daripada SUDR agaknya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalan, soalan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Soalan tambahan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan, 30 saat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang dulu menjadi Menteri, dulu sebut KKLW. Ia ada program yang khusus bagi masyarakat luar bandar iaitu *reverse migration* daripada penduduk bandar yang ramai 77.6 peratus ini berhijrah balik ke luar bandar.

#### ■1010

Banyak program yang diatur seperti daripada segi keusahawanan, daripada segi koperasi, usahawan desa. Apabila kita semak daripada segi perangkaan, data-data- 523 ribu penduduk kita tidak ada pekerjaan, penganggur.

Yang Berhormat Menteri sebut fasal siswazah lepasan universiti yang menganggur. Jadi, saya ingin tahu, RM500 juta di bawah IKS- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan ini senyum pun menarik, hendak buat kereta terbang.

Jadi, saya percaya bahawa RM300 juta bagi wanita di bawah IKS ini cukup banyak. Saya ingin tahu, selain daripada program yang disebutkan oleh saya awal tadi, program kita hendak *reverse migration* daripada bandar kepada bandar, adakah program ini diteruskan?

Kedua, saya hendak tahu adakah- kita percaya pada keikhlasan dan kesungguhan wanita, kaum hawa di dalam negara kita dalam membangunkan usahawan ini, sebanyak RM300 juta disediakan.

Jadi, saya ingin tahu, bagaimana peluang wanita ini hendak menjadi pembekal atau hendak mengusahakan kereta terbang di dalam negara kita? Bolehkah berbincang dengan Menteri Pembangunan Usahawan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Krau, lebih 30 saat. Sila, Yang Berhormat Menteri, satu minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Lebih tidak apa dengan kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Kuala Krau, tentang hendak buat kereta terbang itu saya belum bincang lagi. Akan tetapi, apa yang penting sekarang ini, apabila kita turun ke bawah, kita melihat ramai juga usahawan-usahawan wanita. Akan tetapi, apabila data statistik yang saya dapat hanyalah lebih kurang 24 peratus. Oleh sebab itu, apabila kita turun ke bawah kita lihat ramai juga daripada mereka ini tidak mendaftar dengan SSM.

Jadi, program juga kita telah adakan. Kita ada Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE). Kita ada Program Wanita Inspirasiku (WINS), kita ada Program DanaNITA, kita ada *Hers Fund*. Ini di mana apabila kita melihat perkara ini untuk membawa mereka ini jauh lebih ke hadapan, sudah pasti itu adalah merupakan salah satu syarat utama SSM ini. Jadi, kita buat pendaftaran. Apabila kita buat pendaftaran, kita tengok rupanya ada juga yang sudah bermula lima tahun, tiga tahun tidak ada SSM. Ini adalah salah satu cara untuk kita meningkatkan lagi ilmu keusahawanan kepada mereka.

Selain daripada itu, sudah pasti ilmu-ilmu keusahawanan bukan sahaja kepada mereka yang hendak menjadi usahawan, tetapi juga kita bantu kepada suri rumah. Kita juga ada program *mentor-mentee*. Kalau dahulu kita cuma bagi peralatan kepada mereka, kali ini kita pantau, sekurang-kurangnya selama dua tahun. Ini kerana matlamat kita untuk tingkatkan pendapatan bukan untuk memberikan barang itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan Tuan Yang di-Pertua, soalan penting Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Jangan berangan beristeri dua;  
Soalan saya nombor dua.*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya isteri dua tahu. Janganlah sebut macam itu.

2. **Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, berapa jumlah pemilik akaun media sosial yang telah disebat penggunaannya dan apakah sebabnya.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor dua minta untuk saya menyatakan berapa jumlah pemilik akaun media sosial yang telah disebat penggunaannya, dan apakah sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyumbang utama akaun media sosial disebat adalah kerana penciptaan akaun palsu untuk tujuan-tujuan penyamaran. Di antara tahun 2018 sehingga September tahun ini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 3,877 akaun-akaun yang menyamar telah pun disusuli tindakan oleh pihak SKMM. Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut, sebanyak 78 peratus daripadanya telah berjaya dipadamkan, dan ini dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat platform masing-masing.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,564 pautan dan kandungan yang mempunyai kandungan yang berunsur *cyber bully* dan juga kebencian, telah dirujuk untuk perhatian dan tindakan lanjut penyedia platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google*, *Instagram* dan juga *YouTube*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 63 peratus daripadanya telah pun berjaya dipadamkan berdasarkan sekali lagi pelanggaran terma dan syarat perkhidmatan serta piawaian komuniti penyedia-penyedia platform yang berkaitan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan SKMM menggunakan *artificial intelligence* (AI) dan *Avatar* untuk menyekat *posting* yang bersifat menentang kerajaan, mengkritik kerajaan oleh pemimpin-pemimpin pembangkang, serta NGOs pembangkang, melalui akaun *Facebook*, *Twitter* malah menyekat daripada segi perkongsian ataupun *sharing* di dalam *Whatsapp* sekalipun. Ini jelas bertentangan dengan hak dan kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Soalan saya, selain daripada akaun palsu yang disekat, apakah kriteria-kriteria- saya hendak dapatkan penjelasan daripada segi kriteria-kriteria, *posting* yang melanggar akta SKMM yang akan disekat oleh SKMM? Itu pertama.

Kedua, daripada segi jumlah yang disebutkan tadi. Ramai yang membuat *posting* yang bertentangan dengan akta SKMM, berapakah yang dirujuk kepada pihak berkuasa lain- polis dan sebagainya, untuk diambil tindakan oleh pihak polis ataupun untuk didakwa di mahkamah dan sebagainya?

Terakhirnya, soalan ketiga, kenapa perkataan 'O' di dalam 'UMNO' ditolak pendaftaran untuk akaun *Facebook*, unless menggunakan *numerical '0'* sahaja? Why 'O' yang existing dalam 'UMNO' ini tidak dibenarkan?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Bera, soalan terakhir tadi itu yang berkenaan dengan 'O' itu tidak dibangkitkan dalam soalan ini. Kalau boleh disalurkan kepada saya, saya akan lihat kepada perkara itu.

Nombor dua, Yang Berhormat, dakwaan kononnya bahawa akaun-akaun telah pun disekat oleh MCMC ataupun SKMM. Ini adalah satu dakwaan yang cukup luas. Saya minta kalau ada dakwaan tersebut, hantar kepada saya, tunjuk kepada saya bukti, melainkan datang ke Dewan dan hanya cakap sebegini. Kita hendak lihat- jadi, kalau ada bukti tunjuk kepada saya...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya akan bagi bukti.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sila, sila bagi bukti kepada saya. Saya akan lihat kepada setiap kes kerana Yang Berhormat, saya nyatakan sedemikian kerana kita kena faham bahawa sebarang pemadaman dan sebagainya dibuat oleh penyedia platform. So, ini adalah hasil daripada aduan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Jadi, kepada saya, kita telah sebut daripada awal bahawa kita akan lihat bagaimana kita akan mengukuhkan semangat- kita ada kebebasan bersuara, dan itulah satu perkara yang saya telah pun katakan dengan tegas.

Saya akan terus menentukan bahawa itu adalah keadaan yang- tetapi, sekiranya ada sesuatu paparan yang melanggar undang-undang, Yang Berhormat Bera, maka, tindakan akan diambil.

Yang Berhormat Bera kena faham, kadang-kadang bukan pihak MCMC yang membuat tindakan secara sendiri, orang luar yang buat aduan. Jadi, ini adalah satu perkara yang kadang-kadang saya lihat Yang Berhormat Bera tidak faham. Apabila ada aduan daripada pihak luar, mereka ini buat repot polis, mereka buat repot kepada MCMC. Jadi, dalam keadaan tersebut adalah tugas untuk kita buat siasatan. Jadi, dalam keadaan tersebut, kalau ada sebab, maka penyedia platform yang akan ambil tindakan sama ada hendak padam ataupun tidak.

So, itu adalah *in general* apa yang berlaku. Daripada segi kalau kita hendak ambil tindakan, saya telah berulang kali sebut di dalam Dewan yang mulia ini, apabila satu laporan dibuat, maka pihak polis akan susuli dengan siasatan. Kadang-kadang, dalam siasatan itu, mereka perlu mendapatkan pandangan ataupun bantuan daripada segi teknikal. Ini adalah yang dikatakan *expertise*. *Expertise* itu ada pada pihak SKMM. So, jadi mereka akan salurkan permintaan kepada SKMM untuk memberikan maklumat berkenaan dengan akaun tersebut, sama ada akaun palsu, ataupun tidak. Kalau tidak palsu, siapa tuan punya akaun tersebut dan bagaimana ia boleh disiasat, bagaimana ia boleh dihubungi dan sebagainya. Itu adalah tindakan yang diambil oleh SKMM, dan kita ada KPI di mana kita akan berikan maklumat itu balik.

Berkenaan dengan pertanyaan angka- sebanyak mana yang kita ada aduan dan sebagainya, saya akan salurkan angka itu kepada Yang Berhormat dalam masa yang terdekat. Saya minta maaf tetapi angka tersebut tidak ada bersama dengan saya pada hari ini. Akan tetapi ini adalah kategori yang berbeza, Yang Berhormat, saya akan bagi sejauh mana yang saya boleh Yang Berhormat ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kriteria pun tolong tulis ya.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Ya, kriteria sudah saya maklumkan tadi. Apabila ada aduan, aduan itu akan kisar kepada sama ada pelanggaran undang-undang dan sebagainya. Di sini kita ada seksyen yang terlibat, seksyen 2 atau seksyen 3, kita ada akta di bawah kanun keseksaan dan sebagainya. Ini dalam kepakaran bidang polis. Ini kerana apabila laporan dibuat, polis kena lihat sama ada ataupun tidak laporan ini menunjukkan satu kesalahan yang telah pun berlaku. Dalam keadaan ini, mereka akan minta MCMC untuk memberikan bantuan.

Di sitolah kita cuba untuk memberikan bantuan sejauh mana- Yang Berhormat boleh lihat angka-angka, banyak di mana akaun-akaun palsu dan ada orang yang samar menggunakan nama sekian-sekian dan sebagainya.

## ■1020

So, jadi ini adalah satu perkara yang kita- *we have to fix it*, tetapi kita ini bekerjasama dengan pihak polis. Saya telah pun dalam jawapan saya di awal, kita lihat juga kepada *cyber bullying* misalnya, *scammers* dan sebagainya. Akan tetapi, ia ada kategori-kategori berbeza tetapi hasil daripada aduan yang dibawa oleh masyarakat awam. Kita cuba untuk sejauh mana

yang kita boleh, kita selesaikan aduan-aduan yang dihalakan kepada kita. Dalam keadaan tersebut, MCMC bertindak sebagai ejen yang membantu pihak polis untuk siasatan tersebut dari segi teknikal.

Sekiranya ada permintaan, maka permintaan itu akan dihalakan kepada penyedia platform untuk buat keputusan sama ada ataupun tidak ia akan dipadam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ingin tanya, kita lihat bahawa di bawah kerajaan yang baharu, kebebasan berkongsi maklumat, memuat naik dalam *Facebook* dan sebagainya telah jauh lebih meningkat. Kebebasan yang diberikan oleh kerajaan sekarang adalah lebih baik daripada kerajaan dahulu.

Akan tetapi, pada masa yang sama, saya lihat bahawa ada pihak-pihak tertentu yang menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak betul, yang berunsur fitnah terutamanya memfitnah kerajaan sekarang. Jadi, soalan saya adalah bagaimanakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian berhasrat untuk mengambil tindakan, menyekat perkara-perkara ini, terutamanya kita lihat semasa pilihan raya kecil di Tanjung Piai? Banyak sangat maklumat-maklumat yang tidak betul disebarluaskan yang sekadar juga mempengaruhi pengundi-pengundi di situ. Saya ingin tanya, sama ada Yang Berhormat Menteri ingin menggubal apa-apa peruntukan seksyen khusus yang boleh mengawal dan juga mempertahankan kerajaan sekarang daripada difitnah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa semasa kita hendak melangkah ke hadapan, kita hendak bersedia untuk IR4.0 dan sebagainya. Kita sekarang sedang membina infra yang baharu, kita hendak melebar luaskan infra yang sedia ada dan sebagainya.

Ini secara tidak langsung menyebabkan lebih ramai orang mempunyai akses kepada internet dan juga sosial media. Jadi, pada masa hadapan, sudah tentu kita akan dapat lihat lebih daripada orang walaupun masyarakat daripada tempatan ataupun global yang juga mengambil bahagian dalam diskusi-diskusi yang kita lihat di platform-platform tertentu seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google*, *YouTube*, *Instagram*, *TikTok* dan sebagainya.

Jadi, dalam keadaan tersebut, saya rasa kita kena lihat bahawa masalah kita ada berita palsu ini akan menjadi satu masalah yang cukup besar, di mana ia menjadi satu cabaran untuk bukan sahaja Malaysia, tetapi di semua negara di dunia ini. Kita kena lihat bagaimana kita boleh pastikan kita mempunyai satu sistem yang kukuh untuk kita dapat mengendalikan masalah ini. Setakat di Malaysia, kita ada undang-undang yang tertentu, kita ada seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia. Kita juga ada peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Keseksaan. Undang-undang itu akan dikuatkuasakan.

Sekiranya ada satu laporan dibuat, maka pihak polis akan siasat dan mereka akan siasat minta bantuan daripada MCMC. Dalam keadaan tersebut, setakat mana yang kita boleh, kita akan berikan bantuan teknikal dan juga sekiranya perlu dijadikan saksi dalam peringkat proses bicara kemudian, kita akan laksanakan. Jadi, ini adalah satu perkara yang kita lihat secara serius. Kita juga telah mengatakan bahawa kita akan membuat pindaan-pindaan kepada seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia. Itu dalam peringkat perbincangan dan kaji selidik kementerian saya.

Kita lihat bagaimana negara-negara di rantau ini juga telah pun menguatkuasakan undang-undang yang baharu, Singapura misalnya. Kita baru lihat bagaimana pada bulan lalu mereka menguatkuasakan undang-undang yang baharu yang lebih ketat, Australia dan sebagainya. Jadi, kita sekarang sedang mengkaji bagaimana kita boleh meningkatkan taraf undang-undang yang sedia ada supaya kita dapat membendung masalah ini.

Saya harap, bahawa dalam masa hadapan, kita dapat lihat undang-undang yang baharu, kalau tidak dalam bulan Mac tahun depan, dalam pertengahan tahun. Akan tetapi, dalam masa yang sama, saya rasa perkara penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua, itu adalah mustahak. Jadi, kita kena pastikan bahawa apabila ada satu laporan dibuat, tindakan akan diambil. Tindakan itu diputuskan oleh pihak Peguam Negara. Kementerian saya memang selalu dalam proses kita berbincang dengan Peguam Negara dan kita untuk memberikan maklumat berapa banyak kes, mana yang perlu kita ambil tindakan, kalau tidak ambil tindakan, kenapa dan sebagainya.

Ini adalah satu proses yang akan kita susuli, tetapi dalam keadaan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Jelutong, kita hendak lihat bagaimana kita boleh menguatkuasakan. Itu yang pertama. Kedua, kalau boleh kita ketatkan undang-undang yang sedia ada. Kita dalam proses melihat kepada aspek itu. Saya harap dalam masa yang terdekat, kita dapat lihat pindaan-pindaan dibawa. Kita juga di peringkat SKMM ada banyak program di mana kita hendak membawa maklumat kepada masyarakat, betapa pentingnya apabila kita ini berkongsi satu maklumat, berkongsi satu paparan dan sebagainya, kita kena pastikan bahawa ia adalah benar.

Kita kena lihat bagaimana kita boleh sahkan kesahihan sebelum kita kongsikan. Jadi itu adalah juga program-program yang kita kendalikan secara sosial melalui SKMM dan kita akan lihat bagaimana kita boleh membanyakkan lagi program-program tersebut, meningkatkan program-program tersebut. Khususnya, sepertimana yang saya sebut apabila kita hendak meningkatkan lagi infrastruktur dan sebagainya, kita akan lihat perkara ini dengan serius Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua? Satu sahaja. Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya muh minta jaminan kerajaan sahaja.

3. **Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status terkini demam denggi di Sarawak dan di Malaysia dan berapa jumlah kematian yang disebabkan oleh demam denggi serta apakah langkah yang lebih drastik oleh kementerian untuk mengurangkan masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes demam denggi di Malaysia pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan tahun 2018. Peningkatan kes denggi bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah pada tahun 2019, peningkatan kes denggi antara satu sehingga lapan kali ganda juga berlaku di kebanyakan negara lain seperti Singapura, Filipina, Kemboja, Laos, Vietnam, China dan juga Taiwan.

Sehingga 27 November 2019, sebanyak 118,416 kes telah dilaporkan berbanding 69,849 kes bagi tempoh yang sama tahun 2018 iaitu satu peningkatan sebanyak 70 peratus. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 164 kes kematian dilaporkan pada tahun ini berbanding 118 kes kematian pada tahun 2018. Bagi negeri Sarawak, sebanyak 2,310 kes telah dilaporkan sehingga 27 November tahun ini berbanding 687 kes pada tempoh yang sama tahun 2018.

Penyakit demam denggi amat berkait rapat dengan kebersihan persekitaran. Setiap individu perlu mengambil tanggungjawab dalam memastikan kawasan dalam dan luar rumah bebas daripada potensi pembiakan nyamuk aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan aedes.

Perubahan tingkah laku masyarakat Malaysia adalah diperlukan, di mana masyarakat mengutamakan kebersihan persekitaran dan tidak membuang sampah merata-rata yang akan menjadi tempat pembiakan aedes. Kementerian telah menjalankan tindakan bersepadu melalui pasukan petugas khas denggi di peringkat kementerian yang terdiri daripada tujuh kementerian kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta agensi lain.

Tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah melaksanakan:

- (i) Kempen Gotong-royong Perangi Aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran dengan kerjasama kementerian, agensi dan kerajaan negeri seperti KPKT, RELA, PDRM, KPM, Perpaduan, APM serta ATM yang dilaksanakan sebanyak dua kali setahun. Pada tahun 2019, ia dilaksanakan pada bulan Mac dan September 2019;
- (ii) Operasi Gempur Aedes Bilangan 1.0 yang dilakukan bagi bulan Januari hingga Mac 2019 dan Operasi Gempur Aedes Bilangan 2.0 dari bulan Julai hingga September 2019. Di samping operasi bersepadu secara bulanan yang dilakukan oleh kementerian bersama agensi seperti CIDB, PBT, JKR, DOSH dan lain-lain;
- (iii) Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan dan Pasukan Sukarelawan COMBI yang terdiri daripada komuniti untuk melaksanakan aktiviti cari dan musnah setiap minggu. Di samping itu, pendidikan mengenai denggi

turut dilakukan melalui lawatan dari rumah ke rumah berserta edaran bahan pembunuhan jentik-jentik;

- (iv) Kementerian juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan denggi dengan menggunakan semburan *outdoor residual spring* yang dilaksanakan di kawasan berstrata *hotspot*.

**■1030**

- (v) Inisiatif terkini yang dilaksanakan oleh kementerian adalah melalui inisiatif inovasi kawalan denggi iaitu pelepasan telur nyamuk *aedes berwolbachia* bagi mengganti populasi nyamuk *aedes* liar yang membawa virus denggi. Dengan kehadiran bakteria *wolbachia* dalam nyamuk *aedes*, dia akan merencatkan perkembangan virus denggi dalam badan nyamuk dan mengurangkan risiko jangkitan virus denggi kepada manusia lain.

Operasi ini dilakukan berikutan keputusan kajian IMR yang mendapatkan keputusan yang dapat mengurangkan 50 hingga 70 peratus kes denggi di lokaliti kajian. Fasa pertama operasi ini telah dijalankan di 11 lokaliti di Daerah Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil inovasi ini masih dalam penelitian. Sekian.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke Dewan hari ini. Terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan penyakit demam denggi semakin serius, apakah pendekatan kerajaan untuk meningkatkan program kesedaran bahaya denggi dan kempen kesedaran cegah dan kawal penyakit demam denggi di Sarawak terutama di Sibu? Adakah kerajaan merancang untuk memperkenalkan program perintis melepaskan nyamuk yang disuntik dengan bakteria *wolbachia* di beberapa kawasan di Sibu dan juga di Sarawak sebagai satu teknik baharu untuk menangani masalah ini memandangkan demam denggi adalah sangat serius juga di Sarawak. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Kalau kita lihat dari segi statistik di Sarawak, kebetulan yang paling tinggi adalah di Kuching dengan 844 kes, yang kedua di Miri dengan 425 kes dan ketiga Sibu 248 kes. Di Sibu ada peningkatan 158 peratus. Jadi, kita memang faham di mana ada peningkatan kes di seluruh negara bukan setakat di Sibu dan Sarawak. Sepertimana yang saya sebut tadi, kementerian memang meneruskan pendidikan dan operasi berkenaan dengan kawalan denggi dan kawalan nyamuk *aedes* melalui COMBI dan kerjasama agensi-agensi yang lain.

Antara usaha baharu iaitu dengan nyamuk *aedes* yang *berwolbachia* ini, fasa pertama telah dilakukan. Kita akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan menggunakan kaedah nyamuk *aedes berwolbachia* ini di Sarawak dalam fasa ketiga sekiranya kerjasama itu berjalan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada yang daripada Sarawak, ini soalan mengenai dengan Sarawak.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Denggi ini satu dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kalau kita bincang saban tahun kita berbahas dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan penyakit ataupun denggi ini tadi. Kalau kita tengok setiap tahun setiap kali kita bincang peratusannya tidak pernah turun. Waima hatta semua Menteri-menteri terdahulu dan sekarang bincang dan sebut perkara-perkara yang bakal dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Soalan saya, apakah kerajaan sudah memikirkan Akta 1975 ini dapat kita gubal?

Kalau kita tengok pada hari ini hanya RM500 sahaja didenda, padahal penyumbang utama kalau kita tengok berkaitan dengan denggi di kawasan bandar dan luar bandar adalah di antara kawasan-kawasan pembinaan kontraktor-kontraktor, *developers* malah kilang-kilang dan sebagainya. Jadi, kalau mereka membiarkan air di situ bertakung dan tidak ada pembersihan dan sebagainya, buatlah gotong-royong macam mana pun, kita tidak mampu menanganinya. Jadi, persoalan saya kepada kementerian dengan serius harus difikirkan perubahan akta. Kita kena bawa pada IPMC ke ataupun Kertas Putih ke. Itu semua nombor dua, nombor tiga, nombor 10. Ini lebih penting, nyawa manusia, nyawa rakyat kita.

Jadi, saya hendak tanya Akta 1975 ini yang hanya dendanya dibayar RM500, sesiapa pun boleh bayar RM500 denda ini. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal akta ini dalam Dewan yang mulia ini dalam masa yang terdekat untuk kita lihat salah satu cara kaedah untuk mengurangkan kes denggi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Memang untuk Yang Berhormat Baling RM500 ini adalah satu angka yang kecil tetapi untuk orang kampung, untuk orang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Maksud saya untuk *[Tidak jelas]*. Ini berniat jahat. Soalan saya serius Timbalan Menteri. Jangan main politik. RM500 untuk *developer*, untuk kilang-kilang saya sebut tadi. Tidak payah lah hendak main politik jawapannya. Ini nyawa rakyat. Nyawa rakyat. Timbalan Menteri janganlah main-main.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta jawab.

**Dr. Lee Boon Chye:** Biar saya jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of Order 36.*

**Dr. Lee Boon Chye:** Akan tetapi, saya alu-alukan...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Basikal lajak lagi banyak kena denda daripada denggi. Ini basikal lajak. Apa lah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, bagi peluang Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Elok, jawablah elok- elok.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia menyangka paling jahat sekali.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sangka jahat, sangka jahat.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya alu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat Baling untuk menaikkan denda untuk syarikat-syarikat yang membiak nyamuk aedes ini. Akan tetapi yang saya hendak tekankan di sini, fenomena peningkatan denggi ini dia datang *cyclical*, ada turun ada naik dan dari trend jangka masa panjang memang meningkat. Ini trend sedemikian memang sama bukan setakat di Malaysia tetapi di seluruh negara. Ini memerlukan kerjasama bukan setakat daripada kementerian, denda bukan segala-galanya tetapi perlu kerjasama daripada bukan setakat pihak Kementerian Kesihatan tetapi juga kerjasama daripada JKR, daripada CIDB, daripada DOSH dan sebagainya. Akta 1975 boleh diperbaiki dengan penguatkuasaan penuh dan denda RM500 ini akan dikaji khususnya untuk syarikat-syarikat yang terlibat. Sekian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:**

*Hari Raya hidang ketupat,*

*Soalan saya nombor empat.*

4. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan langkah terperinci dan peruntukan untuk setiap langkah bagi meramaikan jumlah usahawan berdaya maju di sekitar 20 ribu buah kampung seluruh negara. Berikan angka usahawan luar bandar mengikut 14 negeri dan 10 nama syarikat yang paling berjaya untuk setiap negeri.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, jumlah usahawan luar bandar mengikut negeri adalah seperti berikut, jumlah keseluruhan 84,000 usahawan luar bandar. Tahniah Kelantan 18,000, 21 peratus usahawan luar bandar dari Kelantan. Melaka negeri saya 13,000, Perak 8,000, Kedah 6,000, Pahang 5,000, Selangor 5,000, Terengganu 4,600, Johor 4,600, Pulau Pinang 3,700, Sabah 3,700, Sarawak 3,300, Negeri Sembilan 3,300, Perlis 2,600, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,300, Wilayah Persekutuan Labuan 5 sahaja.

Ini adalah anggaran dan maklumat ini dikumpulkan dengan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Senarai 10 syarikat yang paling berjaya untuk setiap negeri berdasarkan penilaian SME Score, Malaysia penarafan 4 dan 5 bintang adalah seperti berikut, saya tidak mahu hendak sebutkan mengikut negeri-negeri.

Ada 10 di Kuala Lumpur termasuk umpamanya *Hurricane Geo Inspection Survey Services* untuk *oil and gas*, Cergas Murni untuk pembinaan, Wilo Gland untuk pembinaan di Selangor, kita juga ada contoh seperti Delta Perdana Sdn. Bhd., Dewina Food Industries Sdn.

Bhd., Goodnite Sdn. Bhd. produk getah dan di Pulau Pinang contoh Puncak Bumi Utama Sdn. Bhd. produk kayu dan berasaskan kayu, Perak contoh Gaharu Technologies Sdn. Bhd. perdagangan dan pengedaran runcit Negeri Sembilan contoh Royce Pharma Manufacturing Sdn. Bhd. *pharmaceutical*, Melaka contoh Lipta Plastic Industries Sdn. Bhd. produk plastik.

#### ■1040

Contoh dari Johor iaitu Berkat Tuah Foodstuff Sdn. Bhd. (Farmaseutikal). Contoh dari Kedah iaitu Halagel, farmaseutikal juga, Al-Haddad Manufacturing iaitu makanan dan minuman. Dari negeri Perlis iaitu Mazarul Enterprise produk kayu berasaskan kayu. Pahang iaitu Hadiyawa, perdagangan berkenaan — Hadiyawa Sdn. Bhd., perdagangan pekedai runcit. First Marine Services produk petrokimia. Kelantan, contoh Wau Tradisi Enterprise, makanan dan minuman, Ain Medicare Sdn. Bhd. farmaseutikal edaran Tanah Merah Automatif.

Terengganu iaitu UBF Maintenance Sdn. Bhd. pembinaan Alwi Development (pembinaan). Sarawak iaitu Yu Lee Hong Motor Sdn. Bhd. perdagangan perniagaan runcit, Plaza Merdeka Holding Sdn. Bhd. perkhidmatan profesional. Sabah iaitu Yuling Export Sdn. Bhd. produk kayu berasaskan kayu. Ini adalah contoh-contoh 10 *top ten* ataupun yang tertinggi 10 adalah syarikat-syarikat yang boleh mengeksportkan servis dan produk setakat ini. Maksudnya syarikat-syarikat ini telah dibangunkan untuk menjadi syarikat-syarikat *export ready*.

Antara program baru yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MED bagi meramaikan jumlah usahawan berdaya maju di kawasan luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) merupakan program *Social Enterprise Development* oleh MaGIC yang memberikan pendedahan kepada usahawan mengenai perniagaan *franchise*. Inisiatif ini dapat meningkatkan kesan sosial positif di samping mengembangkan perniagaan yang dipacu oleh usahawan berpertumbuhan tinggi;
- (ii) Projek Rintis Pembangunan Usahawan Tani Fertigasi merupakan kerjasama MED - INSKEN yang dilaksanakan di Terengganu pada Jun 2019 ini telah kita ukurkan keberhasilannya. Kita lihat kita boleh menaikkan pendapatan petani-petani dengan guna sistem ini sebanyak RM3,000 sebulan dan kita boleh ukur *outcome* itu sendiri dan kita sedang perkembangkan di seluruh negeri mulai tahun hadapan bermula di Sarawak.
- (iii) Program pembiayaan yang telah ditawarkan termasuk Program Pembiayaan Premis Usahawan (I3P) iaitu pembiayaan yang fleksibel untuk usahawan memiliki atau membiayai semula premis perniagaan seperti rumah kedai, lot kedai, ruang pejabat, kilang-kilang sama ada yang telah selesai atau masih dalam pembinaan. Jumlah kelulusan

setakat ini, jumlah kelulusan pembiayaan adalah sebanyak RM62 juta;

- (iv) Skim Pembiayaan Ekonomi Desa memfokuskan kepada pengusaha bumiputera luar bandar bagi memulakan perniagaan, *startup* meningkatkan ekonomi serta meningkatkan perusahaan yang diceburi. Jumlah kelulusan setakat ini sebanyak RM2 juta;
- (v) Pembiayaan kontrak dan MySMEBina adalah satu program pembiayaan khas untuk membiayai kontrak pembinaan dan infrastruktur serta kontrak mudah yang berjangka pendek bagi melaksanakan serta menyempurnakan projek dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan. Jumlah kelulusan pembiayaan RM477 juta. Kita baru-baru ini juga ada melancarkan dengan kerjasama SME Bank mengadakan dana untuk pembiayaan kontrak-kontrak besar untuk projek ECRL yang hari ini kita sudah tingkatkan kepada sebanyak RM1 bilion. Kemudahan pembiayaan melalui SME Bank untuk projek-projek *capital* yang besar. Pembiayaan-pembiayaan mySME bekal pun ada juga diadakan untuk membiayai kontrak pembekalan dan penyelenggaraan secara terus tanpa proses nilai tambah yang berjangka pendek tanpa sebarang cagaran;
- (vi) Juga, Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF) fokus untuk meningkatkan peluang peniaga mikro yang berpotensi besar untuk menceburi bidang perniagaan baru. Program ini menyediakan kemudahan pembiayaan modal kerja dan modal pusingan dan setakat ini jumlah kelulusan pembiayaan sebanyak RM1.5 juta sebab ia baru bermula;
- (vii) Program Rangkaian Mikro juga kita adakan, menawarkan bantuan di peringkat permulaan kepada usahawan mikro untuk memulakan dan menjalankan perniagaan. Sehingga kini, sejumlah lima buah syarikat telah dilantik bagi melatih dan menyediakan perkhidmatan kepada B40 serta usahawan mikro dan seramai 18 peserta B40 telah mendapat manfaat; dan
- (viii) Akhir sekali adalah program *Women Netpreneur* dan *Digital Business Workshop*. Program ini diadakan di Kuching, Miri, Kota Kinabalu dan Tawau yang bertujuan mendedahkan serta menggalakkan penglibatan usahawan wanita dalam perniagaan atas talian. Seramai 421 orang peserta telah mengikut program ini.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kalau kampung ada mengeluarkan produk plastik, farmasi, halagel, petrokimia dan automatif. Saya tidak tahuhah kalau ia berasal daripada kampung ya, apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Adakah kerajaan ingin memperkembangkan konsep Satu Kampung Satu Produk? Di Matunggong, ada satu kampung nama Kampung Sumangkap, masyarakat Rungus mengeluarkan gong di Matunggong. Seluruh kampung itu saya dah melawat, jualan gong sahaja dan produk gong. Kampung kedua terbaik Malaysia kawasan saya, Puteri Menangis, Benut, Pontian ada komersial, nanas komersial, ada koperasi, ada inap desa dan ada usahawan perabot. Ini yang saya maksudkan Yang Berhormat Menteri.

Kalau kita satu kampung satu produk, ada sebanyak 20,000 kampung termasuk kampung rangkaian, mungkin ada sebanyak 10,000 produk yang berbeza misalnya dan tentunya bersama dengan KPLB. Adakah kementerian juga bercadang untuk mengembangkan satu konsep yang dinamakan sebagai Satu Keluarga Satu Usahawan. Tadi, Satu Kampung Satu Produk. Ini pula Satu Kampung Satu Usahawan dan terima kasih kerajaan kerana meneruskan Satu Daerah Satu Industri. Silakan menjawab.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, kita dalam peringkat penyelarasan untuk mengkaji di seluruh kementerian untuk kita mendapat maklumat apakah satu produk satu daerah, satu produk satu negeri, satu produk satu kawasan ataupun sekali satu produk satu keluarga. Hari ini kalau kita lihat pelbagai cara yang setiap daerah di luar bandar contohnya, di Pahang, di Terengganu, di Kelantan, ada yang membuat produk yang sama tetapi kita tidak boleh hendak mengadakan satu sistem di mana kita limit-kan usaha-usaha mereka atas dasar untuk mewujudkan satu produk satu kampung.

Akan tetapi, apa yang kita boleh lakukan menerusi jaringan yang kita ada, contohnya jaringan antara koperasi sejumlah 1.5 juta ahlinya. Kita boleh membuat produk itu daripada satu daerah ke satu daerah yang lain untuk menambah nilai contohnya. Sekiranya Kelantan mengeluarkan barang yang berbentuk makanan seperti keropok, kalau di sutilah mereka tidak mahu mengusahakan atau meningkatkan nilai dari segi *branding*, kita akan bawa kepada satu pusat kumpulan untuk kita jenamakan menjadi tempat itu dikenal sebagai satu produk satu daerah.

Ini antara perkara yang kita sedang selaraskan untuk memastikan kita ada *definition*, kita ada fokus, kita ada contohnya di negara lain amat berjaya. Satu kampung ataupun satu daerah di negeri jiran mengadakan satu contoh beg tangan hasil *social enterprise* orang kampung, itu sahaja dibuat tetapi dibuat secara pukal, dibeli secara pukal, dibawa ke daerah lain untuk ditambah nilai untuk dijual ke pasaran antarabangsa. Inilah model-model yang kita lihat terbaik, bukan mudah cabaran kita untuk memastikan.

Contoh, baru-baru ini kita nak mengenalkan Terengganu sebagai satu produk satu negeri iaitu dalam industri kraf tangan, industri batik dan sebagainya. Bukan mudah tetapi kita sedang

membentuk satu ekosistem supaya rakyat, masyarakat B40 memahami apa cara terbaik untuk memberi nilai tambah yang lebih tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Enterprise micro* ini kebanyakannya di Malaysia adalah IKS. Walaupun mikro tetapi banyak dan agak bertaburan dan merupakan sumber pendapatan yang penting. *Alhamdulillah*, kerajaan telah bagi fokus, meningkatkan bilangan usahawan, memberi latihan kepada usahawan dan juga memberikan dana sumbangan dari pelbagai agensi.

Akan tetapi, cabaran sebenarnya adalah hasil jualan. Kalau luar bandar jual pada luar bandar, *low income* jual pada *low income*, miskin jual pada miskin. Sebenarnya ia tidak berapa jadi begini. Jadi persoalan saya, adakah kerajaan akan bersedia untuk wujudkan di bandar-bandar ataupun di pekan-pekan kecil untuk meningkatkan pemusatan ataupun kepadatan yakni *density enterprise micro*?

#### ■1050

Seperti yang contohnya yang saya hendak bagi yang berlaku di Thailand di Chatuchak di Bangkok di mana skilnya tinggi menarik ramai lagi pembeli daripada pelbagai lapisan dan juga memberikan fasiliti yang moden kerana menjenamakan pusat-pusat ini dengan jenama yang menariklah contoh seperti *micro mall*. Ini akan menaikkan lagi jualan dan juga meningkatkan lagi jaringan dan kerjasama antara usahawan-usahawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua program ini sedang dalam peringkat pelaksanaan di mana kita menggunakan dua agensi di bawah kementerian.

Nombor satu, kita mempunyai rantaian koperasi sendiri yang mana kita ada sebanyak 3,000 contoh kedai koperasi. Di situ kita akan mengembangkan dengan mengadakan satu infrastruktur menggunakan teknologi supaya di tempat itu menjadi pusat pengumpulan dan juga pusat peruncitan itu sendiri dengan harga yang lebih kurang sama di antara semua daerah.

Kita memberi jaminan pembelian itu sebab kita akan mewujudkan pusat pengumpulan barang-barang untuk *microenterprise* tadi. Kita sedang dalam peringkat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membenarkan TEKUN mewujudkan satu pusat pemberongan yang besar di Kelantan contohnya akan dipenuhi oleh seramai 3,000 usahawan untuk memastikan barang *microenterprise* tadi dibawa ke situ secara pukal secara borong dan kita edarkan dengan ada jaringan yang begitu besar jaringan koperasi di pusat-pusat peruncitan itu sendiri.

Juga kita akan menjenamakan mana-mana yang boleh diterima pakai untuk eksport oleh sebab kita telah banyak pun barang yang eksport *ready* daripada *microenterprise* itu sendiri dan kita akan bawa contohnya ke Jepun, ke Myanmar, ke India, ke Indonesia dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan ....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua nampaknya perlahan sedikit, saya hendak tanya macam Yang Berhormat Menteri *promote* macam *promote* kereta terbang itu kita hendak macam... *[Pembesar suara dimatikan]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, tunggu saya beri kebenaran dahulu tidak boleh terus menanyakan soalan seperti itu. Hormat pada Tuan Yang di-Pertua. Saya beri kebenaran baharu boleh Yang Berhormat Arau bercakap sekarang saya beri, *on kan balik sekarang saya beri [Dewan ketawa]*. Untuk soalan pertanyaan tambahan ketiga satu pertanyaan 30 saat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri *promote* satu kereta tebang itu cukup hebat, rakyat semua mengetahui. Saya tidak tahu apa jadi kepada kereta terbang Yang Berhormat Menteri tolong cerita sedikit, akan tetapi Satu Kampung Satu Produk ini hendaklah *dipromote* demikian rupa. Saya dengan Yang Amat Berhormat Langkawi selama dua hari satu malam.

Di antara benda yang dibincangkan ialah Satu Kampung Satu Produk. Kenapa negara jiran berjaya? Oleh kerana dengan hanya beg tangan berjaya mengubah ekonomi bukan sahaja kampung di negara. Negara itu negara Thailand, jadi Yang Berhormat Menteri apakah boleh Yang Berhormat Menteri *promote* Satu Kampung Satu Produk ini sama seperti kereta terbang dan apa jadi kepada kereta terbang sekarang Yang Berhormat?

*[Dewan ketawa]*

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, naratif yang dibawa adalah menjadi satu perbalahan. Kalau kita tengok dasar kita, pelaksanaan itu kalau disebutkan kereta terbang ataupun kita panggil sekarang *autonomous passenger drone* kalau saya sebutkan *drone* juga orang ketawakan *drone* itu 20 kilo sahaja kalau Yang Berhormat duduk atas 20 kilo *drone* itu tidak boleh, jadi naratif itu adalah semetik.

Apa sahaja untuk orang kata merangsang minat kepada penggunaan teknologi ya, kita kena lebih terbuka, *new idea ... about new leaders*. Kita hendak *leaders* dalam usahawan, jadi itu cuma melibatkan tidak sampai pun dua peratus *content* dalam inisiatif dalam Dasar Nasional yang kita ada sebanyak 62 inisiatif yang melibatkan pembangunan usahawan berbagai-bagai sektor dalam enam sektor contohnya ya.

Jadi tidak perlulah kita hendak menggunakan naratif itu untuk menidakkannya usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan dengan lebih berskala besar ya. Kita ada Program Satu Industri Satu Negeri, Satu Produk Satu Kampung dan saya bagi contoh saya melawat usahawan di negeri Johor. Hari ini mengeksport barang pertanian sebanyak 100 tan satu hari. Pendapatan yang begitu tinggi dan ini kita akan guna model itu untuk membangunkan usahawan di negeri-negeri lain contoh di Kelantan, di Melaka, Terengganu dan sebagainya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Memendekkan cerita Tuan Yang di-Pertua saya minta Yang Berhormat Menteri ..

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Itu sepatutnya ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh tidak saya minta Yang Berhormat Menteri bagi peruntukan tiap-tiap kampung satu kampung sebanyak RM100,000 senang sebagai contoh selesai masalah sebab...

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Insya-Allah. Sekarang ini kita sudah ada peruntukan - lebih daripada itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Satu kampung?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Satu negeri kita bermula satu negeri kita kumpulkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak saya hendak satu kampung kita bagi sebanyak RM100,000 seluruh kampung di negara kita.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kita akan kaji.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat akan berjaya dengan hebatnya tiada masalah.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kita akan kaji cadangan itu sekiranya membolehkan memberi pulangan yang tinggi kepada ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya tanya soalan saya, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran pelawat daripada DUN Aulong, Taiping. *[Tepuk]*. Soalan saya soalan nombor lima.

**5. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan beberapa pemaju, nama mereka dan projek perumahan serta rasional pemaju-pemaju ini diberikan pengecualian daripada bayaran cagaran 3% anggaran kos pembinaan di bawah seksyen 6(1)(a) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat.

Di bawah seksyen 6(1)(a) dan seksyen 6(1)(b) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Mana-mana pemaju perumahan yang memohon lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan penjualan adalah diwajibkan untuk mempunyai modal ‘tuntutan’ dan modal terkumpul secara tunai yang tidak kurang dari RM250,000 serta mendepositkan ke dalam akaun pemajuan perumahan atau mengemukakan jaminan bank kepada pegawai-pegawai perumahan iaitu satu jumlah bersamaan dengan tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan seperti yang diperakui oleh arkitek yang bertanggungjawab untuk pemajuan tersebut. Perkiraan kos pembinaan di dalam konteks pemajuan perumahan adalah satu perkadaruan yang bersamaan dengan Gross

Development Cost (GDC) dan kos dari konsultan yang dilantik oleh pemaju bagi pemajuan tersebut.

Subseksyen 6 iaitu Syarat/Sekatan Bagi Pemberian Lesen di bawah Akta 118 turut menggariskan bahawa syarat dan sekatan pemberian lesen tersebut adalah tertakluk kepada perjalanan kuasa ‘pengecualian’ oleh Yang Berhormat Menteri di bawah Subseksyen 2 yang menetapkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengecualikan mana-mana pemaju perumahan atau rumah tempat tinggal daripada mana-mana atau semua peruntukan akta bagi satu tempoh dan tertakluk kepada had-had sekatan-sekatan atau syarat-syarat tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dari Januari 2016 sehingga November 2019 sebanyak RM184 pengecualian melibatkan sebanyak 122 syarikat pemajuan telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri KPKT. Dari jumlah tersebut, sebanyak 21 kelulusan diberikan pada tahun 2016 manakala 72 kelulusan pada 2017 dan sebanyak 48 kelulusan pada tahun 2018. Manakala sebanyak 43 kelulusan dari Januari 2019 sehingga November 2019 ini juga.

Pengecualian deposit tiga peratus dan penetapan kepada deposit nominal RM200,000 adalah diberikan bagi pemajuan yang melibatkan pembinaan unit-unit bersubsidi atau di bawah Program Inisiatif Rumah Mampu Milik yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti PR1MA, PPAM, Rumahwip di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, Rumah Selangorku, RMMPerak, RMMMelaka, PR1MA Pahang dan RMMJohor.

Pengecualian deposit dan penetapan deposit nominal RM200,000 bagi Program Rumah Mampu Milik ini adalah sebagai insentif kepada pemaju untuk terlibat di dalam memajukan pemajuan rumah di bawah harga kawalan atau di bawah harga jualan RM350,000. Kerajaan faham bahawa pemajuan RMM tidak memberikan pulangan atau *profit margin* dengan izin yang tinggi kepada pemaju dan sesetengah daripada program ini adalah berdasarkan ketetapan dasar perumahan di peringkat Kerajaan Negeri yang diwajibkan untuk pemaju-pemaju yang menjalankan pemajuan berskala besar.

Kegagalan untuk membina unit-unit boleh mengakibatkan pemaju dikenakan penalti atau denda yang memberikan implikasi yang besar terhadap pemaju.

#### ■1100

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, di dalam menimbangkan sesuatu rayuan pengecualian daripada bayaran cagaran tiga peratus tadi, anggaran kos pembinaan, Menteri turut mengambil kira beberapa kriteria untuk memastikan kepentingan pembeli adalah dilindungi.

Perlu diambil kira bahawa bagi sesetengah pemaju berskala besar, dan mengandungi jumlah unit rumah yang banyak, jumlah deposit tiga peratus boleh mencecah sehingga banyak jutaan Ringgit dan membebankan syarikat pemaju yang perlu mencari sumber kewangan dan fasiliti perbankan dan sumber-sumber lain untuk menampung kos pembinaan serta memastikan cadangan pemajuan tidak tergendala.

Penetapan peruntukan mewajibkan satu perkadaran deposit tiga peratus di bawah Akta 118 ini adalah untuk memastikan bahawa hanya syarikat pemaju yang benar-benar berkemampuan, dan mempunyai sumber kewangan serta kepakaran di dalam sektor pemajuan perumahan sahaja, yang akan dipertimbangkan satu pemberian lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan.

Justeru itu, perlu ditekankan bahawa penetapan kriteria oleh Menteri bagi pertimbangan suatu permohonan pengecualian deposit ini adalah *on top of*, dengan izin, ataupun kriteria tambahan kepada syarat sekatan permohonan lesen yang ditentukan oleh pegawai perumahan. Dengan menetapkan satu jumlah deposit sebagai syarat bagi kelulusan pengecualian ini, Menteri turut mengambil kira bahawa pemaju masih dikenakan satu kolateral yang signifikan bagi memastikan pemaju tidak mengabaikan obligasinya sebagai pemaju yang dilesenkan di bawah Akta 118.

Akhirnya, pertimbangan pengecualian ini tidak dibuat secara sewenang-wenangnya tetapi setelah mengambil kira keperluan, kemampuan kewangan syarikat untuk menyiapkan projek tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih, maksud untuk mengadakan cagaran ialah untuk memastikan bahawa pemaju cukup dana untuk menyiapkan projek dan projek tidak terbengkalai. Walaupun projek itu ialah untuk kos sederhana atau mampu milik tetapi risikonya adalah sama, bahawa kita tidak mahu projek terbengkalai.

Bila Kerajaan- kementerian memberikan pengecualian dan tadi dikatakan kolateral, apa yang diambil supaya untuk memastikan bahawa pemaju itu ada cukup dana untuk menyiapkan projek kerana kalau tiga peratus kos pembinaan, pemaju juga tidak mampu untuk membayar, pada pandangan saya *they have got no business to be there in the business of property development*. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju atau tidak bahawa kalau mereka tidak mampu untuk memberikan gantian kolateral untuk kaji semula cadangan memberikan pengecualian kepada pemaju seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Salah satu sebab diberi pengecualian ini adalah kerana *profit margin* amatlah nipis untuk projek sedemikian rupa. Bagaimanapun, pemaju hanya dikecualikan daripada mengemukakan bayaran deposit tiga peratus berdasarkan kos pembinaan, tetapi pemaju masih diwajibkan untuk mengemukakan satu perkadaran yang ditetapkan oleh Menteri bagi menggantikan deposit tiga peratus tersebut.

Pertimbangan ini adalah bagi memastikan bahawa terdapat satu jumlah kolateral atas jaminan yang boleh digunakan untuk memulihkan atau menyelamatkan mana-mana pemajuan yang mungkin menghadapi masalah semasa pembinaan.

Di antara *safeguard measures*, dengan izin, yang diambil adalah pihak pemaju juga akan dicheck dalam senarai hitam atau rekod pemajuan perumahan yang pernah dijalankan oleh pemaju yang memohon.

Pemaju tidak disenaraikan hitam oleh pegawai perumahan atas kegagalan seperti lewat menyiapkan, pemajuan gagal membayar kompaun, gagal membayar award yang ditetapkan oleh pembayar, oleh tribunal, dan projek terbengkalai adalah di antara kriteria-kriteria yang kita mesti pastikan tidak terlibat dengan pemaju yang diberi kelonggaran tersebut.

Tanggungan liabiliti dan keuntungan juga selepas cukai, syarikat pemaju adalah menjadi satu perkiraan dan satu perkadaran pengurangan deposit yang akan ditetapkan bagi permohonan tersebut berdasarkan saiz dan jumlah unit yang dilesenkan dan sama juga Tuan Yang di-Pertua, rasional yang dikemukakan oleh pihak pemaju bagi pengecualian deposit tiga peratus daripada pemajuan ini di bawah Program Mampu Milik adalah sebagai komitmen kewangan syarikat bagi jumlah pemajuan sama perkiraan kos pembinaan atau kos pematuhan-*compliance cost* yang tinggi.

Anggaran penjualan unit pemajuan dalam tempoh pembinaan, keperluan kos pemajuan yang tinggi seperti bayaran premium tanah, kos kewangan, kos tetap termasuk bayaran gaji, sewaan dan sebagainya serta kos pemasaran. Jadi banyak kriteria-kriteria telah diambil kira sebelum satu kelonggaran diberi dan sudah cukup kita kira *safeguard* yang ditetapkan di dalam penilaian sebelum kelonggaran diberi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa pemaju masih mengekalkan pergantungan kepada buruh asing kerana ia lebih murah berbanding dengan teknologi pembinaan industri iaitu IBS. Sedangkan negara luar sekarang ini sudah pun semakin maju dengan menggunakan sistem cetakan tiga dimensi- 3D, ataupun robotik. Jadi sejauh mana *feasibility study* yang telah dilakukan untuk menjalankan projek pembinaan rumah menggunakan 3D dan robotik ini, dan adakah kerajaan menawarkan geran kepada mana-mana pihak untuk membuat *pilot project*.

Saya juga ingin tanya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengenakan cukai terhadap mana-mana harta tanah yang ditinggalkan, yang tidak dapat dijual iaitu *vacancy tax for unsold properties* bagi menghantar isyarat kepada pemaju perumahan untuk melaksanakan projek yang mampu milik, dan bukan sekadar projek yang berimpak tinggi yang menjana keuntungan tinggi semata-mata. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Apa-apa penilaian untuk membuat projek menggunakan sistem IBS, terpulanglah kepada skala atau *scale project*, dengan izin, di mana hanya projek-projek di atas bilangan unit tertentu sahaja membolehkan IBS *system* digunakan.

Bagaimanapun, memang menjadi satu tujuan ataupun polisi kita untuk menggalakkan projek-projek perumahan yang besar. Seperti yang kita tahu, rumah mampu milik *profit margin*nya, dengan izin, adalah tidak besar dan kita tidak boleh memaksa setiap Projek Rumah Mampu Milik digunakan sistem IBS tersebut. Terpulanglah di atas *feasibility* atau *viability* projek-projek tersebut.

Daripada segi cukai yang disebutkan tadi kita perlu juga meneliti akan situasi projek-projek Rumah Mampu Milik ini kerana sekarang ini Rumah Mampu Milik ini perlu penelitian atas *viability* mereka di atas pasaran atau tempat di mana projek tersebut didirikan. Ada kawasan yang tidak mempunyai banyak masalah tetapi ada juga kawasan-kawasan yang perlu diberi pertimbangan yang lebih teliti, sebelum dikenakan apa-apa cukai supaya projek-projek ini tidak mengalami masalah, dan juga untuk memastikan kawasan-kawasan luar bandar atau negeri-negeri yang lebih kecil tidak mengalami masalah untuk melaksanakan Rumah Mampu Milik sedemikian rupa. Sekian, terima kasih.

**6. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (a) statistik kes dan tindakan berkesan yang diambil bagi menangani penipuan oleh ejen pelancongan terutamanya yang melibatkan ibadah umrah; dan
- (b) bentuk galakan baharu yang disalurkan bagi memantapkan lagi promosi pelancongan negara kepada pelancong dalam dan luar negara.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Maran di atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2014 sehingga Oktober 2019, kementerian telah pun mengambil tindakan ke atas 2,035 aduan berkaitan industri pelancongan, dengan 391 aduan berkaitan perniagaan pengendalian Pakej Umrah atau ziarah. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 612 Kertas Siasatan telah pun dibuka di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

■1110

Sebanyak 91 kes daripada jumlah tersebut adalah melibatkan perniagaan berkaitan pengendalian umrah atau ziarah yang telah pun dikeluarkan tawaran kompaun di bawah Akta 482 yang berjumlah RM701,000. Bagi tahun 2019 iaitu sehingga Oktober, 350 aduan telah pun diterima oleh pihak kementerian dengan 48 aduan adalah berkaitan perniagaan pengendalian pakej umrah atau ziarah.

Pihak kementerian telah pun mengambil tindakan ke atas tujuh kes berkaitan umrah atau ziarah dengan mengeluarkan tawaran kompaun berjumlah RM129,500 di bawah Akta 482. Bagi tempoh tahun 2018 sehingga Oktober 2019, pihak kementerian juga telah membawa tiga kes ke mahkamah yang melibatkan kesalahan menjalankan perniagaan pengendalian pakej umrah atau ziarah tanpa lesen di bawah Akta 482.

Bagi tempoh tahun 2009 hingga tahun 2017, pihak kementerian juga telah pun membatalkan lesen perniagaan 12 buah syarikat pengendali umrah ataupun ziarah kerana didapati menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan awam, khususnya yang terlibat dengan kes-kes penipuan dan menyenaraihitamkan para pengarah serta

pemilik syarikat daripada mendapat lesen perniagaan berkaitan pelancongan dengan pihak kementerian di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain mengambil tindakan ke atas aduan dan penguatkuasaan selaras dengan Akta 482, langkah-langkah berterusan lain yang turut diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan kes-kes penipuan antaranya dengan mendidik orang awam. Bagi tujuan itu, kementerian bersama-sama Persatuan Industri Pelancongan giat bekerjasama memberi kesedaran kepada orang awam dalam mengelakkan diri daripada ditipu dalam pembelian pakej umrah atau ziarah.

Pihak kementerian juga mengadakan kempen kesedaran awam secara digital dengan mengeluarkan video khidmat nasihat dan tip percutian melalui media sosial dan media elektronik kepada orang awam dalam pembelian pakej percutian atau pakej umrah dan kepentingan membeli insurans perjalanan khususnya melibatkan percutian ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua soalan tersebut, soalan enam ialah berkenaan dengan promosi pelancongan negara juga pelancongan dalam negara. Dalam memantapkan lagi promosi pelancongan negara kepada pelancong dalam dan luar negara, kerajaan telah memperkenalkan satu bentuk galakan baru iaitu geran sepadan yang dikenali sebagai GAMELAN atau Galakan Melancong Malaysia yang bertujuan untuk mempergiatkan program promosi dan pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia di samping merancakkan pelancongan domestik.

Geran ini diselaraskan oleh Tourism Malaysia dan sebanyak 310 permohonan yang berjumlah RM1.5 juta telah pun diluluskan setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam konteks promosi pelancongan ini, satu dua hari ini kita digemparkan dengan Ekspo Tatu Malaysia 2019 yang diadakan di ibu negara dan ekspo ini menggambarkan suatu keadaan yang cukup memalukan negara kita.

Saya tahu, kita tahu bahawa sebahagian rakyat negara kita ataupun keturunan negara kita mengamalkan tatu tetapi pada kadar yang biasa, tradisi mereka bukan seperti ana yang dilakukan dalam ekspo.

Jadi, saya hendak bertanya, apakah ini salah satu promosi yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan sendiri ataupun kerajaan pada hari ini? Apakah ada garis panduan yang disediakan oleh kerajaan dalam perkara ini? Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap peristiwa yang berlaku pada dua tiga hari lepas. Ini satu suasana Tuan Yang di-Pertua yang memalukan bukan sahaja separuh bogel, yang bukan menjadi adat dan budaya di negara kita ini. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Menteri saya telah mengeluarkan kenyataan berkenaan dengan peristiwa tatu yang menjolok mata, yang diadakan di KLCC semalam, dua hari sudah. Sebenarnya ekspo ini bukanlah kali pertama ia diadakan di Malaysia tetapi ia telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu di

Kota Kinabalu dengan nama *Sabah International Tattoo and Culture Convention 2015* dan *second, Sabah International Tattoo Convention 2016* dan 2017.

Tiada kejadian seumpama itu berlaku dan dipamerkan di khalayak ramai. Jadi, sebenarnya Yang Berhormat Menteri juga mengatakan ia tidak mempamerkan wajah sebenar Malaysia yang penuh kesopanan dan kesusilaan. Jadi, sebarang bentuk kelulusan untuk peragaan separuh bogel tidak pernah dikeluarkan oleh pihak kementerian dan adalah satu yang mustahil bagi kementerian untuk meluluskan sebarang permohonan penganjuran yang ada elemen-elemen lucu seperti itu sebab ianya bukanlah budaya Malaysia.

Walau bagaimanapun, kita akan menanti laporan penuh siasatan dan pihak polis pun telah pun memanggil penganjur untuk siasatan lanjut. Kita akan laporkan jikalau ada apa-apa tindakan daripada pihak berkuasa. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 2020 yang menjelang tiba tidak lama lagi. Apakah laporan-laporan yang diterima oleh kementerian dan agensi-agensi yang menggalakkan pelancongan luar negeri tentang sambutan atau respons para pelancong asing ini. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Soalan berkenaan dengan Visit Malaysia 2020, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Visit Malaysia 2020 kita mensasarkan pelancong seramai 30 juta orang dan pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion dari segi jumlah pendapatan pelancongan.

Untuk tempoh daripada Januari hingga September, jumlah pelancong yang hadir ke Malaysia ialah sebanyak 20.1 juta orang dan ini meningkat kepada 3.7 peratus daripada jumlah tahun yang sama pada tahun 2018.

Kerajaan telah pun menyediakan banyak program dan kita telah pun mengeluarkan beberapa yang dipanggil *calendar of event* untuk 2020. Antara banyak *signature event* yang telah pun kita rancangkan. Untuk menggalakkan mereka, mana-mana syarikat atau mana-mana badan yang ingin membawa pelancong-pelancong ke negara kita, kita juga menyediakan sebanyak RM60 juta di bawah Program Geran Sepadan atau *Matching Grant* yang dibuka untuk permohonan sebarang program ataupun acara pelancongan, kesenian dan kebudayaan yang menarik kehadiran pelancong antarabangsa dan pemberian geran sepadan ini adalah berjumlah RM100,000 sehingga RM3 juta.

So, jadi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan penganjuran persidangan bertaraf antarabangsa dan sempena Tahun Melawat Malaysia juga, insentif cukai juga diumumkan dalam Belanjawan 2020 termasuklah kenaikan daripada RM700,000 kepada RM1 juta bagi insentif potongan cukai untuk syarikat yang menaja aktiviti seni, budaya dan warisan dalam negara. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status projek:

- (a) cadangan menaik taraf Jalan Ramayah Ke Jalan Putatan termasuk *flyover* di Putatan dan cadangan menaik taraf Jalan Kolam ke Sunny Garden ke Kampung Minintod termasuk pembinaan dua *flyovers*; dan
- (b) cadangan menaik taraf Jalan Ramayah menghubungkan Jalan Putatan dan Jalan Penampang *bypass*.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan semakan kementerian ini dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, jalan-jalan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Jalan Ramayah ke Putatan, Jalan Kolam ke Sunny Garden ke Kampung Minintod dan Jalan Penampang *bypass* adalah merupakan jalan negeri.

Sehubungan dengan itu, jalan-jalan ini tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan oleh JKR Negeri Sabah di dalam permohonan projek baru di bawah Rolling Plan 4, RMKe-11 kerana jalan ini merupakan jalan-jalan negeri di mana sebarang perancangan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, kementerian ini mengambil maklum berkenaan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada. Justeru itu mencadangkan kepada JKR Negeri Sabah untuk mengambil langkah segera dengan mengenal pasti dan melaksanakan tindakan rawatan setempat, *localize treatment measures*, dengan izin.

Manakala bagi tindakan jangka panjang, kerajaan negeri boleh mengambil tindakan untuk menaik taraf struktur jalan-jalan ini mengikut keperluan serta kemampuan kerajaan negeri memandangkan ia di bawah bidang kuasa pihaknya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi program *traffic mitigation* di jalan raya negeri, terutamanya pembinaan *flyover* di kawasan yang mendesak di bandar utama. Amalan sebelum tahun 2018, Kementerian Kerja Raya Malaysia akan membantu JKR negeri di dalam program *traffic mitigation* ini walaupun jalan-jalan ini di bawah bidang kuasa negeri.

## ■1120

Tidak perlu menyerahkan jalan-jalan ini kepada jalan raya persekutuan ataupun dengan lebih jelas lagi jalan raya negeri ini tidak perlu di-*convert* kepada jalan-jalan persekutuan untuk mendapat bantuan penaiktarafan. Setuju kah Yang Berhormat Menteri bahawa polisi ini akan membantutkan program *Traffic Mitigation* di jalan-jalan negeri ini dan apakah tindakan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan dengan soalan tambahan ya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum isu kesesakan jalan-jalan utama di Bandaraya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya. Sebahagian daripada jalan-jalan lingkaran luar Kota Kinabalu ataupun *KK altering route road* telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu sama ada menerusi peruntukan

konvensional di bawah KKR atau termasuk dalam sebahagian skop Lebuhraya Pan Borneo, Sabah.

Ini termasuklah naik taraf laluan dan beberapa persimpangan bertingkat melibatkan jajaran daripada Putatan ke Penampang dan Inanam. Seterusnya, ke Sepanggar hingga ke bulatan Berungis-Tuaran dengan jarak kira-kira 40 kilometer. Sebahagiannya sedang dalam peringkat pembinaan dan ada juga beberapa persimpangan bertingkat di sekitar Kota Kinabalu yang telah disiapkan.

Mengenai isu penangguhan beberapa projek di bandar Kota Kinabalu, saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menurut kepada dua cadangan projek berikut iaitu projek menaik taraf Jalan Tun Fuad Stephens dan juga projek menaik Jalan Tuaran ke Bulatan Berungis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran kedua-dua projek ini berstatus jalan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kerja Raya bersedia untuk melaksanakan projek-projek berkenaan jika kerajaan negeri bersetuju untuk mewartakan kedua-dua laluan tersebut sebagai jalan persekutuan. Ini bagi membolehkan pertukaran dari Kerajaan Pusat digunakan. Terima kasih.

[**Soalan No. 8 – Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)** tidak hadir]

**9. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah usaha untuk menambah bilangan lampu jalan kampung di setiap kampung dan desa.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Sungai Besar yang menanyakan adakah usaha tu menambah bilangan lampu jalan kampung di setiap kampung dan juga desa. Jawapannya ya, ada. Kita faham dan memahami betapa pentingnya sinaran lampu di jalan-jalan kampung untuk keperluan masyarakat khususnya masyarakat luar bandar.

Untuk Belanjawan 2019, sebanyak RM7 juta diperuntukkan untuk penyelenggaraan lampu jalan kampung. Sudah pasti ianya tidak mencukupi untuk menerangi harapan masyarakat luar bandar. Maka, sehubungan dengan itu usaha telah pun dijalankan dan *alhamdulillah* sebanyak –Untuk program pemasangan lampu jalan kampung ini, KPLB telah pun diberikan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk tahun 2019 hingga tahun 2020 untuk sasaran pemasangan baharu sebanyak 35,000 unit lampu jalan kampung lagi.

Di samping itu, usaha KPLB untuk menambah bilangan pemasangan lampu jalan kampung ini diteruskan lagi dengan tambahan sebanyak 25,000 unit lampu jalan kampung jenis LED dari dana *incentive-based regulation* (IBR), LJK tambahan ini merupakan inisiatif KPLB untuk menambah lampu jalan kampung di setiap kampung dan juga desa dengan kerjasama

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) akan dipasang bersekali dengan lampu jalan kampung daripada Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung untuk tahun 2019 dan tahun 2020. Ini menjadikan jumlah keseluruhan lampu jalan kampung yang akan dipasang bagi tempoh ini adalah sebanyak 60,000 dengan pecahan 26,000 dari jenis *high-pressure sodium vapor* (HPFV) dan 34,000 unit dan daripada LED. Sekian, terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri atas jawapan. Kita tahu dalam perjalanan kampung ini sesuatu yang sangat penting dari segi pencahayaan kepada kawasan-kawasan tertentu di kampung terutamanya simpang jalan dan premis-premis awam.

Soalan saya, berapa kuota yang sepatutnya diberikan kepada setiap kampung dan bolehkah kementerian membuat *list* lampu jalan kampung yang sedia ada untuk lengkap dengan nombor tiang dan kita berikan kepada setiap MPKK ataupun setiap Ahli Parlimen untuk kita sama-sama pantau fungsinya di setiap kampung. Adakah kementerian bersedia melantik setiap MPKK sebagai *Street Light Marshall* untuk lampu jalan kampung ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sungai Besar. Kita sehingga tahun 2018, sebenarnya telah pun dipasangkan lampu jalan kampung ini sebanyak –Daripada tahun 2002 sehingga tahun 2018, sebanyak 464,139 unit telah pun dipasangkan di seluruh Malaysia. Jadi, selain daripada itu kita juga mengharapkan kerjasama daripada semua pihak termasuk juga daripada MPKK untuk membantu agar pelaksanaan program ini berjalan dengan lancar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang, soalan tambahan nombor dua, ya.

**Tuan Shaharizukrnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Setiu.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Di, Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri saya ingin mengetahui perincian adakah projek lampu jalan kampung ini diagihkan kepada negeri Sarawak? Berapakah setiap Parlimen ataupun daerah mendapat peruntukan bagi lampu jalan kampung dalam bentuk HP, HD dan juga LED? Adakah perancangan pihak kementerian untuk memasang lampu jalan kampung bagi setiap rumah panjang di negeri Sarawak?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey Yang Berhormat. Bila kita maksudkan ini adalah untuk keseluruhan rakyat Malaysia ianya juga termasuk juga Sabah dan juga Sarawak. Nanti perincian kita akan berikan kepada setiap Parlimen untuk berapa jumlah peruntukan yang telah pun diaturkan. Terima kasih.

10. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan program-program baharu dan gantian yang diperkenalkan kepada rakyat sekiranya Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu dimansuhkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrain**

**Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini, pelaksanaan Program Perumahan Rakyat masih diteruskan yang mana sehingga tempoh 30 November 2019, terdapat sebanyak 38 projek PPR iaitu 15,087 unit yang masih dalam status pembinaan dan 18 projek PPR, 8,100 unit adalah di peringkat perancangan KPKT. Bagi meneruskan komitmen penyediaan rumah mampu milik ini di bawah PPR dan di bawah *Rolling Plan Keempat*, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM527.211 juta bagi tahun hadapan untuk meneruskan pelaksanaan projek PPR sambungan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat, dipanggil Rumah Malaysia sekarang ini adalah masih di peringkat cadangan yang mana ianya juga akan melibatkan cadangan mempertingkatkan keluasan lantai. Minima unit rumah daripada dahulunya 700 kaki persegi kepada 900 kaki persegi selaras dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara yang dilancarkan pada 11 Mei 2019. Ini adalah untuk memberi keselesaan yang lebih baik.

Selain itu, melalui cadangan penjenamaan semula ini, harga jualan rumah unit PPR atau Rumah Malaysia juga akan dinilai semula pada harga RM300,000 dan ke bawah. Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui program sedia ada, unit PPR yang telah siap akan dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 seunit di Sabah dan Sarawak. Di dalam hal ini, kerajaan terpaksa menanggung penyediaan subsidi yang hampir mencécah RM150,000 bagi setiap unit rumah.

Oleh yang demikian, KPKT berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang. Walaupun cadangan penerimaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah yang ketara, kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 ini untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *rent-to-own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KPKT dengan institusi kewangan.

**■1130**

Untuk makluman Yang Berhormat juga, cadangan KPKT untuk penjenamaan semula PPR ini telah dipanjangkan kepada semua kerajaan negeri melalui surat bertarikh 20 Ogos 2019. Oleh yang demikian, sebarang pandangan dan ulasan yang diterima daripada kerajaan negeri akan diteliti dan diberi perhatian di dalam cadangan penjenamaan semula PPR ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita telah menjenamakan semula dan menambah keluasan kaki persegi, daripada 600 ke 900 kaki persegi. Ia baik sebenarnya, ia sangat baik kerana dapat keluasan agak luas. Akan tetapi kesan daripada kelebaran dan keluasan itu akan menyebabkan harga yang mungkin naik lebih tinggi, kepada kesan harga tersebut. Inilah juga yang menjadi masalah kepada golongan anak muda yang dipanggil *gig economy* yang tidak memiliki slip gaji dan sebagainya untuk mendapatkan pinjaman bagi memiliki rumah PPR ini.

Bagaimanakah sebenarnya untuk kerajaan menyelesaikan masalah *gig economy* ini kepada anak muda yang sedangkan mereka ini rajin dan mempunyai pendapatan yang seperti membawa Grab dan sebagainya dan mungkin mereka tidak mempunyai masalah untuk membayar. Akan tetapi persoalannya mereka tidak ada slip gaji untuk diterjemahkan kepada kemudahan bank.

Satu lagi, apakah kesan daripada PPR ini, adakah akan membaiki lebih baik lif-lif di PPR ini memandangkan sering dibangkitkan dalam Parlimen ini soal membawa jenazah dan sebagainya, sukar untuk mereka yang tinggal di PPR ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi memastikan penyampaian rumah kepada rakyat diteruskan, kerajaan adalah mengadakan satu inisiatif perumahan sedia ada di mana kita akan membuat beberapa persiapan untuk memberi keselesaan. Dari segi *affordability* dengan izin, kita akan menggalakkan juga sistem *rent-to-own* untuk golongan muda supaya mereka tidak perlu mengadakan duit muka begitu awal dan setelah menyewa lebih kurang lima tahun, mereka ada opsyen untuk *convert* sebahagian daripada sewaan tersebut untuk menjadikan deposit untuk pembelian rumah tersebut, jika mereka berhasrat untuk membeli.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, memanglah apabila kita naikkan keluasan rumah tersebut mungkin akan ada implikasi kewangan atau kos yang sepatutnya dinaikkan. Kita mengharapkan semua pihak berkenaan termasuk kerajaan negeri menyediakan kemudahan yang lebih baik iaitu dengan mengenakan premium tanah yang lebih murah, lebih berpatutan dan juga pihak-pihak autoriti, pihak-pihak kerajaan tempatan dan juga pihak berkuasa seperti TNB dan sebagainya menurunkan cas-cas mereka yang telah menyebabkan kos perumahan ini naik begitu tinggi. Itu adalah satu *approach* supaya semua pihak menjadi *stakeholders* untuk membantu dalam mengawal kos pembinaan rumah-rumah ini dengan harga yang lebih berpatutan.

Untuk menjawab tentang kemudahan lif dan sebagainya, memanglah kita telah menyedari bahawa banyak situasi di mana reka bentuk yang lama tidak menepati keperluan menurunkan keranda jenazah dan sebagainya. Ini telah diambil kira dalam *design* yang baru. Akan tetapi dari segi penyelenggaraan sebenarnya kita harap pihak berkenaan yang telah menerima *flat-flat* ini mengambil tanggungjawab untuk menjaga kawasan-kawasan *common area* ini dengan baik. Ini kerana selalunya mereka akhirnya balik juga ke KPKT untuk membayar

segala kos untuk *maintenance* dan sebagainya, di mana kita dibebankan dengan terlalu banyak kos *maintenance* yang kita tidak mampu beri tumpuan dalam waktu yang terdekat. Ini adalah kita harap ada satu tanggungjawab bersama dan kita harap melalui polisi masyarakat yang lebih bertanggungjawab, *community service* kita akan dapat mengurangkan vandalisme juga penjagaan harta bersama dengan lebih baik, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu isu yang sering dibangkitkan oleh penghuni ataupun penghuni-penghuni PPR ialah masalah vandalisme. Persoalan saya apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah tersebut dan setakat ini ada tak kes-kes yang telah dibawa ke muka pengadilan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih sahabat saya daripada Hulu Terengganu. Memanglah situasi atau keadaan vandalisme ini salah satu daripada sebab banyak kos terpaksa ditanggung oleh semua pihak termasuk PBT dan juga akhirnya disampaikan juga kepada KPKT. Melalui Dasar Komuniti Negara di mana tanggungjawab kita pindahkan lebih kepada komuniti tempatan untuk memberi kesedaran dan kebertanggungjawaban bersama akan lebih berkesan untuk memantau dan memberi kesedaran bahawasanya semua pihak perlu mengambil bahagian dalam menjaga harta bersama atau *common property*. Ini adalah yang kita rasa *the way forward* atau jangka masa panjang kita perlulah memupuk lebih semangat bertanggungjawab, *sense of responsibility* dan *community spirit* yang perlu dipupuk dengan program-program komuniti yang sepatutnya diadakan secara berterusan. Ini kerana tidaklah *sustainable* dalam jangka masa panjang untuk tiap kali vandalisme berlaku, kita diminta untuk membaikinya kerana ada kalanya pihak-pihak yang merosakkan kawasan ini mengambil kontrak pula untuk membaiki benda-benda yang telah dirosakkan. Ini adalah satu budaya yang kita perlu perbetulkan untuk jangka masa panjang untuk mengurangkan kos supaya ia menjadi praktikal dan lebih *sustainable* dalam jangka masa panjang.

Jadi saya rasa dengan program Dasar Komuniti Negara yang baharu ini *insya-Allah*, kita akan dapat memperbaiki nilai-nilai yang lebih mulia diserapkan dalam kalangan komuniti-komuniti yang menduduki tempat-tempat tersebut *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia *point of order*?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 18(1). Saya telah menghantar beberapa – tapi ini salah satu daripada yang saya hantar yang Tuan Yang di-Pertua telah menjawab bahawa perkara ini masih dalam siasatan polis iaitu penjelasan berhubungan isu abu mayat Chin Peng yang dibawa pulang ke Malaysia menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat khususnya di kalangan yang menguriskan hati anggota-anggota keselamatan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan jawapannya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi jawapannya, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah memberikan jawapannya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan tunggu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri jawab, *netizen* telah beri jawapan.

Jadi rakyat sudah *confuse*. Itu sebab saya kata hendaklah dibincangkan di sini sekali untuk semuanya supaya rakyat mendapat penjelasan yang sewajarnya berhubung dengan isu abu mayat Chin Peng. Jadi sekarang ini oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata; “*Ya lah, abu sahaja balik bukan Chin Peng*”. Kemudian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata; “*Ini maruah negara, kita akan pertahankan*”. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kata; “*Saya tak tahu dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya*”. Yang Berhormat Menteri Pertahanan kata; “*Saya tunggu Menteri Dalam Negeri jawab dahulu*”. Kemudian *netizen* berbincang.

Jadi ini menimbulkan *confuse*, dengan izin di kalangan orang ramai yang saya rasa wajar di bincang di sini supaya pihak kerajaan menjawab. Kalau sekiranya kita kata mereka sedang ambil tindakan, jawapannya telah tahu bahawa beberapa individu telah membawa balik mayat tersebut dan jawapannya ini adalah salah sebab ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa dia bukan warganegara dan dia tidak boleh dibawa balik ke sini, yang mana peguam Tommy Thomas menjadi peguam pada masa itu, telah pun diberi keputusan tentang perkara ini. Akan tetapi dibawa balik dan diberi publisiti. Publisiti ini telah menguris angkatan tentera dan juga pihak awam.

Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa 20,000 orang awam dan juga pihak anggota keselamatan yang terbunuh oleh angkara komunis. Tiba-tiba kita kata benda ini sedang disiasat oleh polis. Benda ini benda penting, kalau hendak kira-kira hari ini Kertas Putih Pertahanan tak patut dibawa kerana Kertas Putih dijawab di Parlimen selalu. Bagi saya habis dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sebagai seorang yang senior pun tahu peraturan Mesyuarat 18 iaitu merupakan sesuatu yang perlu disegearkan. Oleh sebab perkara ini sedang disiasat, siasatan pun belum selesai. Tunggulah sehingga siasatan selesai. Itu aturan 18.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, polis sudah jawab kelmarin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila saya telah membuat keputusan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkara ini sudah pun diketahui siapa individunya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memanglah, kita kena siasat dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi Yang Berhormat jawab ini, sebelum polis keluar kenyataan.

■1140

Jadi saya rasa wajar ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh duduklah Yang Berhormat. Saya telah membuat keputusan dan keputusan adalah muktamad.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan pemerintahan diktator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Kita teruskan dengan urusan hari ini.  
[Dewan riuh]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan, sebelum polis buat kenyataan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat Arau. Sila duduk. Seterusnya usul.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, beritahu kepada saya...

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.40 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul Yang Berhormat Menteri Pertahanan di No.1 dan DR. 33/2019, Rang Undang-undang Kewangan 2019, DR. 40/2019, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019, DR. 41/2019, Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019 dan DR. 38/2019, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019 di No. 2, No. 3, No. 4, dan No. 5 seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 3 Disember 2019”.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:** Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

**USUL MENTERI PERTAHANAN DI BAWAH P.M. 27(3)****KERTAS PUTIH PERTAHANAN – MALAYSIA YANG SELAMAT,  
BERDAULAT DAN MAKMUR****11.41 pg.**

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* [Berucap dalam bahasa Arab]. Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul seperti berikut:-

**Bahawa** Dewan ini menyedari akan perlunya dasar pertahanan negara diperbaharui agar strategi dan keupayaan pertahanan negara adalah seiring serta relevan dengan perubahan persekitaran keselamatan global yang semakin mencabar dan tidak menentu.

**Bahawa** Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk menyemai tadbir urus yang baik melalui prinsip keterbukaan, ketelusan, inklusif dan progresif selain menonjolkan profesionalisme dan akauntabiliti Kerajaan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP).

**Bahawa** Dewan ini menyokong Kerajaan bagi menetapkan bahawa KPP akan menjadi hala tuju strategik pertahanan negara untuk tempoh tahun 2020 hingga 2030 bagi melindungi kepentingan negara dan mempertahan kedaulatan serta keutuhan wilayah.

**Bahawa** Dewan meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang diperkenalkan dalam KPP yang meliputi Kerangka Pertahanan Nasional sejarah dengan kedudukan negara sebagai sebuah negara maritim yang bersusur galur kebenuaan dan sebagai gerbang penjalin antara kedua-dua rantau Asia Pasifik dengan Lautan Hindi seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah 43 Tahun 2019.

**Bahawa** Dewan ini dalam meluluskan Kertas Putih Pertahanan – Malaysia Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur, menyeru agar semua lapisan masyarakat untuk turut bersama-sama memikul tanggungjawab pertahanan sebagai satu usaha sama Nasional”.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Kertas Putih Pertahanan Malaysia yang Selamat, Berdaulat dan Makmur untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar berkaitan pertahanan yang telah dibangunkan pada tahun 1971, 1979 dan 1981. Pada tahun 1986, Dasar Pertahanan Negara yang komprehensif telah disediakan dan melalui proses kajian semula pada tahun 1993 dan 2006. Dalam mendukung hasrat kerajaan untuk menyemai tadbir urus yang baik melalui prinsip keterbukaan, ketelusan, inklusif dan progresif, Kertas Putih Pertahanan (KPP) diterbitkan sebagai wadah baru Dasar Pertahanan Negara bagi tempoh 2020 hingga 2030. KPP digubal berdasarkan proses libat urus dengan pihak berkepentingan. Dokumen utama yang menjadi rujukan KPP ialah Dasar Keselamatan Negara yang merupakan dasar payung bagi keselamatan.

Proses libat urus KPP berdasarkan prinsip inklusif dan pertahanan adalah tanggungjawab bersama, KPP telah dibangunkan melalui hasil kerjasama ahli akademik dan pemikir daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Institut Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS). Proses libat urus yang holistik juga telah dilaksanakan melibatkan semua kementerian, ahli akademik dan universiti awam dan swasta, ahli badan pemikir, pemain industri pertahanan, para veteran dan organisasi masyarakat sivil serta mantan-mantan Ketua-ketua Setiausaha dan mantan Panglima -panglima Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Sesi komentari dan soalan kaji selidik atas talian juga dilaksanakan dalam mendapatkan pandangan rakan strategik antarabangsa. Kementerian juga telah bertukar-tukar pandangan dengan negara yang telah melaksanakan Kertas Putih Pertahanan secara berkala iaitu Australia, Kanada, New Zealand, Jerman, United Kingdom dan Perancis. Tiga sesi taklimat kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri Juga telah diadakan melalui penglibatan cabang Eksekutif dan Legislatif ATM, rakyat dan pihak berkepentingan lain.

KPP telah memenuhi obligasi moral dalam membangunkan dan menyemai budaya strategi Malaysia baharu serta mempamerkan anjakan paradigma ke arah reformasi pertahanan. KPP merupakan satu dokumen mengenai hala tuju strategik dan perancangan pertahanan negara, berbeza daripada dokumen Dasar Pertahanan Negara yang terperingkat, KPP ialah dokumen terbuka yang boleh diakses oleh rakyat. KPP sebuah negara yang Selamat, Berdaulat dan Makmur. Visi ini dicapai dengan memposisikan negara sebagai sebuah negara maritim dengan unsur galur kebenuaan dan memaksimumkan potensi negara sebagai gerbang penjalin (*bridging linchpin*) yang menghubungkan kedua-dua rantau Asia Pasifik dan Lautan Hindi.

Tujuan Kertas Putih Pertahanan dibangunkan adalah bagi melibatkan rakyat dan pihak berkepentingan di dalam isu pertahanan negara. KPP juga menjelaskan persekitaran strategik keselamatan yang sentiasa berubah dan bagaimana keadaan itu mempengaruhi keselamatan Malaysia. Seterusnya, kaedah dan pendekatan untuk mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan dikenal pasti bagi tujuan pelaksanaan.

Bagaimana KPP memenuhi visi negara? Kertas Putih Pertahanan memenuhi visi negara melalui tiga keberhasilan iaitu kesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan. Kesahan merujuk kepada kuasa kerajaan sebagai elemen utama dalam membina ketahanan dalaman yang membolehkan KPP diformulasi berdasarkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan sebagaimana amalan demokrasi. Penerimaan adalah berkait dengan KPP sebagai satu dokumen kerajaan dan dasar yang telah dipersetujui dalam kalangan agensi kerajaan bersesuaian dengan kaedah *whole of government*. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada perakuan dan keyakinan bahawa ATM berupaya dan sentiasa siapsiaga untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, perspektif strategik. Berdasarkan luaran yang tidak stabil, mewujudkan pelbagai ketidaktentuan yang mampu menggugat kepentingan negara.

## ■ 1150

Ketidaktentuan hubungan kuasa besar merujuk kepada interaksi antara Amerika Syarikat dan China serta hubungan mereka dengan kuasa-kuasa lain. Hubungan dua hala ini yang diselangi dengan kerjasama dan persaingan memberi implikasi terhadap kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau yang seterusnya mempengaruhi dasar dan tindakan negara-negara lain.

Di sebalik rundingan dan kerjasama antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan. Hubungan kedua-dua negara telah memasuki fasa baru yang lebih cenderung kepada saing-menyiaing berbanding dengan saling toleransi. Kedua-dua negara terbabit di dalam perang perdagangan yang semakin sengit diikuti oleh penyahgandingan teknologi, ketegangan maritim dan pergeseran lain.

Pendudukan dan ketenteraan atau *militarism* serta aktiviti lain oleh China di Laut China Selatan dan Freedom of Navigation Operations (FONOPs) yang dijalankan oleh Amerika Syarikat serta kuasa-kuasa lain dalam mengubah isu perebutan wilayah kepada persaingan kuasa-kuasa besar dunia. Pencerobohan kapal kerajaan kuasa besar di luar pesisir Sabah dan Sarawak jelas bertentangan dengan hak kedaulatan negara di *exclusive economic zone* di Laut China Selatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang antarabangsa.

Sementara itu, perselisihan Rusia Barat dan konflik Afghanistan, Syria, Yaman dan beberapa buah negara lain di rantau Asia Barat dan Afrika menjadi bertambah tegang. Ketegangan hubungan Amerika Syarikat dengan Iran juga semakin memuncak. Peningkatan penjajaran kepentingan-kepentingan Rusia, Iran dan Turki telah mengubah landskap geopolitik Eurasia. Peristiwa-peristiwa geopolitik lain telah membentuk semula jalinan keselamatan dan kesalinghubungan ekonomi yang merentasi rantau Asia Tenggara dan Asia Selatan. Asia Selatan juga masih terus dibelenggu konflik.

Selari dengan perkembangan *Belt and Road Initiative* (BRI), Dialog Keselamatan Quadrilateral telah diaktifkan melibatkan Australia, India, Jepun dan Amerika Syarikat pada tahun 2017. Pada tahun 2018, negara-negara *the Quad* telah mengumumkan strategi Indo-Pacific yang versi masing-masing yang menerangkan peranan keselamatan negara dan rangka kerjasama perhubungan. Pada Jun 2019, ASEAN telah menerbitkan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific.

Semua perkembangan ini mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada Asia Timur termasuk Asia Tenggara. Sekali gus mewujudkan peluang dan cabaran. Dari sudut ekonomi, Asia Timur kekal sebagai rantau yang paling rancak dan terintegrasi. Namun demikian, dari sudut keselamatan rantau ini mempunyai pelbagai titik nyala, *flashpoint*. Walaupun terdapat usaha-usaha pemulihhan hubungan diplomasi di Asia Timur terutama di Semenanjung Korea, keselamatan di rantau ini masih tidak menentu.

Kejiraninan Asia Tenggara yang kompleks. Sementara kuasa besar mempengaruhi Malaysia dengan kuasanya, kejiraninan Asia Tenggara pula mempengaruhi Malaysia dengan jaraknya. Disebabkan geografi, keselamatan dan kepentingan negara terkesan dengan tindakan

dasar dan limpahan pembangunan negara jiran. Selain daripada pertikaian wilayah, kepentingan Malaysia di rantau ini turut dipengaruhi oleh beberapa isu dua hala yang lain seperti tuntutan bertindih, kesan limpahan konflik dalaman negara jiran dan krisis pelarian yang tercetus akibat isu domestik negara serantau.

Ancaman keselamatan bukan tradisional. Malaysia juga menghadapi ancaman bukan tradisional merentasi sempadan yang melibatkan pelaku negara dan bukan negara. Ancaman keganasan dan ekstremisme terhadap keselamatan negara semakin meningkat. Magnitud dan bentuk ancaman adalah selari dengan perkembangan semasa di negara jiran dan Asia Barat. *Returning fighters* telah datang ke Asia Tenggara dan mengambil peluang menjalin hubungan dengan pengganas tempatan dan manipulasikan media sosial untuk menyebarkan naratif Daesh yang telah turut mempengaruhi *lone wolf*.

Ruang siber adalah domain baru keselamatan dan geopolitik negara yang berpotensi untuk mengganggu keselamatan negara tanpa perlu menggunakan tindakan kinetik atau fizikal. Kemajuan teknologi seperti *Internet of things*, pengkomputeran awam, data raya, *deep learning*, teknologi 5G dan kecerdasan buatan telah mendedahkan operasi ketenteraan kepada ancaman siber.

Pelanunan dan rompakan laut di zon maritim Malaysia merupakan satu ancaman keselamatan kepada pengguna laluan perairan. Walaupun telah berkurangan ancaman-ancaman bukan tradisi lain yang saling berkait seperti penculikan, kegiatan perikanan haram, penyeludupan dadah, perdagangan manusia, penyeludupan pendatang dan pelbagai aktiviti haram lain telah mendatangkan cabaran kepada Malaysia.

Disebabkan halangan teknologi dan kos yang lebih rendah, kumpulan pengganas mungkin menggunakan makmal bagi menghasilkan senjata pemusnahan besar-besaran bagi menyerang kepentingan-kepentingan Malaysia. Negara turut terdedah kepada bahaya alam semula jadi dan alam sekitar. Bencana alam berkaitan dengan iklim dan kejadian cuaca yang melampau semakin meningkat mengancam keselamatan, kesihatan dan pembangunan Malaysia.

Strategi jangka panjang nasional. Berdasarkan penilaian ke atas landskap keselamatan serantau dan global, Malaysia perlu mempertahankan kepentingannya menerusi penerokaan strategi jangka panjang yang proaktif. Strategi ini melibatkan elemen pertahanan sebagai komponen utama dan menyokong perkongsian kemakmuran, perkongsian keselamatan dan perkongsian identiti di peringkat kebangsaan dan serantau. Malaysia akan mewujudkan ekosistem strategik yang seimbang dengan kerjasama lebih luas dan mencipta opsyen dasar yang lebih banyak dengan memainkan peranan sebagai gerbang menjalin antara rantau Asia Pasifik dan Lautan Hindi. Malaysia akan memaksimumkan kelebihan yang dimiliki sebagai sebuah negara maritim di susur galur kebenuaan yang berada di antara Laut China Selatan dan Lautan Pasifik dengan Selat Melaka dan Lautan Hindi.

Strategi pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyelaraskan poster pertahanan negara sejajar dengan keselamatan negara dan dasar luar negeri, kerangka pertahanan negara telah dibangunkan. Kerangka ini menerangkan visi kepentingan dan objektif pertahanan negara. Visi pertahanan negara adalah mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Kepentingan pertahanan negara yang pertama meliputi keselamatan iaitu mempertahankan kawasan daratan, zon maritim Malaysia, laluan strategik laut dan udara serta laluan komunikasi kritikal.

Kepentingan pertahanan negara kedua adalah kedaulatan melalui pengekalan kemerdekaan negara dan menyekat campur tangan pihak asing. Manakala kepentingan pertahanan ketiga merujuk kepada kemakmuran iaitu melindungi kepentingan ekonomi negara, kesejahteraan rakyat, peluang pembangunan dan kemajuan termasuk kepentingan di luar negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama. Strategi pertahanan negara adalah disandarkan kepada kedudukan geografi Malaysia mengambil kira kedudukan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Objektif pertahanan negara. Bagi menggapai visi dan melindungi kepentingan negara yang telah diterangkan, lima objektif pertahanan negara telah dikenal pasti. Objektif ini adalah terangkum dan meliputi kesemua aspek pertahanan dan pengurusan sumber iaitu pembangunan pelbagai domain bagi mengesan, mencegah dan manafikan sebarang bentuk ancaman. Peningkatan daya ketahanan dalaman dengan melaksanakan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan rakyat. Mengukuhkan kapasiti pertahanan melalui perkongsian wibawa dan rakan antarabangsa. Pemajuan industri Pertahanan sebagai pemangkin ekonomi dan penginstitusian tadbir urus terbaik dan menjayakan reformasi organisasi.

#### ■1200

Bagi menjamin keselamatan Malaysia, terdapat tiga kawasan lapisan bersepada yang perlu dipertahankan pada setiap masa iaitu, kawasan teras iaitu Kawasan Daratan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak, persisiran perairan serta ruang udara atasnya. Kawasan Lanjutan iaitu kawasan hak berdaulat yang merangkumi zon maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara di atasnya dan laluan hubungan komunikasi kritikal. Dan, Kawasan Hadapan iaitu lokasi melangkaui kawasan lanjutan di mana kepentingan negara boleh digugat.

Tonggak Strategi Pertahanan. Tiga tonggak strategi bagi mempertahankan kawasan berkepentingan berpadu telah dikenal pasti iaitu cegah rentang berpadu. Pertahanan komprehensif dan perkongsian berwibawa. Tiga tonggak ini saling berkaitan dan menyokong antara satu sama lain.

Cegah rentang berpadu melibatkan peranan ATM melindungi kepentingan negara daripada ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional.

Pertahanan komprehensif pula menekankan kepentingan seluruh kerajaan dan masyarakat dilibatkan dalam usaha mempertahankan negara selaras dengan konsep

Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) menerusi perkongsian berwibawa. Malaysia akan meningkatkan kerjasama pertahanan secara dua hala atau pelbagai hala dengan negara-negara lain.

Angkatan Masa Hadapan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai perisai negara iaitu *nation's shield*, KPP menggariskan dua peranan ATM iaitu peranan utama dalam melindungi kepentingan negara. Mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah daripada semua ancaman menerusi pelaksanaan operasi maritim, udara, darat dan siber elektro magnetik dan peranan sekunder iaitu melaksanakan operasi-operasi ketenteraan, selain peperangan atau *military operations other than war* (MOOTW). Membantu pihak berkuasa awam dalam penguatkuasaan serta sokongan usaha keamanan sejagat melalui panji PBB.

Struktur dan penampilan angkatan perlu dibentuk semula untuk menangani persekitaran keselamatan yang sentiasa berubah. Walaupun kekuatan ATM dikekalkan pada saiz semasa untuk tempoh KPP ini, namun penjurusan semula dan pengutamaan akan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan masa hadapan. Penekanan yang khusus akan diberikan untuk meningkatkan keupayaan bersama serta merealisasikan keperluan pelaksanaan operasi dua wilayah merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Bahagian penting dalam pembangunan Angkatan Masa Hadapan ialah pelaburan jangka panjang kerajaan dalam meningkatkan kesiapsiagaan ATM dengan penyediaan aset dan kelengkapan yang diperlukan. Keupayaan tenaga kerja yang berdasarkan pengetahuan, dan kemahiran ke arah askar pintar.

Kerajaan beriltizam untuk membangunkan ATM agar menjadi angkatan yang bersepudu, tangkas dan berfokus, yang mempunyai lima ciri utama iaitu kebersamaan, kebolehoperasian, berdasarkan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan... *[Masalah pembesar suara]* Misi. Ciri-ciri ini akan membentuk angkatan yang berupaya diatur gerak dengan pantas, melaksanakan pelbagai peranan dan mampu beroperasi di empat domain utama iaitu maritim, udara, darat dan siber elektro magnetik.

Keperluan keupayaan. KPP juga telah mengenal pasti sepuluh keperluan keupayaan iaitu memperkuatkhan perisikan pertahanan ATM, membangunkan keupayaan aktiviti elektro magnetik siber, meningkatkan keupayaan perisikan, Pengawasan, dan Perolehan Sasaran dan Peninjauan (ISTAR), membangunkan *network centric operation* komunikasi atau meningkatkan kemampuan perintah dan kawalan bersama, mengekal dan meningkatkan kemampuan dan tempoh operasi pasukan khas ATM.

Domain Maritim- meningkatkan keupayaan tempur maritim dan keupayaan daya tahan operasi maritim. Domain Udara- keupayaan mempertahankan udara dan serangan udara. Domain Darat- meningkatkan kuasa tembakan, mobiliti komunikasi, keupayaan logistik dan membangunkan kemampuan MPB.

Sejajar dengan panduan daripada kerangka Dasar Luar Malaysia yang baru, KPP menzahirkan penekanan untuk menolak penggunaan tindakan kekerasan dalam menyelesaikan

sebarang pertikaian atau konflik. Sebaliknya, Malaysia mengambil pendekatan penyelesaian secara aman dalam menangani semua bentuk pertikaian. Kerajaan menzahirkan iltizam ini dengan mengguna pakai postur defensif iaitu Cegah, Rentang, Bersepada.

Warga Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara adalah demi rakyat. Untuk itu ia memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat. Selaras dengan penekanan terhadap perkongsian tanggungjawab pertahanan, peranan rakyat dan warga kerja Pertahanan dalam mempertahankan negara seterusnya diilustrasi melalui pertahanan komprehensif iaitu tonggak kedua dalam Strategi Pertahanan Negara.

Bagi memenuhi tuntutan masa hadapan, pemerkasaan pengurusan sumber manusia adalah penting untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan keberkesanan ATM secara berterusan. Kesiagaan operasi dan pencapaian misi hanya boleh dicapai sekiranya anggota ATM direkrut, dibentuk dan dibekalkan kemahiran bagi meningkatkan kemampuan keseluruhan negara, dalam mendepani segala cabaran mendatang. Dalam menghargai profesionalisme, pengalaman dan usaha pengekalan anggota ATM, kerajaan juga akan memastikan elaun, insentif dan kemudahan lain seperti kesihatan dan perumahan sentiasa dikaji semula.

Angkatan Sukarela dan Simpanan Angkatan Tetap. Melalui angkatan sukarela dan simpanan angkatan tetap, KPP turut menzahirkan aspirasi untuk membentuk angkatan yang anjal sebagai penguat dan penambah besar angkatan tetap. Peranan kedua-dua simpanan angkatan tetap dan angkatan sukarela, wajar untuk diperluas agar dapat diatur gerak bersama Angkatan Tetap semasa konflik serta membantu pihak berkuasa awam semasa kecemasan dan bencana.

Seiring dengan dinamik cabaran keselamatan, bidang kepakaran baru bagi angkatan sukarela turut diperluas meliputi antaranya kejuruteraan satelit, keselamatan siber dan pengkomputeran awam.

Selain menjadi platform bagi memupuk semangat patriotisme, angkatan sukarela juga merupakan penghubung penting antara rakyat dengan tentera dalam merapatkan jurang nilai antara kedua-duanya. Kehadiran angkatan sukarela dalam masyarakat dapat menyemaikan nilai murni ATM dalam jiwa rakyat sekali gus menggalakkan hubungan awam-tentera yang lebih erat.

Kerajaan mengiktiraf khidmat bakti veteran ATM dalam mempertaruhkan nyawa untuk menjaga keselamatan negara. Sehubungan dengan itu kerajaan akan terus menjaga kebajikan veteran sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka. Fokus utama kerajaan adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi veteran melalui peningkatan kebolehpasaran sebagai peluang kerjaya kedua, dan keperluan sosial lain seperti penjagaan kesihatan, bantuan berkaitan seperti sara hidup, persekolahan dan lain-lain.

Mempertahankan komprehensif bertujuan untuk menyokong pelaksanaan konsep HANRUH yang meliputi kesiagaan keselamatan. Perpaduan dan penyatuan sosial, kesiapsiagaan awam, keutuhan ekonomi dan keutuhan psikologi, konsep ini menekankan

bahawa tanggungjawab mempertahankan negara bukan hanya digalas oleh ATM dan pasukan keselamatan, bahkan juga seluruh lapisan masyarakat dari peringkat organisasi hingga individu.

■1210

Kesiagaan keselamatan merujuk kepada tindakan dan persediaan untuk melindungi negara, rakyat dan sumber nasional daripada ancaman luar. Sehubungan itu, ATM juga turut menyumbang kepada pembangunan negara bangsa. Menggembung sumber dan usaha antara pihak berkuasa awam, sektor swasta dan pertubuhan sukarela adalah penting dalam memastikan keperluan infrastruktur yang mencukupi, efektif, meliputi pengangkutan logistik, komunikasi dan bekalan kecemasan, sokongan perkhidmatan dan kepakaran, sokongan aktif kepada angkatan sukarela serta penganjuran kempen kesedaran.

Kerajaan bertekad untuk menyemai budaya keselamatan dalam kalangan rakyat kerana jatuh bangun sesebuah negara, bergantung penuh kepada kesatuan, ketahanan dan keampuhan rakyat dalam mendepani segala ancaman masa kini dan mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, Hubungan Pertahanan Antarabangsa. Kerajaan memacu perkongsian berwibawa menerusi kerjasama pertahanan dua hala atau pelbagai hala dengan negara-negara lain melalui mesyuarat berkala, wacana strategik, pelaksanaan latihan, *exercise*, operasi ketenteraan dan pertukaran pegawai. Matlamat hubungan pertahanan antarabangsa antara lainnya adalah untuk memperkuuh kestabilan serantau selari dengan undang-undang antarabangsa. Konvensi peraturan dan norma meningkatkan keupayaan ATM dan kesiapsiagaan pertahanan serta mengetengahkan pendirian dan kepentingan Malaysia di negara antarabangsa.

Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada ASEAN dalam mekanisme yang diterajui oleh ASEAN sebagai satu platform penting untuk bersama-sama mementingkan pencapaian keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau. Malaysia mengesahkan komitmen untuk meningkatkan penglibatan di peringkat global dalam menyumbang terhadap keamanan sejagat serta terus memainkan peranan penting dalam menerajui kerjasama pertahanan serantau dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam isu keselamatan dan pertahanan serantau, selari dengan konsep *rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah*.

Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih Pertahanan memperkenalkan satu pendekatan baru terhadap Dasar Sains, Teknologi dan Industri Pertahanan Negara dengan menjadikan pemangkinan ekosistem pertahanan dan pertumbuhan ekonomi negara. Dasar Industri Pertahanan Negara yang akan digubal susulan penerbitan Kertas Putih Pertahanan bakal menjadi garis panduan untuk membangunkan sektor ini. Dasar Industri Pertahanan Negara akan mengandungi lima teras utama iaitu pembangunan modal insan, pembangunan teknologi, pembangunan industri ke arah keupayaan berdikari dan tembusi pasaran global.

Seterusnya, lima inisiatif telah direncana dalam merealisasikan teras berkenaan meliputi pemantapan kerangka strategik ekonomi untuk sains, teknologi dan industri pertahanan memfokuskan kepada bidang khusus. Penstrukturkan semula organisasi berkaitan industri

pertahanan, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan, perangsangan R&D dan inovasi melalui pembiayaan mampan dan pengukuhan program pembangunan. Kerajaan sentiasa menyokong dan memberi komitmen yang tinggi kepada pembangunan sains, teknologi dan industri pertahanan tempatan dalam usaha mencapai tahap keupayaan berdikari yang lebih tinggi dan menjadi pemangkin kepada ekonomi negara.

Reformasi Tadbir Urus dan Pembiayaan. Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Kertas Putih Pertahanan, tiga blok binaan telah dikenal pasti.

- (i) Mencapai reformasi pertahanan, bertujuan untuk menstrukturkan dan mengukuhkan institusi hubungan kerja yang proaktif antara sektor awam dan ATM.
- (ii) Menginstitusikan tadbir urus terbaik untuk memastikan reformasi pertahanan dilaksanakan secara berperingkat dengan telus dan bertanggung jawaban.
- (iii) Ketetapan peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan bagi memastikan ATM dilengkapi aset dan kelengkapan yang berupaya menangani cabaran masa kini dan akan datang.

Reformasi Pertahanan akan dilaksanakan menerusi satu pelan induk iaitu Pelan Pelaburan Pertahanan Negara yang mengandungi hala tuju dan perancangan perkara berkaitan Pelan Pembangunan Keupayaan Bersama ATM, Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan dan penggubalan Dasar Industri Pertahanan Negara.

Mekanisme pemantauan yang dianggotai oleh pelbagai agensi akan mewujudkan bagi melihat pelaksanaan KPP meliputi Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan di peringkat kebangsaan. Jawatankuasa Dasar dan Jawatankuasa Reformasi Pertahanan di peringkat kementerian. Kerajaan turut mengiktiraf peranan aktif oleh Jawatankuasa Pemilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri yang dibentuk oleh Dewan Rakyat sebagai langkah proaktif ke arah mencapai tahap tadbir urus terbaik dalam perbelanjaan dan perolehan negara.

Untuk memaksimumkan keesaan, penerimaan dan kebolehpercayaan KPP, kesemua perancangan akan didokumenkan untuk pelaksanaan dan pemantauan. Kertas Putih Pertahanan membuktikan peri pentingnya komitmen Kerajaan Malaysia demi mengekalkan Malaysia sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur (*secure, sovereign and prosperous nation*).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Menteri Pertahanan terbuka untuk dibahas. Seperti biasa saya ingin mencadangkan tempoh masa Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat sekalian untuk memulakan perbahasan.

Saya ingin memaklumkan perbahasan Usul Kertas Putih Pertahanan, saya akan hadkan masa selama 15 minit untuk pembahasan pertama, kedua, ketiga dan keempat. Selainnya 10 minit dan dijangkakan oleh kerana senarai agak sederhana panjangnya, dijangkakan Yang Berhormat Menteri akan menjawab selama 60 minit mulai jam empat petang. Yang Berhormat, dalam lingkungan itulah ya.

Jadi, saya menjemput untuk memulakan perbahasan Yang Berhormat Bukit Bendera. Selepas itu Yang Berhormat Sembrong ya. Silakan.

### 12.18 tgh.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali, saya ingin mengalu-alukan usaha kerajaan dan juga Kementerian Pertahanan untuk mengusahakan satu Kertas Putih Pertahanan yang julung-julung kali dibentangkan di Parlimen. Tahniah saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*

Sebagai Ahli Parlimen, saya berpeluang menggunakan platform ini untuk membahaskan Dasar Pertahanan Negara. Sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kertas Putih yang mempunyai tema makmur juga, Malaysia yang Selamat, Berdaulat dan Makmur. Malaysia yang selamat, berdaulat dan baru ada kemakmuran. Malaysia yang selamat baru boleh menjana peluang ekonomi dan rakyat baru boleh menikmati hasil daripada peluang ekonomi dan juga kemodenan.

Oleh itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan, memberikan penghormatan saya kepada Angkatan Tentera Malaysia dan keluarga mereka. Mereka yang sedang berkhidmat, veteran-veteran ATM dan juga wira-wira kita yang memperjuangkan keselamatan dan kedaulatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya ada beberapa *facility* ATM seperti di kawasan saya ada *staff station* Tentera Darat di Batu Ferringhi, yang merupakan tapak latihan. Terdapat Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP TUDM) serta Markas Askar Wataniah 509 di kawasan Parlimen Bukit Bendera. Sukacita saya laporkan kepada Dewan ini, saya selalu ada peluang melawat ketiga-tiga *facility* ini dan telah mengadakan program bersama. Saya juga meluluskan peruntukan untuk naik taraf infrastruktur kepada ketiga-tiga *facility* ketenteraan ini di bawah peruntukan Parlimen.

### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih Pertahanan ini telah dibentangkan atas meja Ahli Parlimen pada hari Khamis. Saya berkesempatan untuk membaca keseluruhan dokumen ini sebanyak 90 muka surat dan saya ambil maklum bahawa usaha untuk menghasilkan dasar Kertas Putih Pertahanan ini telah berpanjangan satu tahun dan juga saya telah hadiri *Perwira Consultation Forum* sebelum ini. Saya juga telah hadiri *conference* oleh MIDAS yang sebelum ini yang membicarakan Kertas Putih Pertahanan ini. Oleh itu saya amat menyanjung dengan usaha-usaha Kementerian Pertahanan dan juga Angkatan Tentera Malaysia untuk menyediakan

Kertas Putih Pertahanan ini, satu dokumen yang penting, yang memberikan hala tuju kepada Dasar Pertahanan Negara untuk tempoh tahun 2020 sampai tahun 2030.

Saya juga berkesempatan untuk membaca *Defense White Paper* dari negara Australia dan juga negara China dan saya dapat bahawa Kertas Putih Pertahanan kita sebenarnya di drafkan dengan asas yang baik, dengan penghuraian, cabaran geopolitik kita. Seperti dalam Kertas Putih Pertahanan ini, geografilah menentukan karakter, nasib dan juga hala tuju negara kita. Istilah seperti galur kebenuaan, gerbang penjalin muncul puluhan kali dalam dokumen Kertas Putih Pertahanan. Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan Laut China Selatan, Lautan Pasifik, serta Selat Melaka, Lautan Hindi. Oleh itu, kita emphasize sebagai negara maritim amatlah berpatutan. Ini penting untuk mempertahankan pelabuhan kita, industri perkapalan kita, perikanan kita dan juga petroleum dan gas kita. *Maritime area* kita mempunyai dua kali lebih besar daripada kawasan darat kita.

Oleh itu pemberatan kepada kekuatan tentera laut diperlukan. Sokongan tentera udara juga perlu untuk menyokong operasi laut perlu diberikan penekanan. Saya rasa kita, buat masa ini TUDM mempunyai 44 vessels di bawah 15 kelas dengan dibina oleh pelbagai shipyard oleh tujuh buah negara. Ini akan menjadi satu masalah ataupun sokongan logistik yang amat kompleks dan mencabar. Tuan Yang di-Pertua, melalui Kertas Putih ini yang menjangkau masa tahun 2020 sampai tahun 2030, boleh kita cristalize idea-idea kita supaya ada sokongan bajet yang berpadanan. Tuan Yang di-Pertua, atas perbelanjaan ketenteraan, satu bab yang penting, saya rasa tidak ada yang muncul dalam *Australian White Paper* iaitu *funding defence* dengan butiran seperti perbelanjaan terhadap *funding model* untuk pertahanan kita, bagaimana kita menyokong pertahanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bab tersebut tiada dalam Kertas Putih Pertahanan kita. Lazimnya *military expenditure* dikira mengikut peratus GDP sesebuah negara. Terdapat trend penurunan dari segi perbelanjaan ketenteraan untuk Malaysia dari segi GDP. Dalam 10 tahun kebelakangan ini, peratus perbelanjaan ketenteraan kita lebih kurang dari 1.5 peratus GDP kepada 1 peratus GDP pada tahun 2018. Sebenarnya kalau kita lihat sama ada perbelanjaan terhadap pertahanan kita tidak rendah kalau berbanding dengan negara-negara lain. Negara Jepun, perbelanjaan terhadap *national defense* kalau mengikut peratusan GDP ialah 1 peratus. Negara *Germany* 1.2 peratus, dan *China* 1.2 peratus. Negara-negara yang tinggi dari segi perbelanjaan ketenteraan adalah seperti Amerika Syarikat 3.5 peratus, Rusia 4.4 peratus dan mereka mempunyai *global pleasant*. Oleh itu peratusan yang tinggi.

Kalau kita lihat, kita sebenarnya meninjau dari segi ASEAN. Kalau negara-negara jiran seperti Indonesia dan Laos yang mempunyai perbelanjaan pertahanan kurang daripada 1 peratus. Oleh itu, apabila kita bandingkan GDP, sebenarnya kita tidak – kita bukan tinggi dan bukan rendah, kita sederhana. Dari segi peratus bajet yang diperlukan untuk Kementerian Pertahanan, untuk tahun 2020, *Federal Budget* untuk kepada pertahanan adalah 6.74 peratus iaitu sejumlah dari segi pembangunan RM3.08 bilion, pengurusan RM12.4 bilion sejumlah

RM15.58 bilion. Iaitu sejumlah 6.4 peratus *Federal Budget* kita untuk Kementerian Pertahanan dan sebenarnya adalah penerima kelima terbesar dalam federal bajet selepas Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Perbendaharaan dan Kementerian Dalam Negeri.

Oleh itu, sebenarnya Kementerian Pertahanan Malaysia kalau kita banding dengan peratus *Federal Budget*, kita lebih tinggi daripada negara-negara seperti Jepun 2.5 percent, Germany 2.8 percent, negara England 4.8 peratus. Oleh itu, apabila kita melihat dari perspektif antarabangsa itu, kalau kita sebenarnya average, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Oleh itu, dalam bab terakhir Kertas Putih Pertahanan ini tidak disebutkan tentang *funding* tetapi dinyatakan pembentukan satu jawatankuasa pelaburan pertahanan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berharap pembelian aset-aset ketenteraan kita, pertahanan kita hendaklah dipertimbangkan dari segi kewajarannya, logistik *Maintainance* dan kemampuan kita. Kita tidak sepatutnya *joining the arm races* ataupun persaingan pembelian aset-aset ketenteraan.

Contohnya kalau negara-negara jiran kita yang ingin membeli jet F35, jet pejuang F35 keluaran Amerika Syarikat yang setiap satunya melebihi RM500 juta ataupun jiran satu lagi yang ingin membeli SU35 dari Rusia, jet pejuang. Perlu kah kita berlumba-lumba untuk membeli juga MiG-35 dari Rusia. *Fighter jet* sebenarnya dia amat kos tinggi. Oleh itu kita perlu, dia punya [Tidak jelas]....type yang tinggi. Oleh itu kita perlu memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Saya tertarik dengan bab empat untuk membina angkatan masa depan. Apabila dihuraikan terhadap tentang pertahanan udara jarak sederhana, sistem radar pertahanan udara, sistem radar pengawasan pantai dan sistem tanpa pemandu untuk menyokong operasi di kawasan teras. Itulah sepatutnya *priority* kita kerana *priority* itulah sepatutnya *priority* kita seperti yang sebut dalam Kertas Putih Pertahanan dan bukan kita berlumba-lumba dengan negara-negara jiran untuk pembelian aset-aset yang mahal dan yang terbaru.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan Kertas Putih Pertahanan ini mempunyai satu *guidance* supaya kita membuat pembelian. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Tentera Laut Diraja Malaysia kerana banyak kerja yang telah dibuat dan juga penerbitan sebuah buku *Guidance of the Frontier* yang telah dihadiahkan kepada semua ahli Parlimen. Buku ini menghuraikan sejarah TLDM dan kerja-kerja mempertahankan kepulauan dan perairan di Laut China Selatan. Laut China Selatan turut akan menjadi satu medan yang bakal mencetuskan konflik. Banyak *submarines* dekat bawah, di bawah Laut China Selatan dan terdapat juga negara-negara lain seperti Australia yang ingin membeli 12 *submarines*. Negara China mempunyai *target* untuk membeli 20 *submarines*. Oleh itu kita lihat dijangkakan di seluruh dunia, *submarines* di dunia ini terdapat separuh akan beroperasi di kawasan-kawasan *Indo-Pacific*.

Oleh itu perlu kah kita berlumba-lumba dengan mereka untuk menambah aset-aset terbaru yang mahal seperti ini? *Priority* kita seperti dalam Kertas Putih Pertahanan ialah kapal misi pesisir ataupun bot pemintas pantas, bot pasukan khas untuk operasi di laut pesisir. Oleh itu saya sangat menyanjung tinggi usaha kita untuk set *the priority's correct*. Kita perlu memastikan

priority kita betul dan kita perlu juga menaikkan kebajikan untuk anggota-anggota ATM kita, veteran kita harus diperbaiki dan ditingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kertas Putih Pertahanan ini, satu polisi yang telah diumumkan sebelum ini iaitu *foreign policy* kita. Di bawah buku ini, *foreign policy framework the new Malaysia, change in continuity* dan buku ini harus dibaca bersama dengan Kertas Putih Pertahanan dan kita harus menggunakan usaha *military diplomacy* kita untuk dijalankan serentak diplomasi untuk menyelesaikan konflik-konflik yang *potential* berlaku dan *military* ataupun ketenteraan pertahanan haruslah sebagai langkah terakhir.

#### ■1230

Usaha-usaha *International Military Arrangements* di peringkat antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, seperti Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) dan juga kerjasama pertahanan di peringkat ASEAN dan juga perkhidmatan kita di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah diteruskan. Malaysia menempatkan seramai 26 orang penasihat pertahanan, *defense attache* di 25 buah negara di negara-negara FPDA, di negara ASEAN, lima buah negara besar Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain.

Saya turut mencadangkan penasihat pertahanan di tambah di Jakarta, memandangkan kerja-kerja penyelamat di peringkat ASEAN yang berpangkalan di Jakarta di AHA Centre serta ASEAN Secretariat – Kita juga – Seorang di Jakarta, Indonesia dan seorang lagi untuk peringkat ASEAN. Ini seperti *arrangement* kita di Bangsa-bangsa Bersatu, seorang untuk seluruh US dan seorang lagi untuk Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Saya turut mencadangkan penambahan penasihat pertahanan ditambah di negara-negara Iran, Qatar. Negara-negara tersebut mempunyai pengaruh di kalangan negara OIC dan perlu dijalinkan hubungan pertahanan antarabangsa yang lebih erat.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat serantau pula terdapat pelbagai cabaran yang berlaku sebelum ini seperti ancaman konfrontasi, ancaman komunis, perang Vietnam dan sebagainya. Semua itu telah berlalu dan telah tamat. Perspektif masa depan kita perlu lihat dan *imagine* juga apa yang berlaku di rantau ini pada masa hadapan. Seperti pembinaan ibu kota baharu dari Jakarta di Jawa ke Kalimantan Barat dan dijangka hanya 500 kilometer dari sempadan Malaysia di Borneo. Begitu juga, dengan *defense pact* United States dengan Singapura yang dahulunya dari tahun 1990 sehingga tahun 2020 telah dilanjutkan ke tahun 2035. Tentera Amerika akan menggunakan pangkalan udara dan laut di Singapura.

Semua ini harus diberikan perhatian dan fikiran yang sewajarnya. Indonesia adalah merupakan kawan kita, Singapura adalah kawan kita dan semua egara ASEAN adalah kawan kita. Oleh itu, kita perlu bukan sahaja melihat perspektif dari segi pertahanan dan ketenteraan, kita juga perlu melihat kepada cabaran – bukan sahaja ketenteraan tetapi *non-state actor* ataupun pelaku individu dan bukan negara. *The lone wolf*, Ianun-Ianun, Abu Sayyaf dari perairan Sabah, aktiviti perikanan, pencerobohan di Pantai Timur dan Semenanjung dan potensi pelarian

Rohingya membanjiri sempadan darat dan maritim di utara Semenanjung dan juga kes-kes yang sebagainya.

Saya rasa itulah ancaman yang bukan tradisional. Saya juga berharap, apabila – seperti apa yang telah berlaku sebelum ini, serangan dron ke atas *facility petroleum* di Arab Saudi telah membongkar kelemahan keselamatan yang bakal menggugat aktiviti ekonomi. Saya rasa di dalam Kertas Putih Pertahanan ini saya telah membaca – terdapat – sebelum saya membuat penggulungan, di dalam Kertas Putih ini terdapat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menggulung, silakan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berakhir, saya ingin membangkitkan satu perkara bahawa di Kertas Putih ini juga telah menyebut tentang penahanan dan juga pendakwaan seramai 12 orang rakyat Malaysia disyaki membantu pergerakan kumpulan pengganas Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE). Saya meminta supaya pertimbangan dan kebijaksanaan Menteri supaya perkara ini tidak ditimbulkan di dalam Kertas Putih ini kerana ia masih dalam proses mahkamah. Ia adalah *subjudice*, melanggar *subjudice*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya sekali lagi untuk memberikan penghormatan sikit di sini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan? Penjelasan?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya setuju LTTE itu tidak disebut sebab *subjudice*. Akan tetapi, 1MDB boleh pula ya disebut? *[Ketawa]*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya baca dari muka surat 1 sehingga 90, tidak ada disebut 1MDB. Sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, Yang Berhormat Jelutong selalu 1MDB...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Sila baca kertas Putih dari muka surat 1 sehingga 90 ya, okey.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi memberikan penghormatan setinggi kepada warga anggota tentera Malaysia dan tahniah kepada kerajaan dan juga Menteri kerana penghasilan Kertas Putih Pertahanan julung-julung kali ini dan merupakan tunjang kepada Malaysia yang selamat, berdaulat dan makmur.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sembrong, silakan.

**12.35 tgh.**

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Kertas Putih Pertahanan (KPP) dalam Dewan yang mulia hari ini.

Sejujur-jujurnya saya memang amat menantikan pembentangan KPP ini, ini kerana sebagai mantan Menteri adalah menjadi tanggungjawab saya untuk melakukan semak dan imbang terhadap inti pati KPP ini, apakah lagi perkara yang menyentuh soal pertahanan serta kebijakan warga ATM dan hala tuju kementerian yang akan menyentuh dan melihat kepada kedudukan keselamatan tanah air kita untuk 10 tahun yang akan datang.

Walau bagaimanapun, selepas saya menyemak kandungan KPP yang telah pun diedarkan kepada wakil-wakil rakyat, hari Khamis dan selepas mendengar pembentangan Menteri sendiri tadi, saya rasa agak kecewa dan bimbang atas beberapa sebab. Pertamanya, inti pati KPP hanyalah versi ringkas apa yang telah dibentangkan sebelum ini oleh kita semasa Barisan Nasional memerintah dan mentadbir. Bezanya, buku ikrar MINDEF pada ketika itu memperincikan pelbagai bentuk inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah enam teras Kementerian Pertahanan. Manakala, KPP pula walaupun merupakan dokumen perancangan pertahanan negara untuk 10 tahun, tidak pula memperincikan perancangan MINDEF untuk tahun 2021 sehingga tahun 2030. Itu perkara yang cukup penting dalam hendak memikirkan apa yang dibentangkan dalam Kertas Putih ini dapat *rolled out*, dengan izin, dapat memberikan keyakinan kepada semua yang membacakannya serta memberikan satu hala tuju yang jelas kepada semua pihak yang berkepentingan, khususnya warga ATM, veteran, warga MINDEF dan keluarga masing-masing.

Kedua, inti pati KPP tidak berfokus dan tiada kesinambungan yang jelas. Dalam bab 4, misalnya, hanya dimasukkan *wish list* aset ATM bagi tempoh 10 tahun mendatang. Akan tetapi, apabila diselak bahagian pelaksanaan KPP, tidak pula diperincikan kaedah kerajaan untuk melaksanakan perolehan aset-aset ini.

Yang Berhormat Arau pernah membangkitkan sesuatu aset pertahanan mengambil masa untuk dibina. Kalau sekiranya apa yang berada di dalam Kertas Putih ini hanya merupakan satu senarai, *wish list*, sampai hari ini kita tidak tahu sama ada *wish list* itu akan menjadi satu kenyataan atau tidak. Perancangan untuk membina sesuatu aset pertahanan yang mengambil lebih daripada lima tahun atau lapan tahun. Ini boleh menjelaskan hala tuju dan fokus bukan sahaja keyakinan daripada rakyat tetapi daripada warga dan anggota ATM itu sendiri. Oleh sebab itu, saya harap...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya boleh minta penjelasan Yang Berhormat Sembrong?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Boleh.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Sembrong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebetulnya duduk, mendengar dan buku ini telah saya teliti. Apakah Yang Berhormat Sembrong bersetuju bahawa tidak ada 'wow factor' langsung, tidak ada impak untuk memberikan harapan bukan sahaja kepada anggota tentera tetapi kepada negara kita. Ia macam biasa sahaja, tidak ada apa-apa.

Jadi, kita buang masa mendengar kertas Putih ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Sembrong? Labis, Labis, di sini depan. Labis, Labis, minta penjelasan. Yang Berhormat Sembrong?

■1240

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Biar saya jawab Yang Berhormat Kinabatangan dahulu.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Sini, sini, boleh?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Biar saya jawab...

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk dulu...

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Saya setuju sangat Yang Berhormat Kinabatangan. Sebab itu mantan Menteri Pertahanan pun tidak bersemangat hendak berbahas hari ini. Secara ringkasnya, berhubung kait dengan aset dan *wish list* tadi, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Sembrong, boleh minta? Mengenai *wish list*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labis, sila duduk sila ikut Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Sekejap, biar saya habiskan ini dulu *then* Yang Berhormat boleh- apa yang dimaksudkan dengan *wish list* aset ATM tadi bagi tempoh 10 tahun mendatang. Akan tetapi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, apa bentuk pelaburan, dan apa langkah yang akan diambil sekiranya pelaburan tidak berjaya?

Apa akan berlaku sekiranya perancangan kita pada ketika itu baru nak mula? Ancaman yang mungkin hari ini kita belum mengambil tindakan yang proaktif pada masa dan ketika kita baru nak masukkan dalam Jawatankuasa untuk dipertimbangkan.

Pertama, kita tidak tahu sama ada mencukupi pembiayaan dan peruntukan yang ada pada negara pada ketika itu.

Kedua, sama ada masa yang diperlukan untuk membina aset-aset berkenaan.

Ketiga, kita tidak tahu sama ada apa dia pertimbangan dan keutamaan yang diberikan oleh- bukan sahaja ATM, tetapi MINDEF, berhubung kait dengan ancaman-ancaman yang disenaraikan pada ketika itu.

Oleh sebab itu, dalam aset pertahanan, bukan sahaja *wish list* itu penting, tetapi dalam Kertas Putih ini penting juga untuk kita tahu apa sebenarnya *details*, perinciannya...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Sembrong, minta penjelasan?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** ...Untuk kita lebih yakin bahawa apa yang dibentangkan ini akan menjadi satu kenyataan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Labis.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Sembrong merupakan mantan Menteri Pertahanan. Dengan adanya *wish list*, kerajaan kita tahu semua apa aset yang kita akan peroleh. Dengan adanya *wish list*, kemungkinan besar skandal pembelian enam buah helikopter tidak akan berlaku. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Tak habis-habis Yang Berhormat. Ini masalah pihak kerajaan sekarang ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan bodoh.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Ini kerana apa yang mereka lihat sekarang untuk mengalih pandangan dan kelemahan mereka sendiri...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua? Hari itu Tuan Yang di-Pertua telah memberi Petua supaya perkataan-perkataan itu tidak dikeluarkan. Kita cuma berbahas secara berhemah, kenapa Yang Berhormat Arau mengeluarkan kenyataan itu? Yang Berhormat Labis hanya tanya soalan, dan Yang Berhormat Sembrong sedang menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, kenapa perkara-perkara itu dilontarkan?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jangan buang masa lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dan kami disalahkan. Bukan buang masa Yang Berhormat Jempol. Yang Berhormat Sembrong berwibawa sebagai mantan sedang menjawab, kenapa perkataan "bodoh" itu dilontarkan?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari itu kita telah bersatu hati iaitu jangan gunakan perkataan-perkataan seperti "bodoh" dan sebagainya dan sesiapa yang menggunakan perkataan "bodoh" seharusnya disingkirkan keluar. Oleh sebab ini pertama kali disebut, saya hanya memberikan amaran, ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Sembrong, Yang Berhormat Sembrong? Yang Berhormat Sembrong? Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi. Akan tetapi kalau dia sebut kali kedua... *[Dewan ketawa]* Sesiapa sahaja selepas ini kalau disebut kali kedua, atau sesiapa sahaja kali pertama selepas ini, akan saya singkirkan keluar ya. Setuju?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Sembrong, saya minta Yang Berhormat Sembrong...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekejap ini, Yang Berhormat Sembrong sudah bagi dekat saya, Yang Berhormat Jelutong.

Saya mahu bertanya berkenaan dengan Kertas Putih ini. Apabila dibentangkan, seolah-olah keselamatan negara sangat terancam. Apabila saya tengok secara sekali lalu, udara, laut dan darat- seolah-olah negara kita dahulu tidak ada langsung. Akan tetapi, kita tengok pelan strategik sudah ada. Isu Pulau Spratly sekarang ini pun tidak boleh nak selesai.

Jadi, perincian perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita bentangkan Kertas Putih untuk kita bincang, bagi kita menyelamatkan negara. Ini tidak ada. Ini macam biasa sahaja. Macam kerajaan dahulu tidak ada buat apa-apa langsung. Sedangkan, sehingga boleh jadi Ahli Parlimen, jadi Menteri kerana keselamatan kerajaan terdahulu. Jadi, inilah yang saya hendak minta adakah... *[Disampuk]* Ya lah, manusia bukannya sempurna. Dia ada kelemahan dan kekurangan.

Sekarang ini, kita hendak membetulkan kekurangan tetapi tidak ada faktor 'wow' yang dibangkitkan di dalam Kertas Putih ini. Contohnya, Kepulauan Spratly sekarang. Kita tidak boleh nak menyelesaikan masalah ini. Mana pertahanan tentera- Kertas Putih yang dibentangkan untuk kita selesaikan masalah Kepulauan Spratly, pertahanan negara? Di situ juga ada aset bawah tanah yang boleh dapat keuntungan negara tetapi kalau ini tidak diperincikan, macam mana kita nak bincang yang lain itu dia sudah sama. Tentera sudah ada- sedangkan, tentera yang mati pun kita tidak dapat selesaikan kerana proses SOP tidak mengikut peraturan, menyebabkan tertembak peluru sendiri.

Ini dalam latihan. Kita perincikan benda-benda macam ini untuk kita bentangkan, bincangkan Kertas Putih, bagaimana Mejar Mohd Zahir Armaya ini? Itu sendiri di atas kesilapan sistem negara, sistem ke atas tentera ini. Ini yang kita hendak bincang. Ya, saya minta komen Yang Berhormat Sembrong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Sembrong, setujukah dengan saya bahawa ada perkara-perkara yang kita tidak boleh dedahkan kerana ia melibatkan kekuatan angkatan tentera di mana kalau...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dulu, Yang Berhormat Jelutong cakap tidak ada rahsia, sekarang sudah rahsia pula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, Yang Berhormat Sembrong setuju dengan saya, ada sebab-sebab tertentu kenapa Menteri Pertahanan dan pihak bertanggungjawab, pegawai-pegawai atasan tidak mahu mendedahkan hala tuju untuk sebab-sebab tertentu, untuk perkara-perkara itu dirahsiakan.

Oleh sebab ini melibatkan pertahanan dan keselamatan negara. Mungkin ada rancangan tetapi perkara-perkara itu tidak boleh didedahkan secara terbuka begitu kerana ia

akan menjadi perkara yang mungkin di intip oleh pihak-pihak yang akan menganggu-gugat keselamatan negara ini. Yang Berhormat Sembrong setuju dengan saya?

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Setuju, tetapi kita kena konsisten dalam pendirian kita. Kalau pada satu hari kita boleh dedahkan berapa kapal terbang kita boleh terbang, dan sekarang ini bila ditanya fasal Kertas Putih yang bukan nak menunjukkan kekuatan ketenteraan kita, tetapi sekurang-kurangnya memberikan keyakinan, kita mempunyai perancangan. Bukan menunjukkan apa kekuatan kita hari ini, tetapi dunia boleh melihat bahawa Kerajaan Malaysia pada hari ini mengambil serius berhubung kait dengan keselamatan tanah air kita. Inilah harapan saya daripada Kertas Putih yang dibentangkan. Malangnya, ia mengecewakan.

Oleh sebab itulah, hari ini bila kita hendak meneliti kandungan inti pati Kertas Putih ini, dalam 15 minit Tuan Yang di-Pertua, nak membincangkan hala tuju pertahanan negara untuk 10 tahun- saya rasa ia bukan tidak adil, tetapi ia tidak akan membawa apa-apa kesan. Cuma, dalam perbahasan saya hari ini, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi, bukan sahaja apa yang kita lakukan sebelum ini dinafikan dan ditidakkannya, tetapi malah banyak perkara yang telah kita lakukan dimasukkan dan dimuatkan di dalam Kertas Putih ini, pada hari ini.

Oleh sebab itu, apa yang kita hendak bincangkan secara rasional, secara matang, tidak ada masalah bagi saya. Akan tetapi, mereka juga mesti menerima hakikat bahawa ini satu perkara yang serius. Ini merupakan satu Kertas Putih yang kita hendak bentangkan untuk masa depan 10 tahun keselamatan negara kita. Ini merupakan Kertas Putih yang akan menentukan semangat, moral ahli, anggota kita. Ini akan menentukan sama ada kita akan ada komitmen atau tidak untuk memastikan aset-aset yang mungkin hari ini tidak lagi boleh diharapkan.

Akan tetapi, dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, dengan pemikiran yang terbuka dengan pendekatan yang lebih di luar kotak, rasa tidak ada sebabnya kita tidak boleh dedahkan dalam Kertas Putih ini, apa yang patut dilakukan. Contohnya, daripada segi aset-aset yang sebut dahulu. Berhubung kait dengan keselamatan Lautan Sulu- Filipina, Malaysia dengan Indonesia mungkin ada berapa banyak aset yang kita adapun tidak mencukupi untuk membendung Daesh, ISIS, *kidnapping for ransom*- tetapi diplomasi pertahanan yang mengeratkan tiga Kementerian Pertahanan daripada tiga negara yang berbeza, yang berhadapan dengan ancaman yang sama, tidak ada sebabnya kita tidak boleh menggabungkan aset yang ada untuk memastikan perairan di Selat Sulu itu selamat tanpa menggunakan peruntukan pembiayaan yang lebih, yang tidak tentu pada 10 tahun yang akan datang.

#### ■1250

Itu yang maksud saya bila kita hendak tengok Kertas Putih ini secara realtif, secara lebih profesional, secara mungkin ada *wow factor* tadi, supaya orang boleh tahu bahawa kita tengah memikirkan perkara-perkara yang di luar kotak kerana dalam konteks pertahanan negara, berapa banyak peruntukan yang adapun memang tidak mencukupi, saya setuju.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Sembrong.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Yang Berhormat, sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sembrong. Saya teruja dengan cara Yang Berhormat berbahas dengan merujuk kepada bukti-bukti dan fakta-fakta. Pada masa yang sama, Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kita tidak boleh memperlekehkan Kertas Putih ini yang telah disediakan oleh kakitangan-kakitangan kanan ATM dan Menteri Pertahanan yang telah memperincikan butiran-butiran. Ini adalah hari yang bersejarah kerana kali pertama kita lihat Kertas Putih berkenaan dengan isu-isu pertahanan dibentangkan, di mana kita dapat bincangkan.

Sebelum ini, tidak ada sebarang Kertas Putih dibentangkan. Umpamanya kejadian di Lahad Datu, adakah perkara itu dibincangkan? Kertas Putih disediakan, bagaimanakah pencerobohan itu berlaku dan sebagainya? So, itu sebab saya mengatakan bahawa jangan kita perlekehkan, memperkecilkan semangat Kementerian Pertahanan dan inisiatif yang diambil oleh pegawai-pegawai atasan untuk menyediakan Kertas Putih ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila menggulung.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Ya, Saya tidak berniat untuk hendak memperlekehkan pegawai-pegawai kita di kementerian kerana mereka telah bersama-sama dengan saya dahulu pun untuk memikirkan perkara-perkara dan isu-isu yang sama. Akan tetapi, apa yang saya sebutkan di sini bukan dengan niat hendak memperlekehkan, tetapi sekurang-kurangnya untuk menunjukkan apa jua Kertas Putih yang dibentangkan ini kalau ada kelemahan mesti diperbaiki. *[Tepuk]* Itu sahaja. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai kementerian memahaminya kerana masa saya memimpin mereka, mereka terbuka untuk menerima apa jua teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang berasas, yang membina untuk membantu mereka merangka sesuatu hala tuju yang lebih jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi ini tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa sebab Yang Berhormat...

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembrong]:** Satu isu sahaja yang berhubung kait dengan aset, di mana kita memerlukan *wish list*, menyenaraikan aset yang diperlukan oleh TLDM untuk tempoh 10 tahun dan saya dah nyatakan, tidak ada perincian langsung inisiatif-inisiatif yang disebut. Akan tetapi, pada masa yang sama aset-aset yang disenaraikan dalam Kertas Putih ini yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Sebahagian besarnya telah lama dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional yang disebut Multirole Support Ship (MRSS) masa kita, Littoral Mission Ship masa kita, Maritime Patrol Aircraft (MPA) masa kita tetapi apa salahnya dalam Kertas Putih yang katanya inklusif, yang secara telus sekurang-kurangnya iktiraf lah apa yang dilakukan oleh kerajaan kita sebelum ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein [Sembpong]:** Satu lagi perkara, tidak mungkin saya dapat menyenaraikan semua isu Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya akan panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan saya harap dalam penggulungannya diberi jaminan kepada kita bahawa ianya akan dijawab secara terbuka kerana bukan untuk hendak memperlekehkan sesiapa, tidak. Akan tetapi sekurang-kuranya kita mahukan kebenaran, keyakinan, penjelasan dan hala tuju. Bukan untuk diri saya, bukan untuk parti kita tetapi untuk rakyat dan negara tanah air kita yang merdeka ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang berhormat, apa yang saya hendak bangkitkan sebelum ini ialah Kertas Putih ini juga boleh dibincangkan di peringkat Jawatankuasa. Kita mempunyai Jawatankuasa Pilihan Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri dan juga boleh dipanjangkan di situ, boleh dibahaskan dengan lebih terperinci lagi. Sebab itu tempoh yang kita berikan hari ini tidak semestinya tempoh yang muktamad 100 peratus, masih boleh dibincangkan di peringkat Jawatankuasa seperti yang dilakukan dalam Parlimen-parlimen yang lebih matang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Silakan.

**12.54 tgh.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut, Parlimen yang lebih matang? Saya tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parlimen-parlimen yang lebih matang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita tidak matang lah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tentu matang. Mungkin bukan lebih matang. Saya tidak kata kita tidak matang, tidak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tunggu ini, saya dengar sampai habis ya pukul 10 malam.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya bangun untuk turut sama menyokong usul yang telah dibawa dan Kertas Putih Pertahanan yang berada di hadapan kita pada hari ini yang bagi saya merupakan satu detik bersejarah memandangkan bukan sahaja dalam keadaan kerajaan yang baharu tetapi kita juga dapat mendengar daripada mantan Menteri Pertahanan pandangan beliau, walaupun mungkin saya percaya ramai yang mempunyai pandangan yang berbeza daripada apa yang beliau bangkitkan. Apa pun tahniah diucapkan kepada Menteri Pertahanan dan juga kementerian kerana telah mengusahakan Kertas Putih Pertahanan pertama dalam sejarah negara kita.

Ada beberapa perkara dalam minit-minit sebelum kita dengan izin *break for lunch*, yang ingin saya bangkitkan. Antara yang telah disentuh dalam Kertas Putih ini melibatkan juga

ancaman tidak tradisional dan ini adalah satu keadaan yang menjadi realiti bagi kita pada hari ini di mana banyak daripada ancaman berbentuk dengan izin, *asymmetrical*, tidak lagi simetri. Maksudnya ia memerlukan ketumbukan dan juga kekuatan pertahanan yang tidak lagi konvensional.

Kalau kita lihat pemikir strategi perang tersohor Carl von Clausewitz dalam bukunya *On War*, menyatakan bahawa dengan izin *war is the continuation of politics by other means* dan sering kali kita lihat memang dalam erti kata hubungan kuasa besar, sering kali keberadaan aset-aset ketenteraan merupakan satu penghubung kepada isu perbincangan diplomasi. Dalam keadaan Malaysia sekarang ini yang kita baca dan kita fahami dalam Kertas Putih ini, terletak secara geografinya dalam satu kedudukan yang cukup strategik di antara Selat Melaka dan Lautan Hindi dan juga Laut China Selatan dan juga Pasifik, maka tidak boleh tidak, kita bincangkan juga aspek geopolitik dan juga aspek keselamatan, pertahanan dan ketenteraan.

Apatah lagi bila kita sentuh tentang isu ekstremisme dan keganasan yang kita lihat sekarang ini mereka yang setelah terbunuhnya Abu Bakr al-Baghdadi yang merupakan sebelum ini ketua kepada Daish, maka kemungkinan untuk *lone wolf* dengan izin beroperasi secara *sleeper cell* dengan izin di banyak negara termasuk di Malaysia kemungkinannya bertambah.

Maka, dari segi itu memang kita lihat ancaman yang tidak tradisional akan menjadi antara yang paling penting untuk kita bersiap sedia. Maka, saya alu-alukan adanya Kertas Putih Pertahanan ini agar orang ramai bukan sahaja Ahli Parlimen, bukan sahaja pakar ketenteraan, Panglima Angkatan Tentera, Majlis Angkatan Tentera tetapi juga orang ramai memahami bahawa isu pertahanan dan keselamatan negara ini tidak ada kompromi dan kita semua boleh terlibat untuk memahami dan memberi sokongan yang padu kepada Angkatan Tentera Malaysia agar isu keselamatan dan pertahanan tidak akan dikebelakangkan.

Kalau kita lihat baru-baru ini terutama dalam setahun, dua tahun ini, isu keselamatan telah dipanjangkan bukan sahaja dari segi fizikal, geopolitikal tetapi juga di alam siber di beberapa dengan izin *jurisdiction* ataupun negara-negara, kita lihat keterlibatan dengan izin *state actors* dalam ruang demokrasi menggunakan aset-aset untuk menceroboh, untuk mengganggu gugat proses demokrasi di negara-negara sama seperti yang berlaku di Amerika Syarikat dan juga banyak negara lain.

Ini menimbulkan satu keresahan kerana di Malaysia kita semua sedia maklum, yang agak merisaukan adalah bila kita menghampiri Pilihan Raya Negeri Sarawak contohnya dan juga Pilihan Raya Umum ke-15, apakah jaminan yang kita ada? Oleh kerana semestinya aspek keselamatan dari segi ketenteraan juga perlu meyakinkan kita agar pertahanan negara, pangkalan-pangkalan data kita selamat dan tidak boleh dicerobohi, digodam ataupun diseleweng ataupun disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak berniat baik terhadap negara kita, terutama dalam isu demokrasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Oleh kerana masa sudah pukul 1.00, jadi kita berhenti beristirahat dan Yang Berhormat mempunyai 9 minit 47 saat untuk teruskan selepas bermula 2.30 petang. Ya, silakan.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan Kertas Putih Pertahanan dengan menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 2.32 ptg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meneruskan dengan pertama sekali menyatakan bahawa tidak ada seorang pun daripada blok UMNO, MIC dan MCA yang berada dalam Dewan pada waktu ini... *[Dewan riuh]*

Mungkin saya rasa tidak sejuk, saya rasa tidak sejuk. Jadi, agak bagi saya mengecewakan. Merekalah sebelum ini...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, *steady*.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu *steady* yang lain hipokrit, hipokrit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hidup Yang Berhormat Kuala Terengganu! Hidup Yang Berhormat Kuala Terengganu!

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Ketawa]* Munafik! Munafik itulah dia bentuk kalau dapat rakyat Malaysia melihat blok kosong tidak ada seorang pun, ini bagi saya samalah kosong moral mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, terus berbahas. Ringkas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya minta ulasan Yang Berhormat berkenaan dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sembrong tadi. Beliau menggunakan istilah tidak ada, '*Wow factor*'. Wartawan juga telah tanya dengan saya apa maksudnya tidak ada *wow factor*?

Ini bukanlah iklan menjual barang-barangan untuk ada apa-apa *wow factor*. Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana di blok barisan silap faham. Kita membincangkan isu berkenaan dengan pertahanan negara yang melibatkan isu-isu yang serius yang mewajibkan perkara-perkara yang bakal dilaksanakan untuk dibincangkan bukanlah menjual barang-barangan

untuk ada apa-apa *wow factor*. Bolehkah Yang Berhormat memberi komen tentang perkara ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Saya sangat setuju apa yang disebutkan oleh saudara saya, sahabat saya dari Jelutong. Mungkin *wow factor* yang mereka harapkan adalah mungkin maklumat terperinci tentang kebobrokan yang telah berlaku, kepincangan yang berlaku dalam isu perolehan. Enam helikopter yang masih tidak sampai walaupun sudah dibayar sebanyak RM112 juta. Sejumlah RM6 bilion yang telah dibelanjakan untuk enam *littoral combat ship* contohnya. Sebanyak 16 *land swap* yang telah merugikan kita dan sebanyak RM500 juta sepatutnya kita dapat.

Bagi saya mungkin Yang Berhormat Menteri saya harap boleh dijelaskan serba-sedikit walaupun kami tahu Dewan ini telah dimaklumkan beberapa perkara sedang dalam perbincangan kabinet tetapi isu enam *littoral combat ship* ini belum lagi disebut. Mungkin boleh Yang Berhormat Menteri sebutkan, berikan sedikit *wow factor* apakah lagi skandal-skandal salah guna kuasa ataupun kebobrokan yang telah berlaku yang dahulu.

Mungkin ini yang saya rasa jelas dalam Kertas Putih ini yang kita tidak mahu teruskan atau lihat ulangannya lagi di masa depan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Boleh minta laluan sedikit. Saya juga telah komen tentang isu berkenaan dengan kejadian-kejadian seperti di Lahad Datu sebelum ini di mana kita lihat ketika itu Yang Berhormat Sembrong menjadi Menteri Pertahanan.

Tidak ada sebarang laporan khusus seumpama Kertas Putih ini dikemukakan untuk perkara kejadian di Lahad Datu dibincangkan dan langkah-langkah yang diambil itu dibincangkan. Kita lihat seperti yang telah katakan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi tidak ada seorang pun daripada Yang Berhormat Pembangkang yang hadir sekarang, blok pembangkang kecualiah Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu.

Kita puji Yang Berhormat Kuala Terengganu yang hadir yang prihatin tentang isu-isu walaupun beliau merupakan pembangkang di sebelah sana beliau memang prihatin tentang isu-isu yang melibatkan keselamatan negara ini dibincangkan. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih sahabat kita Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Arau sudah masuk. Okey, ini baik. Jadi, saya teruskan. Kalau kita lihat sebenarnya dalam beberapa perkara yang ada dibangkitkan sebelum ini, harapan saya adalah sedikit penjelasan contohnya keterlibatan Angkatan Tentera Malaysia dalam operasi, OPS Yemen II.

Sebelum ini ada disebut mantan Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa pihak Kabinet telah dimaklumkan ataupun Majlis Keselamatan Negara terdapat percanggahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan agar kita dapat kepastian siapa yang sebenarnya telah mengiakan penghantaran anggota tentera kita ke sana untuk menyertai OPS Yemen II. Sekiranya ada perkara-perkara yang berbangkit dari itu mungkin boleh dijelaskan.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara khusus berkaitan dengan aset ada disebut mungkin diinginkan *wow factor* disebut apakah aset-aset yang akan diperoleh ataupun ditentukan. Semestinya pembelian aset-aset ini bukan difikirkan semalam atau bukan difikirkan tahun lalu. Akan tetapi, bila kita lihat dalam Kertas Putih ini yang akan menentukan hala tuju bagi isu pertahanan negara untuk 10 tahun yang akan datang terdapat komitmen-komitmen yang akan dibuat. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan beberapa komitmen-komitmen ini sekiranya ia tidak menjadi satu isu keselamatan.

Apa pun kalau kita lihat bagi setengah negara lain, mereka menetapkan belanja pertahanan yang, dengan izin, peg ataupun kita tentukan peratusnya kepada KNDK. Kalau kita lihat contohnya di Australia, 10 tahun bagi tahun 2015 ke 2026 contohnya. Mereka telah menetapkan peruntukan sejumlah 195 bilion Dolar Australia.

Bagi negara United Kingdom dan Jerman juga memberikan peruntukan pertahanan tidak kurang daripada sebanyak dua peratus daripada KDNK mereka. Akan tetapi, adakah kita berniat untuk menetapkan satu nisbah ataupun satu jumlah bagi perbelanjaan pertahanan dalam Kertas Putih Pertahanan ini.

Pada masa yang sama, saya lihat pada muka surat 82 contohnya ada disebut, “*Kerajaan akan menetapkan 10 hingga 15 peratus daripada jumlah nilai nominal offset daripada program kolaborasi industri untuk tujuan R&D dan inovasi*”. Saya anggap ini adalah satu permulaan yang baik dan kita sedar bahawa industri pertahanan sebagai satu sektor yang boleh menerajui inovasi dan juga reka cipta contohnya *internet* itu sendiri adalah hasil daripada kajian daripada pihak pertahanan di Amerika Syarikat sebagai contoh.

Banyak lagi pencapaian-pencapaian yang telah terhasil daripada R&D, dengan izin. Maka bukankah dengan menetapkan bagi bukan sahaja R&D tetapi juga bagi perbelanjaan pertahanan secara am boleh membantu kita dari segi hala tuju yang jelas ke hadapan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara lagi sekiranya berkesempatan iaitu kalau kita lihat isu saya sebutkan tadi di awal tentang kuasa-kuasa besar dan kita sedar bahawa Laut China Selatan juga menjadi satu teater yang mungkin akan mengakibatkan pertemuan antara kuasa-kuasa besar dan kita juga terbabit dalam isu ini.

#### ■1440

Apakah yang boleh diusahakan untuk kita melihat kurangnya aktiviti bersifat ketenteraan terutama di Stesen Beting Patinggi Ali contohnya yang sering disebut oleh Yang Berhormat Arau? Bagi saya, mungkin isu *militarization of activities* dengan izin terutama di Laut China Selatan dan

juga laut-laut yang disebut dalam Kertas Putih ini. Apakah yang boleh diusahakan untuk mengurangkan ketegangan ataupun *militarization* di situ? Silakan, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dengan izin. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya satu Kertas Putih dibentangkan sebelum ini oleh kerajaan dahulu, besar kemungkinan kita tidak akan kehilangan pulau-pulau seperti Kepulauan Spratly dan sebagainya dan pulau-pulau lain dan tidak juga akan berlakunya kehilangan wilayah. Kemungkinan besar kita dapat merangka satu pelan yang boleh menjamin supaya wilayah-wilayah itu kekal di Malaysia. Apakah komen Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, saya rasa ada kewajaran. Silakan, Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya juga ingin ditambahkan iaitu sekiranya Kertas Putih dibentangkan kalau pemerintahan Barisan Nasional dahulu mungkin enjin kapal terbang pun tidak akan hilang. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya cukup setuju. Sebenarnya mungkin selepas kita ada Kertas Putih Pertahanan ini antara lain Dewan yang mulia ini boleh mungkin mendapat sedikit Kertas Putih lain tentang aset-aset contohnya. Apa yang telah berlaku kepada aset-aset pertahanan kita akan tetapi saya juga difahamkan dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan apakah benar isu Dasar Pertahanan Negara hanya dibincangkan di peringkat kementerian sehingga tahun 2016? Selepas itu, tidak ada perbincangan yang menyeluruh.

Jika benar, bagi saya, dibentangkan Kertas Putih Pertahanan ini adalah satu *wow factor* yang sebenarnya cukup besar. Ini adalah satu petanda yang baik menunjukkan bahawa kerajaan sekarang, Kerajaan Pakatan Harapan, berniat untuk merakyatkan konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) yang disebut dalam Kertas Putih ini agar rakyat Malaysia lebih memahami dan boleh turut terlibat. Silakan, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, saya terbaca komen Yang Berhormat Sembrong dalam *Free Malaysia Today*. Beliau mengatakan bahawa inti pati Kertas Putih hanyalah versi ringkas apa yang dibentangkan semasa Barisan Nasional memerintah. Apa komen Yang Berhormat? Pernahkah Kertas Putih dibentangkan sebelum ni? *We must be very clear* dan jangan kita memesongkan Dewan. Pernahkah Kertas Putih Pertahanan dibentangkan sebelum ini?

Ini kerana di luar Yang Berhormat Sembrong mengatakan Kerajaan Barisan Nasional pernah membentangkan Kertas Putih walhal saya berjumpa dengan beberapa pegawai tadi, pegawai atasan di mana Kertas Putih Pertahanan tidak pernah dibentangkan. *So, who is telling the truth?* Ini *very serious matter* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya..

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita lihat jangan memain-mainkan perkara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila menggulung. Sila.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya bersetuju dan saya akan ringkaskan dan saya akan akhiri dengan kata mungkin dari segi *track record* dengan izin Yang Berhormat Sembrong, kalau sebelum ini dibawa Ahli-ahli Parlimen dari sebelah sana berjumpa sesiapa pun, macam-macam perkara yang berlaku. Jadi saya rasa, *we have to be cautious* apa yang disebut oleh Yang Berhormat.

Akan tetapi, harapan saya, Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu penjelasan. Bagi saya, Kertas Putih ini memang cukup ia mengujakan kerana ia kali pertama kita menyaksikan Kertas Putih Pertahanan seperti ini yang dibawa, dibentangkan dan dibahaskan oleh kami wakil rakyat di Parlimen selama wujudnya Parlimen ini. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja. Oleh kerana Yang Berhormat Sembrong tadi telah berbahas. Ketika beliau berbahas, beliau tidak membuat sebarang pengakuan bahawa Kertas Putih telah dibentangkan oleh kerajaan dahulu tetapi Yang Berhormat mengakui ini adalah Kertas Putih yang pertama secara tersurat dan tersirat.

Akan tetapi, bila Yang Berhormat keluar tadi, Yang Berhormat telah mengeluarkan kenyataan memperkecilkan dan memperlekehkan Kertas Putih yang telah dibentangkan oleh anggota-anggota kanan Kementerian Pertahanan. So, *which is which?*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita perlu satu penjelasan yang begitu jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan main-mainkan perkara ini. terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini *floor* Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Ringkasnya saya rasa Yang Berhormat Sembrong sebenarnya cemburu oleh sebab bukan dia yang bentangkan Kertas Putih [*Tepuk*].

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Dengan izin, *he missed the golden of opportunity.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Childish.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Behaving like a kids.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Itu yang boleh kita rumuskan. Jadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan 36(6). Sangkaan jahat.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya..

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Macam budak-budak.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya ucapan terima kasih dan saya menyokong.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You wait [Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Santubong. Selepas itu, diikuti oleh –Kalau ikut senarai ini Yang Berhormat Pasir Gudang kemudian Yang Berhormat Kuala Terengganu kemudian Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Santubong.

## 2.45 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berucap sedikitlah berhubung dengan pertahanan ini. Akan tetapi, saya sebagai seorang veteran dalam Dewan, saya tidak hendak main politik banyak sangat jadi apabila saya berbahas minta tolong soalan politik itu saya ketepikanlah.

Kalau hendak main politik dekat luar sahaja. Di dalam Dewan ini cerita hal apa yang kita ada di hadapan kita sekarang ini. Jadi saya sebagai Ahli Parlimen, melihat memang ada kebaikan pembentangan Kertas Putih ini. Ini kerana kita perlu melihat daripada sudut pertahanan negara. Ini sebagai satu langkah yang baik dan satu lagi langkah yang perlu kita lihat.

Dengan pembentangan Kertas Putih ini, saya cukup yakin pihak tentera bukan sahaja pegawai-pegawai kanannya akan tetapi pihak penyelidik, pihak penasihat dan juga kolej tentera memberi input untuk mendatangkan satu Kertas Putih di bentang di Dewan ini supaya kita mengetahui hala tuju pertahanan di negara kita ini nanti pada sekarang hingga sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi hingga ke tahun 2030.

Akan tetapi, tahun 2030 Tuan Yang di-Pertua, hanya tinggal 10 tahun. Dalam kerangka masa untuk melaksanakan semua tindakan ini, saya cukup yakin kita berupaya tetapi dengan syarat kita duduk dalam Dewan ini bukan soalan main politik sahaja atau hendak datang *political mileage* sahaja. Akan tetapi, kita lihat secara kritikal apa yang boleh kita buat dan apa yang tidak boleh kita buat.

Pertamanya, saya hendak menyentuh jugalah soalan bajet kewangan kerajaan. Saya menyokong supaya bajet pertahanan ini kita tingkatkan sedikit. Oleh kerananya asasnya, kita sendiri tidak berkemampuan hendak buat senjata, hendak buat bermacam-macam di bawah ini khususnya saya lihat daripada sudut apa hala tuju kita pada masa yang akan datang. Jadi pokoknya, semua perlukan sumber kewangan. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya berharap kena berani sedikit bercakap dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana kita melihat pertahanan negara amatlah penting untuk kita semua.

Umpamanya, kita hendak membangunkan keupayaan aktiviti elektromagnetik siber. Kita sendiri tidak mempunyai kemampuan yang khusus. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, seperti China sekarang mempunyai kuasa sedemikian. Jadi, kalau kita hendak bangunkan elektromagnetik siber, ini apakah pelan yang ada pada kita pada masa sekarang? Apakah latihan yang perlu kita ada sekarang? Apakah kolej ketenteraan kita yang sekarang ini kita buat? Adakah sudah asas-asas kukuh kita letak supaya kita boleh melaksanakan dengan sumber kewangan dan melatih orang-orang kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui bahawa peribadi ya. Kita buatlah apa sahaja. Alat dan perkakas akhirnya yang penting sekali dalam apa sahaja ialah sumber manusia (*the human resource*) dalam kementerian itu sendiri atau dalam ketenteraan itu sendiri sama ada tentera laut, darat dan udara. Ia punya mentaliti itu sendiri, kebolehannya sendiri perlu *upgrade*, perlu mendapatkan latihan dan saya melihat baru-baru ini, apabila matinya seorang mejar yang terus di naik pangkatkan selepas mati tertembak dalam satu eksperimen ataupun latihan.

#### ■1450

Pada saya kalau latihan tentera, kita perlu melihat memang ada risiko dalam satu-satu latihan tentera. Untuk menaikkan tahap keberanian dan semangat seseorang anggota tentera, anggota tentera mesti berani berhadapan dengan risiko sedemikian. Memang ada *collateral damage* yang malangnya Allah telah menentukan mejar ini meninggal di situ, dia meninggal di situ. Akan tetapi pada kita, apa saja latihan contoh latihan komando, sepupu mak saya patah belakang Tuan Yang di-Pertua, jatuh daripada dibuat mendaki bukit dia jatuh dia patah belakang dalam latihan.

Pada zaman itu pada tahun 70-an tidak ada gantian, tidak ada apa pun, tidak ada naik pangkat pun tidak ada apa-apa. Hilang begitu sahaja tetapi risikonya pada masa itu tidak ada kepada masyarakat sebabnya kita tidak ada *WhatsApp*, tidak ada *Facebook*, tidak ada apa-apa, tidak ada orang hendak *viral* pun. Dia balik ke kampung tamat pekerjaan, tentera pun tidak lihat dia lagi. Dia masih hidup sekarang boleh berjalan tetapi apa pemberian tentera kepada beliau semasa gagal latihan komando dahulu.

Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang Yang Berhormat soal latihan. *The module* latihan untuk keberanian dan mempertahankan diri dan juga mengangkatkan semangat seseorang tentera kena diperhebat. Kita lihat latihan-latihan *marine*, latihan-latihan

ASASS di UK, macam mana *regress* latihan tersebut. Kita kena buat kerana akhirnya nanti senjata di tangan, hati di sini yang menentukan sama ada hendak tembak ataupun tidak tembak ataupun lari.

Saya sudah tahu Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1972 dahulu, dahulu komando ini dipanggil MSSR kalau Yang Berhormat masih ingat ataupun sudah bertanya dengan pihak komando yang baru ini, mungkin tidak pernah pun dengar *the shot fire in anger* orang kata. *Never had the baptism of fire*, kami ini sebab sudah tengok. Bila sudah dengar itu lari. MSSR terjumpa sekumpulan 80 orang Komunis yang *fully arm* dengan GPMG. Yang *recce* unit lima orang ini lari, mlarikan diri, komando.

Baca buku saya, ada saya catat dalam buku hanya, */ ... down*. Hingganya *my company commander* komander kata hentak – *starling* kita pakai, dia orang sudah pakai *armalite*, kita pakai *starling* polis. Tidak ada orang Iban dekat sini. Komander saya kata cakap Iban, tidak payah sebutlah malu kalau sebut. *Adjourn RASCOM meeting* sebab malu dengar. Itulah sebab latihan keberanian sebagai mana yang di *encounter* oleh mejar yang meninggal itu saya hargai sangat kematian dia itu. Keberanian itu perlu kepada seseorang tentera, kepada seseorang yang memegang senjata. Akhirnya senjata nombor dua, ilmu nombor dua, keberanian di sini berhadapan dengan musuh yang menjadi pendorong sama ada kita betul berani ataupun tidak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ilmu untuk mempertingkatkan keupayaan kita dalam sudut *electro-magnetic cyber* ini patut begitu. Saya hendak minta Menteri memberi penjelasan apakah langkah awal pelan sekarang untuk mempertingkatkan ini. Ini kerana *the war of the future* mungkin kita *fight* dari sudut siber ini. *Jammed* kita punya siber, *jammed* lah semua, bahkan kapal terbang pun tidak berhenti, tidak naik ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, itu daripada sudut saya sebut contoh sahaja *electro-magnetic cyber* kerana di situ lah letaknya *nerve centre* mana-mana *command post* pada masa akan datang. Bahkan kita boleh gagalkan *drone*, kita boleh batalkan kapal yang hendak terbang, bahkan kita boleh halangkan pihak kita punya *fighters* naik ke atas ataupun pusat marin hendak turun ke bawah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, keupayaan sudut latihan kepada tentera laut, darat dan udara ini perlu di perhebatkan lagi kita lihat macam mana perperangan zaman akan datang. Hal ini kerana soalan teknologi ini bergerak begitu pantas sekali, kita tidak ada penyelidikan sendiri, tidak ada kemampuan sendiri, bahkan kita punya universiti pun tidak buat. Pada peruntukan kalau kita lihat Amerika, *it is one of the biggest*. Di sini ada di sebut dalam buku ini mengatakan, “*if you want peace you must be prepared for war*”.

Daripada tahun 60-an Amerika sudah sebut itu, orang dulu *ridicule* perkataan itu ataupun meremehkan perkataan itu tetapi benar. Jadi kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, pergolakan di antara China dengan Amerika, *the war will not be fault* dengan izin, in Amerika *neither in China* tetapi bayangkan kalau bergolak di Laut China Selatan, tempiasnya besar kepada kita di

Malaysia. Jadi macam mana kita hendak *handle* kita sendiri dalam kawasan *the two giants fighting* sudut laut, darat dan udara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita kena dalam sudut itu perhebatkan latihan, ilmu dalam semua segi yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam ini, memang baik saya puji Yang Berhormat Menteri, saya puji ini kertas ini ada garis panduan-panduan yang tertentu. [Tepuk] Jadi dalam sudut itu kelengkapan kita, lupakan cerita politik Yang Berhormat. *Your role as a Minister of Defence* mempertahan negara ini. Kita lihat juga satu lagi Tuan Yang di-Pertua, orang semua tidak suka, saya tahu dulu kerajaan duduk sebelah sini tidak setuju dengan *national service* daripada enam bulan jadi tiga bulan.

Sebenarnya kalau kita lihat *module* di negara lain Singapura contohnya. Kita lihat Egypt contohnya, dua tahun tetapi apa yang berlaku di Egypt kalau *you* habis latihan siapa yang minat terus di *absorb* dalam ketenteraan. Di Singapura kalau tidak mahu latihan *national service* ini tidak boleh balik ke Singapura. Isteri saya mempunyai banyak keluarga Singapura. Ada seorang anak oleh kerana hendak melarikan diri daripada *national service* dia pergi Australia. Bila dia hendak balik itu dia orang tunggu hendak sumbat dia dalam penjara sebab melarikan diri daripada *national service*.

Di situ kita akan lihat siapa sebenarnya mahu menggadaikan nyawanya mempertahankan negara. Jangan cakap saja. Jadi kalau hendak mempertahankan negara ini jangan tunggu hendak jadi Jeneral sahaja, hendak jadi brigadier jeneral, hendak jadi kolonel sahaja. Jadilah prebet, jadilah koperal. Kalau semua pihak mahu membuat yang sedemikian melalui latihan-latihan ini, kalau betullah cabaran yang kita hadapi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan Yang Berhormat Menteri fikir semula soalan *national service* ini.

Kalau kita *under siege* macam mana Singapura fikir dia sendiri. Kalau kita fikir negara kita ini di tengah-tengah, berkemungkinan berhadapan dengan pergolakan-pergolakan yang tertentu, kita tidak boleh melarikan diri dari melatih rakyat kita melalui proses latihan tentera. Sekarang Singapura dia boleh semua, boleh sebabnya latihan telah diberi.

## ■1500

Keluarga isteri saya ramai, semua sudah melalui proses ini semua. Beri senjata dia boleh pegang, dia boleh pergi berperang oleh kerana *implanted* dalam pemikiran setiap individu di Singapura kita *under threat*.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Santubong, minta penjelasan sedikit. Puncak Borneo.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan ya. Masa sudah hendak tamat. Sila.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Adakah Yang Berhormat Santubong bersetuju supaya agar Sarawak Ranger ataupun *Border Scouts* ditubuhkan semula supaya keselamatan sempadan negeri Sarawak dapat dilindungi daripada dibolosi oleh negara jiran dan pendatang tanpa izin yang mungkin boleh

mengganggu gugat keselamatan negara khasnya negeri Sarawak yang bakal berjiran dengan ibu kota Indonesia di masa akan datang?

Adakah Yang Berhormat Santubong setuju supaya *Dayak Trackers* yang berjuang habis-habisan untuk menentang komunis bersama dengan British sebelum penubuhan Malaya diberi penghormatan khas dan juga imbuhan khas kepada mereka ini sebab *Dayak Trackers* ini tergolong daripada golongan orang Bidayuh, orang Iban yang mereka ini tidak diberi penghormatan dan juga imbuhan sehingga ke hari ini yang berpatutan. Adakah Yang Berhormat Santubong bersetuju dengan cadangan saya ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Yang Berhormat Santubong sila rumuskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak bangkit mungkin saya tidak sentuh perkara ini tadi. Sebenarnya saya sudah buat *public statement* Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan *Border Scouts* ini. Bahkan saya kata *Ranger Sarawak* itu dan *Border Scouts* ini patut kita wujudkan semula di Sarawak. Oleh sebab ia penting, *Border Scouts* itu dahulu apabila ditubuhkan pada tahun 1960-an ialah oleh kerana menjadi *eyes and ears* kepada pihak kerajaan.

Pembolosan ataupun penembusan sempadan Sarawak, jangan tanya dengan saya. Tanya dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Setiap tahun *on the average* 80 lebih *an intrusion* daripada pihak Indonesia masuk ke Sarawak, setiap tahun. Jadi *intrusion* ini oleh kerana kawalan sempadan kita tidak begitu ketat, kita hanya mempunyai – Yang Berhormat Menteri tahu. Saya tak nak minta sebabnya apa sahaja ketelusan yang ada pada kita Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh dedahkan semua maklumat-maklumat berhubungan tentera, maklumat kedudukan polis kita dalam hutan dan sebagainya.

Jadi saya tak nak minta tetapi tanya dengan diri sendiri, adakah mencukupi satu batalion sahaja untuk kawal sempadan Sarawak 1,100 meter daripada Tanjung Datuk hingga ke *border* dekat Bario itu yang kebanyakannya boleh berjalan kaki. Ada orang kata jalan-jalan tikus sebenarnya lori pun boleh masuk.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya Yang Berhormat saya bersetuju, memang saya sudah sebutkan sebulan lepas, saya kata kita kena wujudkan semula *Border Scouts* ini. Bahkan kalau kita wujudkan *Border Scouts*, ia ada dua kesan. Kesan yang pertama, perhubungan orang luar bandar dengan orang bandar itu dapat kita buat. Kedua, mereka yang tidak ada kerja di luar bandar itu boleh diberi kerja dengan elau-elauan yang tertentu.

Ketiga, mereka boleh dilatih pula. Latih ilmu ketenteraan, dilatih dalam ilmu *intelligent, reporting* dan sebagainya. Jadi kita boleh wujudkan semula *Border Scouts* itu di Sarawak supaya memperingati satu badan yang banyak memberi perkhidmatan yang baik kepada kita suatu ketika dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Keempat Tuan Yang di-Pertua yang komen juga soalan penghormatan diberi. Ini Yang Berhormat Menteri kena dengar betul-betul saya punya cerita ya. Dalam *interim period* itu Tuan Yang di-Pertua, apabila orang Sarawak dan orang Sarawaklah, kebanyakannya orang Dayak, Bidayuh, Iban, Orang Ulu ada sedikit orang Melayu terlibat seorang dua dibawa ke Semenanjung, idea daripada British yang pernah mengalami satu perang Gorila di Burma pada ketika itu dinamakan Chindits dan Chindits ini diubah nama menjadi *Special Air Service (SAS)* dan mereka melalui latihan-latihan ini.

Akan tetapi apa yang kurang selain daripada pihak Senoi Praaq ataupun pihak Orang Asli, British ini tidak ada mempunyai orang yang mengetahui hutan, semua sudut hutan itu. Dia cium, dia boleh tahu. Dia sentuh, dia boleh tahu. Tengok, dia boleh tahu, semua tahu. Dia tidak payah bagi *hammock*, tidak payah bagi apa, dia boleh tidur dalam hutan itu. Jadi itulah kenapa dari Sarawak itu dibawa ke Semenanjung ini, banyak yang mati. Kalau tidak salah saya setengah daripada kumpulan yang pergi itu mati di sini.

Akan tetapi malangnya mati tidak bertanda, semua jadi macam ini sahaja. Jadi yang malangnya *interim period* sebelum merdeka, orang lupa perjuangan ini. Orang lupa perjuangan mereka ini dan mereka ini tidak mendapat penghormatan bahkan seorang daripadanya mendapat Victoria Cross (VC), barangkali saya ingat itulah satu-satunya orang Malaysia ini mempunyai medal Victoria Cross dan satu-satunya mempunyai George Medal. George Medal ini sama, *equivalent* dengan Victoria Cross, bawah sedikit diberi kepada *civilian* ataupun polis yang memperjuangkan negara.

Orang yang pegang George Medal itu was my instructor masa saya berlatih dalam hutan namanya Menggong. Beliau mati sebagai ASP, juga tidak mendapat penghargaan daripada sesiapa tetapi yang VC ini, saya lupa nama dia tetapi dia masih setiap tahun dijemput pergi ke England berjumpa dengan Queen Elizabeth. Akan tetapi malang orang Malaysia tidak pernah beri penghormatan kepada dia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Masa sudah tamat.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Begitu jugalah hero-hero yang lain, ASP, PGB dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Santubong, masa sudah tamat. Sudah lebih masa.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Eh! Masa sudah habis? Macam mana saya hendak beri Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak benarkan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya ingat tidak ada masa tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah lebih daripada tambahan lima minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak sentuh butiran Kertas Putih tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dalam *map* Kertas Putih ini ada menunjukkan laut dan ia tunjuk pula yang ini Yang Berhormat Menteri. *[Sambil menunjukkan peta] Naval, area ini masih dispute Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita buat *art line*, tanda-tanda ini ialah tanda yang diiktiraf oleh pihak Indonesia.*

Kalau dokumen ini jatuh ke tangan orang Indonesia, dia kata orang Malaysia sudah setuju. Jadi kita punya *discussion* dengan Indonesia *on this line*, kita sendiri yang menganggap kita sudah terima Indonesia punya *trajectory* ini kerana *trajectory agreement* maritim kita ialah berlandaskan *Agreement 1948* yang di *improve* sehingga 1905 dan selepas itu *agreement land* yang juga mempengaruhi *trajectory* kita punya *border, naval border*.

Jadi ini saya nampak macam *border* yang dipersetujui oleh Indonesia kerana *trajectory* kita mengikut *line* negeri kita sendiri, dia akan masuk ke dalam ini. Apabila ia masuk dalam ini, maknanya masih ada kawasan yang *dispute*. Sepatutnya *line* ini tidak ada dalam kita punya *map* Kertas Putih ini kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah lambat masa saya, itu sahajalah. Yang Berhormat Menteri terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya hendak hadkan masa ke 10 minit.

### 3.09 ptg.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri kerana berjaya dalam tempoh tidak sampai dua tahun menerajui Kementerian Pertahanan yang penting ini telah berjaya membentangkan Kertas Putih Pertahanan di Dewan Parlimen yang mulia ini.

### ■1510

Saya melihat bahawa secara positif sekurang-kurangnya sekarang ada di hadapan kita *black and white*, hitam dan putih bercetak. Ini dasar tentang pertahanan negara kita dan disusun di sini kalau kita lihat ada lapan bab yang disusun. Bab yang kedua menjelaskan perspektif strategik ertiya Kementerian Pertahanan berani mengemukakan— inilah perspektif yang hendak dikemukakan kepada kita di Dewan ini.

Dalam kertas putih ini dibahagi kepada tiga bahagian. Bahagian yang kedua disebut strategi. Ertinya kita berkongsi— pihak kementerian berkongsi dengan rakyat dan masyarakat umum malah negara-negara dunia semua bahawa strategi negara kita ada sebut strategi pertahanan, angkatan masa depan, warga pertahanan dan hubungan pertahanan antarabangsa. Jadi ini memberi keyakinan kepada rakyat, kepimpinan, keluarga angkatan tentera sendiri, negara-negara jiran, blok-blok— negara-negara sahabat bahawa Malaysia sebuah negara yang *sovereign* yang berdaulat, tidak ada cita-cita untuk hendak *expand* atau hendak meluaskan jajahan takluknya, tidak. Hanya untuk mempertahankan negara kita ini dalam konsep politik, geopolitik antarabangsa.

Jadi, kalau kita kaji memanglah kertas putih ini nampaknya macam umum, *general*. Akan tetapi kalau kita bandingkan Perlembagaan Persekutuan kita juga umum, *general*. Perkara-perkara artikel dalam Perlembagaan kita itu umum. Apa yang diperincikan nanti penaksirannya, pihak mahkamah, pihak akademik akan mentafsirkannya lebih *detail*. Jadi kita bermula dengan kertas putih yang ada ini. Nanti kita memperbaiki lagi dan kita kembangkan lagi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kita boleh mengkaji kertas putih ini, memberi cadangan dan sebagainya. Akan tetapi yang mustahak sekali pembangunan keselamatan negara kita ini di bawah ketenteraan ini memerlukan kos yang munasabah. Kalau dilihat anggaran Belanjawan 2020 yang baru diluluskan ini, Kementerian Pertahanan diberikan peruntukan RM15.579 bilion berbanding dengan perbelanjaan keseluruhan belanjawan negara sebanyak RM299 bilion. Ini saya melihat kalau dari segi kasar, jumlah anggaran pertahanan berbanding dengan perbelanjaan belanjawan saya kira lima peratus lebih sedikit sahaja, dalam 5.5 peratus.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Pasir Gudang. Beluran.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Beluran. Sila, sila.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Kita melihat bahawa perbelanjaan tidak seperti negara-negara lain. Perbelanjaan terhadap tentera melalui bajet kita tidak seperti negara-negara lain yang sebahagian besar daripada *percentage of the GDP*. Kita meletakkan itu sebagai satu *percentage* bagi tentera.

Oleh sebab itu saya ingin tanya dengan Yang Berhormat adakah Yang Berhormat melihat bahawa peralatan, kesiapsiagaan tentera kita boleh menangani masalah yang boleh membangkitkan isu ketenteraan. Dua isu yang saya rasa boleh membangkitkan keselamatan dan rakyat Malaysia yang berada di sebelah Borneo negeri Sabah iaitu isu tuntutan berterusan oleh *Philippines*, isu kemasukan rakyat *Philippines* yang berterusan di negeri Sabah dan juga isu pemerkasaan ketenteraan yang dibuat oleh China di Laut China Selatan.

Isu-isu ini merupakan isu yang boleh mengundang kepada konflik ketenteraan pada masa akan datang. Kita tidak boleh nafikan isu Laut China Selatan satu isu yang panas, yang mengundang kepada tentera luar daripada *region* ini termasuk Amerika yang bertandang ke Laut China Selatan untuk menyaingi ketenteraan yang dibuat oleh China yang boleh membangkitkan

isu keselamatan di rantau ini di masa akan datang. Begitu juga isu tuntutan yang berlanjutan oleh Filipina seperti yang berlaku di Tanduo, Lahad Datu merupakan satu pengajaran yang harus diambil iktibar oleh negara kita. Adakah kertas putih ini mensiapsiagakan kita terhadap isu-isu akan datang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Beluran itu adalah penting dan sama dengan seperti yang saya fikirkan iaitu suka atau tidak suka kita perlu *clear* atau jelas tentang peruntukan kepada Kementerian Pertahanan ini terutama dalam melengkapkan aset-aset ketenteraan bagi negara kita ini.

Jadi, perlu dirumuskan dan disimpulkan pada setiap tahun berapa peratus peruntukan kepada anggaran belanjawan Kementerian Pertahanan ini mesti diuntukkan daripada keseluruhan GDP negara. Ini kerana ia penting untuk mereka, keluarga angkatan tentera merancang sebab di sini negara kita ini adalah negara maritim, luas— Pasifik, Lautan Hindi, Lautan Sulu, Lautan Sulawesi. Ertinya dan soalnya adakah cukup dengan dua kapal selam yang ada di Sabah ini.

Saya ingin bertanya— kalau boleh jawab, boleh jawablah. Dua kapal itu bolehkah ia menyelam setiap masa? Saya diberitahu sesebuah kapal selam itu ia ada masanya, ia tidak boleh tiap-tiap hari selama 365 hari menyelam, tidak boleh. Jadi perlu ditambah. Negara kita besar. Kalau dua kapal terbang itugilir-gilir menyelam, tidak cukup...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Saya bersetuju peruntukan perlu ditambah, lagi banyak lagi bagus bukan, keperluan kita begitu. Akan tetapi kita kena juga menerima hakikat kita punya pendapatan ada sekian banyak, RM200 bilion setahun begitu. Kalau kita hendak menambah peruntukan untuk pertahanan, *there is a cost* kata orang putih. *There is a cost, opportunity cost. You have to do it at the expense of development.* Kita perlukan peruntukan untuk pembangunan. Adakah Yang Berhormat Pasir Gudang bersetuju kalau kita demi menambah peruntukan kepada pertahanan, kita kurangkan peruntukan untuk pembangunan yang mana kita tahu bahawa negara kita banyak lagi yang kita hendak buat untuk menjadi negara yang maju dan berjaya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Untuk menjawab Yang Berhormat Pasir Salak, jawapan saya begini. Pembangunan sosioekonomi penting, tidak boleh diabaikan tetapi pembangunan sektor ketenteraan juga penting. Cuba kita rujuk Bab 8 dalam kertas putih ini menyatakan reformasi tadbir urus dan pembiayaan. Maknanya ini penting, Bab 8 ini iaitu kita cegah rasuah, kita tidak gunakan kaedah membeli senjata, kapal selam pesawat, helikopter dan sebagai tetapi ada berlaku rasuah umpamanya yang membebankan negara. Jadi, kertas putih ini kita pentingkan Bab 8 ini. Jika kalau pengurusan kementerian pertahanan dibuat dengan cara yang telus, tidak korup, tidak melahirkan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak bertanya berapakah *saving* daripada kalau kita atasi masalah rasuah ini?

■1520

*How much money can you save and from that money you can spend on the defense? Have you calculated the sum? Jangan buat general statement kata "Kalau kita selamatkan daripada rasuah kita banyak duit, boleh beli itu dan ini." This is general statement, it is misleading the public. You ingat kan bahawa rasuah...*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Izinkan saya jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Rasuah itu yang menjadi penyebab.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Izinkan saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kes pembelian kapal selam *Scorpene* ada di mahkamah Perancis. Itu *corruption*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *How much?* Berapa banyak ini?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Perkara yang itu boleh tanya kepada Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Benda ini tidak boleh beri *general statement and making an impression to the public* bahawa *because of corruption...*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Akan tetapi kalau kita dapat selamatkan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak boleh! *We need more, we need a few hundred billions. If you want to go to the level of developed countries like America, Germany semua itu you need hundred of billions.* Setuju atau tidak setuju Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Isu *corruption* sangat besar dalam kementerian...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan dipolitikkan. *That is your talking politic.*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kita hendak reformasi, hendak membersihkan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Reformasi pun sudah pecah belah.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Siap siaga untuk membeli alat tentera kita.

*[Tepuk]*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Kertas Putih ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu diikuti oleh Yang Berhormat Arau, kemudian Yang Berhormat Jelutong. Kemudian Yang Berhormat Pendang, dan kemudian Yang Berhormat Kota Kinabalu.

### 3.21 ptg.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya saya berterima kasih kerana boleh bersama membahaskan tentang topik Kertas Putih Pertahanan yang kita bincangkan pada hari ini. Dalam masa yang sama barangkali boleh juga saya maklumkan tentang situasi yang berlaku sekarang ini di Pantai Timur terutamanya yang melibatkan kawan-kawan kita daripada Ahli Parlimen di Pantai Timur Terengganu dan Kelantan yang sedang berhadapan dengan malapetaka banjir, yang mana pada ketika ini Kelantan sehingga 4 pagi tadi, mangsa sebanyak 5,206 orang. Di Terengganu 3,471 berlaku di semua kawasan Parlimen kecuali Kuala Terengganu, saya hadir pada hari ini. Jadi, sudah tentulah dalam setiap kali berlaku malapetaka begini bila sampai waktunya ATM kadang-kadang digerakkan sama untuk menghulurkan bantuan. Inilah antara skop jasa yang telah diberikan oleh Angkatan Tentera Malaysia kita.

Saya kali pertama mendengar tentang perkataan Kertas Putih Pertahanan ini seperti mana yang disebut, ini adalah kali pertama Kertas Putih Pertahanan. Saya tertarik semasa kita bincangkan ketika taklimat hari itu ada yang kata fasal apa tidak namakan Kertas Merah. Kertas Merah nampak lagi garang ataupun namakan Kertas Hijau supaya Kertas Hijau ini nampak mesra alam sedikit. Kebanyakan daripada malapetaka yang merosakkan alam sekitar di seluruh dunia disebabkan oleh perperangan. Ada juga fasal apa namakan Kertas Putih. Kertas Putih ini macam angkat bendera putih. Jadi macam mengalah belum apa-apa lagi. Akan tetapi apa-apa pun saya mengalu-alukan sekurang-kurangnya dengan adanya Kertas Putih yang telah dibentangkan pada hari ini, adalah dapat memberi gambaran kasar kepada kita apa itu pertahanan yang kita

bicarakan di dalam negara kita. Ini kerana kita tidak tahu apa yang ada di dalam pemikiran pemimpin-pemimpin kita, pegawai-pegawai kita di dalam mempertimbangkan dasar-dasar pertahanan, membawa hala tuju pertahanan negara kita.

Secara umumnya apa yang terkandung di dalam Kertas Putih Pertahanan yang ada pada hari ini banyak bukanlah perkara baharu. Sebahagiannya telah pun ada di dalam Dasar Pertahanan Negara Tahun 2010 yang telah digubal oleh Kementerian Pertahanan dan disusuli juga dengan Dasar Keselamatan Negara tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Semua dokumen tersebut boleh diakses secara terbuka dan boleh diteliti dengan lebih lanjut secara *online*. Banyak perkara yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan juga telah dinyatakan oleh kedua-dua dasar sebelum ini seperti cabaran, reformasi sistem pertahanan, industri pertahanan dan tahap kesiapsiagaan kita. Walau bagaimanapun Kertas Putih Pertahanan ini seperti mana yang saya sebut tadi sudah tentulah penting bagi memberikan gambaran semasa tentang tindakan yang akan diambil oleh kerajaan di dalam mendepani cabaran pertahanan negara kita pada masa akan datang.

Saya ingin mengulas sedikit di dalam Kertas Putih Pertahanan banyak disebut tentang kerjasama-kerjasama pertahanan yang telah kita lakukan dengan pelbagai negara. Baik negara besar, mahupun negara kecil. Saya ingin mengulas tentang aspek keperluan kerjasama pertahanan antara negara-negara Islam sebab banyak rantau yang bergolak sekarang ini melibatkan negara-negara Islam yang memerlukan digerakkan bantuan kemanusiaan dengan cara yang tersusun.

Pada tahun 2015, Arab Saudi mengumumkan inisiatif untuk menubuhkan satu kerjasama ketenteraan dengan 34 negara Islam seluruh dunia. Malaysia hanya menyatakan kesefahaman untuk memerangi ancaman *extremism* tetapi tidak meletakkan komitmen untuk menghantarkan pasukan tentera bagi merealisasikan tujuan tersebut. Kemudian pada bulan Mac 2019 di Islamabad, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan Perdana Menteri Pakistan untuk menjalankan pelbagai kerjasama termasuk di dalam bidang pertahanan. Ini disusuli pula pada bulan Julai 2019 lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Turki di Istanbul bagi mengadakan kerjasama terutama di dalam industri dan teknologi pertahanan. Justeru, apakah sebenarnya hasrat Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain terutama menerusi platform OIC di dalam membentuk kerjasama strategik bagi memperjuangkan dan mengkoordinasi misi bantuan kemanusiaan khususnya untuk umat Islam yang sedang tertindas seperti di Palestin, Syria, Yemen, Rakhine, dan Xinjiang.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan industri pertahanan Malaysia yang mana di dalam Kementerian Pertahanan telah pun diwujudkan pada tahun 1999 apa yang disebut sebagai Majlis Industri Pertahanan Malaysia. Saya sendiri pada tahun 1999 adalah antara yang pertama menjadi Ahli Majlis Industri Pertahanan Malaysia. Pada waktu itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar.

Negara jiran, Indonesia dan Singapura telah jauh meninggalkan Malaysia di dalam industri pertahanan khususnya daripada aspek produk, teknologi dan kajian. Dua negara tersebut memulakan industri pertahanan pada waktu yang hampir seiring dengan Malaysia namun mereka mampu pergi lebih jauh pada hari ini. Sesuatu yang perlu difikirkan agar Malaysia lebih cepat bangkit bersaing bukan untuk tujuan peperangan akan tetapi membangunkan industri pertahanan yang lebih kompetitif dan maju. Oleh itu Malaysia perlu mempunyai satu perancangan sistematik untuk mengurangkan kebergantungan kepada import lebih-lebih lagi menumpukan kepada mengkomersialkan inovasi tempatan. Justeru fungsi institusi Institut Penyelidikan Sains Dan Teknologi Pertahanan (STRIKE) dan Majlis Industri Pertahanan Malaysia perlu di perkasa dengan lebih agresif lagi.

Seterusnya daripada peruntukan berbilion ringgit untuk mengimport aset-aset ketenteraan. Sejumlah peratusan daripada peruntukan tersebut perlu dilaburkan semula untuk syarikat tempatan untuk menjalankan kajian inovasi pertahanan. Syarikat-syarikat import aset ketenteraan juga seharusnya ditetapkan suatu polisi agar perkongsian teknologi turut dipindahkan melalui proses *transfer technology*. Selain itu mereka juga mestilah meletak syarat agar sumber tempatan dimanfaatkan di dalam produk gantian atau penyelenggaraan aset ketenteraan. Saya juga ingin bertanya adakah standard NATO yang sentiasa ditetapkan adalah suatu kewajipan untuk diikuti kerana ia kadang-kadang dilihat membatas fleksibiliti kita di dalam membuat perolehan aset khususnya daripada industri tempatan.

Di kesempatan ini saya ingin bertanya tentang proses tender FIC yang baharu keluar baru ini, yang mana didapati tender ini tidak menguntungkan industri pertahanan tempatan. Ini kerana tender itu dikeluarkan secara *supply*. Biasanya untuk pembinaan kapal ini dipanggil tender *design and build* melibatkan limbungan tempatan. Apabila *trading*, dia boleh dapatkan mana-mana pembekal daripada luar negara sedangkan seperti mana saya sebut di dalam perbahasan saya di peringkat jawatankuasa, ia adalah sepatutnya boleh disertai oleh limbungan-limbungan tempatan. Saya mendapat aduan adanya beberapa kemosykilan di dalam proses penilaian tender ini, saya minta supaya pihak kementerian menyiasat berhubung dengan perkara ini. Malah ada desakan supaya di-tender semula.

Seterusnya mungkin juga saya boleh sebutkan tentang keperluan penggunaan barang tempatan. Negara kita pengeluar petroleum, banyak mengeluarkan resin dan sebagainya. Saya rasa mengapa kita masih tidak membangunkan teknologi komposit yang mana menggunakan barang tempatan sebab besi aluminium dan sebagainya semua ini kita import daripada luar.

#### ■1530

Saya ingin menyentuh sedikit tentang kepentingan ZOPFAN iaitu *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* yang telah digagaskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kedua Tun Razak sejak 48 tahun yang lalu. Adalah penting untuk Malaysia mengekalkan pendirian ini supaya kita tidak dilihat menjadi blok mana-mana kuasa besar dan sebagainya. Maka kerana itu, ada beberapa perkara yang saya minta supaya Malaysia berhati-hati terutama sekali di dalam

mempertimbangkan tentang permintaan pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan pangkalan tentera mereka melibatkan tanah air kita.

Ada juga pernah dibangkitkan tentang apabila kita menerima sebanyak 12 dron pesawat tanpa pemandu *ScanEagle* (UAV) dari Amerika Syarikat secara percuma. Saya mendapat maklumat bahawa dron ini boleh di pintas kawal oleh pihak Amerika. Jadi, saya harap benda ini disiasat. Malah dron ini boleh digunakan untuk tujuan Amerika membuat sasaran. Kita yang pandu tetapi sasaran dibuat oleh Amerika. Jadi kalau betul keadaan macam ini, kita akan dilihat sebagai menjadi peranti perkakasan kepada sebuah kuasa besar yang sudah tentulah bertentangan dengan konsep ZOPFAN yang kita nyatakan.

Seterusnya, saya ingin menyatakan sokongan saya supaya bajet pertahanan ditentukan beberapa peratus daripada GDP negara seperti yang disebut oleh kawan-kawan kita sebentar tadi sebab perbandingan yang dibuat misalnya, bajet kita Cuma sebanyak enam peratus daripada GDP, berbanding Singapura sebanyak tiga peratus. Saya minta supaya ditetapkan. Mungkin satu hingga dua peratus supaya kita tidak dilihat mengambil ringan tentang isu-isu berkait dengan kedaulatan negara. Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya menjemput sekarang Yang Berhormat Arau.

### 3.31 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali ialah pada 12 April— dengan ihsan Yang Berhormat Paya Besar. Pada 12 April 2018, buku Perteguh Negaraku yang dinamakan Ikrar telah dilancarkan oleh Kementerian Pertahanan. Buku ini macam inilah [*Sambil menunjukkan sebuah buku*]. Rakyat Malaysia boleh tengoklah macam ini. Buku ini sebahagian besar daripada apa yang terdapat dalam buku ini dimasukkan dalam Kertas Putih. Jadi '*Abang Mat*', macam inilah. Sat lagi ucap terima kasihlah. "Ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya". Kata terima kasihlah kerajaan dahulu buat ikrar tetapi tidak dibentangkan di Parlimen. Cuma jadi *public document*. Sekarang ini, '*Abang Mat*' perkenalkan Kertas Putih. Jadi ini dibincangkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi sebahagian besar isinya ialah apa yang terdapat ucap terima kasihlah. Tidak payah *depa bising-bising* sangat.

Okey yang keduanya. Allah berfirman dalam al-Quran dalam Surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud, "*Sediakanlah kuda-kuda, angkatan berkuda bersenjata yang bertambat*". Allah kata "*Kuda yang bertambat*" untuk menggerunkan musuh dan juga menggerunkan musuh Allah. Jadi ini bermakna, persediaan keselamatan itu mengikut Islam iaitu kita sediakan pertahanan ini untuk menggerunkan musuh, bukan kita berperang. Allah kata "*Kuda yang bertambat*". Makna kata kita menyediakan sesuatu yang menggerunkan musuh.

Itu sebab apabila perbelanjaan yang dibuat, wakil kerajaan tadi menyebut tidak tinggi, tidak rendah, mencukupi. Seolah-olah macam hendak sabotaj pihak kerajaan. Sepatutnya kita

sediakan peruntukan sebanyak dua peratus sebab dahulu tidak apa satu peratus, okey. Sebab masa itu kita baru, barang-barang kita beli pun baru. Akan tetapi sekarang barang-barang sudah tua, uzur. Jadi kita kena sediakan sebanyak dua peratus daripada GDP ataupun KDNK ataupun sebanyak 10 peratus daripada bajet.

Sekarang ini perbelanjaan yang diperlukan ini tidak mencukupi untuk kita menghebahkan Kertas Putih. Kertas Putih ini hebat, dahsyat tetapi peruntukan yang diminta tidak dahsyat. Kita minta Yang Berhormat sebelum habis kita bentang Kertas Putih ini kita bersetuju nanti, sekurang-kurangnya ada benda besar yang kementerian akan laksanakan. Sekarang Yang Berhormat balik, cuma pegawai-pegawai sana ambil gambar depan itu, habis. Selepas itu apa yang kita buat? Apa yang kita buat? Apa dia benda besar yang kita dapat sekarang?

Jadi, sekurang-kurangnya kata sebelum kita hendak buat sebanyak dua biji *aircraft carrier* kah, baru itu kehebatan pertahanan. Kita kena tunjuk hebat. Jeneral-jeneral kita hebat. Ketua Turus tentera hebat tetapi di belakangnya tidak hebat. Kapal-kapal tua sedang mengiringinya. Kapal-kapal perang tua lah pakcik. Saya tahu apa yang berlaku di sana.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita hendak bergerak— ya. Ya Jeneral. Ini Jeneral yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pertahanan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih. *[Ketawa]* Yang Berhormat Arau, saya hendak mencelah sebab saya risau tidak sempat hendak berucap nanti. Saya setuju dengan Yang Berhormat Arau tadi. Apakah Yang Berhormat Arau setuju dengan saya pula yang iltizam politik, *political will* yang paling penting dalam kita melaksanakan Kertas Putih Pertahanan ini? Setakat kertas ini, siapa-siapa pun boleh bentang tetapi kalau tidak ada iltizam politik untuk mencari peruntukan, untuk memberi komitmen, kertas ini kosong. Saya beri contoh kepada Yang Berhormat Arau. *National Security Strategy and Strategic Defence and Security Review* daripada United Kingdom, ini kertas putih mereka. Mereka berani letak berapa ramai *brigade armor infantry*, berapa banyak *air assault brigade*, berapa banyak pesawat *jet fighter* dan sebagainya yang akan dibeli dalam tempoh masa yang ditetapkan. Akan tetapi di sini tidak berani sebab tidak ada *political will*. Minta pandangan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Itu ialah sesuatu yang cukup baik daripada *Brigadier General* Khairy dan saya ambil jadi sebahagian daripada ucapan saya. Saya minta Yang Berhormat tolong jawab. Sebab kita *duk* sebut kita minta tolong Yang Berhormat Menteri Kewangan. Hei, yang tentukan bajet bukan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan perlekehkan Yang Amat Berhormat Langkawi. Kalau Yang Amat Berhormat Langkawi kata ya, semua menjadi sekarang. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan, dia kena rujuk kepada Yang Amat Berhormat Langkawi juga.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Pertahanan ini baik dengan Yang Amat Berhormat Langkawi. Buat sesuatu Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekejap, sekejap. Saya hendak bagi habis ucapan ini sebab ini ucapan yang agak teragung. Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat ini, China dia membuat *boundary* dia, dia panggil *nine-dash line* tetapi semua negara buat *boundary* dengan *dot-dot*, dengan *dotted line*. Jadi, ini beza. Bila Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menunjukkan peta ini, rakyat Malaysia tolong tengok peta ini ya [*Sambil menunjukkan sekeping peta*]. Ini dia *boundary* kita *hat* merah tetapi ini ialah Spratly Islands yang duduk di kawasan Malaysia. Yang Berhormat, Terumbu Layang-Layang kita punya. Akan tetapi Terumbu Amboyna ini, pihak Vietnam telah masuk, di mana kita telah buat *structure* kita. Ini ada bekas-bekas askar, di kalangan Bentara pun ada bekas-bekas askar yang duduk di Sabah masa dulu...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah sekarang?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mereka hanya menunggu arahan untuk pergi berperang menawan balik Pulau Amboyna. Sekarang diambil oleh Vietnam tetapi duduk dalam kawasan Malaysia. Kemudian Terumbu Perahu Yang Berhormat yang panjang itu. China dia buat lagi panjang, itu China ambil alih. *Hat* perahu kita punya. Kemudian Terumbu Mantanani, ini memang tidak nampak. Saya kena pakai kanta semalam ini—tidak nampak, terlampau kecil ya. Ini Mantanani, Philippines tengok *dok* berlawan, malah dia telah bubuh askar dia di sana. Apa yang kita ada ialah Terumbu...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah ini dan dengan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terumbu Siput dengan Terumbu Peninjau.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Arau, boleh Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Itu pun mereka *duk* kacau. Jadi kita punya base hanya tinggal Terumbu Layang-Layang. *Please* lah okay. Seorang setengah minit.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa you hendak bagi ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Salah seorang, ya. Yang Berhormat Pasir Salak dahulu selepas itu Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Pasir Salak dahulu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Arau. Berapa sebenarnya kewangan peruntukan yang diperlukan? Kita tanya kepada Yang Berhormat Menteri lah melalui Yang Berhormat Arau. Berapa banyak untuk kita memenuhi keperluan pertahanan kita kepada tahap

yang canggih ‘manggih’ yang kita bincangkan ini [*Ketawa?*] Based on the needs statement, what is the— dan berapa...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Sekali Yang Berhormat Arau.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang kita hendak beli dan berapa banyak duit yang diperlukan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Hat* ini Yang Berhormat Kepala Batas.  
[Berucap tanpa menggunakan pemberitaan suara]

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Okey. Sama juga tadi benda yang dibangkitkan berkaitan dengan tadi *nine-dash line*. So benda ini berkaitan dengan tuntutan-tuntutan bertindih, benda yang sudah berlarutan agak panjang. Kalau kita lihat *Declaration of Conduct (DOC)* yang ditandatangani pada tahun 2002, sampai sekarang tidak dapat di-finalize untuk menjadi [*Tidak jelas*] Jadi setuju kah Yang Berhormat Arau, kalau macam mana yang disebut atas nama *Military Diplomacy*? Maknanya dibentuk dalam bentuk *caucus* semua negara yang mempunyai kepentingan dalam *overlapping claim* ini seperti Filipina, Vietnam, Malaysia dan juga Brunei dan ini juga atas nama semangat sebagai mana yang disebut dalam Kertas Putih iaitu ASEAN *Centrality*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Setuju.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Barulah orang kata China, *at least* sekurang-kurangnya kita dapat *sense* atau *signal* yang lebih kuat kepada Beijing. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Thank you.* Kedua-dua ini masuk dalam ucapan saya dan terima kasih. Selepas ini gangguan tidak dibenarkan langsung, diharamkan.

Ini ialah kawasan Malaysia. [*Sambil menunjukkan sekeping peta*] Jadi seperti yang telah dicadangkan oleh kawan-kawan tadi, kalau kita biar, mereka ini akan mengambil alih apa terumbu-terumbu yang ada. Jadi, Terumbu Perahu, Terambu Siput dan juga Terumbu Mantanani ini, kena letak tentera. Ketua Turus tentera kena letak tentera di sini. Tidak boleh dibiarkan sebab dalam peraturan United Nations, sesiapa yang duduk lama di sana, dia akan dikira mereka mempunyai atau tuan punya pulau itu.

#### ■1540

Akan tetapi ini Yang Berhormat, yang kuning. Yang Berhormat tengok yang kuning, yang kuning duduk dalam Sarawak. [*Merujuk kepada senaskah laporan yang dipegang*] Beting Patinggi Ali. Maaflah kalau tidak sebut, tidak cukup syarat. Yang Berhormat tengok ini Beting Patinggi Ali duduk 83 kilometer daripada Sarawak. 82 kilometer. *Hak* yang ini sekurang-kurangnya jaraknya dekat sempadan, ini dekat Yang Berhormat tetapi *coast guard* China berada di sana. Jadi, saya rasa Kertas Putih ini akan menjadi hebat dan kuat apabila Yang Berhormat jawab, esok dalam masa sebulan semua sekali kawasan kita akan dibersihkan daripada orang-

orang asing. Ini Laut China Selatan, kita punya Yang Berhormat barulah Kertas Putih ini menjadi hebat.

Kemudian, Yang Berhormat di bawah *page* 39 iaitu strategi pertahanan, selamat, berdaulat, makmur. Selamat belum tentu lagi, berdaulat ini masalah ini Yang Berhormat. Jadi, saya mencadangkan kawasan teras, kawasan lanjutan, kawasan hadapan. Kawasan teras ini tidak payah kita –Kita ini di Kuala Lumpur kita jagalah, polis boleh jaga dan sebagainya. Saya mencadangkan kawasan teras dan kawasan lanjutan ini dijadikan kawasan teras memandangkan yang patut kita jaga ialah kawasan ekonomi kita, kawasan Beting Patinggi Ali kita, kawasan Terumbu Layang-layang di mana telaga minyak kita berada, itu kawasan teras. Nombor dua di Kuala Lumpur, kami boleh tolong jaga bersama. Jadi *hak* sana terlampaui jauh untuk kita jaga. Jadi ubah kawasan teras itu seperti yang telah saya sebutkan.

Kemudian Yang Berhormat, seperti kawan-kawan yang lain sebut, bahawa Indonesia telah membina dengan menggunakan tentera daratnya untuk berjalan daripada Tanjung Datu, Telok Melano sampai ke Sabah, 4000 kilometer. Jadi di kawasan sempadan. Jadi, saya minta supaya kita kena membuat satu untuk membina jalan ataupun kita kena buat sesuatu, sama ada kita hendak buat pagar dan sebagainya. Kalau tidak, jalan sebelah mereka itu akan menjadi asas kepada sesuatu yang kurang baik di masa akan datang. Akhir sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekaliilah, macam tidak biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat sudah. Minta rumuskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi, saya akhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau akhir sekali Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, tidak apalah, saya boleh duduk. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua akan menyesal seumur hidup. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak, saya tidak akan menyesal.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Disebut HANRUH. Pertahanan menyeluruh (HANRUH). Jadi HANRUH ini Yang Berhormat, jadi saya bersetuju supaya kita kena tetapkan. Dalam Kertas Putih kita menetapkan bahawa satu *volunteer*, 10 penduduk. Makna kata setiap 10 penduduk, seorang sukarelawan. Ini kira okeylah. Macam Israel, satu-satu. Semua penduduknya adalah sukarelawan. Jadi, sekarang ini kita satu persepuuh. Kalau hendakkan satu perdua puluh pun tidak apa. Akan tetapi, satu persepuuh yang terbaik kerana semua orang ingin berkhidmat untuk negara yang tercinta ini kecuali puak-puak komunislah dan sebagainya yang tiba-tiba muncul pada hari ini yang boleh mengharukan keselamatan dan kita tahu bahawa DAP memang di belakang puak-puak komunis ini.

Apabila berlaku perhimpunan, wakil rakyat, Yang Berhormat Ronnie Liu hadir bersama...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Dan saya mencadangkan supaya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Saya minta Yang Berhormat untuk menarik balik kenyataan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Askar...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Bahawa DAP di belakang puak-puak komunis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Ada, ada...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, daripada pagi tadi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya. Okey, okey...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Kita telah berbahas, tolonglah. Kalau hendak mengemukakan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tarik balik DAP, saya gunakan ada anggota DAP. Ada wakil rakyat DAP, okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, *come on*. Janganlah buat begitu. Tolong minta tarik balik. Kita...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ronnie Liu wakil rakyat mana?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua telah memberikan petua pada hari itu. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Seorang Ahli:** Ronnie Liu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita tidak menyokong komunis langsung, ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tarik balik DAP, tarik balik itu. Saya kata Yang Berhormat Ronnie Liu hadir. Yang Berhormat Ronnie Liu saya tidak tahu, siapa dia tidak tahu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, *please be gentleman*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Ronnie Liu...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No*, saya minta Yang Berhormat jangan kaitkan DAP. Kita tidak ada apa-apa kaitan dengan komunis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak kata saya kaitkan DAP, saya kata individu bernama Yang Berhormat Ronnie Liu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No, no. You are still referring to a DAP member dengan izin.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak akan Yang Berhormat Ronniu Liu tidak boleh? *[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** No, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *You are the lawyer, you should understand* apa yang saya cakap. Saya kata individu bernama Yang Berhormat Ronnie Liu telah hadir...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** No, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta Yang Berhormat – saya menyokong apa yang dibuat ini tetapi dengan syarat. Saya sokong dengan syarat bahawa satu peruntukan yang hebat dan dahsyat diberikan kepada Kementerian Pertahanan untuk membolehkan mereka menjaga maruah, makmur dan juga berdaulat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Masa sudah tamat. Baik, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, saya minta mulakan lima minit kerana lebih daripada 12 orang akan – Silakan Yang Berhormat Jelutong.

### 3.44 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah hari bersejarah kerana setelah menjadi Ahli Parlimen, saya difahamkan oleh mantan-mantan Ahli Parlimen bahawa sebelum ini tidak ada sebarang Kertas Putih berkenaan Kementerian Pertahanan yang telah dibentangkan. Saya memuji Yang Berhormat Menteri, kementerian kepada semua kakitangan yang telah bertungkus-lumus menyediakan Kertas Putih ini.

Daripada minggu lalu telah saya melihat, membaca dan cuba melihat kepada perkara-perkara yang telah dinyatakan. Ini adalah kali pertama kita lihat Dewan yang mulia ini membincangkan tentang kebijakan anggota-anggota tentera. Kalau kita merujuk kepada muka surat 58, pengekalan anggota ATM, perenggan 24(1), elaun, ganjaran dan insentif khas, kemudahan kesihatan, akses kepada kedua-dua sistem kesihatan awam dan tentera dan kemudahan perumahan, penyediaan kuarters serta pelbagai program perumahan untuk memenuhi keperluan perumahan tentera.

Di antara butiran-butiran yang telah dinyatakan, sedikit sebanyak ia menyentuh perkara-perkara yang akan memberi motivasi kepada anggota-anggota tentera. Kalau ada yang sedang menonton siaran langsung, saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan di antara lain perlu dipuji kerana membentangkan Kertas Putih Pertahanan ini kerana ia menunjukkan keprihatinan kerajaan tentang kebijakan anggota-anggota di mana di antara lain, kita juga telah menyatakan perkara-perkara yang menyentuh elaun, ganjaran dan insentif khas kepada mereka.

Saya di sini pada masa yang sama ingin juga bertanya, mungkin perkara-perkara ini tidak didedahkan sama ada kerajaan pada masa sekarang bercadang untuk memperkuatkan lagi kerjasama ketenteraan ASEAN umpamanya seperti *North Atlantic Treaty Organization* di mana seperti Britain, Kanada, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Negara-negara di ASEAN boleh bekerjasama untuk kita bersama-sama menjaga keselamatan di rantau Asia. Kalau kita saling bekerjasama, maklumlah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, persisiran pantai kita luas, kita boleh bekerjasama dengan negara-negara seperti Indonesia, Singapura, Vietnam, Thailand, Brunei, Filipina untuk memastikan bahawa rakyat di Malaysia dan negara-negara mereka juga saling diberikan perlindungan dan keselamatan sejagat terjamin.

So, saya di sini ingin menyeru kementerian dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk mempelopori perkara ini. Ini adalah salah satu perkara yang pernah disentuh oleh Yang Berhormat Sembrong tetapi tidak pernah dinyatakan dengan *detail*, dengan lebih terperinci. Akan tetapi, mungkin boleh dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri kerana saya lihat perkara ini sedikit sebanyak disentuh dalam muka surat 66, perenggan 15, hubungan di antara Filipina dalam *trilateral intelligence exchange*. Ini kerana kerjasama di antara negara-negara ASEAN ini boleh menjadi satu organisasi yang menggerunkan sekiranya terdapat pihak-pihak pengganas tertentu sama ada daripada Filipina yang ingin menceroboh masuk ke Sabah dan Sarawak ataupun negara-negara seperti Indonesia yang ingin menceroboh masuk ke dalam Malaysia. Kita boleh menggunakan kerjasama ketenteraan ini untuk menangkis dan juga mempertahankan negara masing-masing.

So, ini adalah perkara-perkara yang saya ingin sentuh. Pada masa yang sama, saya memuji Yang Berhormat Menteri kerana pembentangan Kertas Putih ini akan memastikan bahawa perkara-perkara seperti rasuah, ketirisan yang berlaku di dalam pembelian aset-aset tentera yang pernah kita lihat, yang pernah kita baca di mana prosiding-prosiding sudah pun berjalan tidak akan – Yang Berhormat, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya melihat ideologi komunis tidak masuk dalam angkatan tentera?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya memang setuju dan kita kena pastikan bahawa kita tidak bekerjasama dengan China seperti parti UMNO yang pernah menghadiri prosiding ataupun mesyuarat agung – biar saya habis jawab dahulu. Yang Berhormat tanya, saya jawab. Bagi saya peluang. Duduk, duduk dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Parti DAP ataupun Bersatu ataupun Keadilan ataupun Warisan tidak pernah menghantar sesiapa untuk menghadiri secara rasmi perhimpunan agung parti komunis di China seperti UMNO. Jadi, saya ingin menyarankan di sini bahawa selain daripada UMNO, tidak ada mana-mana parti politik lain yang pernah menjalinkan perhubungan diplomatik dengan Parti Komunis China. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya memohon Menyokong Kertas Putih ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat *[Pembesar suara dimatikan]*

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pendang, diikuti Yang Berhormat Kota Kinabalu. Kemudian Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Jasin.

Silakan Yang Berhormat Pendang, lima minit.

### 3.50 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahuakbar.* Selalu lima minit, 10 minitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Lima sebab ramai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak terus kepada ucapan saya berkenaan dengan – diberi peluang untuk membincangkan kertas putih ini dan juga dalam urusan kita untuk membantu Yang Berhormat Menteri Pertahanan– Yang Berhormat Jelutong keluar, saya ada benda hendak bercakap dengan dia. Duduk Yang Berhormat Jelutong, jangan lari.

Baik. Pertahanan negara telah melakukan evolusi yang besar. Sekiranya kita melihat daripada Perang Dunia Kedua tahun 1945 hingga perang dingin tahun 1990-an, Malaysia berhadapan dengan ancaman luar negara dari rantau ASEAN termasuk dalam negara sendiri seperti British, Jepun dan komunis. Akhirnya, kita mengadakan kerjasama peringkat antarabangsa dan beralih kepada *self-reliance defense strategy* pada 1980-an. Malaysia terus membangun aset pertahanan meskipun berhadapan dengan keterhadan dana selari dengan negara-negara ASEAN yang lain. Maknanya kita tidak mencukupilah dana untuk pembangunan *military* kita. Jadi, kita minta supaya peruntukan tambahan diberi secukupnya untuk meningkatkan kedaulatan negara. Apatah lagi Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita ini mempunyai semangat untuk mempertahankan tanah air selari dengan kehendak Islam. Wajib kita mempertahankan tanah air kita.

Seterusnya, aset pertahanan udara, laut dan darat perlu kita peringkatkan. Kita tidak mahu tuntutan berlanjutan ke atas negara-negara jiran kita, ke atas pulau-pulau kita ini berlanjutan terus. Ini kerana apa? Tuntutan ini mereka melihat kita tidak ada kedaulatan, ketenteraan kita lemah. Inilah yang menyebabkan mereka tuntut. Akhirnya disebut oleh Yang

Berhormat Arau tadi, pulau kita terlepas satu demi satu, demi satu. Termasuk yang telah terlepas adalah Pulau Batu Puteh.

Saya hendak merujuk dan memberi peringatan kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan supaya kita berhati-hati, terus meningkatkan pertahanan negara kerana rangkaian kongsi gelap antarabangsa, rangkaian ideologi komunis yang sedang bergerak di peringkat antarabangsa perlu kita perkasakan pasukan perisik ATM. Supaya sebelum terjadi satu perkara besar, perisik ATM kita sudah mendapat maklumat awal dan boleh kita ambil tindakan mengatasi ini. Ini juga perlu kita lihat sebagai satu kaedah yang paling baik untuk kita mempertingkatkan pasukan perisik angkatan tentera.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Seterusnya – sekejap, saya tidak ada masa.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang bolehkah?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya tidak ada masa, saya tidak boleh bagi. Juga penyeludupan antarabangsa...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Sikit sahaja, sikit sahaja Yang Berhormat Pendang. Perisikan, perisikan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, sekejap lagi – saya lima minit ini banyak yang ada ini.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Perisikan, perisikan sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, okey sila.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bersetujukah Yang Berhormat Pendang sebab pernah berlaku pada kami di negeri Sabah, kamu belum lagi kan? Kami kena cerobohi Tanduo itu. Jadi tentang perisikan ini, bersetujukah Yang Berhormat Pendang supaya perlu dipertingkatkan lagi – supaya tidak akan berlaku seperti apa yang berlaku pada kami di Tanduo itu?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, saya memang bercakap berkenaan untuk mempertingkatkan perisikan tadi. Jadi kita tengok sekarang ini serangan daripada lanun-lanun ataupun pihak daripada Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak ini sangat kerap berlaku. Ini kerana apa? Ini kerana tentulah pertahanan laut kita di persisiran pantai di sempadan kita, di sebelah timur sana tidak mencukupi. Kita tidak boleh mengambil alasan bahawa pesisiran pantai kita ini panjang. Jadi kita tidak mampu. Sebenarnya kelemahan kelengkapan angkatan tentera. Banyak negara dunia mempunyai pesisiran pantai yang sangat panjang, lebih panjang daripada Malaysia tetapi mereka mampu. Ini adalah kaedah ataupun sistem yang mereka adaptasi bagi mengawal perairan negara mereka.

Ini yang perlu kita pelajari. Inilah kertas putih yang kita akan sokong dibentangkan, menunjukkan benda baharu. Kita tidak mahu macam Yang Berhormat Jelutong asyik tengok

perkara yang lepas. Masa jadi pembangkang pun mengkritik kerajaan, menjadi kerajaan pun mengkritik pembangkang, tidak ada suatu idea baharu. Sepatutnya tinggalkan – *bundle*-kan semua isu ini, kes-kes yang dituduh seperti enam helikopter ini serah kepada pihak Peguam Negara, dakwa mereka dan kita terus bergerak ke hadapan memajukan negara. Ini baru ada idea baharu.

Ini tidak, *duk* bangkit perkara lama setahun lebih sudah. Cukuplah, kami *cemuih* sudah. Tangkap mereka ini kalau ada yang buat salah dan silap. Ini tidak, *duk* bercakap hal yang lepas. Masa jadi kerajaan pun hentam pembangkang, menjadi pembangkang dahulu pun hentam kerajaan masa itu. Tidak ada langsung perubahan. Jadi kita tengok, kita tidak hendak lagi. Mulai hari ini kertas putih untuk Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mula dibuat dalam negara kita ini terus kita akan bergerak ke hadapan. Kami *insya-Allah*, akan membantu negara.

Kita juga hendak melihat supaya kerajaan terus – *CyberSecurity*. Kementerian Pertahanan mesti bekerjasama erat dengan Majlis Keselamatan Negara dan *CyberSecurity* Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk memerangi ancaman jenayah siber.

Seterusnya saya hendak pergi terus – banyak saya tulis tetapi itulah – CAP55 TUDM juga perlu diperhebatkan. Tentera Udara Malaysia ini yang mana membeli beberapa pesawat tanpa UAV tadi ini, tanpa pemandu UAV yang mana kita kena lihat balik daripada mana kita dapat iaitu Amerika. Jadi Amerika ini ada pengadu domba dunia. Semua negara tempat ada berperang, itulah ada Amerikanya. Jadi, walau macam mana pun kita tidak boleh tinggal benda ini, teknologi kita kena ambil.

Seterusnya negara lain. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan, masih adakah lagi ancaman komunis dalam negara kita? Kalau ada, apakah tindakan? Kalau ada, apakah tindakan negara sama ada di laut, di darat, dalam hutan dan juga di udara, ancaman komunis ini? Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Seterusnya, kita hendak tengok yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila rumuskan yang terakhir.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya hendak gulung sudah. Saya hendak mengucapkan tahniah ke atas KAGAT kerana telah melancarkan buku bertajuk '*Akhlik Ketenteraan*' kepada seluruh Angkatan Tentera Malaysia yang baru-baru ini. Sebelum ini saya juga difahamkan pihak KAGAT juga telah bekerjasama dengan pensyarah di UKM untuk menerbitkan hadis-hadis berkaitan dengan peperangan ketika zaman Rasulullah SAW. Satu usaha yang terpuji dan selari dengan aspirasi ketenteraan yang berjuang mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

KAGAT harus lebih berkehadian untuk menyuburkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan Islam dan juga keselamatan seluruh rakyat. Bagi mereka yang menjadi tentera yang bukan Islam, kita tanam taat kesetiaan kepada negara, mempertahankan tanah air. Bagi mereka yang beragama Islam, kita tanam tanggungjawab mempertahankan

negara adalah tuntutan daripada agama Islam yang diperintah oleh Allah SWT, wajib kepada kita sehingga titisan darah terakhir mempertahankan tanah air sekiranya di ceroboh.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wallahu alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

### 3.57 ptg.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pertahanan atas pembentangan Kertas Putih Pertahan yang bertajuk '*Malaysia Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur*'.

Saya baru-baru ini baru balik dari London sebagai salah satu ahli delegasi untuk Kementerian Pengangkutan dalam *General Assembly International Maritime Organization (IMO)* dan Malaysia telah mendapat kedudukan nombor tiga dalam kategori sea sebagai *council member* di dalam IMO ini. Ini bermaksud Malaysia memang merupakan sebuah negara maritim. Persoalan saya untuk kertas putih ini adalah, sejauh mana kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan negara kita dalam domain maritim? Ini adalah amat penting.

Malaysia saya rasa perlu meningkatkan kuasa lautannya dalam semua aspek termasuk pengawasan, pencegahan dan keupayaan pertahanan. Dalam hal ini, strategi ketenteraan negara terutamanya strategi tentera laut adalah untuk mengekalkan kehadiran, memastikan kedaulatan di laut *territorial* dan *exclusive economic zone*, mempertahankan terhadap ancaman dan pencerobohan luar dan menghalang atau menafikan apa-apa perbuatan permusuhan terhadap kepentingan-kepentingan ini.

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah dikelilingi oleh laut. Terdapat 18 daerah maritim (DM) di seluruh Malaysia. DM1 hingga DM10 di Semenanjung Malaysia, DM11 hingga DM13 di Sarawak, DM14 di Labuan dan DM15 hingga DM18 di Sabah. Dalam isu ini, maka saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan konsep dua teater ataupun dua kancang. Adakah pencermianan dua teater ini dari segi bilangan atau aset? Apakah jaminan yang boleh diberikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak bahawa keselamatan mereka tidak diabaikan? Adakah pencermianan masuk akan- memandangkan Sabah dan Sarawak mempunyai kawasan yang lebih luas dan juga lebih berisiko daripada diancam?

Ini boleh terbukti daripada muka surat yang peta di dalam laporan ini di mana Semenanjung Malaysia cuma satu muka surat, Sabah dan Sarawak, dua muka surat. So, amat penting berapa aset yang diharuskan yang kita di-deploy di kawasan di Borneo ini?

### ■1600

Bagaimanakah terdapat tiga bahagian *infantry*? Dua, tiga, empat bahagian di Semenanjung Malaysia tetapi hanya dua iaitu satu dan lima di seluruh Sabah dan Sarawak.

Sedangkan Sarawak sahaja mempunyai kawasan yang sebesar semenanjung Malaysia. Walaupun melaksanakan pencerminan dua teater, adakah ia mencukupi?

Sehingga ke hari ini, kawasan tertentu dalam Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) masih mempunyai perintah berkurung selama 12 jam setiap hari termasuk perairan di Sandakan, Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Perintah berkurung pertama kali dikuatkuasakan pada 16 Julai 2014 untuk membanteras penculikan dan jenayah rentas sempadan termasuk ancaman daripada kumpulan Militan Abu Sayaf. Memandangkan kawasan ini lebih memerlukan perhatian, bukankah lebih baik untuk memberi keutamaan kepada kawasan ESSZONE ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas tentang konsep HANRUH yang dinyatakan di dalam Kertas Putih Pertahanan yang tersebut. HANRUH ini bermaksud Pertahanan Menyeluruh atau *total defense* dalam bahasa Inggeris ini maksudnya bukan sahaja sektor kerajaan, ATM merupakan pemain aktif dalam pertahanan tetapi juga sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan juga rakyat jelata. Kita sama-sama memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]*

Masalahnya sekarang Dasar Kaboutaj, memang ini bukan dasar di bawah Kementerian Pertahanan tetapi Dasar Kaboutaj ini sudah di liberalisasi untuk Sabah dan Sarawak di mana kapal-kapal asing boleh belayar di dalam perairan domestik di antara Sabah dan Sarawak. Untuk konsep HANRUH ini, sepatutnya kita kena mengutamakan *vessel* yang domestik, *vessel* negara Malaysia yang dengan bendera Malaysia, yang belayar di antara kawasan perairan domestik di Sabah dan Sarawak supaya untuk *interest* pertahanan ini dipentingkan dan semua rakyat jelata memainkan tanggungjawab yang penting dalam hal ini.

Dengan liberasi Dasar Kaboutaj daripada dua tahun yang lalu, daripada tahun 2017, dikatakan impak untuk penurunan kos barang di Sabah dan Sarawak sehingga sekarang masih belum dipastikan dengan jelas. Saya minta Kementerian Pertahanan mengkaji balik sama ada Dasar Kaboutaj ini dikembalikan, dikekalkan di Sabah dan Sarawak supaya semua rakyat jelata, semua kapal-kapal Malaysia juga boleh juga *deploy* semasa peperangan kalau berlaku. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjung Karang. Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang. Sila Yang Berhormat.

**4.03 ptg.**

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh Bab 5 Kertas Putih Pertahanan yang menekankan penerapan semangat

patriotisme dan budaya keselamatan di kalangan rakyat bagi memastikan penglibatan aktif rakyat dalam ekosistem pertahanan negara.

Jadi, saya amat menyokong Bab 5 ini tetapi walau bagaimanapun kita kena faham bahawa untuk kita hendak menanamkan semangat patriotisme ini mesti ditekankan sistem pembelajaran sejarah ini. Saya tengok dalam buku ini ada cerita fasal sejarah, bagaimana Portugis menjajah Melaka, selepas itu Belanda masuk, selepas itu Inggeris masuk, selepas itu Jepun masuk. Akan tetapi hendak kena beritahu juga di dalam kekalahan-kekalahannya kita dengan penjajah ini, bukan sahaja kerana penjajah itu kuat tetapi ada petualang-petualang yang menyebabkan kita kalah seperti kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka, Si Kitol yang memainkan peranan hingga kita kalah. Kita harap kali ini tidak ada lah pula Si Kitol moden.

Saya juga hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, daripada sejarah ini tadi, di muka surat 12, nombor 12 ini, saya baca ringkasnya. *“ATM memerlukan sokongan rakyat untuk memerangi konflik bersenjata dalam dan luar negara. Sebagaimana yang terbukti darurat pertama dan kedua dan konfrontasi”*.

Saya hendak tanya, mengapa peristiwa 13 Mei tidak dimasukkan dalam ini sedangkan peristiwa 13 Mei ini juga mendatangkan sejarah hitam di dalam negara kita. Begitu juga saya tengok sejarah di muka surat 13, perkara 23 dia menceritakan di sini betul gambaran bagaimana kita daripada zaman Melaka sehingga kita merdeka. Akan tetapi saya hendak tanya, mengapa peristiwa 14 hari yang kita tahu bahawa semasa Jepun *surrender*, British hendak datang, Jepun masa itu Parti Komunis Malaya telah mengambil kesempatan untuk berkuasa menerusi gerila MPAJ dalam tempoh 14 hari berlaku kekejaman.

Jadi, perkara ini pun kita kena tulis supaya kita ada semangat patriotisme kita supaya kita hendak tanam semangat seperti mana kita tengok. Baru-baru ini apabila seorang pelajar membuat tabik hormat ala Nazi. Kita tengok tindakan seorang graduan daripada Universiti Malaysia Sabah memberi tabik hormat ala Nazi, maka kedutaan Jerman mengutuk apa juga bentuk sokongan kepada rejim Nazi yang bertanggungjawab atas pembunuhan beramai-ramai. Ini kita tahu komunis pun – itulah 14 hari. Jikalau kita tengok sejarah, memang berlakulah pembunuhan yang beramai-ramai ini. Semangat patriotik ini mesti ditanam dari segi sokongan kita kepada menghormati bendera kita.

Yang Berhormat sedia maklum, kalau kita tengok sejarah Islam, dua kisah sahabat Nabi Muhammad SAW yang syahid kerana mempertahankan panji agar tidak dirampas oleh tentera kafir adalah panduan kepada watak untuk lebih memahami makna maruah dan perjuangan. Mush'ab bin Umair dalam Perang Uhud, Jaafar bin Abi Talib dalam Perang Mu'tah kita semua tahu sejarah ini. Apa jadi, mempertahankan bendera kita? Akan tetapi, baru-baru ini kita tahu, semalam berlaku di Sukan SEA.

Di sini saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada *Chef de Mission* kita Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin yang begitu pantas. Walaupun pada masa itu kalau kita tengok sudah di umum untuk Malaysia

mendapat pingat emas. Akan tetapi apabila bendera yang hendak naik itu jalurnya berbeza dengan bendera kita, maka dengan kepentasan Datuk Haji Megat Zulkarnain ini, maka terus tertangguh selama 20 minit supaya bendera kita yang betul mesti dikibarkan. Saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia pun ada di sana tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia ini dia tengok sahaja. Sepatutnya tindakan ini mesti diambil segera.

Akhir sekali, saya tengok juga di dalam perancangan ini usaha ATM untuk menambahkan 10 peratus wanita untuk mengambil bahagian dalam ATM sebanyak 10 peratus ini usaha yang baik. Dalam masa yang sama, saya hendak tanya, adakah ATM ada membuat kajian juga mengapa ramai juga bukan Melayu ini yang kita tengok amat berkurangan dan kurang berminat. Apa sebab perkara ini berlaku dan berapa peratus yang bukan Melayu dan ada atau tidak KPI untuk pastikan yang bukan Melayu ini akan bersama-sama terlibat dalam askar ini? Masa sudah habis saya tahu, sebelum itu, penutup saya hendak bagi pantun sahaja.

*Bawang putih bercampur kentang,*

*Sedap dimakan semasa letih,*

*Kertas putih telah dibentang,*

*Jangan jadi kertas kacang putih.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibu. Sila.

#### 4.08 ptg.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pertahanan kerana ini merupakan sejarah baru, untuk pertama kali kerajaan membentangkan Kertas Putih Pertahanan kepada umum.

Jadi, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama sekali ialah tentang *infantry*, yang ada sekarang di Semenanjung Malaysia adalah tiga tetapi di Sabah dan Sarawak hanya ada dua sahaja. Sabah dan Sarawak mempunyai kawasan yang begitu besar dan sempadan perairan yang begitu luas. Jadi, saya rasa *infantry* di Sabah dan Sarawak haruslah ditambah dari dua ke empat supaya Sabah dan Sarawak tidak hanya ada dua di kedua-dua negeri.

Saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan industri pertahanan di Malaysia. Adakah pembangunan industri pertahanan di Malaysia merupakan sebahagian daripada Kertas Putih Pertahanan ini? Supaya kita boleh membangunkan industri pertahanan di Malaysia, kita memberikan kontrak-kontrak atau pembinaan aset-aset pertahanan ini kepada orang-orang tempatan. Nampaknya beberapa skandal dari pertahanan yang lalu iaitu kapal LMS program yang melibatkan empat kapal LMS sekarang dibuat di China bukan lagi oleh – masih lagi di bawah syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) tetapi mereka sekarang bekerja sama dengan negara China dan kapal-kapal tersebut sekarang dibina di China.

**■1610**

Jadi dalam perancangan Kementerian Pertahanan sebenarnya ialah *total* 18 kapal tersebut. Jadi ada 14 lagi buah kapal tersebut. Adakah Kementerian Pertahanan ada perancangan untuk membuat pada masa yang akan datang kapal-kapal— 14 kapal-kapal yang tersebut di Malaysia. Saya berikan contoh, di Sibu merupakan— di seluruh Malaysia ada 100 *shipyards* tetapi 60 *shipyards* itu adalah berada di Sarawak dan 40 *shipyards* adalah di Sibu. Jadi Sibu merupakan satu tempat yang memang banyak industri pembinaan kapal. Jadi saya meminta Kementerian Pertahanan memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan di Sibu supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam pembinaan aset-aset pertahanan ini.

Juga saya ingin membangkitkan tentang siber, *cyber warfare*. Memang di dalam kertas putih ini kita ada tengok *cyber*— *Cyber warfare* merupakan sebahagian daripada kertas putih ini. Jadi saya mahu tahu bagaimana keadaan sekarang. Adakah kita sudah bersedia pada masa sekarang ada pasukan *cyber warfare* atau tentera siber yang ada sekarang? Bolehkah kementerian beri penjelasan bagaimana keadaan sekarang kerana kita sudah mengalami dua ancaman siber di dalam tahun ini. Pertama kali di KLIA pada bulan Ogos, sistem TAMS diancam oleh *hackers*.

Jadi satu lagi pada bulan lepas di Pos Malaysia. Sistem Pos Malaysia juga diancam oleh *malicious software*. Adakah kedua-dua di bawah kawalan pasukan siber kita dan di Malaysia kita ada beberapa unit yang mengawal selia dengan siber ini. CyberSecurity Malaysia di bawah Kementerian Multimedia dan Komunikasi dan mungkin satu lagi dari Kementerian Pertahanan. Adakah ada kolaborasi di antara dua-dua agensi ini supaya semua ancaman dari segi siber kita ada persediaan untuk menghadapinya?

Saya nampak CyberSecurity Malaysia merupakan agensi yang pasif. Mereka hanya menerima aduan, baru mereka akan melancarkan siasatan. Jadi di sini saya ingin juga menyeru kementerian untuk memberikan apakah siasatan terkini, *forensic report* of ancaman *cyber warfare* yang dialami oleh *airport* KLIA sebelum ini. Saya harap pada masa yang akan datang *domain cyber* ini boleh menjadikan satu *domain* yang macam tentera laut dan *air*. Ada lagi *domain cyber*, *cyber warfare* supaya ini juga merupakan satu bidang yang sangat menarik. Ia juga akan menarik lebih banyak pemuda-pemudi kita untuk menyertai angkatan tentera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rembau, selepas itu Yang Berhormat Putatan.

**4.14 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Muka surat 12, Kertas Putih Pertahanan memetik peribahasa Latin, *si vis pacem para bellum*. Bermaksud jika mahukan keamanan, bersedia untuk perang. *If you want peace, be prepared for*

war, dengan izin. Itulah *posture* kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia. Dalam keadaan tersebut, Kertas Putih Pertahanan ini bukan hanya menjadi kertas perancangan tetapi apabila dibentang di khayalak dan dibahas di Parlimen, kertas putih ini menjadi *a statement of intent* daripada Kerajaan Malaysia, bukan terhadap rakyat kita sahaja tetapi juga terhadap jiran kita dan musuh-musuh kita.

Dalam keadaan Kertas Putih Pertahanan ini menjadi *a statement of intent* atau satu kenyataan niat, apakah perancangan dan pelaksanaan perancangan kita dalam 10 tahun yang akan datang? Saya ingin memberi rumusan bahawa dari segi hasilnya, malangnya kertas putih ini dengan izin, minta maaf Yang Berhormat Menteri agak *under whelming*. Dari segi perancangan cukup cantik, dari segi perancangan keperluan aset banyak dicedok daripada Dasar Pertahanan yang lepas dan juga daripada perancangan-perancangan yang dibuat di setiap cabang perkhidmatan. Contohnya daripada CAP55, TUDM 15 to 5, TLDM dan juga *Army Next Gen for TDM*. Tidak ada banyak benda baharu. Banyak perkara yang telah dimasukkan daripada perancangan awal.

Akan tetapi yang kita hendak melihat dalam kertas putih ini adalah *what difference does this white paper make*. Apakah perbezaan besar yang akan dibawa oleh kertas putih ini? Dari segi analisa geopolitik dan sebagainya, ini semua perkara biasa. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tunjuk dia pandai semua, tidak apalah. Ini benda biasa yang menjadi analisa biasa-biasa sahaja. Akan tetapi yang paling penting adalah iltizam politik untuk mencapai matlamat kertas putih ini. Sebab itu saya sebut bahawa kalau kita lihat dari segi iltizam politik itu, tidak ada. Tidak ada dalam bentuk pembiayaan. Kalau kita tengok *white paper* negara-negara lain, baik Perancis, baik Australia, UK, Indonesia atau Singapura, semua memberikan komitmen *statement of intent*. *This is the amount that we are going to spend for the next 10 years*. Barulah bukan menjadi satu perkara melepaskan batuk di tangga.

Ini musuh-musuh kita melihat, yes, *Malaysia has a statement of intent*. Dia hendak beli aset-aset seperti mana yang telah dihuraikan ya. *Self-propelled howitzers*, dia hendak beli *light combat aircraft*, *multirole support ship*, tetapi tidak ada komitmen. Tidak ada komitmen berapa banyak dia akan belanjakan ya. Kertas putih yang lain ada, iltizam politik. Jadi saya risau musuh-musuh politik kita kata yes, *Malaysia has a statement of intent but they do not even have the political will*, dengan izin. Dalam membentangkan kertas putih itu, menyatakan bahawa inilah iltizam politik dalam bentuk pembiayaan kerajaan untuk memastikan bahawa aset-aset ini akan diperolehi dalam masa yang ditetapkan.

Saya sebut perkara ini sebab ini serius. Perkara-perkara yang dibentangkan dalam kertas putih ini bukan perkara yang melibatkan peruntukan yang kecil, *ambitious* ya. Bukan hanya dari segi siber elektromagnetik, *network centric operation*. Kita sekarang in perlu bersiap siaga dalam dua wilayah, *in two theaters* dan *tok sah* cakap ini perancangan masa depan. Keperluan hari ini, *daily*, keperluan harian untuk kita memastikan bahawa kesiapsiagaan kita di dua wilayah. *Two theaters of war* masih lagi tidak cukup.

Kita cakap soal kesiapsiagaan kita untuk pasukan khas, *special forces*. Sultan Johor sendiri tegur dan terpaksa keluarkan duit sendiri untuk memastikan bahawa GGK ada keperluan yang asas untuk operasi mereka sedangkan GGK *is the tip of the sphere*. Itu adalah pasukan yang paling ke hadapan tetapi masih lagi tidak ada komitmen politik untuk menerangkan apakah iltizam politik untuk memastikan kertas putih ini dapat dilaksanakan ataupun tidak.

Sebab itu saya sebenarnya ada banyak perkara hendak disebut tetapi saya hadkan kepada perkara pokok dan dasar. Saya percaya Yang Berhormat Menteri mungkin hendak bagi komitmen, Yang Berhormat Menteri hendak bagi komitmen, iltizam politik itu tetapi kerisauan saya apabila kita bagi *statement of intent* tetapi tidak ada satu *political will*, iltizam politik yang dibuktikan di sini ya daripada Yang Berhormat Menteri sampailah ke pegawai-pegawai tertinggi yang ada di belakang sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila menggulung.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *The white paper is meaningless*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Putatan, selepas itu Yang Berhormat Kepala Batas.

#### 4.19 ptg.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kertas Putih Pertahanan ini saya sentuh kepada ancaman keselamatan bukan tradisional. Item 32, insiden keganasan seperti serangan berani mati dan penculikan dan juga ancaman keselamatan maritim, rompakan di laut dan juga aktiviti lanun. Saya panjangkan kepada *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) di perairan Sabah yang ditubuhkan pada 2013 di mana terdapat tiga entiti yang beroperasi di bawah ESSCOM ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Pencegahan Maritim Malaysia (APMM) dan juga PDRM di mana di dalam konteks kita pada hari ini, Angkatan Tentera Malaysia adalah yang kita utarakan di mana di dalam ESSCOM ini Angkatan Tentera Malaysia ditempatkan di *first layer*, benteng pertahanan yang pertama.

#### ■1620

Yang Berhormat Menteri, bekas komander ESSCOM, Datuk Abd Rashid Harun ada mengatakan bahawa keberkesanan ESSCOM ini akan lebih cekap jika adanya kerjasama daripada penduduk tempatan. Jadi, saya ingin buat kombinasi dengan apa yang disuarakan tadi iaitu daripada penduduk tempatan ini kita boleh mendapatkan banyak maklumat kerana adanya persamaan budaya dan juga mungkin kerana penduduk tempatan itu lebih tahu apa yang berlaku dan lebih cepat mendapat maklumat daripada apa yang berlaku di kawasan yang berkenaan.

Kedua, kerjasama dari negara-negara jiran seperti *Philippines* dan juga *Singapore* amat perlu diberi perhatian segera kerana saya difahamkan kita ada buat perjanjian pada tahun 2017 dengan *Philippines* dan Indonesia. Bukan setakat Indonesia tentang persempadanan perairan dan kita dapati daripada maklumat yang ada terdapat sedikit peranggahan di dalam *demarcation*

yang mana *demarcation* di antara tiga buah negara ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan nanti. Saya juga ingin bertanya tentang langkah seterusnya—minta maaf kerana sehingga hari ini perairan negara di kawasan pantai timur ini kerap dicerobohi hingga menimbulkan isu kurang keyakinan terhadap keupayaan ESSCOM.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada tahun lalu juga ada menyarankan agar dikaji semula keberkesanan ESSCOM ini kerana kurang kecekapannya dipercayai ekoran daripada *overlap of command*. Walaupun ESSCOM itu ada suatu entiti tetapi apa yang dinyatakan di situ tentera dia mendengar arahan daripada ketuanya sahaja, polis mendengar arahan daripada ketuanya, begitu juga dengan APMM mendengar arahan daripada ketuanya. *Overlap* ini menyebabkan keberkesanan itu menjadi kurang efektif.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri juga Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga baru-baru ini ada menyatakan bahawa ESSCOM akan distrukturkan semula untuk menguatkan benteng keselamatan negara di Wilayah Pantai Timur Sabah ini. Saya ingin tahu dengan lebih lanjut penstrukturkan bagaimakah yang akan dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri untuk merealisasikan pertahanan negara selaras dengan Kertas Putih Pertahanan yang dibentangkan pada petang ini.

Untuk rekod Yang Berhormat Menteri pada 5 Oktober 2019 yang lalu, baru dua bulan yang lalu Komander ESSCOM Datuk Hazani Ghazali berkata bahawa “*security forces under ESSCOM on high alert* kerana terdapat maklumat kemungkinan aktiviti penculikan oleh Abu Sayyaf di kawasan sempadan.” Untuk rekod yang kedua juga, “*curfew di kawasan ESSCOM ini telah pun dilanjutkan hingga Disember 7...*” setelah beberapa tahun dia dilanjutkan semula. Jadi, kita bayangkan betapa bahayanya kawasan ini, betapa susahnya kehidupan di kawasan ini dan betapa terdedahnya kawasan Pantai Timur Sabah ini kepada ancaman luar. Kita tidak tahu, sampai bilakah ia akan berakhir? Sampai bilakah curfew ini akan diteruskan? Moga Kertas Putih Pertahanan ini akan dapat mengubah keadaan ini dan rakyat kita dapat hidup dengan aman dan makmur. Sekian dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepala Batas selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

#### 4.24 ptg.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya memanglah hendak mengambil kesempatan hendak ucapkan tahniah juga kepada kementerian kerana mengambil inisiatif untuk mengemukakan Kertas Putih. Walaupun sebagaimana yang disebut oleh ramai rakan-rakan tadi bahawa terdapat banyak perkara yang masih longgar dan memerlukan peneguhan dan penegasan.

Saya bersetuju dan sependapat juga dengan Yang Berhormat Rembau tadi bahawa Kertas Putih ini ia mesti mempunyai *conviction* untuk meyakinkan dan ini bukan hanya diambil dan diberi perhatian oleh kita di dalam negara malahan diberi perhatian oleh seluruh dunia. Sebagai mantan Timbalan Menteri Luar Negeri, saya dapat beri *confirmation* bahawa setakat kita tengah bahas sekarang ini, seluruh *missions* luar negara yang berada di sini sedang mengikuti dan malahan akan menghantar laporan kepada *capital* masing-masing. Sebab apa, sebab Kertas Putih Pertahanan adalah suatu naskhah yang amat penting. Mengambil kira dinamik perubahan, geopolitik, landskap geopolitik, mengambil kira...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, sewaktu Yang Berhormat Pekan menjadi Menteri Pertahanan dan Bagan Datuk menjadi Menteri Pertahanan, dasar pertahanan negara telah disediakan dan dikemukakan kepada Kabinet. Hanya setakat Jemaah Menteri sahaja meluluskannya dan tidak dibawa ke Parlimen. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mengambil inisiatif untuk membawa perkara ini ke Parlimen dan untuk disahkan. Akan tetapi pada khidmat saya perlu ada dua *version*, satu *version* dengan izin *for public consumption* dan satu lagi adalah untuk kerahsiaan di dalam kementerian. Kalau itu dapat difikirkan ya.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih. *I think*, saya masukkan dalam ucapan saya dan dalam masa yang terbatas ini, saya hendak nyatakan bahawa Kertas Putih ini dalam tempoh tiga tahun ini negara-negara jiran sudah membentang. Kalau kita lihat Vietnam baru bentang minggu lepas. Negara China *four months ago* dengan *very substantive mentioning about the actual amount* yang *to be spent*. Demikian juga Brunei, Indonesia tahun 2015. *Thailand Military Reform and Restructuring Plan* tahun 2017 hingga 2026. Australia, Korea Selatan terutamanya, malahan Korea Selatan mengadakan selain daripada Kertas Putih dia mengemukakan dia panggil *Defense Reform Plan* yang wajib dibentangkan setiap dua tahun ke Parlimen. Sebab dinamik *weaponary trend* ini berubah *robustly*. Maka sebab itu lah bahawa dlm soal pertahanan negara ini ia tidak boleh kita lihat secara *philosophical* sahaja. Ia perlu mempunyai kandung-kandungan yang lebih *substantive*.

Saya kira masa tidak banyak, cuma salah satu perkara yang mungkin saya hendak tekan atas teras kemakmuran tadi, saya sebut dulu berkaitan dengan *urban warfare*. *Urban warfare* ini *very important* sebab sekarang ini kita telah berubah dinamik, dahulu orang kata *guerilla warfare*, *traditional warfare* dan sekarang *urban warfare*. Kita melihat negara jiran Singapura membelanjakan SD800 juta bukan RM800 juta bererti lebih kurang RM3 bilion.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kepala Batas, sedikit sahaja.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya habis ini sat saja. Sedikit saja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita dah tidak ada Latihan Khidmat Negara. Tadi disebut Singapura, apa kata kalau kita adakan latihan khidmat tentera. Kalau mereka sana dua tahun, kita satu tahun pun jadilah sekitar 200,000 ke 300,000 belia kita. Apa pandangan?

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Itu boleh masuk lah dan mungkin Menteri boleh jawab nanti. Cuma, saya hendak maklum kerana kenapa penting? Ini kerana ada aset-aset ekonomi yang strategik yang hari ini perlu diangkat menjadi *national security*. Umpamanya RAPID, RAPID membabitkan pelaburan RM105 bilion. Aset-aset yang dimiliki oleh Petronas kalau dikira sekarang berjumlah trilion. Malahan aset-aset ini dilihat orang kata tidak mempunyai suatu bentuk apa yang disebut dalam Kertas Putih ini, yang secara *substantive*. Bagaimana aset-aset ekonomi—sebab itulah *urban warfare* yang saya sebut tadi Singapore menjadikan satu kawasan sebesar 200 ekar yang mana diadakan *mock building*, stadium, *airport*, yang mana tentera-tentera kita sebagaimana yang saya difahamkan kalau setakat dekat Sungai Limau yang ada sekarang, fasiliti-fasiliti untuk *urban warfare* ini masih belum mencukupi dan tentu sekali ia akan menjadi cabaran yang cukup besar.

Demikian juga kerjasama-kerjasama dengan negara-negara luar. Saya difahamkan tiga negara Yang Berhormat Menteri, dia mempunyai *special force* ini, mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Permatang Pauh ingin mencelah.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** ...bekerjasama dengan Israel. Bagi satu minit saja.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Okey.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya hanya mahu menyambung berkait dengan isu keupayaan dan juga aset. Saya ingat tahun 2012 dibangkitkan dengan pembangunan *network-centric operations* ke persoalan saya kalau Yang Berhormat bagi ruangan, apakah akan dilakukan oleh kementerian memandangkan dalam bab NCO pun tahun 2012 sudah pun diluluskan kontrak ketika itu yang mendapat teguran daripada Timbalan KSU tahun 2012. Maksudnya di samping daripada perancangan, kita juga harus ada analisa keupayaan, *need assessment*, apa yang sudah termeterai kontrak-kontrak yang telah wujud mungkin ini membantu kita untuk langkah-langkah seterusnya. Pohon pandangan Yang Berhormat Kepala Batas.

■1630

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Baik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila jawab dan rumuskan.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya sudah bercakap panjang lebar juga waktu ketika perbahasan peringkat Jawatankuasa bahawa dari segi kaedah

perolehan, saya bersetuju bahawa ada kaedah perolehan tertentu yang perlu dilakukan secara *direct nego* bukan dilakukan secara tender.

Saya bagi contoh, bila ada suatu perolehan peralatan-peralatan strategik dikeluarkan secara tender, negara-negara jiran akan menaja syarikat-syarikat di dalam negara untuk masuk bukan untuk hendak menang tetapi sekadar hendak tahu spesifik sahaja, *specification*. Ini akan menjadikan negara berada dalam keterdedahan.

Oleh sebab itulah, kalau dari segi kaedah saya rasa kaedah yang saya suka kalau ada aset-aset strategik dilakukan secara *direct nego*. Cuma, saya hendak maklum tadi bahawa kerjasama tiga negara mempunyai kerjasama *special force* tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau bersama dengan Israel, tiga negara di ASEAN.

Saya hendak mencadangkan bahawa negara Malaysia selain daripada melihat kerangka yang ada kita ada sebuah negara yang cukup rapat dengan kita, negara Turki. Negara Turki saya difahamkan adalah negara yang kesembilan mengikut *Global Fire Power Index*, malahan dari segi kekuatannya ialah ketenteraan, udaranya *I mean* sejumlah 3,200 kereta kebal, memiliki sebanyak 1,067 jet dan keupayaan dan juga merupakan *Member of NATO* dan saya difahamkan salah satu kelebihannya Yang Berhormat Menteri, Turki sedang membangunkan apa yang dinamakan *Urban Warfare School*. Saya mencadangkan mungkin Malaysia boleh meneroka untuk mengadakan kerjasama ketenteraan bersama dengan negara Turki. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, baiklah setakat ini perbahasan Kertas Putih Pertahanan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menjawab. Masa 60 minit.

#### 4.32 ptg.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan. Saya menyebut di sini bahawa tadi semasa pembentangan Kertas Putih ini dan mereka terlibat dalam penyediaan Kertas Putih ini di antaranya ialah bekas-bekas Panglima Angkatan Tentera kita yang hadir bersama tadi iaitu Marshal Muda Udara, Tan Sri Sulaiman Sujak iaitu yang lama dahulu, Leftenan Jeneral Tan Sri Datuk Seri Haji Mohd Yunus bin Mohd Tasi, TUDM, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Abdullah bin Ahmad, TUDM, Tan Sri Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid, Tan Sri Abdul Wahab bin Nawi, Jeneral Tan Sri Datuk Dr. Mohd Hashim bin Mohd Ali mula hendak hadir tetapi tidak dapat, Jeneral Tan Sri Datuk Amar Muamar Ghazali, Tan Sri Mohd Anwar bin Mohd Nor, Tan Sri Abdul Ghani bin Abdul Aziz dan Tan Sri Ahmad Baruji.

Di antara mereka ini bukan hanya hadir, terlibat dalam merangka Kertas Putih ini. Oleh sebab itu ucapan menegur tadi saya senang hati. Tegurlah kementerian tetapi jangan menghinna Kertas Putih ini kerana ia dibuat oleh pasukan sebegitu rupa.

*[Dewan riuh] [Tepuk]*

Begitu juga yang terlibat ini kebanyakannya bukan orang-orang yang terlibat dalam *political party* daripada saya sebut tadi Universiti Kebangsaan Malaysia, daripada Universiti Pertahanan. Kalau adapun seorang bekas Ahli Parlimen iaitu Dato' Dr. Noraini Ahmad Yang Berhormat Parit Sulong yang terlibat melalui UKM, daripada ISIS kemudian daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah begitulah juga daripada institusi NGO yang lain. Jadi mereka ini bertungkus-lumus lebih kurang satu tahun untuk menyediakan Kertas Putih ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ada juga, saya sambung satu ayat lagi. Ada juga saya terima WhatsApp tengah berbahas tadi. Kenapa Kertas Putih tidak mendedahkan penyelewengan-penyelewangan yang terdahulu? Kertas Putih bukan tujuan itu. Kertas Putih ini ialah kita membincangkan apa yang kita hendak hadap untuk 10 tahun yang akan datang.

Kritikan supaya kita memperlengkapkannya lagi itu satu pandangan yang baik sebab Kertas Putih ini akan diterima pakai siapa sahaja yang memerintah selepas ini. Sama ada Pakatan Harapan memerintah, BN pembangkang ataupun BN pembangkang, Pakatan Harapan memerintah. *[Dewan ketawa]*

Jadi, siapa sahaja yang akan terus memakai Kertas Putih ini kerana ia adalah dasar kita kota pertahanan negara. Oleh sebab itulah saya tengok secara umumnya memberi pandangan yang baik, kritikan-kritikan yang membina dan memang seperti disebut Yang Berhormat Kepala Batas tadi setiap ayat yang kita bercakap di sini akan di *study* oleh pemain-pemain industri, risikan, keselamatan daripada dalam negeri ataupun di luar negara di seluruh dunia ini.

Oleh sebab itulah hal-hal Kertas Putih ini menjadi begitu penting. Saya yakin Panglima Angkatan Tentera daripada pagi sampai sekarang masih berada di sini. *[Tepuk]* Ini kerana Tan Sri Panglima Angkatan Tentera akan melihat bagaimana Ahli-Ahli Parlimen berbahas untuk masa depan pertahanan negara sama ada dari pihak kerajaan atau pihak pembangkang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas ulasan yang diberikan. Oleh sebab itu saya tidak mahu bangun tadi tetapi saya rasa adalah amat tidak teratur bagi Yang Berhormat Tanjong Karang untuk mengeluarkan kenyataan Kertas Putih ini adalah macam Kertas Kacang Putih. Ini adalah perkara yang saya rasa tidak sepatutnya dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang.

Pembangkang-pembangkang di sebelah sana, jangan perlekehkan perkara ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sebentar, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dia kalau tidak faham, tidak usah cakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Menutup pembesar suara]* Tidak payah tokok-tambah Yang Berhormat Menteri terus jawab. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tarik baliklah. Janganlah tuduh macam itu. Itu harapan kita.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat telah mengeluarkan pantun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Jelutong sila duduk. Berikan masa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat Tanjung Karang kawan saya lama. Dia biasa belanja makan saya. Pertama, saya ingin respons walaupun barangkali tidak kesemuanya kalau sempat tetapi saya akan cuba setakat mana yang dibenarkan oleh waktu. Yang Berhormat Bukit Bendera, memang KPP telah menyebut penahanan seramai 12 orang rakyat Malaysia, perkara ini di peringkat mahkamah. Oleh itu, kita melihat perkara ini dengan keadaan di mahkamah itu.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, kementerian akan merangka semula perenggan berkenaan tanpa merujuk kepada mana-mana insiden kerana Kertas Putih ini lebih melihat kepada jangka panjang. Kerajaan komited untuk menambah perjawatan Penasihat Pertahanan khususnya di negara-negara yang memiliki kepentingan strategik dengan Malaysia namun berdasarkan kekangan semasa kewangan negara, kementerian akan melaksanakan Program Akreditasi Penasihat Pertahanan mulai 1 Januari 2020.

Memanglah selalu kita sebut kekangan kewangan terpaksa kena sebutlah. Kalau boleh memanglah saya sentiasa seperti juga Ahli Parlimen semuanya merasakan bahawa untuk Kementerian Pertahanan ini sentiasa tidak cukup. Sejumlah 15 negara berkepentingan akan diakreditasikan kepada Pejabat Penasihat Pertahanan yang berhampiran seperti berikut: -

- (i) UAE juga akan bertugas bersama dengan Oman;
- (ii) Turki juga akan bertanggungjawab terhadap Qatar dan Iran;
- (iii) United Kingdom juga akan bertugas bersama dengan Belanda;
- (iv) Rusia akan bertugas sekali dengan Ukraine dan Sweden;
- (v) Afrika Selatan bersama dengan Zimbabwe dan Nigeria;
- (vi) Saudi Arabia akan juga bertanggungjawab pada Jordan;
- (vii) Itali akan terus bersama bekerja di Jerman dan Belgium;
- (viii) Amerika Syarikat dengan Kanada;
- (ix) Myanmar, Yangon dan juga bertanggungjawab juga kepada Bangladesh.

Tidak disebut berkenaan peruntukan pertahanan dalam Kertas Putih Pertahanan. Blok Binaan Ketiga dalam Bab 8 menyatakan keperluan untuk memperolehi ketetapan peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan bagi memastikan ATM dilengkapi aset dan kelengkapan yang berupaya menangani cabaran masa kini dan akan datang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi.

Memang Kertas Putih ini orang panggil The Letter of Intent, apa hajat kita pada masa akan datang. Akan tetapi, hajat sahaja tidak akan tercapai jikalau tidak disertai dengan kewangan yang mencukupi. Jadi kita boleh gariskan *intent* kita itu-ini, itu-ini tetapi tidak disertai dengan bajet yang mencukupi maka ia akan hanyalah dalam bentuk angan-angan.

Kementerian mengambil maklum ketetapan berkenaan belanja pertahanan dalam KPP negara lain seperti disebutkan terdapat juga KPP negara lain seperti Afrika Selatan dan Brunei yang tidak menyatakan jumlah belanja pertahanan mereka. Akan tetapi, kita sebut secara umum iaitu kita perlu lebih kurang bajet tahunan sebanyak 6.5 percent terhadap bajet tahunan dan dalam RMKe-12 dan RMKe-13 kita sudah berbincang di peringkat Kementerian Pertahanan merangka *procurement* alat-alat yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan Kertas Putih ini.

#### ■1640

Kertas Putih Pertahanan tidak secara spesifik menyatakan jumlah pembiayaan yang diperlukan. Bagi tujuan pelaksanaan KPP, kementerian telah memulakan beberapa siri perbincangan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan akan terus berbincang untuk merencanakan dan merancang keperluan keupayaan yang sebenar untuk RMKe-12 dan RMKe-13.

Yang Berhormat Sembrong – ketiadaan perancangan perolehan keupayaan ATM dalam KPP. Kerajaan sedang merancang pelan-pelan pembangunan kapasiti sejajar dengan aspirasi KPP yang berasaskan kepentingan. KPP ini merupakan dokumen induk. Selepas ini terdapat beberapa dokumen sokongan yang akan dikeluarkan iaitu Pelan Pembangunan Keupayaan bersama ATM, Dasar Industri Pertahanan Negara, dan Rangka Tindakan Kapasiti Pertahanan yang berdasarkan kepada tiga blok binaan yang saya sudah sebutkan sebentar tadi berkaitan reformasi pertahanan.

Setiap perenggan dalam ucapan saya itu tadi, akan di bincang dan diproses dalam bentuk tindakan dan sebagainya kerana ia di bentang tadi dalam bentuk yang begitu umum. Perincian pelan reformasi ini akan disusun keutamaan berdasarkan keputusan yang dicapai melalui Jawatankuasa Pelaburan Pertahanan Peringkat Nasional.

Kementerian dan jabatan jawatankuasa ini akan membawa anjakan besar dalam pendekatan tadbir urus yang lebih baik dan telus. Oleh sebab itu, Kertas Putih ini tidak membincangkan kalau ada penyelewengan yang dahulu. Cuma dijanjikan akan lebih baik pada masa yang akan datang. Baik atau tidak tahun-tahun akan datang, Ahli-ahli Parlimen boleh berbahas kalau ada penyelewengan-penyelewengan pula yang berlaku dalam pelaksanaan Kertas Putih ini.

Berkenaan hala tuju dasar pertahanan seperti Yang Berhormat Sembrong sedia maklum, dokumen Dasar Pertahanan Negara sedia ada merupakan versi 2006 dan tidak pernah disemak sejak itu. Sepatutnya tahun 2016 disemak semula selepas 10 tahun tetapi tidak ada semakan baru pada tahun 2016.

Perubahan landskap keselamatan telah berubah terutama perubahan geopolitik semasa. Perang dagang yang semakin sengit diikuti oleh kemunculan cabaran ancaman keselamatan bukan tradisional seperti ancaman siber dan keganasan. Sehubungan itu, keupayaan ATM juga harus diperbaharui bagi mendepani ancaman-ancaman baru. Kalau dahulu kita sebut soal pasukan keselamatan, maka ditumpu kepada tentera darat, tentera laut dan tentera udara. Sekarang, ditambah lagi satu di abad ini iaitu ancaman siber. Maka, kita hendaklah memerlukan satu pasukan yang hebat dalam memahami dan menangani ancaman baru iaitu perang siber yang berlaku di seluruh dunia sekarang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita sudah ada *Cyber Defense Operations Center* (CDOC) dan kita juga sudah ada Strategi Keselamatan Siber Negara sebelum ini lagi. Akan tetapi, kelihatan dalam Bajet 2020, tidak ada satu pun kepala peruntukan untuk CDOC dan *Malaysian Cyber Security Strategy* ini. Pada pandangan saya, eloklah diadakan daripada peruntukan bajet tambahan supaya kita betul-betul serius untuk menangani peperangan siber ataupun *cyber attack* yang bila-bila boleh berlaku dalam negara kita.

Sebagai contoh di Cyberjaya, ditangkap 680 orang. Terlepas beratus-ratus orang yang lain, betul-betul di sebelah CyberSecurity Malaysia pejabatnya, tidak berapa jauh. Itu pun kita tidak tahu. Ini adalah satu ancaman contoh ancaman yang amat besar kepada negara kita. Jadi, peruntukan khas tentang ini perlu diadakan. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian dalam hal ini. Perlu dipertingkatkan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja sambungan. Yang Berhormat Menteri, Pendang.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Boleh? Boleh atau tidak boleh?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tanya elok-eloklah. *[Dewan ketawa]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, peringatan mesra. Tanya elok-elok.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jadi, saya hendak tanya macam mana pun pembangkang. Macam duduk sebelah sana, jadi pembangkang dahululah.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pemberas suara]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kan? Hendak cakap manis, senyum, tidak apalah. Akan tetapi walau macam mana pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, apa soalannya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Berkenaan dengan *cyber security* ini hendak sentuh juga. Kita hendak tingkatkan perisik kita supaya menjadi lebih *influence* lebih pandai dalam berkenaan dengan teknologi sekuriti ini, *scammer* ini. Ini sebab macam disebut oleh Yang

Berhormat Pontian tadi, kenapa orang luar boleh datang ke Malaysia menipu dalam Malaysia termasuk menipu rakyat Malaysia dan menipu orang-orang di luar sana? Termasuk juga dahulu perjudian bola sepak dunia. Orang Malaysia yang mengungguli kehebatan menipu *scammer* ini. Jadi, kita minta pertahanan kita supaya mempertingkatkan perisik dari segi sekuriti siber ini. Ini berbahaya kepada negara. Saya ingat pandangan, elok tidak tara itu?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Boleh. *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Memang kita kata kita sebut tadi serangan siber ini adalah perkara baru di dalam dunia ini. Oleh itu, kita setelah menyediakan perkara ini lebih awal persediaannya. Memang kalau ia yang tidak cukup memang kita akan mencukupkan. Tentera-tentera kita sentiasa dihantar untuk berkursus tentang perkara-perkara baharu ini yang sedang berkembang ini dan risik kita memang perlu dipertingkatkan.

Kita, apabila kita mendapat laporan-laporan risik itu memang keadaan negara kita secara umumnya masih lagi berada dalam keadaan yang selamat tetapi perlu kita mempertingkatkan kerana serangan daripada golongan *non-traditional* tadi itu tidak boleh kita ramalkan dari masa ke semasa.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah, Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah, Kuala Kedah sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya mengikut tadi tentang serangan siber dan lain-lain lagi dan disebut tentang berkursus. Soalan saya ialah di mana kita berkursus dan siapa yang memberikan kursus kerana kalau perisikan misalannya ia menggunakan siber, dia menggunakan perisikan secara itu, agensi antarabangsa yang melakukan itu macam CIA, dahulu ada KGB dan lain-lain lagi. Tentulah ia tidak akan berkongsi semua cara, teknik dan maklumatnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita ambil perhatian dan sekarang ini kita berkursus terutama dalam negara-negara yang lebih maju dan kita belajar untuk mengesan serangan-serangan siber itu. Tentang pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah itu kita amat ambil perhatian. Maka, inilah hala tuju KPP yang mana cabaran-cabaran baru telah dikenal pasti dan keperluan untuk sektor pertahanan dan ATM dilengkapkan dengan keupayaan yang sesuai dan mengikut keutamaan seperti dalam Bab 4.

KPP juga memberi penekanan berkenaan kolaborasi dan kepentingan untuk menjalinkan kerjasama lebih erat dengan agensi keselamatan yang lain. Saya memperakui inisiatif sedia ada yang telah diusahakan sebelum ini oleh mantan Menteri Pertahanan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *Trilateral Cooperative Arrangement* sebagai contoh sudah tentu KPP akan meneruskan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ertinya bukan hak kerajaan dahulu buat kita berhenti setakat itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh satu?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kalau kapal terbang dulu masih boleh dipakai, pakai. Kalau kapal terbang dahulu rosak, kita baiki. Kalau ada penyelewengan kita siasat. Jadi, bukanlah hak kerajaan dahulu buat itu kita tinggalkan di tengah jalan begitu. *Trilateral* antara Filipina – Indonesia dan juga Malaysia menjaga keselamatan bersama di perairan Sabah, Filipina dan Indonesia kita teruskan kerana itu satu perkara yang baik. Ya?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]:** Tadi disebutkan oleh Yang Berhormat kerjasama kolaborasi di antara agensi-agensi keselamatan yang lain. Dalam bidang siber khususnya *cyber security*, apa model kerjasama di antara pihak PDRM dan tentera kerana ini bidang yang begitu luas sekali mahupun dari segi latihan mahupun dari segi dasar, perundangan dan seterusnya tindakan-tindakan sebab waktu dahulu saya juga pernah menjadi Menteri MOSTI dan *cyber security* itu di bawah kawalan kita. Banyak kita hantar kita punya tenaga pergi ke Amerika Syarikat kerja dengan FBI dan seterusnya untuk berteknik-teknik yang begitu.

Akan tetapi, apa modelnya? Adakah pihak Kementerian Pertahanan jalan sendirian ataupun ada bidang-bidang yang dikhususkan antara PDRM dan tentera. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita tidak berjalan bersendirian. Kita sentiasa berkolaborasi dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan kementerian-kementerian yang lain dan perkara agak *detail*-nya kita bincang dalam Majlis Keselamatan Negara. Di mana di situ ada pihak-pihak yang mewakili hal-hal keselamatan ini kita berbincang setiap satu perkara dan hubung kait antara satu sama lain.

■1650

Akan tetapi satu mesej utama sebenarnya yang saya harap dapat disampaikan melalui KPP iaitu tidak mengambil mudah hal ehwal pertahanan oleh kerana tanggungjawab pertahanan merupakan satu usaha nasional dan menjadi hasrat KPP.

Yang Berhormat Lembah Pantai, bagaimana Pangkalan Data Negara selamat dari serangan siber terutamanya dalam melindungi isu demokrasi. Agensi Keselamatan Siber Nasional bertanggungjawab mengkoordinasikan keselamatan siber negara menerusi *National Cyber Crisis Coordination Center*. Pendekatan *rule of government* sebagai saranan KPP akan membentuk jaringan bersepadu yang membolehkan ATM menggembung kepakaran membantu NACSA dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dalam melindungi Pangkalan Data Nasional serta *infrastructure* kritikal negara dari serangan-serangan siber anasir luar yang tidak bertanggungjawab.

Penggunaan kepakaran siber Pasukan Angkatan Sukarela seperti saranan KPP bakal mengupayakan ATM sebagai penyedia tenaga pakar perlindungan keselamatan siber negara yang berlapis secara tidak langsung memperkuatkan struktur Agensi Keselamatan Siber Negara, melindungi rangkaian sistem masing-masing ke langsung sistem demokrasi. Reformasi kapasiti pertahanan seperti di dalam saranan kertas putih bakal mewujudkan pemerintahan *Cyber Electromagnetic ATM* bagi melindungi domain *Cyber Electromagnetic Nasional*.

Yang Berhormat Rembau sebut tadi memanglah perkara ini kita mudah sebut akan tetapi hendak melengkapkan dan ia dijelmakan itu memerlukan satu semangat yang tinggi. Sudah tentulah peruntukan yang memadai pada masa yang akan datang. Kita harap pelan ini 10 tahun supaya dua, tiga, empat, lima tahun lagi kita harap ekonomi kita lebih berkembang dan soal *electromagnetic* ini akan di perhebatkan lagi pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Lembah Pantai kesediaan Malaysia dalam menangani dan menghadapi ancaman penganas. Memang ini kita sentiasa bertindak dan mengawasi terutama sesiapa sahaja yang boleh mengancam keselamatan negara yang sekarang berbentuk kadang-kadang seorang diri dia boleh melakukan sesuatu jenayah atau menyebabkan *disaster* yang besar. Ini amat diawasi sama ada oleh perisik tentera ataupun cawangan khas daripada pihak polis. ‘

Keperluan untuk membawa kembali Program Latihan Khidmat Negara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Transformasi ATM bermula pada tahun 1980 iaitu satu angkatan untuk melawan *insurgencies*, akan tetapi sekarang kita telah berubah kepada lebih konvensional. Jadi kita tidak boleh lupakan apa juga ancaman tradisi kita tentang isu yang terakhir ini tentang untuk menghidupkan fahaman komunisme. Adakah pihak ATM sekarang membuat pemantauan dan setakat manakah kemaraan fahaman ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya sentiasa mendapat laporan-laporan risikan terkini dan setakat ini kita dapat membendung dan berada di tahap yang tidak disebut sebagai ancaman utama. Akan tetapi kita sentiasa mendapat maklumat-maklumat dari masa ke semasa. Apa yang lebih utama sekarang ini ialah mereka yang dipanggil *non-traditional* terutama sekali yang pulang daripada *Middle East* dan mereka ini sudah sampai ke peringkat ada yang sampai sudah ke peringkat bersedia untuk menjadi *suicide bomber*.

Semua ini dalam perhatian kita dan setakat ini yakinlah rakyat Malaysia kita masih berada dalam keadaan paling selamat. Adalah satu, dua kes akan tetapi jangan kita letakkan bahawa keselamatan Malaysia sudah terancam. Masih berada dalam jaminan keselamatan. Ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan bercakap ini.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri sedikit lagi Yang Berhormat Menteri, Sik minta sedikit.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Baik. Silakan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Saya bersetuju tadi soalan daripada Yang Berhormat Jasin. Maknanya kita melihat serangan dan asakan ideologi itu nampak sudah ada gerakan yang berlaku. Kalau melihat dari segi *communism* ini bermula dengan mereka menyebarkan komik, selepas itu membawa abu balik ke Malaysia dan diadakan perhimpunan. Jadi nampak seolah-olah sudah ada satu pelan mereka untuk mengasak ideologi luar ini supaya ia juga satu ancaman yang kita lihat sangat berbahaya kepada negara dan pihak perisikan sudah pasti kena melihat ini sebagai serius.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya, kita melihat semua perkembangan ini, jangan lupa pula negara China sekarang menjadi kuasa utama yang kita banyak jalankan hubungan dengan mereka. Kita kena asingkan antara kerjasama dagangan dan sebagainya yang lain dengan ideologi komunis. Ini terus diperhatikan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan pasukan keselamatan yang lain.

Seperti sedia maklum Program Latihan Khidmat Negara telah dijenamakan semula kepada Program Pemerksaan Anak Muda di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Beberapa Ahli Parlimen termasuk daripada pihak kerajaan dan pembangkang memang sependapat di antaranya supaya *national service* ini dapat diwujudkan di Malaysia. Kita akan membawa perkara ini supaya pihak kerajaan memerhatikan apakah ia perlu dan sesuai dengan keadaan semasa dan juga peruntukan kewangan yang perlu disediakan untuk program ini.

Saya lihat di sini Ahli Parlimen pembangkang dan kerajaan senada dalam hal untuk melihat semula keadaan-keadaan *national service* ini. Yang Berhormat Lembah Pantai lagi iaitu kepentingan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri saya timbulkan tadi tentang *national service* ini akan tetapi dalam kaedah yang mungkin hanya setahun kepada ratusan ribu yang tertentu anak muda kita. Jika di Singapura dia dua tahun, berumur 16 tahun setengah sudah mula mendaftar misalnya dan mereka ada akta yang tertentu. Jika tidak masuk dalam *national service* itu boleh di penjara tiga tahun ataupun didenda SGD10,000 misalnya.

Jadi walaupun tidak ada berlaku perang, penduduk Singapura menjadi cukup berdisiplin akibat daripada *national service* dua tahun dan akhirnya penduduk yang berdisiplin itu boleh memajukan negaranya. Ini juga kalau boleh dilakukan di Malaysia walaupun mungkin tidak sama macam Singapura. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pandangan yang baik dan kita tahu belia-belia kita sekarang ini bila sampai umur selepas Tingkatan Lima tidak ada komitmen tertentu, mereka menjadi pelumba-pelumba motor di waktu petang dan sebagainya. Ini adalah bebanan kita bersama, tidak kira anak pembangkang atau anak kerajaan. Kita fikir secara serius hal ini supaya kita kemukakan kepada kerajaan penyelesaian ke arah terutama sekali hal *national service* ini.

Kementerian Pertahanan menyedari bahawa kepentingan peruntukan dana bagi tujuan R&D Pertahanan. Kementerian Pertahanan menyedari bahawa pemain industri memerlukan sokongan dalam melaksanakan inisiatif R&D, maka peruntukan kerajaan khusus bagi R&D Pertahanan adalah sangat penting kerana melalui inisiatif R&D ini dapat menghasilkan aset dan kelengkapan ATM yang berteknologi tinggi. Contohnya UAB, memanjangkan jangka aset dan kelengkapan pertahanan sedia ada, menyokong operasi kesiapsiagaan ATM contohnya pengukuran, keberkesanan, eksais tambahan, artileri pertahanan udara, memenuhi tuntutan keperluan konvensyen. Secara umumnya R&D di negara kita memang berada di tahap yang peruntukannya rendah dan perlu dipertingkatkan. Kalau kita mahu industri pertahanan negara kita akan lebih hebat pada masa yang akan datang.

Apakah benar isu dasar pertahanan negara dibincangkan di peringkat kementerian sejak tahun 2006? Saya sudah sebut tadi ia kita sambung daripada kerajaan yang dahulu. Cuma daripada tahun 2016 tidak ada dasar baharu, maka kertas putih inilah kertas yang pertama. Kalau ada kelemahan, memang ini adalah yang pertama oleh sebab itulah kita merujuk hal kertas putih ini kepada negara-negara yang telah melakukannya. Di antara negara yang kita rujuk saya sebut tadi iaitulah New Zealand, Australia, Kanada, Jerman, Jepun, Brunei dan beberapa negara yang lain.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai, R&D.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Maaf, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu R&D, kalau kita lihat di setengah negara lain kebanyakannya daripada dana yang diperuntukkan untuk tujuan R&D juga digunakan untuk sebagai contoh menjadi orang kata sebagai dana *seek fund* kepada syarikat-syarikat teknologi.

Adakah ada sebarang cadangan di pihak kementerian melihat kepada contohnya satu kolaborasi dengan MDEC sebagai contoh dan banyak syarikat *start-up* yang ada pada hari ini untuk bukan sahaja membantu idea-idea bercambah di kalangan anak muda, akan tetapi melihat aplikasi terhadap aspek keselamatan dan juga aspek untuk orang ramai, penggunaan. Sama seperti pelaburan yang dibuat oleh tentera Amerika Syarikat untuk membina infrastruktur Internet contohnya. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Memang syarikat-syarikat besar terutama pemain-pemain industri tempatan agak kurang memberi peruntukan mereka kepada R&D kerajaan. Ini perlu digalakkan dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai itu. Yang Berhormat Santubong iaitu peta baru Malaysia 1979. Peta yang dipamerkan di dalam KPP ini merupakan Peta Baharu Malaysia atau lebih dikenal sebagai PBM 1979. Pengisytiharan PBM 1979 ini telah dibuat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 21 Disember 1979.

Peta ini bukan seperti tanggapan Yang Berhormat Santubong yang diambil dari mana-mana pihak lain. PBM 1979 menunjukkan sempadan perairan wilayah dan juga sempadan pelantar benua Malaysia yang telah disusun dengan menggunakan garisan pangkal lurus keseluruhannya dan juga perkara-perkara berikut iaitu peruntukan jenis *The Geneva Convention on the Territorial Sea and Contiguous Zone*, peruntukan jenis *Convention on the Continental Shelf* 1958, undang-undang negara yang berkaitan, arahan-arahan Jemaah Menteri, aspek-aspek teknikal yang berkenaan, perjanjian secara *treaty* yang telah dipersetujui dengan negara-negara jiran, tuntutan sepihak *unilateral claim* Malaysia.

Semuanya ini kalau ada perkara-perkara yang tidak disenangi oleh rakan-rakan, kita ada perbincangan setiap tahun sama ada *Border Committee*, ada pihak Kementerian Luar, yang Timbalan Menteri Luar Negeri dulu tululah bagaimana perbincangan dibuat antara negara-negara jiran. Yang Berhormat Rembau, saya sudah jawab tadi iaitu senarai aset memanglah England meletakkan aset dan beberapa jumlah yang akan mereka beli. Kita akan meletakkan secara umum dan ada kertas lain kemudiannya berturutan daripada *White Paper* ini akan meletakkan hal aset itu.

Perbincangannya telah bermula misalnya minggu lepas saya hadir dalam satu perbincangan apa perlu dari sudut Tentera Udara dalam masa rancangan lima tahun, Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan kita beli, ertinya kemampuan kewangan dan sebagainya dan dipecahkan dalam bentuk berasingan daripada kertas utama ini. Yang Berhormat Arau, Laut China Selatan pendudukan aset asing di kawasan tersebut, sama jawapan seperti jawapan daripada Yang Berhormat Santubong itu. *Tender Bot Fast Interceptor Crafts (FIC)* yang dikeluarkan sebagai...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri. Ada berkaitan dengan laut China Selatan tadi sebab benda ini ditanya oleh Yang Berhormat Arau agak panjang lebar. Selalunya kita ada masalah ini ialah dengan negara kuasa besar kerana di bawah UNCLOS ini ia ada satu artikel ataupun satu *provision* disebut sebagai *save passaging*. *Save passaging* inilah yang kadang-kadang *disagree area* dan menyebabkan ada laporan-laporan yang mengatakan berlakunya *encroachment* dalam EEZ. Benda ini berlaku bukan hanya kapal-kapal besar Amerika malahan baru berlaku sahaja seminggu, dua minggu yang lalu dilaporkan oleh China, China juga begitu.

Saya tadi bertanya, adakah mungkin Kementerian Pertahanan melihat satu bentuk dinamik yang baharu untuk mewujudkan *caucus* atas nama *military diplomasi* ini bersama dengan keempat-empat *overlapping countries over claim* ini contohnya Philippine, Brunei, Vietnam agar pengawalan Laut China Selatan ini akan dilihat lebih kuat. Atas semangat yang sama juga yang disebut selalu dalam Kertas Putih tadi, *centrality* atau ASEAN *centrality* tadi.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya tambah sikit Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Kepala Batas, ini soal *maritime domain awareness* dalam Laut China Selatan. Kalau kita harapkan *status quo* kekal, itu satu *posturing* pendirian yang salah disebabkan *status quo* itu berubah tiap-tiap hari oleh negara besar yang berada di rantau kita.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu kuasa mana yang mengubah *status quo* tersebut. Pada asalnya setuju dan janji bahawa Laut China Selatan atau *South China Sea* adalah kawasan yang tidak diletakkan senjata *demilitarized zone* dan kita tahu perkara tersebut tidak dipatuhi. Jadi saya sambung sikit apa yang Yang Berhormat Kepala Batas sebut, bukan hanya *caucus* di kalangan negara-negara ASEAN yang mana tuntut kawasan di Laut China Selatan tetapi juga keupayaan dan *posturing* kita harus berubah.

Kita tidak boleh kata kita tidak mampu kejar kapal dari negara tersebut, kita kena ada *posturing* yang bukan *offensive* tetapi tidak sepertimana hari ini yang hanya bergantung harap kepada diplomasi yang tidak cukup sebab *status quo* diubah tiap-tiap hari oleh negara tersebut, negara China saya sebut.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih. Kita di antaranya...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Hal *South China Sea*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan kalau boleh di kawasan *South China Sea* ini dengan izin, kita perlu adakan latihan-latihan bersama. Di mana kita menunjukkan kita ada komitmen di situ, bukan kita biarkan kapal-kapal keluar masuk. Kalau sekiranya kita ada latihan-latihan bersama dengan kuasa-kuasa besar mungkin mereka pun ingat kita ada komitmen di situ. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kita mempunyai hubungan yang baik dengan sama ada China atau US. Soal dengan negara China ini kita ada juga *ASEAN Defence Ministers' Meeting-Plus* (ADMM-Plus) yang kami baru bermesyuarat di Bangkok baru-baru ini kita berhadapan secara satu suara di peringkat ASEAN ini untuk menghadapi ataupun memberi kehendak kita di Laut China Selatan khasnya berhadapan dengan China, begitu juga dengan Amerika Syarikat.

Untuk kita hadir di situ lebih hebat lagi pada masa akan datang kita harap *the show of present* itu perlu dipertingkatkan. Bukan ke arah hendak berperang tetapi sekurang-kurangnya di Beting Patinggi Ali itu boleh melihat *the present*, kehadiran kapal-kapal kita ataupun keadaan kita yang kita tidak bersedia berlaku bertolak-ansur di kawasan perairan Malaysia itu.

Jadi sebab itulah kita kata, negara Malaysia negara maritim, Kertas Putih ini pun mengiktiraf hal itu. Oleh sebab itu pada masa akan datang peruntukan ke arah ini mesti dipertingkatkan untuk *the show of present* itu supaya ada, macam juga sekarang ini kawan kita di Pantai Timur Yang Berhormat, bagaimana kadangkala mereka tidak lihat di kawasan pelantar Petronas kapal laut kita melintasi di situ sama ada berapa lama baru nampak sekali.

Memang kita perlu meningkatkan kapal-kapal laut ini untuk berada di kawasan perairan yang luas itu kerana kita tahu bahawa *show of present* itu penting termasuk pada nelayan, pada lanun dan pada negara asing di samping kita mempergiatkan *defence diplomasi* yang disebut tadi. Semasa bertemu dengan Menteri Pertahanan China kita menyebut supaya negara kuasa besar baharu ini jangan mengikut jejak langkah kuasa besar yang terdahulu iaitu mereka mahu mereka sahaja hebat tetapi negeri kelilingnya ditekan.

Bahkan ada tidak sesuai dengan mereka, mereka tangkap pemimpin itu bawa balik ke negara mereka. *Sanction* negara jirannya begitu lama. Kita minta negara baharu yang ini yang menjadi kuasa besar supaya kalau dia maju biarlah negara jiran semua turut maju. Ini *sharing*, ini perlu ada kepada semua termasuk negara yang mengatakan dia kuasa besar baharu. Oleh itu *defence diplomasi* dipergiatkan di samping *the show of the present* itu mesti dipertingkatkan di kawasan yang menjadi pertikaian ini dan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kawasan pertikaian itu saya setuju macam *di Spratly Island*, Terumbu Amboina, Terumbu Perahu yang sekarang ini China telah buat *navy based* dia di sana, Terumbu Layang-layang, saya setuju itu berdekatan dengan sempadan. Akan tetapi Beting Patinggi Ali ini terlampau jauh, 120 kilometer dalam dan ini bukan tuntutan bertindih ini adalah gangguan kerana China berfikir di situ Kapal Cheng Ho telah tenggelam. Jadi mereka hendak ambil khazanah kapal itu. Apa hubungan Kapal Cheng Ho dengan *Coast Guard* duduk di situ sudah dari tahun 2013, bukan lama sangat baru tahun 2013 sampai sekarang.

Jadi saya minta supaya apa pun dibuat supaya yang ini mesti dikeluarkan. Ini bukan tuntutan bertindih ini ialah hak Malaysia dalam kawasan Malaysia, tidak ada pertikai. Seluruh dunia kata ini memang hak Malaysia sebab *within* 200 batu nautika. Terima kasih.

■1710

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat Arau.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Boleh saya sambung?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kehadiran kapal-kapal perang daripada kuasa besar adalah suatu ancaman tetapi malangnya setahu saya Malaysia masih lagi belum membuat *written diplomatic protest*. Kita hanya sekadar *verbal note* sahaja yang tidak diiktiraf oleh mahkamah antarabangsa kalau isu ini ditimbulkan nanti kemudian.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ada pihak Kementerian Luar sentiasa mengambil tindakan hal-hal kalau ada soal kedaulatan Malaysia dicabar. Memanglah saya kata tadi Beting Patinggi Ali ini *show of present* itu mestilah dipertingkatkan supaya negara besar mana pun dia kena akui bahawa itu adalah sebahagian daripada wilayah Malaysia.

Tender *fast interceptor craft* yang dikeluarkan sebagai tender pembekalan tidak menguntungkan industri tempatan. Memang ke arah untuk kita membuat FIC ini kita sedang merangka dalam industri pertahanan tetapi keperluan segera, maka itulah kita mengeluarkan tender untuk kita dapatkan keperluan segera terutama untuk kepentingan keselamatan di Sabah, Sarawak terutama kawasan ESSCOM.

Yang Berhormat Santubong bertanya soal model latihan ketenteraan dibangunkan dan diterapkan mengikut peringkat pembangunan kerjaya, kemahiran dalam bidang tugas, kepakaran anggota tentera bagi membentuk kefahaman, keyakinan dan semangat juang yang tinggi. Latihan bilateral dan multilateral dengan angkatan tentera negara sahabat memang akan diteruskan.

Yang Berhormat Kuala Terengganu, inisiatif untuk memperkasakan Majlis Industri Pertahanan. Kita ada sebut tadi, kita akan meninjau dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat besar supaya mereka juga membuat peruntukan untuk R&D industri pertahanan ini.

Yang Berhormat Santubong, apakah tindakan dan langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan siber elektro magnetik. Reformasi untuk mengukuhkan domain siber elektromagnetik seperti saranan KPP ialah mewujudkan pemerintahan siber elektromagnetik ATM. Konsep penstrukturran PSA ATM merangkumi penubuhan beberapa bahagian merangkumi perkhidmatan komunikasi *cyber electromagnetic activities* dan analisis terkini dan R&D memang sedang diusahakan ke arah itu sekarang ini.

Yang Berhormat Arau, semua kawasan teras lanjutan dan hadapan dijadikan kawasan teras. Memang kita dalam ATM ini ada tiga peringkat iaitu *detect, deter and denied* dan ketiga-tiga peringkat itu diperlengkap dengan '*procurement*' masing-masing untuk menjaga kedaulatan dan keselamatan negara. Semua kawasan teras, penetapan kawasan teras lanjutan dan hadapan bersandarkan kepada konvensyen antarabangsa iaitu UNCLOS dan sejahtera dengan Kertas Putih Pertahanan negara lain dalam menetapkan kepentingan negara.

Yang Berhormat Kuala Terengganu juga menimbulkan soal *STRIKE* dan saya sebut tadi peruntukan *research* terlalu kurang kepada *STRIKE* ini dan perlu diperjuangkan lagi supaya peruntukannya itu boleh mereka bergerak dengan lebih aktif sejahtera dengan peruntukan di negara-negara lain soal penyelidikan ini.

Perkara yang dibangkitkan dron ScanEagle yang diberi oleh pihak US yang dikawal oleh US sendiri. Pandangan kementerian kerana bertentangan dengan konsep ZOPFAN. Kenyataan Yang Berhormat Kuala Terengganu berkenaan pihak US boleh mengawal dan memantau ScanEagle adalah tidak benar. Dron ini tidak boleh dikawal oleh pihak yang tidak berkenaan. Pengoperasian dron ini juga tidak melanggar konsep ZOPFAN. Pemberian dron ScanEagle

kepada Malaysia adalah merupakan sebahagian daripada bantuan di bawah Inisiatif Keselamatan Maritim oleh Kerajaan Amerika Syarikat.

Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Sembrong, memang buku ikrar itu katanya diambil daripada sebahagian di situ. Kita ambil sebenarnya daripada sebelum merdeka sehingga selepas merdeka. Mana-mana pandangan yang baik diambil dan dimasukkan dalam kertas putih ini kerana mereka yang terlibat ini di antaranya ialah ahli-ahli akademik yang profesional, yang merangka kertas putih ini bersama dengan *service chief* dan juga Panglima Angkatan Tentera Malaysia. Buku ini hanya mempunyai enam teras hala tuju dan tiada perancangan menyeluruh dibuat susulan kepada ikrar itu. Teras hala tuju itu hanya merupakan kenyataan ringkas dan tidak direalisasikan oleh kerajaan terdahulu. Ia berbeza dengan KPP yang dibentuk melalui perancangan menyeluruh dan penglibatan pelbagai pihak.

Yang Berhormat Kota Kinabalu, jaminan keselamatan Sabah dan Sarawak untuk operasi di dua *theater*. Konsep operasi di dua *theater* secara serentak untuk memastikan pengagihan aset dan keanggotaan di Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dapat diatur gerakkan dengan cepat untuk menghadapi sebarang ancaman. Memang sekarang ini pihak ATM sedang merangka bagaimana hendak menjaga keselamatan Sabah dan Sarawak lebih hebat terutama pentingnya Sabah dan Sarawak dan sempadan Malaysia-Indonesia apabila ibu negara, ibu pentadbiran Indonesia ini berubah kepada Borneo. Landskap politik dan keadaan di situ sedang diperhati dan kita merangka supaya menguatkan kedudukan angkatan tentera kita di Sabah, Sarawak dan perairannya.

Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Santubong, hubungan dengan negara Islam, apa hala tuju. Negara Muslim terus berada dalam krisis. Sentimen *Islamophobia* juga semakin memuncak di seluruh dunia. Keganasan juga sering dikaitkan dengan Islam dan jumlah negara Islam yang berada pada ranking global berprestij adalah rendah. Untuk itu, adalah penting untuk kita menunjukkan contoh Malaysia adalah sebuah negara Islam yang *inclusive*, moden dan progresif dan bersedia untuk menjalin hubungan dengan semua rakan sahabat dan mampu untuk bersama-sama mengurus cabaran keselamatan.

Inilah inisiatif Perdana Menteri di antaranya mengusahakan Kuala Lumpur Summit yang akan berlangsung pada 19, 20 dan 21 Disember ini, di mana setakat ini empat ketua negara dijangka akan hadir dan negara-negara lain sedang dirunding iaitu Ketua Negara Pakistan, Turki, Indonesia dan Qatar. Negara-negara lain masih lagi di dalam perundingan untuk berbincang bersama di Kuala Lumpur Summit itu terutama untuk bagaimana negara-negara orang Islam ini dapat terutama sekali *Islamophobia*, media yang banyak meletakkan Islam dalam keadaan keganasan dan sebagainya.

Yang Berhormat Jelutong...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, *Islamophobia* dan keganasan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri ini mengenai penutupan *King Salman Centre of International* (KSCIP). Adakah benar berita-berita yang mengatakan

bahawa ia akan dibuka semula, bekerjasama dengan USIM dan juga MIDAS, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia. Apakah benar berita tentang itu, dibuka semula?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ia di peringkat kajian. Di peringkat kajian kita.

Yang Berhormat Jelutong, Malaysia perlu meningkatkan kerjasama ASEAN seperti NATO. Setakat ini ASEAN adalah bekerjasama hubungan yang baik tetapi kita tidak ada dari seperti NATO iaitu hal-hal ketenteraan kita memang ada latihan bersama, berbincang bersama tetapi setakat ini tidak ada hasrat untuk menjadi seperti NATO.

Yang Berhormat Kuala Terengganu, dalam hubungan dengan negara-negara Islam, apakah hasrat Malaysia bagi koordinasi bantuan kemanusiaan seperti negara Palestin dan Xinjiang. Memang NGO kita memainkan peranan dan di Palestin, Malaysia memainkan peranan untuk membela rakyat Palestin yang berhijrah ataupun dipaksa keluar daripada Israel untuk kembali ke tanah air mereka dan bantuan-bantuan kemanusiaan sentiasa disalurkan oleh kerajaan ataupun NGO daripada Malaysia.

Apakah langkah untuk mempertingkatkan aspek perisikan pertahanan. Ini saya sudah jawab tadi yang Yang Berhormat Pendang timbulkan dan juga Yang Berhormat Beaufort.

Yang Berhormat Tanjung Karang, penglibatan kaum bukan Melayu. Kerajaan sentiasa dan akan menekankan pengambilan calon dari pelbagai latar belakang dan etnik yang berkelayakan serta kompeten dalam pelbagai bidang bagi memastikan keanggotaan anggota tetap ATM yang mapan.

Melalui pembentangan kertas putih ini, kerajaan komited untuk mempromosikan kerjaya ketenteraan sebagai kerjaya pilihan yang bertujuan untuk menarik bakat baru dan mengekalkan anggota sedia ada yang berkemahiran, berkeyakinan tinggi serta berbakat. KPP juga menggariskan inisiatif-inisiatif yang dirancang oleh MINDEF bagi menarik minat rakyat. Semua wakil rakyat hendaklah memainkan peranan supaya rakyat semuanya termasuk bukan Melayu lebih ramai menyertai pasukan keselamatan.

## ■1720

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini soal pengambilan bakat-bakat yang berkelayakan ke dalam sebagai anggota tetap. Saya – Singapura ini bukanlah hendak menjadi penanda aras kepada kita. Akan tetapi mahu tidak mahu Singapura sebagai jiran yang terdekat perlu juga menjadi rujukan.

Singapura sewaktu saya berada di universiti di Oxford, antara *scholar* ataupun pelajar-pelajar yang ditaja yang paling cemerlang daripada Singapura dihantar ke universiti saya adalah dengan biasiswa daripada tentera, tentera laut dan angkatan tentera mereka. Mereka mempunyai skim biasiswa yang sangat lumayan, *attractive* dan berjaya untuk menarik bakat-bakat yang terbaik ke dalam angkatan tentera mereka.

Perkara ini diteruskan sehingga panglima-panglima tentera dan panglima perkhidmatan mereka semua terdiri daripada mereka yang bukan hanya ada pengalaman ketenteraan tetapi pengalaman pendidikan yang sangat tertinggi yang mungkin tidak ada di sini.

Jadi, saya hendak cadangkan Yang Berhormat Menteri melihat kepada kalau tidak ada kemampuan di MINDEF, saya percaya ramai pemegang biasiswa JPA yang tidak berkhidmat untuk kerajaan, ambil mereka. Oleh sebab sekarang ini keperluan untuk kita ada bakat-bakat yang baharu terutamanya dalam bidang sains, kejuruteraan siber dan sebagainya sangat tinggi. Saya harap dapat diwujudkan satu biasiswa mungkin daripada JPA khas yang diserapkan ke dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai pakar-pakarnya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sikit Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Satu pandangan yang bernes dan baik.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja mengenai tentera juga, pengambilan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Soalan cantik macam ini juga?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tidak, yang peringkat rekrut. Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pengambilan yang berumur 18 tahun ke peringkat rekrut. Pihak yang ada ijazah apa semua itu mungkin ada dia punya jalan penyelesaian apabila dia penced.

Akan tetapi yang umur 18 tahun tentera kita sekarang ini dan pelajar-pelajar kita rakyat kita sekarang paling kurang pun ada SPM dan ada STP. Mereka ini telah diambil sebagai rekrut. Jadi, bila umur 18 tahun, 10 tahun, servis dua tahun dan 12 tahun, baru umur 30 tahun. Pencen umur 30 tahun mereka masih ada lagi masa yang panjang tidak ada jaminan hidup mereka. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam Kertas Putih ini juga masuk supaya kita rombak balik sistem pencen ini supaya mereka boleh *prolong* servis mereka sampai umur 40 tahun, 50 tahun. Jadi mereka ada masa depan untuk mereka terus berkhidmat kepada negara. Ini umur 30 tahun muda. Saya hendak minta pandangan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Penced bila servis 21 tahun. Selalunya masuk 18 tahun dia penced dalam umur 40 tahun, 41 tahun atau 42 tahun begitu. Ada juga disambungkan enam tahun lagi. Di peringkat pegawai tinggi barulah sampai ke peringkat 60 tahun. Itu adalah dalam sistem yang ada sekarang.

Tentang Yang Berhormat Rembau tadi, memang kebelakangan ini dalam angkatan tentera kita ada UPNM. Sudah ramai graduan UPNM sekarang memilih untuk bekerja di ATM. Ertinya para graduan telah berada dalam ATM sekarang angkatan tentera dan termasuk yang berkelulusan PhD. Adapun yang *brain*-nya yang hebat begitu diberi biasiswa, itu saya akan panjangkan pada masa akan datang supaya kita setanding bahkan lebih hebat daripada negara yang lain pada masa yang akan datang.

Memang selalunya orang meletakkan Singapura sebagai *benchmark* dia itu. Akan tetapi ada kelebihan mereka, ada kekurangan mereka. Ada kelebihan kita dan ada yang tidak ada pada mereka. Oleh sebab itu dari segi Angkatan Tentera Malaysia bagi saya berada di dalam keadaan yang paling bersiap siaga dalam semua keadaan untuk menghadapi apa keadaan sekalipun. Walaupun kita lihat ada perlu di sana dan di sini perlu diperbaiki tetapi kita yakin mereka berada

dalam keadaan yang siap siaga yang baik. Saranan Yang Berhormat Rembau saya akan ambil perhatian yang serius.

Berapa peratus peruntukan pertahanan daripada KDNK bagi belanjawan negara yang diperlukan. Kita cuba memohon sekurang-kurangnya satu peratus daripada KDNK.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Tadi saya ada bangkit dua perkara saya tengok sejarah dalam buku, dalam Kertas Putih ini tengok sempena serta dibangkit mengapa peristiwa 13 Mei tidak dimasukkan dalam sejarah ini? Begitu juga tempoh 14 hari oleh sebab komunis memerintah sementara British pun tidak ada dalam sejarah ini.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya yakin pihak jawatankuasa Kertas Putih yang berada di belakang akan meneliti hal ini. Kalau difikirkan perlu, mereka akan masukkan kerana cetakan yang untuk diedarkan itu akan berlaku dalam masa terdekat ini. Pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang itu kita ambil perhatian hal ini.

Jika trend tahun-tahun sebelum ini bajet pertahanan yang telah diterima adalah dalam lingkungan purata 6.2 peratus. Peruntukan ini diakui tidak mampu menampung keperluan sebenar pertahanan negara seperti yang telah disebut dalam KPP. Peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan adalah penting. Kementerian Pertahanan mengunjurkan keperluan peruntukan pertahanan sebanyak satu peratus daripada KDNK atau 6.5 peratus daripada belanjawan negara setiap tahun. Dengan sokongan Ahli Parlimen daripada kerajaan dan pembangkang, kita yakin kerajaan akan menilai hal tuntutan ini kerana ia dilihat waras dan berpatutan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan dua peratus daripada KDNK atau 10 peratus daripada bajet. Ini adalah Kertas Putih, ini seolah-olahnya Kertas Putih yang baharu Yang Berhormat. Oleh sebab kapal-kapal kita sudah terlampaui tua even senjata kita pun sudah tua. Jadi untuk memulakan Kertas Putih ini kita minta untuk tahun hadapan kita minta dua *percent* daripada KDNK ataupun 10 *percent* daripada bajet dan tahun berikutnya kita boleh minta 1.5 *percent or one percent okay*.

Akan tetapi untuk menggerakkan satu pendekatan yang hebat seperti yang di bentang dalam Kertas Putih, kita perlukan satu suntikan yang besar, dua *percent* ataupun 10 *percent* daripada bajet. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih. Dua *percent* daripada KDNK. Itu kalau kita boleh dapat maka itu lebih baik untuk mencapai perancangan kita yang begitu diperlukan buat masa kini.

Yang Berhormat Sibu iaitu pembinaan LMS dibuat di China. Perancangan dan pembuatan kapal tentera di Malaysia. Pembinaan baki 14 buah kapal LMS masih dalam peringkat perbincangan oleh TLDM. Kaedah perolehan akan ditentukan kemudian. Mana-mana limbungan yang berkelayakan untuk membina kapal LMS di Malaysia termasuk limbungan di Sibu boleh dipertimbangkan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu. Adakah kajian pelaksanaan untuk menempatkan aset-aset TLDM di Sabah dan Sarawak? Kajian keupayaan dan keperluan operasi telah dilaksanakan oleh TLDM untuk menempatkan aset-aset baharu yang mana keperluan ini telah diterjemahkan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Yang Berhormat Sibu, adakah MINDEF akan memberi peluang kepada pemain industri daripada Sabah dan Sarawak? Di mana sahaja asalkan sesuai, maka kita akan memberi peluang kepada sesiapa sahaja. Berapa peratus peruntukan pertahanan daripada KDNK? Saya sebut sudah tadi bahawa kita memohon satu peratus tetapi untuk belanjawan tahunan kita memohon tahun depan 6.5 peratus.

Segala pandangan-pandangan yang diberi tadi kita ambil kira, ambil perhatian dan ini adalah Kertas Putih yang pertama. Kalau ada kelemahan-kelebihannya, kita akan baiknya sebab Kertas Putih ini soal keselamatan negara. Keselamatan negara, ia tanggungjawab semua tidak kira ia dari aliran politik mana, berpolitik atau tidak berpolitik, kesedaran, awareness HANRUH itu perlu dipertingkatkan.

Selepas ini tidak ada lagi orang yang akan menyebut bahawa tentera makan tidur ataupun ada yang menyebut daripada pantai timur di sana seorang pemimpin yang mengatakan eloklah tentera wanita ini pergi jadi amah dan tukang sapu di rumah orang dan lelaki ini menggantikan pekerja-pekerja asing. Perkataan-perkataan seperti ini amat tidak baik kepada maruah pasukan angkatan tentera itu dan kepada Malaysia amnya secara umum. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak memberi pandangan tadi.

#### ■1730

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Menteri ada masa lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan Datuk ada menyebut ini Kertas Putih yang dibentang. Ada lagi Kertas Rahsia yang kita tidak bentang. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang kenyataan Yang Berhormat Bagan Datuk?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Mic.* Itu memang ada.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya yakin bekas Menteri Pertahanan Yang Berhormat Bagan Datuk tahu iaitu yang dibentang ini ialah kerangka umum. Disebut hendak melengkapkan keselamatan maritim tetapi apa yang hendak dibeli jenis apanya itu tidak dibentangkan di sini. Ia ada *paper* lain dan dibincang di peringkat kementerian dan ia ada di antaranya masuk di dalam OSA dan sebagainya. Ini kerana memanglah ada dua peringkat yang kita bentangkan ini. Hari ini terlalu umum. Ini yang dibentangkan oleh negara-negara lain secara umum. Ya Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri telah menjawab semasa di peringkat Jawatankuasa itu bahawa sesetengah daripada tender ini tidak boleh dibuat terbuka sebab ini melibatkan soal keselamatan. Yang Berhormat Menteri setuju supaya dibuat secara tertutup ataupun terus dan sebagainya. Jadi ini adalah merupakan sesuatu yang harus kita pegang— kami akan sokong tidak ada masalah ya.

Kedua Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan di sini disebut sokongan kepada veteran akan diberi bantuan kepada veteran dan sebagainya, saya ucapkan tahniah. Cuma saya minta satu jangan beri bantuan kepada PATRIOT, iaitu bekas pegawai-pegawai kanan yang pakai topi dan bintang banyak tetapi tidak tentu arah perjuangan mereka. PATRIOT, macam bangang sahaja.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sedikit lagi.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Veteran sahaja kita akan bantu, dan memang tadi kita sebut tadi iaitu kalau ada kelemahan yang lalu, soal pemantauan. Bila dibuat secara tender runding, selepas itu pemantauannya itu tidak ditekankan dan kali ini saya tekan kepada kementerian, pegawai-pegawai kalau kita beri tender secara runding, pemantauannya itu perlu ditekankan supaya *the value of money*, kalau betul-betul wang itu yang dibelanjakan menepati tender yang dikemukakan yang diluluskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi soal paling penting ialah pemantauan selepas tender diberi. Inilah yang perlu ditekankan oleh kerajaan sekarang dan pada masa akan datang kalau tender secara runding ini hendak dikemukakan terutama hal keselamatan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan penuh tenang sekali. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan di bawah Perkara 1 itu tadi, hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya mohon mencadangkan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali kedua sekarang.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua, ubah ya daripada Dato' jadi Tan Sri. Rang Undang-undang Kewangan 2019 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 yang lalu di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan akta-akta yang berkaitan. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini mempunyai 41 fasal yang dibahagikan kepada lapan bab seperti berikut: -

Bab I; Permulaan. Dalam bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut; Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2019. Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018.

Bab II yang terdiri daripada dua bahagian dan 20 fasal iaitu Fasal 3 hingga 22 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut; Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat seperti berikut: -

- (i) Perenggan 5(a) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 sehingga tahun taksiran 2025;
- (ii) Seksyen 6 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya;
- (iii) Seksyen 4, 7, 8, 9, 14, 21 dan 22, dan perenggan 20(a) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya;
- (iv) Perenggan 5(b), 16(a) dan 20(b), dan seksyen 10, 11, 13, 15, 17 dan 18 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020;
- (v) Seksyen 12 dan perenggan 16(b) mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini; dan
- (vi) Seksyen 19 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Fasal 3 rang undang-undang ini akan disyorkan dipinda di peringkat jawatankuasa seperti berikut: -

- (i) Subfasal 3 dipinda dengan menggantikan perkataan 21, 22 dan Fasal 20(a) dengan perkataan 20, 21 dan Fasal 19(a);
- (ii) Subfasal 4 dipinda dengan menggantikan perkataan 20(b) dengan perkataan 19(b); dan
- (iii) Subfasal 6 dipotong berbangkit daripada pemotongan Fasal 19 bertujuan untuk mengekalkan kuasa melulus dan memperbaharui permohonan lesen agen cukai di bawah Menteri Kewangan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(9) bagi memperuntukkan bahawa perenggan 2(a) Jadual Pertama dan perenggan 19(a) Jadual Ketiga tidak terpakai kepada amanah perniagaan dan syarikat yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti bersandarkan aset dalam suatu transaksi pensekuritian yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang mempunyai modal berbayar sehingga RM2,500,000 pada permulaan tempoh asas dan pendapatan kasar daripada semua punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1), di perenggan (i) bagi melanjutkan tempoh insentif kadar cukai 10 peratus ke atas pendapatan yang diterima pemegang unit *Real Estate Investment Trust* ataupun REITs, amanah pelaburan harta tanah untuk tempoh enam tahun lagi mulai tahun taksiran 2020 hingga 2025. Fasal ini turut meminda perenggan 6(1)(i) bagi meluaskan skop ketidakpakaian penggunaan cukai lapan peratus ke atas pengeluaran awal skim persaraan swasta yang dibuat sebelum berumur 55 tahun dari kepada pengeluaran bagi tujuan kesihatan dan perumahan.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 6A (2A) ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi rebat cukai ke atas levi pelepasan yang dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 iaitu Akta 813 oleh seseorang individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk menunaikan Umrah atau ziarah agama yang lain.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 34(6) seperti berikut; -

- (a) bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(h) bagi meluaskan skop potongan cukai berhubung dengan projek komuniti untuk merangkumi suatu projek bagi penyelenggaraan suatu bangunan yang telah ditetapkan sebagai satu tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005; dan
- (b) bertujuan untuk meminda proviso kepada perenggan 34(6)(k) bagi menaikkan amaun maksimum potongan cukai bagi tajaan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan daripada RM700,000 kepada RM1 juta.

#### ■1740

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 44 seperti berikut:

- (a) meminda subseksyen 46(6)(11B)(11C) masing-masing untuk memperuntukkan bahawa amaun maksimum yang dibenarkan sebagai potongan kepada seseorang individu selain syarikat bagi sumbangan wang kepada mana-mana institusi, organisasi atau tabung atau aktiviti sukan yang diluluskan atau projek berkepentingan negara dinaikkan daripada tujuh peratus kepada 10 peratus daripada pendapatan agregat;
- (b) meminda subseksyen 44(6B) untuk membenarkan mana-mana pihak berkuasa agama, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama atau universiti awam yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah

berhubung dengan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 44(11D) Akta 53 untuk merayu kepada Menteri; dan

- (c) memasukkan subseksyen baharu 44(11D) untuk membenarkan potongan bagi pemberian wang dalam bentuk wakaf atau *endowment* yang dibuat kepada mana-mana pihak berkuasa agama, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama atau universiti awam yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen baharu (11D) dan amaun yang telah dipotong di bawah proviso kepada subseksyen 44(6), (11B) dan (11C) Akta 53, tidak boleh melebihi 10 peratus daripada pendapatan agregat. Cadangan pindaan ini turut memasukkan subseksyen baharu (11E) untuk menjelaskan universiti awam yang layak mendapat kelulusan di bawah subseksyen (11D) adalah institusi pengajian tinggi yang mendapat taraf universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Universiti Teknologi Mara yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi Mara 1976.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:

- (a) menggantikan perenggan 46(1)(g) bagi meluaskan potongan individu perbelanjaan penyakit serius kepada perbelanjaan perubatan menjalani rawatan kesuburan yang dibelanjakan oleh seseorang individu untuk dirinya sendiri atau pasangannya. Potongan individu yang diberikan itu adalah terhad kepada amaun maksimum RM6,000 yang dibelanjakan bagi kedua-dua rawatan penyakit serius dan kesuburan; dan
- (b) meminda perenggan 46(1)(r) untuk menaikkan amaun potongan yang diberikan kepada seseorang individu bagi amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan berhubung pembayaran bayaran penjagaan anak kepada taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 iaitu Akta 308 atau tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550 bagi anak individu itu yang berumur enam tahun ke bawah daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 77B(4) untuk memperuntukkan bahawa cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar menurut penyata terpinda hanya akan dinaikkan kepada suatu jumlah yang bersamaan dengan 10 peratus daripada amaun cukai atau cukai tambahan itu. Tiada lagi kenaikan cukai tambahan ke atas penyata terpinda yang dikemukakan selepas 60 hari.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 91 yang memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa kesan daripada suatu prosedur

perjanjian bersama dalam perkiraan percuaian dua kali yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 132.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda subseksyen 100(1) untuk memperuntukkan permohonan lanjutan masa merayu terhadap suatu taksiran boleh dibuat dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan di bawah subseksyen 99(1).

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 103 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang genap masa dan kena dibayar namun tidak dibayar pada tarikh yang ia kena dibayar, aman yang tidak dibayar itu akan dikenakan kenaikan pada kadar tunggal iaitu 10 peratus. Kenaikan cukai tambahan lima peratus tidak lagi dikenakan.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda perenggan 104(1)(b) untuk memperuntukkan bahawa seseorang individu boleh dihalang daripada meninggalkan Malaysia sekiranya dia tidak membayar kenaikan cukai 10 peratus daripada anggaran cukai di bawah subseksyen 107C(10A).

Fasal 18 bertujuan untuk meminda subseksyen 109G(1) untuk meluaskan skop pengeluaran daripada skim persaraan swasta oleh seseorang individu sebelum mencapai umur 55 tahun yang tidak tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar lapan peratus untuk meliputi alasan penjagaan kesihatan atau perumahan dan pengeluaran itu hendaklah mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 153 bagi memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan atau membaharui kelulusan bagi seseorang untuk bertindak sebagai agen cukai. Selain itu, fasal ini juga memperuntukkan jika orang itu terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah yang enggan membaharui sesuatu kelulusan atau membatalkan sesuatu kelulusan, dia boleh merayu kepada Menteri terhadap keputusan itu.

Fasal 19 berkenaan pindaan seksyen 153 akan disyor untuk dipotong di peringkat jawatankuasa bagi menjelaskan kuasa meluluskan dan memperbaharui permohonan lesen agen cukai kekal di bawah Menteri Kewangan. Dengan pemotongan fasal 19, fasal-fasal 20 hingga 41 akan disyorkan dipinda di peringkat jawatankuasa untuk penomboran semula sebagai fasal-fasal 19 hingga 40.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut, meminda perenggan 1, Bahagian I, Jadual 1 untuk memperuntukkan kadar cukai baharu sebanyak 30 peratus bagi setiap pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM2 juta bagi suatu tahun taksiran bagi individu bermastautin selain yang disebut dalam perenggan 1A, 2, 2A, 2D, 3 dan 4.

Meminda perenggan 1A, Bahagian I, Jadual 1 untuk memperuntukkan kadar cukai baharu sebanyak 30 peratus ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran bagi seseorang selain syarikat yang tidak bermastautin.

Meminda perenggan 2A dan 2D, Bahagian I, Jadual 1 untuk memperuntukkan kriteria pendapatan kasar daripada semua sumber perniagaan tidak melebih RM50 juta dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebagai kriteria tambahan untuk tertakluk kepada kadar cukai di bawah perenggan 2A dan 2D, Bahagian I, Jadual 1. Pindaan ini juga bertujuan untuk

meminda perenggan 2A dan 2D, Bahagian I, Jadual 1 untuk menaikkan amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi syarikat dan perkongsian liabiliti terhad di bawah peruntukan ini daripada RM500,000 kepada RM600,000.

Meminda Bahagian XVI, Jadual 1 untuk memperuntukkan bahawa jumlah pengeluaran keseluruhan daripada skim persaraan swasta oleh seseorang individu sebelum mencapai umur 55 tahun selain atas alasan penjagaan kesihatan atau perumahan, hendaklah tertakluk kepada kadar cukai di bawah bahagian ini.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut, meminda subperenggan 19A(1), Jadual 3 untuk menaikkan nilai aset bernilai kecil yang layak bagi suatu elauan khas di bawah perenggan 19A daripada RM1,300 kepada RM2,000.

Meminda proviso kepada subperenggan 19A(1), Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa had jumlah elauan pembiayaan loji yang layak berkenaan dengan aset bernilai kecil dinaikkan daripada RM13,000 kepada RM20,000 bagi setiap tahun taksiran.

#### ■1750

Meminda subperenggan 19A(3) Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa proviso kepada sub-perenggan 19A(1) tidak terpakai bagi syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak RM2,500,000 dan ke bawah pada permulaan satu tempoh asas dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50 juta daripada semua perniagaan dalam satu tempoh asas bagi satu tahun taksiran.

Fasal 22, bertujuan untuk meminda subperenggan 13(1), Jadual 6 dengan memasukkan sub-subperenggan 13(1)(c) baharu ke dalam Jadual 6 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan pihak berkuasa agama yang berkenaan, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama berkenaan atau universiti awam yang telah diluluskan bagi maksud subseksyen 44(11D) berkenaan dengan apa-apa wakaf atau *endowment* yang diterima termasuklah pendapatan yang terbit daripadanya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah dikecualikan daripada cukai.

Bab III yang terdiri daripada lima fasal iaitu fasal 23 hingga fasal 27 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut fasal 23, bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 24 dan fasal 27 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini dan fasal 25 dan fasal 26 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Oktober 2019.

Fasal 23 yang akan dinomborkan semula kepada fasal 22 disyorkan untuk dipinda di peringkat jawatankuasa seperti berikut; dalam subfasal (1) dengan menggantikan perkataan 24 dan 27 dengan perkataan 23 dan 26. Dalam subfasal (2) dengan menggantikan perkataan 25 dan 26 dengan perkataan 24 dan 25.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda subseksyen 21B(1A) untuk meluaskan skop pegangan dan remitan wang oleh pemeroleh bagi pelupusan yang dibuat oleh syarikat yang tidak

diperbadankan di Malaysia yang mana pemeroleh hendaklah memegang kesemua balasan wang atau tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan yang mana yang terendah.

Fasal 25 dan 26 bertujuan untuk meminda Jadual 2 dan 3 masing-masing untuk memperuntukkan bahawa apabila pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai yang diperoleh sebelum 1 Januari 2013. Nilai pasaran pada 1 Januari 2013 akan diambil sebagai harga pemerolehan bagi aset yang boleh dikenakan cukai itu.

Fasal 25 yang akan dinomborkan semula kepada fasal 24 berkenaan pindaan perenggan (2A) dalam Jadual 2 akan disyorkan untuk dipinda di peringkat Jawatankuasa bagi menjelaskan penetapan harga pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan bagi harta tanah yang diperolehi sebelum 1 Januari 2013 adalah tidak terpakai bagi pelupusan saham dan saham dalam syarikat harta tanah yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 dan perenggan 24A Jadual 2.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda Jadual 5 seperti berikut.

Perenggan 27(a) bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual 5 untuk memperuntukkan pemakaian kadar cukai di bawah Bahagian II hanya kepada sesuatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah bagi suatu amanah.

Perenggan 27(b) bertujuan untuk meminda Bahagian III Jadual 5 untuk memperuntukkan kadar cukai di bawah Bahagian III bagi pelupusan yang dilakukan oleh syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia.

Bab IV yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 28 dan fasal 29 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut:

Fasal 28 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 29 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda subbutiran 27(a)(ii) Jadual Pertama untuk menaikkan amaun maksimum duti eksais setem yang kena dibayar ke atas pinjaman dalam mata wang asing daripada RM500 kepada RM2,000.

Fasa 29 yang akan dinomborkan semula kepada fasal 28 akan disyorkan dipinda di peringkat Jawatankuasa seperti berikut dalam sub fasal 1 dengan menggantikan perkataan 31 dengan perkataan 30. Dalam subfasal (2) dengan menggantikan perkataan 32 dengan perkataan 31. Dalam subfasal (3) dengan menggantikan perkataan 33, 34 dan 35 dengan perkataan 32, 33 dan 34.

Bab V yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 30 hingga fasal 35 bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut.

Fasal 30 bertujuan menyatakan tarikh kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 31, mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 32, berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya dan fasal 33, fasal 34 dan fasal 35 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

Fasal 31, bertujuan untuk meminda seksyen 39 dengan memasukkan subseksyen baru bagi memberikan kuasa kepada ketua pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa kesan daripada suatu prosedur perjanjian bersama dalam perkiraan percukaian dua kali yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 65A.

Fasal 32, bertujuan untuk meminda subseksyen 44(1) berbangkit daripada pindaan seksyen untuk memperuntukkan bahawa permohonan lanjutan masa untuk merayu terhadap suatu taksiran boleh dibuat dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan di bawah subseksyen 43(1).

Fasal 33, bertujuan untuk meminda seksyen 65A bagi memasukkan Konvensyen Multilateral untuk Pelaksanaan Langkah-langkah Berkaitan Triti Cukai untuk Mencegah Penghakisan Asas dan Pemindahan Keuntungan atau apa-apa perkiraan lain yang mengubah suai apa-apa perkiraan semasa antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Fasal 34, bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 65AA bagi mengadakan peruntukan bagi suatu kaedah baharu bagi apa-apa perkiraan dua hala atau pelbagai hala yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk menguatkuasakan obligasi-obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan percukaian di bawah akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

Fasal 35, bertujuan untuk meminda seksyen 83 untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud untuk melaksanakan dan memudahkan penguatkuasaan sesuatu perkiraan di bawah seksyen baharu 65AA.

Bab VI yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 36 dan fasal 37 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 seperti berikut;

Fasal 36, bertujuan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini iaitu pada suatu tarikh yang akan ditetapkan melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 37, bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu iaitu Bahagian IXA yang berkaitan dengan Skim Khas. Bahagian ini memperkenalkan Skim Pengeksport Utama Diluluskan, *Approved Major Exporter Scheme (AMES)* yang mana melalui skim ini pedagang ataupun *trader* dan pengilang barang siap yang tidak bercukai ataupun *goods exempted* diberikan pengecualian dari membayar cukai jualan ke atas pengimportan dan pembelian barang yang akan dieksport semula atau pengimportan dan pembelian bahan mentah komponen dan bahan pembungkusan yang akan digunakan untuk mengilang barang tidak bercukai dan dieksport keluar negara.

Seterusnya, melalui pindaan ini, *trader* ataupun pengilang dikehendaki membayar cukai jualan berdasarkan formula dan syarat yang ditetapkan sekiranya barang yang dibeli atau barang siap tidak bercukai tersebut tidak dieksport dan dijual di pasaran tempatan.

**■1800**

Bab VII yang terdiri daripada satu fasal iaitu fasal 39 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2010 seperti berikut.

Fasal 39(a) dan (c) bertujuan untuk menggantikan seksyen 6 dan 35 bahasa kebangsaan akta tersebut masing-masing untuk menjadi peruntukan selaras dengan teks bahasa Inggeris. Manakala fasal 39(b) bertujuan untuk menggantikan seksyen 10 teks bahasa Inggeris akta tersebut untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa kebangsaan.

Akhirnya, Bab VIII. Terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 40 dan fasal 41 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018 seperti berikut.

Fasal 40 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 41 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen 71 bagi menjelaskan bahawa tarikh permulaan kuat kuasa bagi pemotongan seksyen 7 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 yang berkenaan dengan pemilihan untuk dikenakan cukai sebanyak RM20,000 adalah bagi tahun taksiran 2020 dan tahun taksiran yang berikutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ada dua nama sahaja di sini. Pertama sekali Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu saya panggil Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tebrau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Arau.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Alor Setar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Alor Setar. Ada lagi yang tertinggal? Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bendera, memang sudah ada. Ada lagi yang tertinggal? Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat

Rasah, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Alor Setar. Ya, baik. Silakan Yang Berhormat Bukit Bendera.

### 6.03 ptg.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin menyertai perbahasan rang undang-undang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 10 minit Yang Berhormat, boleh? Masa 10 minit.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Boleh, boleh. Saya turut ingin menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2019.

Saya ingin merujuk kepada fasal 6 iaitu pindaan seksyen 6A kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu berkenaan dengan *tax rebate* berikutan dengan kelulusan Akta Levi Pelepasan 2019 di Parlimen pada tahun ini. Untuk mereka yang meninggalkan negara melalui udara untuk umrah dan juga *other religious pilgrimage* iaitu menjalankan ibadah agama Islam dan agama-agama selain Islam turut boleh menerima *tax rebate* di bawah pindaan ini.

Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana semasa saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019, perkara ini telah dibangkitkan. Saya berbesar hati bahawa apabila *religious pilgrimage* untuk agama lain turut diberikan *tax rebate*. Ini tertakluk kepada *Committee for the Promotion of Inter-Religious Understanding and Harmony among Adherents, Prime Minister's Department*. Ini adalah satu langkah yang positif oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

*Tax rebate* di bawah pindaan ini sebanyak dua kali *tax rebate*, saya mentafsirkan sebagai untuk seumur hidup. Agama Islam adalah agama rasmi untuk Persekutuan tetapi juga di bawah Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan dan hak agama lain juga turut diberi penghormatan dan dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu pekeliling garis panduan ataupun nota amalan dikeluarkan oleh jawatankuasa untuk promosi pemahaman dan harmoni antara agama supaya orang awam boleh mengetahui senarai *religious pilgrimage* yang mana yang akan mendapat *tax rebate*. Senarai tersebut boleh dirujuk dan digariskan bersama dengan *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism* (MCCBCHST).

Saya menyebut sedemikian kerana *departure levy* yang dimasukkan ialah RM8 untuk negara-negara ASEAN dan RM20 untuk negara-negara *non ASEAN* untuk *economy class*. *Tax rebate* ini adalah kecil tetapi amat bermakna. Saya cadangkan supaya untuk kurangkan kos birokratik kita buat satu garis panduan ataupun *publish* senarai-senarai *pilgrimage* yang kita maksudkan selepas *consultation* dengan MCCBCHST.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada fasal 7 di mana pindaan subseksyen 34(6) Akta Cukai Pendapatan dilakukan untuk menambahkan satu lagi item dalam Senarai *Tax Rebate Deduction* iaitu selain kebijakan dan lain-lain, ditambahkan pula

*“Maintenance of a building designated as heritage site by the Commissioner of Heritage under the National Heritage Act 2005”, dengan izin. Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana ia boleh meluaskan tax deduction kepada penyelenggaraan bangunan warisan adalah satu strategi public-private partnerships (PPP) supaya pihak swasta turut boleh menyumbang kepada warisan negara dan sebagai pengiktirafan kepada sumbangan wang dan boleh mendapat potongan cukai pendapatan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan fasal 7 di mana perenggan 7(b) dengan menaikkan amaun maksimum potongan cukai bagi menjalankan apa-apa aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan daripada RM700 ribu kepada RM1 juta. Ini adalah satu langkah positif untuk menggalakkan lebih banyak korporat untuk menjalankan aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 8 berkenaan seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, potongan kepada seseorang individu bagi pemberian wang kepada organisasi yang diluluskan, dinaikkan daripada tujuh peratus kepada 10 peratus. Saya memohon prosedur untuk potongan seksyen 44(6) ini diperkemas untuk mengelakkan penyalahgunaan. Saya difahamkan melebihi 2,000 organisasi kebajikan mendapat *tax exempt status*. Saya meminta organisasi ini diadakan pembaharuan *status tax exempt* setiap tiga hingga lima tahun dan perlu mengemukakan *auditor account*. Ini untuk memastikan *safeguard* supaya seksyen 44(6) ini tidak disalahgunakan dan untuk mengelakkan kejadian *fraud*.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 8 juga terdapat cadangan potongan cukai untuk pendermaan kepada *religious authority* dan *public university*. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, sama ada *religious authority* termasuk juga *Hindu Endowments Board* dari Pulau Pinang dan juga ahli-ahli MCCBCHST. Saya cadangkan supaya ini dipanjangkan kepada anggota-anggota MCCBCHST.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 20 melibatkan pindaan kepada Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan iaitu segala cukai pendapatan untuk mereka memperoleh pendapatan melebihi RM2 juta setahun dinaikkan daripada 28 peratus kepada 30 peratus untuk pendapatan melebihi RM2 juta. Adalah dijangkakan 2,000 pembayar cukai akan menyumbang tambahan RM100 juta kepada *Federal coffer*.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, 30 peratus ini masih rendah berbanding dengan negara-negara lain. Negara Taiwan 40 peratus, Thailand, Vietnam dan Filipina sebanyak 35 peratus. *World Bank* telah mencadangkan supaya 35 peratus. Saya mengalu-alukan langkah untuk meningkatkan *revenue* kerajaan dan cukai dari golongan *super top* ini boleh digunakan untuk membantu golongan B40. Inilah semangat progresif *tax structure*.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 34 melibatkan pindaan terhadap Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 di mana obligasi antara antarabangsa, penyertaan konvensyen multilateral untuk pelaksanaan langkah-langkah berkaitan triti cukai untuk mencegah Penghakisan Asas Cukai dan Pemindahan Keuntungan (BEPS). Saya mengambil maklum bahawa pindaan ini *retrospective* iaitu disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember tahun lalu. Pindaan ini

juga sejajar dengan penyertaan Malaysia dalam *Forum on Harmful Tax Practices* (FHTP), *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

■1810

Inisiatif percukaian ini menunjukkan komitmen Malaysia dalam memenuhi standard percukaian antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat sistem percukaian kita lebih telus supaya skandal-skandal yang berlaku pada masa lalu seperti kes 1MDB boleh dikesan dengan lebih awal lagi.

Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat pentadbiran percukaian kita disusun secara *rule-based*. Inisiatif yang dijalankan sebelum ini seperti *big data technology* untuk mengesan pembayar cukai yang di luar ruang lingkup percukaian hendaklah diteruskan. Begitu juga *Special Voluntary Disclosure Programme* (SVDP) yang dijalankan sebelum ini telah menggalakkan mereka yang tidak membayar cukai sepenuhnya tampil ke depan.

Mengikut satu laporan 21 peratus daripada GDP Malaysia masih dikelaskan sebagai *shadow economy* dan kerajaan mengalami kerugian kerana *shadow economy* di luar skop percukaian. Saya meminta supaya *shadow economy* ini dikurangkan melalui *big data, rules based tax administration* untuk menambahkan lagi hasil negara supaya lebih banyak program dan projek untuk kepentingan awam boleh dilaksanakan. Itu sahaja, saya mohon menyokong pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, juga 10 minit.

**6.11 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini ialah Rang Undang-undang Kewangan. Di peringkat dasar ini, kita boleh menyatakan apa sahaja yang berhubung kait dengan percukaian. Jadi, perkara yang saya ingin nyatakan di sini ialah sejak PH mengambil alih, saya hendak tahu berapa banyak cukai baharu yang telah diwujudkan. Dalam senarai saya, pertama kalau salah senarai ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong betulkan.

Pertama, cukai baharu di bawah Kerajaan PH ini ialah satu cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus. Kedua, cukai jualan lima dan juga 10 peratus. Ketiga, cukai perkhidmatan digital. Saya ingin tahu juga ada tidak lagi cukai perkhidmatan yang lain, yang baharu. Keempat, levi pelepasan. Ia juga adalah satu bentuk cukai. Kelima, kenaikan kepada cukai keuntungan harta tanah daripada lima peratus kepada 10 peratus untuk beberapa kategori yang tertentu. Keenam ialah kenaikan duti setem beberapa duti setem yang dinaikkan termasuk dalam pindaan RUU ini dan yang ketujuh ialah cukai soda. Jadi dihapuskan satu cukai GST digantikan dengan tujuh cukai yang lain. Ini rakyat kena tahu tentang perkara yang sebenar apa yang berlaku dalam kerajaan ini.

Saya ingin bertanya, Cukai Perkhidmatan enam peratus itu berapa banyak kutipannya? Cukai Jualan lima peratus, berapa banyak kutipannya? Saya tidak nampak ramai pegawai di belakang yang boleh menolong Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap mereka bahagian cukai, bahagian analisa cukai, bahagian kastam ada di belakang itu untuk memberikan bantuan. Saya ingin ulang berapa banyak Cukai Perkhidmatan enam peratus yang dikutip setahun? Berapa banyak Cukai Jualan yang dikutip setahun? Berapa banyak Cukai Jualan 10 peratus yang dikutip setahun?

Selain daripada itu, kebiasaan dalam setiap bajet diumumkan pengecualian-pengecualian cukai. Jika dahulu semasa GST, kita tambah senarai barang pengecualian GST tetapi pada bajet baru-baru ini, saya tidak terdengar Yang Berhormat Menteri ada menambah pengecualian-pengecualian cukai terhadap Cukai Jualan ataupun Cukai Perkhidmatan. Saya tidak dengar walaupun satu tambahan untuk pengecualian cukai. Jika ada, tolong beritahu apakah senarai pengecualian cukai tambahan.

Kita diberitahu bahawa ada lebih kurang 6,400 barang yang dikenakan cukai SST ini. Saya ingin tahu adakah tambahan, kadang-kadang melalui gazet-gazet yang tertentu yang Ahli Parlimen tidak dapat hendak membaca sebab banyak sangat perkara di atas meja, kemungkinan ada senarai-senarai baharu daripada 6,400 yang ditambah. Saya ingin tahu, kalau ada penambahan tolong beritahu, berapa banyak penambahan barang-barang yang ditambah Cukai Perkhidmatan dan juga Cukai Jualan.

Pada 8 Oktober 2019, Yang Amat Berhormat Langkawi menyatakan satu perkara yang amat merisaukan saya iaitu beliau menyebut bahawa beliau yakin kutipan SST akan lebih tinggi daripada GST. Jadi, ia merisaukan saya sebab kita tahu bahawa GST, kutipannya RM66 bilion. Kemudian kita pulang balik lebih kurang RM20 bilion lebih. Bersih lebih kurang RM44 bilion. Jadi, bila SST ini hendak boleh sampai RM66 bilion? Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri orang Kedah, tolong beri pandangan yang tepat kepada Yang Amat Berhormat Langkawi supaya beliau tidak membuat kenyataan-kenyataan yang begitu rupa.

Bila SST RM21 bilion ini boleh mencapai RM66 bilion ataupun setidak-tidaknya GST bersih RM44 bilion. Kalau itu boleh dibuat, ia ada dua kaedah untuk melakukannya. Saya ingin mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Langkawi agar memanggil Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan untuk memastikan bahawa kutipan RM21 bilion itu boleh dinaikkan kepada RM44 bilion dengan menambah jumlah barang. Kalau sekarang 6,400, tambah jadi 20,000 misalnya. Maka, dapatlah RM44 bilion itu atau kalau sekarang lima peratus dan kemudian 10 peratus, naikkan 10 peratus ke 20 peratus, saya yakin tentu perkara itu bukan satu perkara yang popular yang ingin dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri.

Jadi, ada satu lagi pandangan yang juga merisaukan saya, yang saya lihat tidak berlaku bahawa RM44 bilion tolak RM21 bilion, RM23 bilion yang baki itu dikatakan oleh banyak Menteri di sebelah sana bahawa rakyat memiliki wang yang bertambah RM23 bilion untuk dibelanjakan.

Akan tetapi kalau betul perkara itu berlaku, ekonomi kita mesti berkembang tetapi sebaliknya berlaku, ekonomi kita tidak berkembang, ekonomi kita menguncup.

Kemudian, banyak *business entity* yang kerugian, ada kedai-kedai yang tutup. Kemudian kalau kita tanya kepada mereka yang di luar sana yang berniaga, ada yang mengatakan bahawa perniagaan mereka turun 20 peratus, 30 peratus, 40 peratus, 50 peratus, 60 peratus, macam-macam yang turun daripada perniagaan akibat ekonomi yang tidak berkembang. Ini bererti kenyataan bahawa rakyat mempunyai RM23 bilion dana dalam tangan kerana dilaksanakan SST dan dibatalkan GST itu nampak tidak berlaku dari sudut ekonomi.

Satu lagi perkara yang saya ingin nyatakan di sini ialah mengenai skim pengeksport. Tadi ada disebut bahawa ingin dilakukan sesuatu untuk skim pengeksport ini. Pada pandangan saya ialah eksport ini kita tidak perlu kenakan Cukai Jualan Yang Berhormat Timbalan Menteri jika bersetuju dengan saya. Kalau kita mengenakan Cukai Jualan kepada eksport maka eksport akan menjadi lebih mahal dan akibatnya eksport kita akan jatuh.

Ini terbukti pada bulan September bagaimana eksport kita jatuh. Sembilan bulan pertama data daripada MITI menyatakan bahawa eksport kita jatuh. Untuk menaikkan eksport itu, secara ikhlas saya ingin mengesyorkan kepada Timbalan Menteri agar mengesyorkan kepada kastam supaya eksport tidak dikenakan Cukai Jualan. Itu satu cadangan. Kalau boleh hendak dibuat, buatlah.

Kemudian mengenai Akta Petroleum, Bab 5 yang dinyatakan dalam sini. Saya ingin tahu berapa banyak sebenarnya yang diambil oleh Kementerian Kewangan daripada dana Petronas? Berapa banyak tahun 2018? Berapa banyak tahun 2019? Berapa banyak tahun 2020? Berapakah sumbangan wajib? Berapa peratus sumbangan wajib yang patut diberikan oleh Petronas kepada Perbendaharaan negara?

Saya juga ingin tahu mengapa *operating profit* Petronas ini turun? Suku ketiga 2017, RM15.6 bilion. Suku pertama 2018, RM18.9 bilion tetapi suku ketiga 2019, turun kepada RM9.78 bilion. Jadi ini dalam Akta Petroleum ini tentunya Petronas akan sukar untuk memberikan dana yang lebih banyak kepada negara kita. Ya, sila Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Makin berkembang, *structure economy* kita berubah kepada *manufacturing* kepada *service industry*. *Structure economy* itu berubah. Mana-mana ahli ekonomi yang mengatakan ataupun sama ada di dalam teknologi mengatakan SST itu lebih baik daripada GST, dia harus pergi ke sekolah semula. Apakah pandangan Yang Berhormat?

■1820

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perkara ini sudah berlalu, memanglah ya 170 buah negara lebih sudah melaksanakan GST, kita kembali pada sistem lama dan pastinya ia tidak baik untuk negara kita sebenarnya ya. Segala teori-teori yang dinyatakan untuk *back up* SST ini tidak betul ya. Terima kasih Yang Berhormat Rompin atas pencelahan itu. Negeri Sarawak menyaman Petronas kerana tidak bayar cukai jualan. Pelik juga itu ya. Petronas

tidak membayar cukai jualan kepada negeri Sarawak. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang berlaku sebenarnya tentang perkara itu. Akhirnya saya ingin tanya ialah adakah dana politik dikenakan dengan cukai pendapatan? Adakah dana politik dikenakan cukai pendapatan? Kalau dikenakan, berapa parti-parti politik, tolong senaraikan yang membayar cukai pendapatan.

Pendapatan dari luar negara, adakah dikenakan cukai pendapatan? Setakat yang saya maklum dalam laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM), pendapatan dari luar negara tidak dikenakan sebarang cukai. Kemudian, kalau seorang suami itu orang luar negara dan atas pendapatan luar negaranya itu dia memberikan pendapatannya kepada isterinya, isterinya orang Malaysia, adakah isterinya kena bayar cukai? Jadi itulah di antara beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Tadi ada disebut umrah dan ziarah ya. Saya ingin tanya, haji saya kira tidak dikenakan cukai pelepasan walaupun tidak disebut dalam perenggan 6B, Akta 53 itu. Tapi saya kira Haji tidak dikenakan cukai itu.

Universiti wakaf yang akhirnya. Adakah ia akan dilaksanakan apabila ada perenggan 8(f) mengenai bentuk wakaf *endowment* universiti awam. Cadangan untuk mewujudkan universiti wakaf, adakah ia akan dilaksanakan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang Yang Berhormat Rasah, silakan.

#### **6.21 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2019 pada petang ini. Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah berkenaan dengan pembayaran balik GST dan juga cukai pendapatan. Dalam teks ucapan Yang Berhormat Menteri ketika membentangkan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober yang lepas, dikatakan bahawa lebih RM29 bilion telah dipulangkan sehingga tarikh 30 September. Jadi saya hendak tanya setakat statistik terkini sehingga sekarang, mungkin sehingga penghujung November, apakah kesemua RM37 bilion yang disebutkan sebelum ini telah dipulangkan?

Saya percaya sudah kecuali mana-mana yang tidak menepati syarat-syarat tersebut sebab ialah kerajaan Pakatan Harapan walaupun yang kutip itu bukan kita, ada yang sudah ber hutang bertahun-tahun dan ada yang sampai lima tahun. Akan tetapi tidak apalah, kita sebagai kerajaan kita ambil tanggungjawab dan kita pulangkan ya. Saya percaya, yang penting, soalan saya mohon pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana-mana yang telah menepati semua syarat, apakah sudah dipulangkan? Saya yakin sudah sebab kita menepati janji.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan pada petang ini Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 6A akta ibu iaitu berkenaan dengan levi pelepasan yang diperkenalkan sebelum ini iaitu pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Disebutkan

levi cukai untuk mereka yang mengerjakan umrah ataupun untuk apa-apa urusan dengan tujuan keagamaan akan diberikan maksimum dua kali pelepasan.

Saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang dimaksudkan rebat cukai tersebut, macam mana cara dia? Apakah ketika perjalanan mereka keluar daripada Malaysia, pergi ke negara luar, mereka tidak dikenakan ataupun ada cara mekanisme dan macam mana pelaksanaannya?

Ini kerana saya menyambut baik. Bagi saya ia suatu yang tambah baik yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan ke atas perkara-perkara yang berbentuk ritual, keagamaan dan kita menghormati. Kita tahu kita di negara Malaysia ialah mempunyai pelbagai latar belakang, dalam masyarakat majmuk, kita menghormati penganut semua agama. Janji mereka buat kerja berkaitan dengan agama, kita berikan kelonggaran sebegini, cuma pelaksanaan dia, sebab kita pun tidak mahu nanti ada yang timbul rungutan bahawa ia tidak dapat dan sebagainya.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sebutkan pada petang ini adalah berkenaan dengan seksyen 34(6), akta ibu iaitu berkenaan dengan menaikkan potongan cukai. Untuk mereka-mereka yang terlibat dengan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan ataupun penyelenggaraan bangunan yang telah diklasifikasikan ataupun disebutkan sebagai tapak warisan, dengan potongan cukai daripada asalnya RM700,000 kepada maksimum RM1 juta.

Saya menyambut baik perkara ini sebab kita tahu, kita kalau hendak menarik lebih ramai pelancong khasnya pelancong luar ke negara kita, kena ada usaha yang menyeluruh daripada semua pihak dan keputusan daripada Kementerian Kewangan sendiri untuk menaikkan potongan tersebut disambut baik sebab ia akan membolehkan lebih ramai pemilik bangunan terutamanya untuk memberikan ataupun memperuntukkan dana dalam menjaga bangunan yang membawa makna ataupun warisan sejarah tersebut.

Cuma macam mana mekanisme pelaksanaan dia. Sebab saya bimbang satu, akan ada pemilik, saya bukan hendak tuduh siapa-siapa, saya bimbang kalau ada pemilik bangunan yang menggunakan ini sebagai alasan. Terutama kalau boleh dapat potongan cukai sebanyak RM1 juta, satu amaun yang besar terutama lepas kita naikkan, sesiapa yang mempunyai pendapatan lebih RM2 juta kepada 30 peratus kadar cukai yang kena dibayar, dia akan ambil kesempatan ini.

Kalau mereka betul gunakan dana, gunakan wang mereka untuk menyelenggarakan bangunan, untuk membantu negara dalam mewujudkan lebih banyak tempat pelancongan yang berunsur warisan, seni dan sejarah dan sebagainya, kita mengalu-alukan. Akan tetapi cuma takut disalahgunakan. Jadi apakah langkah-langkah daripada kerajaan sendiri untuk mengelakkan dia disalahgunakan oleh mereka yang mengambil kesempatan atas langkah terbaru daripada kerajaan ini.

Perkara seterusnya yang saya hendak sebutkan pada petang ini adalah berkenaan Jadual 1 kepada akta ibu iaitu berkenaan tadi saya sebut, kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun sebutkan bahawa untuk mereka yang mempunyai pendapatan lebih RM2 juta.

Peratusannya akan dinaikkan, kalau sebelum ini 28 peratus, dinaikkan kepada 30 peratus. Saya difahamkan tidak ramai yang terlibat, cuma dalam 2,000 orang. Akan tetapi walaupun 2,000 orang, saya percaya dan saya yakin impaknya cukup besar. Ini kerana ialah mereka ini kalau dia bukan setakat T20 tapi yang paling kaya. Walaupun peratusan sikit tetapi unjuran ataupun sumbangan mereka kepada pendapatan, kepada kerajaan sangat besar.

Saya hendak tanya, daripada— ya lah *group* yang, kumpulan yang dikategorikan lebih RM2 juta pendapatan mereka, kita dapat berapa dengan kenaikan 2 peratus ini? Saya percaya dia angka yang besar. Jadi, bagi saya ia tidak membebankan rakyat kebanyakannya sebab yang terlibat hanya golongan yang terkaya, yang memang cukup kayalah yang saya rasa mereka memang wajar memberikan lebih banyak sumbangan untuk pembangunan negara, membolehkan kerajaan mempunyai dana yang lebih banyak yang akhirnya akan membolehkan kerajaan melaksanakan lebih banyak program-program yang akhirnya akan menguntungkan rakyat jelata.

Perkara seterusnya yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1979 ataupun berkaitan dengan CKHT iaitu pindaan kepada Jadual 3. Saya menyambut baik keputusan kerajaan untuk membentangkan bahawa nilai harta yang diambil kira dipinda daripada 1 Januari 2000, pada tahun lepas kita tetapkan dan dipinda pada 1 Januari 2013. Saya percaya ada rungutan, ada pandangan yang berbeza daripada rakyat sendiri yang membolehkan kerajaan membuat keputusan ini dan saya yakin keputusan ini akan dapat merangsang ataupun merancakkan penjualan ataupun pindah milik yang melibatkan *sub sale*, bukan daripada pemaju dari *sub sale* sebab ya lah, sebagai seorang peguam untuk sepanjang tahun ini banyak rungutan. Saya sendiri terima banyak rungutan tetapi saya yakin dengan berkuat kuasanya perkara ini, dia sangat— dia akan menggalakkan industri dan terutamanya dia dilaksanakan sebaik sahaja Yang Berhormat Menteri membentangkan belanjawan pada 11 hari bulan, 12 hari bulan terus dilaksanakan. Saya menyambut baik.

Cuma saya hendak tanya dengan adanya pindaan ini iaitu nilai harta yang diambil kira sebagai paras rendah, paras alas dia daripada 1 Januari 2000 kepada 1 Januari 2013, perbezaan 13 tahun itu. Kalau berdasarkan rekod sepanjang 12 bulan yang sebelum ini, berapakah unjuran yang akan — pengurangan kutipan cukai untuk kerajaan? Ini kerana sudah pasti kalau sekiranya transaksinya sama banyak, kutipan cukai oleh kerajaan akan berkurangan.

#### ■1830

Sebab nilai pasaran untuk tahun 2013 sudah pastinya tidak banyak beza dengan sekarang berbanding dengan tahun 2002 yang mana nampak perbezaan yang ketara. Jadi, berapa banyak pengurangan dan apakah pengurangan ini akan menjelaskan program pembangunan, projek-projek sedia ada yang dilakukan untuk kepentingan rakyat. Jadi, bagi saya petang ini kita membincangkan satu perkara yang wajib disokong, wajib kita memberikan sokongan padu sebab pindaan-pindaan sebegini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi amat diperlukan selaras dengan keperluan apa yang telah dibentangkan

dalam Belanjawan 2020. Jadi, saya menyokong pindaan ini dan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang giliran Yang Berhormat Paya Besar. Silakan.

### 6.31 ptg.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan. Saya ucapkan terima kasih kerana turut dapat peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2019. Saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, penggubalan rang undang-undang ini mempunyai asas yang cukup baik.

Pertama, kita ingin melihat bagaimana pendapatan negara itu dapat ditambahkan. Kedua, bagaimana kita dapat mengimbangi di kala kita ingin menambah pendapatan negara dan bagaimana kita hendak membantu agar rakyat Malaysia ini dapat dimakmurkan dan disejahterakan.

Cuma persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kita yakin pendapatan negara ini berasaskan pada lima perkara. Pertama, cukai pendapatan. Kedua, cukai tidak langsung. Ketiga, hasil bukan cukai. Keempat, cukai langsung lain dan yang kelima merupakan pinjaman dan penggunaan aset kerajaan.

Persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana untuk pendapatan kita tahun hadapan? Adakah dengan kita memansuhkan GST tempoh hari dan mewujudkan SST, kita dapat menyamaratakan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian sebentar tadi dan kenyataan ini telah diutarakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Langkawi bahwasanya kutipan hasil SST itu akan sama ditingkatkan sehingga menyamai kutipan GST.

Ini perkara yang sering menjadi perbualan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya di pihak pembangkang. Apakah strategi yang akan dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk melakukan usaha-usaha supaya kenyataan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi dapat diusahakan dan dicapai agar negara kita tidak akan ada masalah dari segi defisit bajet, khususnya tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang cukai, kita juga bercakap tentang masa hadapan negara dan saya nampak penggubalan rang undang-undang ini menyentuh banyak rang undang-undang seperti Akta 53, Akta 169, Akta 806 dan juga melibatkan Akta Petroleum yang saya yakin ini sedikit sebanyak akan memberi suatu gambaran dan horizon yang baharu dalam sistem percukaian negara kita. Akan tetapi, isunya adalah walaupun kita melihat cukai pendapatan ini merupakan kelompok yang terbesar dalam pendapatan negara, kita ada sejumlah 2.27 juta Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang lebih

mengetahui. Daripada sejumlah 2.27 juta pekerja ini, sebanyak 15 peratus daripada jumlah ini hanya yang layak untuk membayar cukai.

Kita ada syarikat-syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia lebih kurang sejumlah 1.2 juta syarikat. Kita lihat hanya suku daripada syarikat-syarikat ini juga layak untuk membayar cukai pendapatan. Ini lah perkara-perkara yang saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab bagaimana Yang Amat Berhormat Langkawi telah menyatakan bahawasanya akan wujudnya cukai-cukai baharu dan cukai-cukai ini juga adakah ia termaktub dan berada di bawah penggubalan rang undang-undang ini?

Bagaimana rang undang-undang ini juga dapat seperti mana yang ingin dicapai oleh hasrat Yang Amat Berhormat Langkawi. Kita yakin negara kita masih berdasarkan kepada cukai sebagai pendapatan dan saya tidak mahu kerajaan hari ini, kerajaan yang mempunyai defisit. Kita mahu kerajaan seboleh-bolehnya mempunyai sedikit surplus agar ia dapat memberi gambaran yang lebih baik kepada negara kita.

Saya juga ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua kepada Perenggan 1A, Bahagian 1 di bawah Akta 53 yang telah diperincikan sebanyak 30 peratus. Bagaimana perincian cukai baharu ini yang sebanyak 30 peratus ini, saya harus mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimana perkara ini berlaku?

Saya juga Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin menyentuh Seksyen 46 Akta 53 berkaitan potongan individu kepada perbelanjaan perubatan seseorang individu untuk diri sendiri atau pasangan yang menghadapi rawatan kesuburan. Ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan. Pertama, saya memuji usaha ini walaupun dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan telah jelas menunjukkan bahawasanya individu-individu yang ingin membuat rawatan kesuburan boleh mengeluarkan KWSP tetapi dalam pelepasan cukai ini juga menunjukkan ada rawatan kesuburan bagaimana persamaan atau bagaimana pengurusan kalau mereka sudah mengeluarkan KWSP dan bagaimana pula mereka hendak *claim* menggunakan KWSP itu kepada cukai pendapatan?

Saya juga hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, membuat IVF ini bukan satu perkara yang senang dan ia kadang-kadang pasangan itu terpaksa mengambil kira dua atau tiga kali rawatan tersebut. Adakah Kementerian Kewangan memikirkan potongan ini atau pelepasan ini diberikan kepada setiap kali mereka lakukan sehingga mereka dapat bayi atau bagaimana mereka telah membuat rawatan tetapi mengalami kegagalan? Adakah ini juga mendapat pelepasan daripada pihak kementerian?

Saya juga ingin bertanya, ramai kawan-kawan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mempunyai kemampuan lebih iaitu beristeri dua. Adakah isteri pertama juga mendapat pelepasan sekiranya membuat rawatan kesuburan dan bagaimana pula isteri yang kedua? Yang Berhormat Lipis macam berminat perkara ini.

Isu yang ketiganya adalah Tuan Yang di-Pertua berkaitan Akta 53 yang melibatkan pelepasan kepada anak-anak yang dihantar kepada taska. Pada tahun 2018, hanya seorang

sahaja yang dapat dipotong sebanyak RM1,000 dan *alhamdulillah* pada kali ini dinaikkan kepada sebanyak RM2,000. Akan tetapi, bagaimana kepada mereka yang mempunyai anak yang ramai Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Adakah anak mereka ini seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dari segi faktor umur, tetapi berapa ramai dan bilangan mereka ini? Adakah kalau tiga dikalikan dengan sejumlah RM2,000 menjadi sebanyak RM6,000? Bagaimana penjelasan ini? Kenapa usaha ini sepatutnya mengambil kira kepada mereka yang dapat anak yang ramai, kerana anak yang ramai ini lah yang akan meningkatkan produktiviti kepada negara.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin menyentuh kepada agen cukai ini. Ini kerana apa, dalam Seksyen 153 Akta 53 jelas menunjukkan bahawasanya kelulusan ini diletakkan di bawah Ketua Pengarah. Cuma kerisauan dan kemusykilan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana kita hendak mengenal pasti agen ini? Agen cukai ini kadang-kadang mereka ada integriti dan kadang-kadang mereka hanya memikirkan kepada keuntungan, yang pentingnya rakyat kita di bawah sana dan luar sana tidak akan ditipu oleh agen-agen ini.

Bagaimana kementerian Yang Berhormat melaksanakan program *awareness*, agen-agen mana yang ini sahaja yang berdaftar dan bagaimana dapat memuat naikkan senarai-senarai agen yang telah diluluskan oleh pihak kementerian supaya rakyat di luar sana mereka bukan tidak pandai untuk menguruskan cukai mereka, tetapi mereka ingin melakukan sedikit kemudahan dan mereka serahkan. Mereka tidak menggunakan e-Filing tetapi mereka menggunakan agen bagi memudahkan tetapi akhirnya niat mereka untuk memudahkan itu lah yang menyebabkan kadang-kadang mereka terlepas pandang ada orang yang '*menangguk di air yang keruh*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memuji kementerian apabila meletakkan satu fasal yang membuat pelepasan kepada syarikat-syarikat yang membuat *endowment*. Saya memandang tinggi kerana semasa saya menjadi Ahli Lembaga Pengarah sebuah universiti tempatan dan swasta, isu *endowment* ini ialah isu yang amat kritikal sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua kerana kita sukar untuk menarik syarikat-syarikat untuk memberi bantuan kewangan. Kenapa niat *endowment* ini adalah untuk jangka masa panjang.

#### ■1840

Kenapa? Kita tidak boleh berharap kepada biasiswa yang semakin hari semakin mengecil. Kita tidak boleh berharap kepada pinjaman kerana pinjaman ini akhirnya akan membebankan mereka-mereka yang memang susah. Susah bertambah susah. Jadi melalui *endowment* ini, ia akan menyelesaikan banyak perkara yang akhirnya akan menjadikan anak Malaysia lebih baik dan cemerlang dalam bidang pendidikan.

Akan tetapi persoalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana *limitation* yang dibuat? Daripada penghujahan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya mendengar hanya diberikan kepada universiti-universiti yang di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti

1971 dan di-extend-kan kepada UiTM. Bagaimana pula Universiti Kuala Lumpur yang berada bukan di bawah Akta 171 dan Akta UiTM, mereka berada di Akta 555.

Saya memahami walaupun mereka berada di bawah Akta 555, Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tetapi ia adalah merupakan institusi yang mempunyai kait rapat dengan agensi kerajaan. Ia juga memberi kemudahan kepada anak-anak yang belajar di bawah Universiti Kuala Lumpur. Bagaimana pula universiti-universiti di bawah kerajaan negeri sebagaimana Universiti Kolej Yayasan Pahang, bagaimana universiti-universiti yang ada kaitan dengan GLCs negara? Adakah ini juga termasuk dalam pelepasan ini?

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melihat kepada beberapa perkara yang dekat di hati saya iaitu dua cukai iaitu *soda tax* dan *digital tax*. Saya mengharapkan sangat di Dewan yang mulia ini, di peringkat dasar ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyatakan bagaimana pelaksanaan September 2019 untuk *soda tax*. Adakah kutipannya sudah mencapai seperti mana yang digariskan? Bagaimana persediaan kita untuk menghadapi *digital tax* ini. Ini kerana apa?

*Digital tax* inilah yang akan membebankan rakyat sekiranya kita tidak dapat memberi penjelasan yang baik kepada mereka ini, informasi-informasi yang baik. Ini kerana apa? Hari ini kita terdedah dengan pelbagai maklumat dan kita terdedah juga kepada *attractions* yang bertaraf *international*. Kita harap sangat dua cukai ini dapat diberi kefahaman.

Saya yakin sangat Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya mulakan di awal tadi, betul kerajaan hari ini ingin menambah pendapatan, saya tidak ada masalah. Akan tetapi, bagaimana kita mesti mengimbangi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat? Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak, terima kasih juga pegawai-pegawai Kementerian Kewangan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

#### **6.42 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahas.

Malaysia Baharu di bawah Pakatan Harapan kena berani membuat perubahan yang terbaik. Sudah lama profesion *accountancy* mengutarakan bahawa kesemua profesion termasuk juruaudit, agen cukai dan setiausaha korporat harus ditadbir urus dan dikawal selia oleh Institut Akauntan Malaysia dan institusi-institusi yang lain seperti CTIM, MATA atau MAICSA. Amalan ini bukan baru, ianya telah diamalkan di negara-negara lain. Dewan yang mulia ini tidak harus mengubah undang-undang pada pendapat saya untuk melesenkan sesiapa yang layak menjadi juruaudit atau agen cukai atau setiausaha korporat oleh sebab kebanyakan Ahli-ahli Parlimen tidak faham profesion *accountancy*.

Institusi seperti ICAEW, ACCA, AICPA dan sebagainya semua ada tata tertib yang baik untuk mengawal dan memantau ahli-ahli mereka yang memberi perkhidmatan yang berkaitan dengan profesion mereka. Selama ini amalan mentadbir urus dan mengawal selia diri oleh institusi-institusi yang tersebut tidak menimbulkan masalah besar yang memerlukan campur tangan daripada kerajaan mereka masing-masing. Justeru, harapan *Chartered Tax Institute of Malaysia* (CTIM) adalah agar Kerajaan PH akan mempertimbangkan hasrat agen cukai untuk mentadbir urus diri siapa akan layak menjadi agen cukai pada masa yang terdekat. Buat masa sekarang, adalah hasrat kesemua agen cukai untuk mengekalkan seksyen 153 tanpa apa-apa pindaan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Kewangan 2019.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, akauntan-akauntan menyeru agar Kerajaan PH akan buat pindaan ke atas maksud *real property company* dengan izin di bawah perenggan 34A, Jadual 2, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pindaan yang harus dibuat adalah untuk mengecualikan *control company* dengan izin yang aktiviti utamanya adalah sebagai pemaju. Ini adalah sebab pemaju biasanya memindahkan rumah atau kedai dan sebagainya daripada stok kepada *investment property*, dengan izin. Pada masa pemindahan dibuat, cukai pendapatan telah dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Jika pemegang saham syarikat yang tersebut kemudiannya menjual saham, saham itu akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Sebahagian cukai keuntungan harta tanah yang dikenakan adalah kenaikan nilai yang telah dikenakan cukai pendapatan. Ini bermakna satu keuntungan telah dikenakan cukai dua kali. Ada satu di bawah Akta Cukai Pendapatan dan lagi satu di bawah Cukai Keuntungan Harta Tanah. Ini bukan prinsip perculaian negara kita yang kita akauntan memahamkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang seterusnya adalah lagi satu hasrat saya ingin mengutarakan adalah mengenai seksyen 33(1) di bawah Akta Cukai Pendapatan. Ejen-ejen cukai sudah lama mengutarakan isu ini bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri amat *strict* dengan izin dalam interpretasi peruntukan di bawah seksyen 33(1) khususnya perkataan-perkataan dengan maksud, “*wholly and exclusively incurred*” dengan izin. Pihak LHDN mengambil pendirian bahawa satu perbelanjaan hanya boleh ditolak atau dituntut sekira ianya 100 peratus boleh dibuktikan adalah perlu untuk menjana pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perniagaan ada banyak perbelanjaan seperti hiburan yang termasuk makanan, minuman dan juga membawa isteri pelanggan untuk *shopping* dengan izin adalah budaya negara-negara di Asia. Garis panduan LHDN untuk memerlukan pembayar cukai untuk membuktikan kesemua perbelanjaan hiburan telah menjana pendapatan sebelum ianya boleh dituntut. Sekiranya tiada bukti yang kukuh untuk membuktikan, tuntutan atau tolakan perbelanjaan itu akan disekat atau dihadkan. Adakah harapan kesemua ejen cukai agar Kerajaan PH akan lebih mesra kepada pembayar cukai dalam hal ini oleh sebab pembayar-pembayar cukai selama ini telah membantu negara kita dalam menjana hasil untuk membayar segala-gala yang diperuntukkan di dalam belanjawan.

**■1850**

Jadi oleh sebab isu kedua dan ketiga yang saya sentuh amat teknikal, saya tidak mengharap Timbalan Menteri akan menjawab saya secara lisan. Saya berharap boleh dapat jawapan bertulis. Saya boleh terima jawapan bertulis.

Selain daripada permintaan yang saya sudah sebut di atas, saya ingin menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

**6.50 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong rang undang-undang ini. Saya seperti Yang Berhormat Tebrau tadi supaya kerajaan lebih dengan izin *friendly* dengan pembayar cukai sebab kita orang yang bayar cukai ini, orang yang telah membuktikan pendapatan mereka dan perbelanjaan, jadi kita kenakan cukai. Jadi orang yang ikut peraturan dan undang-undang, kita kena *friendly* sedikitlah. Akan tetapi yang kerajaan tidak boleh kesan sekarang ini ialah orang yang mendapat pendapatan yang besar dalam ekonomi hitam (*black economy*), dengan izin tetapi mereka tidak kena cukai. Mereka pun kita tidak *friendly* apalah sebab mereka tidak bayar cukai tetapi duit yang beredar di pasaran yang berkenaan agak besar. Banyak juga kita hendak persoal sekarang ini aktiviti-aktiviti yang haram, mereka ambil sumber kewangan daripada mana?

Contohnya Yang Berhormat, ada sekumpulan orang pada 30 November, mereka telah membuat perjumpaan di Dewan Bola Keranjang Banting, 300 orang hadir. Jadi sumber pendapatan diambil di mana? Mereka tidak dapat kesan. Mereka asalnya ialah orang yang menyertai satu kumpulan haram yang diharamkan di negara ini tetapi sekarang ini mereka hidup balik dengan suasana yang tengah hiruk-pikuk ini, keadaan yang tidak menentu ini, mereka hidup balik dengan buat perjumpaan yang pertama pada 30 November.

Kelmarin mereka buat perjumpaan di dewan New Era, di Kolej Dong Zhong. Kolej ini Dong Zhong punya. Kita tahu siapa Dong Zhong tetapi mereka juga ada kolej dan di kolej itulah 300 orang buat perjumpaan untuk mengingati Komunis meletak senjata pada tahun 1989. Mereka dah buat dua kali dah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua mungkin tak seronok dengarlah tetapi saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya pun baru dapat maklumat ini bahawa...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apa kena-mengena dengan rang undang-undang ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini fasal ambil pendapatan daripada mana.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Jangan bazir masalah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini penyokong komunis kah?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ini *consequential* lah, ini *consequential bill*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini penyokong komunis kah ni?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Bukan penyokong komunis kah apa, you sudah lari tajuklah. Yang Berhormat Arau, you sudah berapa penggal di sini, lari tajuk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini dorang buat perjumpaan ini sudah ada aktiviti-aktiviti yang kita tidak dapat kesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sumber pendapatannya di mana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang Kewangan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang ini yang kementerian, ini sebagai contoh ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Khusus kepada kewangan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Di mana sumber pendapatan yang haram ini kementerian tidak dapat *check*, dengan izin tidak dapat kesan mereka. Mereka ini hendaklah tampil ke hadapan, buktikan perniagaan apa yang mereka buat. Selepas itu kita kenakan cukai. Lagi satu orang yang meneroka tanah-tanah haram, tanah-tanah haram yang paling banyak diterokai adalah di Cameron Highlands, di Rompin, di Lipis, di mana lagi? Di Gua Musang. Mereka meneroka tanah haram ada yang sedikit, ada yang besar tetapi kita tidak dapat kutip apa-apa pendapatan. Padahal perniagaan mereka cukup lumayan, mereka bermula dengan tauke-tauke di *Singapore*, meniaga yang cukup lumayan. Kita tidak kenakan cukai sebab mereka tidak daftar syarikat mereka dan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang sebenarnya pendapatan mereka cukup besar.

Jadi kita kenakan cukai kepada orang yang membuat pendaftaran. Jadi kita setujulah, kita kena *friendly* sedikitlah ya. Kita kutip cukai tetapi dalam bentuk yang lebih *friendly*, jadi orang pun seronok. Saya telah jumpa seorang yang di antara yang terkaya di negara ini. Saya tanya apa pandangannya tentang negara, dia kata nak kutip cukai, kutiplah tetapi jangan pergi isytihar nama mereka dalam surat khabar dan sebagainya. Kita mendedahkan dia tak tentu fasal kepada benda-benda yang lain pula. Jadi orang ingat dia kaya, dia kata keluarganya terancam. Kita buat pendedahan kepada orang yang tak bayar cukai dan sebagainya, kita kena *friendly*, jangan kasar-kasar. Sat lagi kalau semua orang tak nak bermula, kita hendak kutip apa? Jadi jangan bagi tinggalkan keadaan dalam keadaan orang merajuk untuk menggerakkan ekonomi.

Jawapan Yang Berhormat ini saya hendak beritahu akan mendatangkan kesan pada esok hari. Kalau Yang Berhormat jawab cakap elok, pasaran akan naik. Hari ini pasaran naik sebab saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Langkawi pada hari Jumaat dan Sabtu, jadi hari ini pasaran naiklah, wallahualam, tapi naik lima *point*. Kalau pasaran naik kita panggil BN, kalau pasaran jatuh kita panggil PH ya. Jadi itu yang pertama.

Akhir sekali—ini saya cakap ini saya minta supaya yang ini tentulah Yang Berhormat tidak jawab tentang aktiviti haram tadi tetapi saya hendak beritahu ini sebahagian daripada aktiviti haram yang sewajarnya mendapat perhatian kerajaan. Itu kerajaan kena garang sikit tapi yang

nak bayar cukai ini, cakap elok-eloklah, perbetul elok-elok, jangan kasar sangat sehingga timbul merajuk ekonomi. Ini tidak bagus ya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah fasal petroleum. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kertas ini takut saya tidak rujuk, ini saya rujuk kepada ini. Ini *hat* saya hilang, saya terpaksa fotostat, ambil *hat* orang. Jadi saya rujuk juga sebab saya bimbang untuk menuduh bahawa saya tidak rujuk kepada perkara yang dibincangkan sekarang. Jadi, fasal petroleum Yang Berhormat ya, pertama sekali sebagai prinsipnya, saya hendak tanya di kawasan petroleum ini hak siapa Yang Berhormat? Saya tanya hak siapa? Undang-undang tetap undang-undang ya.

Kawasan di bawah tiga batu nautika ke gigi pantai, daripada gigi pantai sampai tiga batu nautika adalah hak negeri, ingat itu. Tiga batu nautika sampai 200 batu nautika adalah hak *Federal*. Jadi semua kawasan minyak ini adalah dalam kawasan federal, 100 batu nautika daripada Terengganu, daripada Kelantan, daripada Pahang, kemudian daripada Sabah, Sarawak. Ada juga kawasan Sabah dan Sarawak yang dalam kawasan negeri mereka, itu adalah hak mereka, tidak ada masalah.

Akan tetapi tiga batu nautika ke atas ataupun di Sarawak saya tidak pasti, Sarawak dan Sabah mungkin 10 batu nautika sehingga ke 200 batu adalah hak *Federal*. Kalau hak *Federal*, saya pun layak, Johor pun layak, Melaka layak, Negeri Sembilan, semua layak dan tidak ketinggalan Perlis juga layak. Jadi malangnya Perlis tidak dapat apa walaupun dalam kawasan *Federal*. Bila dalam kawasan *Federal*, jadi kerajaan harus...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Arau, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Arau, setujukah dengan saya sebab Yang Berhormat Arau bercakap soal melebihi tiga batu nautika. So saya bertanya kalau di Terengganu itu pelantar minyaknya adalah tempat penggalian minyak tersebut, ia merupakan betul-betul sempadan dengan negeri Pahang. Sepatutnya negeri Pahanglah yang paling berhak menerima royalti minyak. Mungkin minyak itu disedut daripada negeri Pahang sebab satu ketika sepatutnya Petronas ini dibina di negeri Pahang tetapi sebab-sebab tertentu, maka dialih ke negeri Terengganu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergesekan Mesyuarat]*

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Arau, adakah Pahang benar-benar layak sebab betul-betul sempadan dengan negeri Pahang yang dibina pelantar minyak itu. Kalau layak, minta Kerajaan Pusat mengkaji hal tersebut dan pernah satu ketika kerajaan sewaktu Barisan Nasional dah bersetuju pun untuk membayar royalti ke negeri Pahang sebenarnya.

Terakhirnya, saya hendak tanya Timbalan Menteri Kewangan yang berjanji dengan saya hendak beri jawapan seberapa segera, sampai hari ini belum ada jawapan yang soal-soal Kerajaan Pusat berhutang dengan Kerajaan Negeri Pahang.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Arau, sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama, masukkan di dalam ucapan saya dengan hebatnya ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau sebut tadi tiga batu nautika tetapi yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Timbalan Menteri 160 kilometer daripada pesisir pantai blok PM307 iaitu di Medan Minyak Bertam. Pahang tidak minta banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri, RM100 juta sahaja setiap tahun dan bagaimana status terkini sebab perkara ini telah diberitahu ada komitmen oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2012. Saya minta pandangan Yang Berhormat Arau, adakah Pahang layak menerima RM100 juta setahun?

■1900

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia layak menerima RM100 juta setahun akan tetapi bila kita ambil alih nanti kita bagi RM200 juta ya. Sekarang ini layak. Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, bagi tengok.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, ini ialah mangkuk ya mangkuk, bukan mangkuk ayun ini mangkuk ya. *[Sambil menunjukkan sesuatu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada kaitan dengan bajet jangan kaitkan dalam perbahasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi Yang Berhormat, ini minyak Yang Berhormat. Jadi minyak yang diambil di Terengganu di sini ya di hujung ini akan tetapi dia punya telaga itu ialah kawasan Pahang jadi Terengganu layak, Pahang layak, Kelantan layak, lebih-lebih lagi mereka dalam Muafakat Nasional dan paling tak terakhir Perlis pun layak oleh sebab Perlis juga dalam Muafakat Nasional oleh sebab ini ialah hak Kerajaan Federal. Tuan Yang di-Pertua baru masuk, jangan kasar ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Begini, jangan– *friendly* lah sedikit, *friendly man*. Petang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang menjemput Yang Berhormat Alor Setar selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

#### 7.01 mlm.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Arau kena *friendly* dengan pembayar cukai ini. Saya cuma hendak bahas dalam tujuh akta yang dipinda ini saya hanya fokus kepada pindaan Akta Cukai Pendapatan.

Tahun lepas bila kerajaan baharu masuk kita sudah menggariskan sesuatu reformasi iaitu Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) pada September 2018 di mana kita sudah gariskan tiga hala tuju:

- (i) mengurangkan jurang pembayaran cukai;
- (ii) mempertingkatkan kecekapan pengutipan cukai; dan
- (iii) memperluaskan dan mempelbagaikan hasil cukai.

Dalam tahun lepas sehingga tahun ini bajet kita nampak ada usaha termasuk pindaan tahun ini di mana kita wujudkan banjaran baharu pendapatan cukai di mana lebih daripada RM2 juta kita meningkatkan dua peratus kutipan tersebut. Akan tetapi ini sebenarnya hanya melibatkan lebih kurang RM2,000 orang dan sekiranya kita ambil minimum RM2 juta tersebut campur dengan peningkatan tersebut hanya beberapa ratus sahaja yang kita terima.

Maka kita perlulah fokus dalam hala tuju yang ke-2, yang ke-3 yang saya anggap agak lemah setakat ini. Tahun lepas kita wujudkan satu polisi baharu di mana ada sekatan kerugian bawa hadapan *lost* yang *bring forward* disekat kepada tujuh tahun dan juga kita wujudkan CKHT yang baharu termasuk tahun ini kita sudah ubah suai asas kepada tahun 2013 sebagai asas pengiraan. Kita ada cukai gula, ada levi pelepasan dan *digital tax*.

Di sini saya ingin mencadangkan pihak kerajaan melihat kepada pendapatan khususnya cukai pendapatan ini secara luas. Bukan kita hendak cuba hendak wujudkan cukai baharu kepada rakyat akan tetapi kalau kita bandingkan dengan statistik yang kita ada, syarikat yang daftar di Malaysia ini syarikat maksudnya sendirian berhad, tidak masuk lagi *enterprise* dan juga *partnership*. Syarikat sahaja yang daftar RM1.2 juta dan peningkatan hampir 40,000 syarikat baharu setiap tahun.

Akan tetapi kalau ikut tinjauan laporan ekonomi ini di antaranya hanya 62 peratus sahaja yang daftar dengan LHDN. Maka hampir 30 lebih peratus tidak daftar dengan LHDN akan tetapi dari jawapan yang saya dapat dari Kamar Khas dari kementerian adalah terdapat hanya ada sebanyak 100,000 syarikat yang sudah daftar dengan SSM akan tetapi tidak daftar dengan LHDN di mana tidak harus wujudnya kerana setiap syarikat yang daftar dengan SSM khususnya bawah syarikat haruslah ada nombor pencukaian maka inilah sedikit sebanyak sangkul dengan kecekapan dari segi pengutipan cukai.

Bagaimana kita boleh membenarkan ada syarikat yang tanpa daftar lagi di bawah LHDN? Apatah lagi di antara semua ini yang tertakluk kepada cukai hanya sebanyak 7.8 peratus sahaja. Maka walaupun kita ada pindaan Jadual 1 akan tetapi itu hanya fokus kepada individu yang dapat pendapatan yang tinggi. Bagaimana dengan syarikat? Saya bagi satu statistik lagi di bawah daftar perniagaan iaitu contohnya *enterprise* dan juga *trading partnership*. Sejumlah RM7.2 juta syarikat setakat tahun 2018 dan peningkatan sebanyak RM400,000 syarikat setiap tahun. Akan tetapi di antara ini berapa yang betul ada buat bayaran?

Maka saya cuba gariskan keseluruhannya sama ada seorang individu sebagai bekerja di bawah majikan ataupun daftar sebagai perniagaan di mana dia sendiri ada perniagaan maka

hanya dua jenis sama ada hantar borang B atau borang BE, kalau dia sebagai pekerja hantar borang BE kita tengok jumlah borang yang kita kutip 452,000 dan borang BE sebanyak 1.8 juta dan borang B sebanyak 452,000.

Maksudnya di antara tujuh juta perniagaan yang daftar syarikat *enterprise* dan *partnership* ataupun *trading* ini hanya 452,000 yang kita kutip dari borang B walaupun ada cukai yang kita kutip, akan tetapi di sini kita hendak tanya sejauh mana kecekapan yang kita kutip ini? Adakah perniagaan tersebut yang daftar ini tidak membawa kepada keuntungan ataupun mereka langsung tidak berdaftar dengan LHDN?

Saya rasa perlu kita kaji semula dari segi persepsi kita atas T20, M40 dan B40. Bayangkan kalau definisi kita B40 adalah pendapatan isi rumah di bawah RM3,800 dan M40 adalah di antara RM3,800 sehingga RM8,300 dan T20 adalah RM8,300 ke atas. Maka bayangkan keseluruhan tenaga kerja yang kita ada RM1.5 juta yang kerja maksudnya tidak masuk lagi isteri di rumah, tidak masuk kanak-kanak-kanak yang tidak cukup umur 15 tahun. Maka RM1.5 juta ini berbanding dengan jumlah yang hantar borang B dan borang BE atas pendapatan cukai *income tax* ini ada RM72.3 juta iaitu hanya sekadar lima belas peratus sahaja.

Kalaularah kita lihat dari segi jumlah yang hantar ikut banjaran di mana saya dapatkan maklumat dari kementerian, bayangkan yang usaha di bawah perniagaan ini bawah borang B iaitu sekiranya kita anggap seorang itu adalah pendapatan isi rumah lebih daripada RM8,300 ke atas maka pendapatan yang barangkali boleh dicukai adalah sekurang-kurangnya di bawah banjaran RM100,000 hingga RM250,000 ke atas dan jumlah yang bawah borang B hanya 87,000 sahaja iaitu 0.06 peratus daripada jumlah tenaga kerja.

Bayangkan sekiranya mereka adalah di bawah M40 maksudnya pendapatan lebih daripada RM3,800 tidak sampai lagi RM8,000 barangkali mereka akan masuk di bawah banjaran pendapatan bercukai di antara RM20,000 ke atas sehingga RM100,000 ke bawah. Jumlah yang bayar dalam borang B adalah seramai 361,000 orang sahaja maka kita lebih penting ataupun lebih ramai dari kalangan mereka adalah hantar borang BE di mana dia kerja di bawah majikan akan tetapi dalam konsep yang sama pun kalau melebihi RM100,000 ke atas yang hantar borang BE adalah seramai 388,000 orang sementara manakala yang hantar borang BE di bawah RM100,000 ke bawah adalah seramai 1,500,000 orang.

Maka dengan perbandingan ini kita nampak sebenarnya ada satu jurang yang cukup besar di antara mereka yang barangkali sudah ada pendapatan yang harus dikenakan cukai akan tetapi belum lagi dikenakan cukai maka saya berharaplah pihak kerajaan— sementara ini kita hendak cari daripada mereka yang sudah daftar, sudah bayar cukai bulan-bulan, cari kesalahan, cari kesilapan, lebih baik kita cuba perluaskan *tax base* kita.

Ini kerana ramai mereka ini sudah sanggup bayar cukai, siap bayar PCB atau potongan cukai berkala setiap bulan akan tetapi hanya kerana kesilapan sedikit sahaja terpaksa bayar penalti setiap bulan. Apatah lagi kita hendak tanya berapa ramai daripada antara perniagaan syarikat ini sudah hantar borang CP500? Adakah mereka ini di bawah pemantauan kita?

Kedua, di bawah seksyen 44 kita sambut baik peningkatan potongan cukai tujuh peratus sehingga 10 peratus, khususnya untuk yang perkara 11D yang baru iaitu bawah wakaf *religious body* dan *public university*. Akan tetapi oleh kerana universiti ini dia merangkumi beberapa jenis daftar contohnya UIA bukan di bawah Akta AUKU akan tetapi di bawah Akta Syarikat iaitu juga dikategorikan sebagai *company limited by guarantee* (CLBG). Maka saya hendak cadangkan supaya kita perluaskan potongan tersebut merangkumilah daftar CLBG ini yang juga termasuk juga *company* yang kononnya diwujudkan untuk menubuhkan sekolah baru ataupun beli tanah baru kerana ini sedikit sebanyak akan membantu pihak sekolah untuk mengumpulkan dana.

Saya harap pihak kementerian boleh senaraikan jumlah yang dapat potongan cukai di bawah seksyen 46(6) kerana walaupun kita nampak ada Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah (TSUWA) akan tetapi berapa di antara mereka adalah di bawah kategori TSUWA?

#### ■1910

Saya dimaklumkan bahawa di bawah Tabung Pengurusan Rumah Ibadah (TPRI) hanya sekadar lebih kurang 50 sahaja. Saya cadangkan supaya kita menggunakan pendaftaran ini untuk menggalakkan lebih banyak derma dan juga kalau boleh saya harap boleh masukkan juga PIBG sebagai salah satu entiti yang boleh diterima dan diberikan potongan cukai di bawah seksyen 44(6) ini.

Kedua akhir, seksyen 49 *deduction* untuk *insurance premium*. Saya anggap apa yang kita usahakan tahun lepas untuk kita pecahkan di antara EPF RM4,000 dan juga *life insurance* RM3,000 itu adalah usaha dia untuk menggalakkan pembayar cukai untuk membeli lebih insurans. Akan tetapi saya ingin hendak cadangkan di bawah 1(b)(a) itu yang tidak dimasukkan dalam rang undang-undang kali ini adalah untuk *tax deduction* bahawa pendidikan dan juga *medical*, saya harap boleh meningkat daripada RM3,000 kepada satu angka yang lebih tinggi.

Bayangkan kalau RM3,000 kalau kita bagi kepada satu keluarga kalau caruman dibuat suami isteri sekali maksudnya seorang kepala hanya menggunakan lebih kurang RM125 satu bulan untuk *medical insurance*. Bayangkan M4D premium ini tidak cukup untuk satu *coverage* yang agak selesa sedangkan mereka tidak dikategorikan di bawah B40.

Apakah kalau kita boleh meningkatkan dalam RM3,000 ke RM5,000 ataupun RM6,000 supaya menggalakkan M4D ini mereka sendiri selesaikan *coverage* insurans mereka sendiri supaya tidak dimasukkan ataupun membebankan kerajaan ini.

Maka akhir sekali saya cuma ingin kementerian untuk menjelaskan di bawah rang undang-undang ini saya tidak nampak apa akta-akta undang-undang pindaan yang berkenaan dengan *Tax Identification Number* (TIN) yang dikemukakan dalam tahun ini. Adakah TIN itu akan wujud pada tahun depan dan adakah nombor TIN itu akan disangkut sekali dengan nombor percukaian yang sepatutnya kita wujudkan. Kalau itulah itu adalah hala tuju kita saya setuju supaya kita wujudkan nombor ini adalah berdaftar atas nombor IC termasuk juga nombor cukai supaya

selepas ini segala transaksi atas *online* ini kita dapat mengikut dan *trace* dari segi transaksi pembeli perniagaan tersebut.

Sekian sahaja perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Baiklah sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, masanya 30 minit.

#### 7.12 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua rakan-rakan yang turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2019 ini. Saya bermula dengan Yang Berhormat Bukit Bendera yang membangkitkan beberapa perkara.

Pertamanya ialah tentang *tax rebate* ataupun levi pelepasan untuk mengerjakan umrah dan *privilege* yang dikatakan dilimitkan untuk dua kali itu. Panduan tuntutan *rebate* levi pelepasan cukai ini Yang Berhormat akan dibuat dalam Nota Penerangan Borang Nyata Cukai Pendapatan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi memudahkan pembayar cukai membuat rujukan. Jadi kita akan memperincikan, memperjelaskan di dalam Nota Penerangan Borang tersebut.

Cadangan supaya pihak jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara pengikut agama ini, mengeluarkan pekeliling ataupun garis panduan lawatan ke tempat yang boleh dituntut akan kita sampaikan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) agar perkara ini akan dapat mereka mengambil maklum dan juga mengeluarkan apa-apa juga garis panduan bagi menjelaskan perkara tersebut.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga membangkitkan tentang derma kepada *religious authority*, adakah termasuk agama lain. Untuk makluman Yang Berhormat, derma tunai yang dimaksudkan adalah dalam bentuk wakaf tunai kepada pihak berkuasa agama Islam ataupun badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama Islam itu sendiri dan universiti awam yang mendapat kelulusan di bawah seksyen 44(11D).

Namun begitu, derma tunai kepada mana-mana tabung pembinaan rumah ibadat atau tabung pengurusan rumah ibadat yang telah diluluskan di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, turut layak mendapat potongan cukai 10 peratus daripada pendapatan agregat dan hendaklah dibuktikan dengan resit.

Jadi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, adalah kalau untuk *religious authority* itu adalah untuk agama Islam sahaja, kemudian universiti awam tetapi yang lain-lainnya macam yang saya sebutkan tadi rumah ibadat, tabung pengurusan apa semua yang diluluskan di bawah seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan itu boleh juga diberikan dengan potongan maksimum 10 peratus daripada pendapatan agregat syarikat.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Bendera juga membangkitkan tentang prosedur diperkemas untuk elak penyalahgunaan dalam kalangan pembayar cukai contohnya kemukakan

*audited account.* Seksyen 44(6) pada ketika ini dipantau melalui aktiviti audit. Kes diambil dan dipilih melalui analisis risiko dan bagi kes yang baharu diluluskan akan diberikan tempoh pengecualian selama lima tahun. Bagi kes yang gagal mematuhi syarat selepas audit dijalankan, tempoh pengecualian telah disingkatkan ataupun kita tarik balik.

Secara tahunan pembayar cukai yang diberikan kelulusan di bawah seksyen 44(6) ini diwajibkan untuk mengemukakan *audited account* kepada LHDN untuk tujuan pemantauan. Jadi cadangan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi memang telah kita laksanakan dan ini adalah antara perkara yang perlu dilaksanakan dengan cukup berhemah, cukup mesra alam seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Arau tadi untuk kita memastikan bahawa mereka membayar apa yang perlu dibayar, sepatutnya dibayar dan dalam masa yang sama kita tidak akan mengenakan tekanan-tekanan yang lain untuk mendapatkan sesuatu yang sebenarnya tidak harus mereka bayar.

Kemudian saya berpindah kepada Yang Berhormat Pontian. *Maybe not in order* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi. GST dimansuhkan dan digantikan dengan tujuh jenis cukai baharu Yang Berhormat Pontian senaraikan tadi. Sebenarnya apabila GST dimansuhkan kerajaan hanya menggantikan dengan dua jenis cukai iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan ataupun SST. Cukai perkhidmatan ini juga dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang diimport dari luar negeri untuk mewujudkan layanan yang adil.

Seperti yang mana telah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa apabila cukai digital ini ataupun cukai perkhidmatan ini dikenakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan digital dalam negara tetapi mereka yang menyediakan perkhidmatan digital luar negara tidak kena. So, maknanya kita mewujudkan suatu *blank field* yang tidak- dan menjadikan penyedia perkhidmatan digital tempatan ini berada dalam keadaan *disadvantage*.

Oleh sebab itulah kita perkenalkan ia bukan cukai baharu bersih dengan izin tetapi adalah cukai perkhidmatan tetapi perkhidmatan ini adalah perkhidmatan digital. Cukai perkhidmatan digital ini telah pun diadaptasikan oleh banyak negara sekarang ini kerana ini adalah merupakan ekonomi baharu dan kalau terlepas daripada mengenakan cukai bagi perkhidmatan digital ini maka negara-negara bukan sahaja Malaysia tapi negara-negara lain akan hilang punca pendapatan daripada ini.

Saya ingat sekali gus menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Paya Besar. Perkhidmatan cukai digital ini kita telah mula buka untuk mereka yang menyediakan perkhidmatan dari luar negara ini. Mula pendaftarannya ialah pada bulan Oktober pada hari itu dan kita akan mula kenakan pada 1 Januari 2020.

Seperti juga yang telah saya sebutkan sebelum ini dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita yakin bahawa penyedia perkhidmatan digital ini yang berada di luar negara ini akan dan telah berdaftar dengan kita dan mereka akan membayar cukai digital ini kerana bagi syarikat-syarikat antarabangsa yang besar ini adalah amat buruk bagi imej mereka kalau kemudiannya didekahkan bahawa mereka menyediakan perkhidmatan digital untuk negara kita dan kemudian

ada undang-undang yang mengatakan mereka perlu membayar cukai digital ini tetapi mereka elak, *evade*.

■1920

Jadi kalau ini kita dedahkan, saya ingat ia akan memberikan suatu imej yang amat tidak baik kepada syarikat yang mengatakan bahawa mereka ini dari segi *corporate governancenya* adalah baik, telus dan mengikuti mana-mana peruntukan dalam undang-undang mana-mana negara yang mereka *operate*. Jadi, saya ingat ini akan menyebabkan mereka juga akan turut memberikan pembayaran kepada cukai digital itu. Menyambung apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pontian...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya yakin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu bersesuaian dengan keadaan semasa supaya kita *same playing field*. Cumanya apakah jangkaan Kementerian Kewangan, pertama kenaikan yuran yang dikenakan kepada rakyat Malaysia apabila kita *impose digital tax* ini dengan izin? Itu yang pertama. Berapakah kenaikan yang dijangka daripada yuran yang sedia ada? Keduanya, berapakah jangkaan pendapatan yang akan dapat oleh pihak kerajaan apabila kita *impose digital tax* ini? Kalau tidak dapat mungkin secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya ingat pengendali perkhidmatan digital ini mereka juga sedang dengan izin *scan* apa yang berlaku di dunia sekarang ini dan mereka juga akan mengambil kira sekiranya perkhidmatan mereka berikan itu sekarang ini tanpa *tax* dan apabila dikenakan *tax*, mereka akan naikkan. Ini akan menyebabkan mungkin mereka kurang dari segi tarikannya kepada pengendali-pengendali perkhidmatan yang seumpama itu daripada syarikat-syarikat yang lain.

Kemungkinan mereka akan *absorb* dengan izin kos tersebut dan memberikan perkhidmatan walaupun mereka terpaksa bayar kepada kerajaan *digital tax* itu tetapi mereka mungkin *absorb* itu mengurangkan sedikit margin mereka tetapi memastikan bahawa pelanggan-pelanggan setia mereka sebelumnya akan terus melanggan menggunakan perkhidmatan mereka dengan marginnya sedikit kurang tetapi mungkin selepas itu mereka boleh mendapatkan *volume* yang lebih besar yang akan menyebabkan maknanya dari keseluruhan keuntungan itu adalah sama.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Paya Besar itu saya mohon nanti disediakan oleh pegawai dan kita jawab secara bertulis.

Selain itu, kerajaan juga melaksanakan levi pelepasan skop kenaan duti eksais juga diperluaskan untuk meliputi minuman bergula. Tiada cukai baharu berkenaan RPGT dan duti setem. Ia bukan cukai yang baharu tetapi lebih merupakan kajian semula ke atas skop dan kadar. Langkah ini perlu dibuat dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan semasa.

Yang Berhormat Pontian tentang RPGT itu tadi atau CKHT itu. Sebenarnya macam saya sebut *we are listening government* dan mana-mana *government* juga yang meletakkan maknanya hasrat ataupun memenuhi kehendak daripada rakyat itu supaya kita tidak mengenakan suatu yang membebankan, harus mendengar *feedback* yang diberikan oleh rakyat. Setelah kita mengenakan CKHT ini bagi yang lebih daripada lima tahun yang sebelum tidak dikenakan dan *base line* kita adalah 1 Januari 2000, kita mendapat seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Rasah tadi banyak yang kompelin tentang dahulu tidak kena macam mana.

Akan tetapi sebenarnya saya hendak sebutkan di Dewan yang mulia ini, CKHT bagi mana-mana individu yang lepaskan pegangan selepas tahun yang kelima itu, sebenarnya diberi pengecualian satu *property* dalam seumur hidup dia, sepanjang hayat itu diberikan satu pelepasan. Yang Berhormat Pontian boleh pilih kalau Yang Berhormat Pontian – bukan kalau lah saya rasa ya lah Yang Berhormat Pontian ada banyak *property* Yang Berhormat Pontian hendak lepaskan, senyuman itu senyuman mengesahkanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Orang kaya, orang kaya.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Pontian boleh pilih yang mana Yang Berhormat Pontian rasanya yang paling besar Yang Berhormat Pontian kena bayar CKHT itu, Yang Berhormat boleh lepaskan yang pertama. Nampak ini sedikit sahaja, kata okey, okey ini saya bayar.

Akan tetapi ada yang kedua itu yang banyak Yang Berhormat Pontian kena bayar Yang Berhormat boleh pilih yang itu dan diberikan pengecualian sekali sepanjang hayat. Jadi, ini walaupun dilihat sebagai ini dan kita mendengar. Oleh sebab itulah...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sekejap ya Yang Berhormat Pontian. Oleh sebab itulah kita *review* balik daripada *base line* kita 1 Januari 2000 kepada 1 Januari 2013. Ada yang akan bertanya kenapa 1 Januari 2013? Dari data yang kita ada daripada JPPH yang membuat – sebab *database* ini memang kita ambil daripada JPPH.

Jadi disebutkan bahawa 1 Januari 2013 itu merupakan *peak* harga yang paling tinggi, harga harta tanah di pasaran dan kemudian selepas itu ia menurun. Jadi kita memilih kerajaan yang mendengar rintihan rakyat ini memilih *base line* itu yang berada di peringkat yang paling tinggi supaya selepas itu kalau mereka *dispose* juga, maknanya *the amount* yang mereka perlu bayar itu adalah cukup minimum kerana *base line* itu adalah *base line* yang paling tinggi dalam masyarakat. Sekejap Yang Berhormat Pontian. Oleh kerana Yang Berhormat Ipoh Timur bangun dahulu...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ipoh Timur.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya bagi Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Satu jawapan yang begitu baik daripada Yang Berhormat. Mungkin saya boleh membuat satu cadangan di sini berkenaan *the life time waver* sekali sepanjang hayat yang mana pengecualian diberikan kepada pelupusan satu harta tanah kediaman sepanjang hayat boleh dipilih. Mungkin memandangkan sekarang kita telah pun mengenakan CKHT terhadap *property* ataupun harta tanah yang dilupuskan selepas lima tahun, maka pihak kementerian boleh mempertimbangkan cadangan untuk memperluaskan pengecualian ini bukan terhad kepada harta tanah kediaman sahaja, mungkin untuk harta tanah bukan kediaman, harta tanah komersial dan sebagainya. Sekiranya boleh diluaskan kepada kategori ini, saya percaya bahawa rakyat akan menerima polisi ini dengan baik. Sekian.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Ipoh Timur, we *listen you loud and clear*. Kita akan balik, kita akan *digest* cadangan tersebut dan mungkin kalau ada kewajaran-kewajarannya mungkin dapat kita *address* perkara ini dalam pembentangan yang selepas-selepas ini. Sila Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tujuan untuk kita adakan CKHT sebelum ini ialah untuk mengelakkan aktiviti spekulasi beli jual, beli jual harta tanah sama ada dalam bentuk rumah atau dalam bentuk rumah kedai. Akan tetapi kalau kita kenakan selepas lima tahun, itu sudah mempunyai tujuan lain. Itu tujuan untuk menambah pendapatan negara. Akan tetapi tidak mengapalah, teruskan dan pengecualian satu itu mungkin diterima dengan baik oleh ramai di luar sana.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Perkara yang sama sebab dikatakan boleh memilih tetapi katakan 'A' isteri ada dua aset, A1 dan A2 dan suami ada dua aset, B1 dan B2. Selepas itu nama bersama ada C1, C2. So, katakan isteri jual A1 dia pilih tidak dapat, tidak dapatlah. Selepas itu suami pun boleh jual satulah sebab atas nama dia. Akan tetapi yang melibatkan suami isteri jual itu, lima peratus kah atau 50 peratus daripada yang itu. Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Saya mohon dijawab secara bertulis. Saya tidak berani hendak sebut, mungkin tidak betul tetapi yang disebut tadi atas nama suami dia boleh pilih yang mana satu yang hendak *dispose* dan isteri atas nama dia juga dia boleh pilih yang mana satu yang dia hendak *dispose* dan diberikan pengecualian.

Saya hendak tambah lagi sedikit di sini ialah pengecualian juga diberikan bagi tujuan kasih sayang. Maknanya daripada datuk kepada cucunya, untuk tujuan kasih sayanglah. Ini juga diberikan pengecualian cuma saya tahu Yang Berhormat Segamat akan bangun dan tanya macam mana kalau anak hendak berikan kepada bapa sebab dia ada kes...

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Betul, terima kasih.

**■1930**

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** *I can read your mind* Yang Berhormat Segamat.

Bagaimana bagi anak yang menghargai jasa bapa atau mak dia yang membesarlu dia lalu dia hendak memberikan aset itu kepada mak ataupun bapa dia. Buat masa sekarang ini kena. Jadi, saya ingat Yang Berhormat Segamat mungkin hendak mencadangkan itu. Kita akan mengambil cadangan tersebut dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Kemudian, seterusnya daripada Yang Berhormat Pontian adalah hasil kutipan cukai. Hasil kutipan cukai perkhidmatan Yang Berhormat adalah bagi tahun 2019 sehingga akhir Oktober 2019 Yang Berhormat. Cukai perkhidmatan adalah sejumlah RM9.981 bilion dan cukai jualan adalah sejumlah RM12.667 bilion. Jadi, kalau dicampur keduanya adalah sejumlah RM22.6 bilion sehingga akhir bulan Oktober dan kita masih ada lagi beberapa bulan untuk kutipan ini dibuat.

Ia sebenarnya kalau sehingga bulan Oktober, November dan Disember ada dua bulan lagi maknanya yang sasaran kita awal itu Yang Berhormat, SST boleh mengutip dalam sejumlah RM21 bilion maknanya kita sudah melebihi jangkaan itu. Sememangnya Yang Berhormat Pontian sebut bila Yang Berhormat Langkawi kata kita akan cuba untuk nanti SST ini kutipannya akan setara dengan GST pada suatu ketika dahulu selepas ditolak balik bayaran balik kepada GST itu, saya kira ini adalah hasrat kita untuk kemudiannya kita memastikan bahawa ekonomi kita terus berkembang.

Mereka yang membuat perniagaan akan bermula dengan lebih besar dan lebih ramai yang bermula. Bilangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi mereka yang membayar cukai terutama cukai-cukai perniagaan ini ataupun SST ini *based-nya* akan bertambah besar dan *insya-Allah slowly but surely, insya-Allah* kita akan cuba untuk meningkatkan lagi sebagai salah satu sumber kita untuk mendapatkan hasil.

Kemudian, semenjak cukai jualan dan cukai perkhidmatan dilaksanakan, tiada—oh! Ini saya ingat saya sudah sebut tadi Yang Berhormat Pontian. Kemudian pendapatan luar negara. Sama ada pendapatan daripada luar negara ini dikatakan dikenakan cukai ataupun tidak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian. Pendapatan yang diperoleh daripada luar negara adalah dikecualikan cukai pendapatan di bawah perenggan 28, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. So, dia bermula di luar. Jadi, untuk kita di sini kita tidak kenakan. Akan tetapi, mungkin dia perlu untuk berurus di mana dia mendapat pendapatan itu mungkin dia dikenakan cukai di tempat dia itu. Jadi, dia tidak kena *double taxation*. Sama kena, sini kena. Itu jawapannya.

Kemudian, Yang Berhormat Pontian juga membangkitkan tentang skim pengeksport, cukai jualan tidak boleh dikenakan. Sebenarnya yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat adalah kalau di dalam GST dahulu kita ada satu skim yang kita memperkenalkan. Pengeluar Malaysia ini yang bawa masuk *raw material* dan sebahagianya mungkin *components* dan sebagainya dia bawa masuk kemudian untuk tujuan dia eksport balik sebahagian besarnya.

Jadi, kita *withhold* yakni kita tidak kenakan cukai tersebut sehingga dia keluarkan balik. Kemudian yang dikeluarkan semula itu *finish goods* itu, kita tidak kenakan cukai. Akan tetapi, sebahagiannya itu kalau setelah siap dia jual dalam negara maka itu kita kenakan cukai. Jadi, yang kita buat ini adalah untuk SST ini setara dengan apa yang telah diperkenalkan semasa GST itu. Jadi, untuk menjawab itu makna itulah jawapan yang dapat saya berikan.

Kemudian tentang Sarawak yang menyaman Petronas berkaitan penggunaan Cukai Jualan Negeri ini. Cukai jualan yang dimaksudkan adalah Cukai Jualan Negeri iaitu cukai yang dikenakan oleh negeri Sarawak. So, jadi yang ini saya ingat saya pun tidak mahu hendak komen lebih. Ini mereka pun sudah saman dan kita biar itu diputuskan oleh pihak mahkamah.

Kemudian tentang sumbangan politik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang diterima oleh parti politik dikecualikan cukai atau tidak. Dimaklumkan bahawa sumbangan politik yang diterima oleh parti politik adalah dikecualikan cukai pendapatan. Cuma, hendak kena *declare*.

Seterusnya selepas Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Rasah saya rasa. Yang Berhormat Rasah tentang CKHT. Kenapa diubah kepada tahun 2013, saya ingat lebih kurang saya sudah beri jawapan tadi. Okey, yang saya ingat sikit...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan tanya kenapa, saya sokong diubah ke tahun 2013. Cuma unjurannya kekurangan berapa dijangka dikutip. Oleh sebab beza nilai harta tanah itu akan jadi sangat kecil berbanding dengan tahun 2000.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, soalan itu saya ingat LHDN hendak buat *figure 'kancing'* baru boleh kita berikan jawapan. Akan tetapi, itulah saya ingat Yang Berhormat Rasah sudah nampak dah kesan daripada kita buat perubahan ini sudah tentu akan memberikan kesan dari jumlah amaun yang akan dapat dikutip oleh kerajaan. Akan tetapi, macam saya sebut tadi we are *listening government*, rakyat merungut dan sebagainya so kita buat pindaan ini walaupun *it hurts us a bit*.

Kemudian Yang Berhormat Rasah juga bertanya tentang jumlah pulang balik cukai pendapatan yang telah dibayar balik kepada pembayar cukai. Ini, *income tax* ya Yang Berhormat? Bukan GST. Setakat bulan Oktober 2019 bayaran balik cukai pendapatan yang telah dibuat adalah sebanyak RM25.4 bilion. Jadi saya ingat dengan unjuran yang kita kata terdahulu we are *almost there*.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Macam mana dengan GST? Dua-dua. Sebenarnya saya tanya dua-dua.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Oh, tanya dua-dua. Mereka jawab satu sahaja Yang Berhormat. Ada, ada kot. Sekejap. Ya, bagaimana dengan GST. Ada Yang Berhormat. Baki ataupun status tentang bayaran balik *refund* GST ini setakat 31 Mei 2018 itu ia ada dua tarikh ya. Tuntutan adalah sebanyak RM19.4 bilion. Kita bayar balik sebanyak RM14.6. Jadi ada baki lagi sejumlah RM4.8 bilion. Dari 1 Jun sehingga 18 November bukan 2 Disember hari ini, 18 November yang tuntutannya adalah sebanyak RM7.2 bilion dan kita telah bayar balik sebanyak

RM2.7 bilion. Ada lagi sebanyak RM4.5 bilion. Jadi daripada jumlah itu baki yang masih belum kita bayar balik adalah sejumlah RM9.3 bilion.

Jadi yang tidak dibayar balik ini adalah kerana proses yang kita perlukan, kita perlu audit dan kadang-kadang bila audit kita minta maklumat tambahan daripada pembayar cukai tersebut. Dia lambat *furnish* ataupun mengambil ataupun ada masalah untuk *furnish* jadi itu yang menyebabkan ia tidak dapat membuat bayaran balik dengan segera tetapi hasrat kita kalau itu hak dia setelah audit dibuat memang hak dia, hasrat kita adalah untuk membuat bayaran balik.

Yang Berhormat Rasah juga telah membangkitkan tentang mereka yang mempunyai pendapatan lebih sejumlah RM2 juta ini, cukai pendapatan individu ini dinaikkan kepada sebanyak 30 peratus. Berapa cukai yang di sumbang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keputusan kerajaan untuk menaikkan kadar cukai apabila pendapatan bercukai melebihi sejumlah RM2 juta ini anggaran dan tambahan hasil tidak banyak Yang Berhormat sekadar sebanyak RM100 juta sahaja.

#### ■1940

Jadi, pandangan Yang Berhormat untuk kita kenakan sebanyak- *was it* Yang Berhormat Rasah kah, yang mana kata kalau *average* di seluruh dunia ialah 35 peratus, sekarang kita naikkan daripada 28 ke 30 peratus. Ada lagi ruang lima peratus itu untuk dinaikkan. Jadi, *man-man* Yang Berhormat. Pelan-pelan lah kita tengok...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Itu bukan saya. Itu cadangan orang lain.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** *[Ketawa]* Oh, cadangan orang lain? Jadi itu pun kita tengok kepada nilai dia kalau ada apa-apa peningkatan pun dia tak boleh menyebabkan terlalu drastik. Mungkin sakit jantung boleh, Yang Berhormat...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Boleh mencelah?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Jadi, kita tengok keperluannya dan kalau itu merupakan *the norms* di seluruh dunia...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Tidak apa. *I clarify this.*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Mungkin kita akan pertimbangkan. Sila Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Ya. Bagi saya, sebagai seorang ejen cukai dan juga akauntan, memang kita tak setuju kalau meningkatkan kadar cukai pendapatan kerana mesti faham manusia ini dia berusaha untuk dapat kekayaan. Dia akan rasa sakit hati kalau ini terlalu tinggi, ini akan mengurangkan motivasi untuk membuat perkembangan *business* dia, *broad expansion*.

Jadi, ikut apa perkembangan tempat lain dan di negara lain mengurangkan kadar pendapatan dan meningkatkan hasil pendapatan untuk kerajaan. Bukan meningkatkan kadar *you* dapat lebih banyak hasil. Jadi saya harap- saya tahu lah LHDN memang ada maklumat ini. Mereka memang sangat setuju dengan apa hasrat-hasrat akauntan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. Pada peringkat dasar itu saya ada bawa isu mengenai *multinational companies*. Kalau kita naikkan begini di mana seperti *Singapore* lebih kurang 22 peratus atau kurang, maka kemungkinan besar mereka mungkin tidak mengambil gaji mereka yang besar itu di sini. Akan tetapi, dia akan ambil gaji di luar negara. Maka, adakah LHDN ataupun Kementerian Kewangan telah menjalankan satu tabulasi untuk membandingkan beberapa banyak kemungkinan kita akan rugi.

Keduanya, *brain drain*. Kalau mereka yang dekat sini kalau kena 30 peratus, lagi baik dia kerja di Singapura atau di Hong Kong dan juga sebagainya. Maka, mereka yang bijak dan cerdik pandai yang mungkin diperlukan itu tidak datang bekerja di sini. Minta pandangan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya ingat Yang Berhormat Tebrau- saya baru tahu kata Yang Berhormat Tebrau ini adalah merupakan ejen cukai. Saya ingat Yang Berhormat Tebrau *will be our ambassador*, duta contoh...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Terima kasih. Lagi satu hendak tambah, kalau you hendak apa [*Ketawa*] Meningkatkan kadar cukai, you mesti faham. Setiap pembayar cukai dia ada pilihan, dia akan pindah *resident status* ke negara lain. Jadi, you akan tidak dapat cukai pula kalau kita hendak ambil langkah inilah. Jadi, kita kena *friendly to taxpayer*, menggalakkan mereka buat *expansion* supaya mereka akan bayar lebih banyak lagi cukai. Itulah cadangan kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Baru *dok* puji dia [*Ketawa*] Yang Berhormat Tebrau. Saya ingat pada dasarnya kita bersetuju bahawa untuk kita wujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk ekonomi kita berkembang menyebabkan mereka boleh bermula,mendapat keuntungan dengan lebih baik. Jadi kuantum walaupun kita kekalkan dalam bank tersebut, kita boleh kutip lebih banyak. Saya setuju itu. Akan tetapi...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Terima kasih banyak kerana saya fikir akauntan-akauntan di luar berasa sangat gembiralah dengan jawapan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, termasuk Yang Berhormat Tebrau.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Walau bagaimanapun, kita juga tidak boleh berada terlalu jauh daripada *norms* negara-negara yang lain. Walaupun itu mungkin menjadi satu *advantage* kepada kita. So, kita kena pertimbangkanlah. Saya ingat Yang Berhormat semua juga faham tentang perkara tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada rakan-rakan lain yang tidak dapat saya berikan jawapan secara lisan sebab masa tidak mengizinkan. Kita ada lagi tiga rang undang-undang yang perlu saya bentangkan selepas ini. Jadi, yang lainnya kita akan jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawapan bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan dipersetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

### Fasal 3 [Pindaan]-

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat.

#### **7.46 mlm.**

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menggantikan fasal 3 dengan subfasal yang berikut:

- (a) dalam subfasal (3), dengan menggantikan perkataan "21 dan 22, dan perenggan 20(a)" dengan perkataan "20 dan 21, dan perenggan 19(a)";
- (b) dalam subfasal (4), dengan menggantikan perkataan "20(b)" dengan perkataan "19(b)"; dan
- (c) dengan memotong subfasal (6).

Pindaan ini bertujuan memotong tarikh kuat kuasa fasal 19 yang akan dicadangkan dipotong bertujuan untuk memperuntukkan kuasa bagi meluluskan dan memperbaharui lesen ejen cukai masih kekal di bawah Menteri Kewangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

***[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

***[Fasal-fasal 4 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

**Fasal 19 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat.

**7.48 mlm.**

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 19 dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan memotong fasal 19 tersebut. Pemotongan ini bertujuan untuk memperuntukkan kuasa bagi meluluskan dan memperbaharui lesen ejen cukai masih kekal di bawah Menteri Kewangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 19 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal-fasal 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40 dan 41 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri

**■1950**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Saya mohon mencadangkan bahawa fasal-fasal yang telah disebutkan tadi dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menomborkan semula fasal-fasal 20 hingga fasal 41 seperti berikut;

Fasal 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39 dan 40. Pindaan bertujuan untuk menomborkan semula fasal-fasal terlibat berbangkit daripada pemotongan fasal 19 yang telah kita persetujui sebentar tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal-fasal 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40 dan 41 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 22 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan bahawa fasal 22 yang dinomborkan semula dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menggantikan fasal 22 yang dinomborkan semula dengan fasal yang berikut:

- (a) dalam subfasal (1) dengan menggantikan perkataan "24 dan 27" dengan perkataan "23 dan 26"; dan
- (b) dalam subfasal (2) dengan menggantikan perkataan "25 dan 26" dengan perkataan "24 dan 25"

Pindaan ini bertujuan untuk menomborkan semula fasal selepas pemotongan fasal 19.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 22 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 23 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 24 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 24 yang dinomborkan semula dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menggantikan fasal 24 yang dinomborkan semula dengan fasal yang berikut.

Pindaan Jadual 24. Jadual 2 kepada Akta Ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 2A dengan perenggan yang berikut:

“2A(1) – Bagi maksud jadual ini, jika suatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian I Jadual 5, rujukan kepada 1 Januari 1970 hendaklah disifatkan sebagai rujukan kepada 1 Januari 2013.

Subperenggan (1) tidak terpakai bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 dan 34A”

Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa penetapan harga pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan bagi harta tanah yang diperoleh sebelum 1 Januari 2013 adalah tidak terpakai bagi pelupusan saham dan saham dalam syarikat harta tanah yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34, dan 34A, Jadual 2.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 24 sebagaimana dipinda perintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 25 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### Fasal 29 [Pindaan] -

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 29 yang dinomborkan semula dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan menggantikan fasal yang berikut:

- (a) dalam subfasal (1) dengan menggantikan perkataan “31” dengan perkataan “30”;
- (b) dalam subfasal (2) dengan menggantikan perkataan “32” dengan perkataan “31”; dan
- (c) dalam subfasal (3), dengan menggantikan perkataan “33, 34 dan 35” dengan perkataan “32, 33 dan 34”.

Pindaan ini bertujuan untuk menomborkan semula fasal selepas pemotongan fasal 19.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 29 sebagai mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 30 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengurusikan Mesyuarat]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]*

## ■2000

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2019

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**8.00 mln.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminta Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mempercepatkan perbicaraan dan keputusan rayuan yang dikemukakan pembayar cukai kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan serta untuk menyelaraskan tatacara rayuan ke Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai lima fasal sahaja seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019.

Fasal 2 menerangkan pindaan am bertujuan untuk menggantikan untuk menggantikan perkataan “clerk” di mana-mana juga terdapat perkataan “secretary” dalam seksyen 98 termasuk nota bahu seksyen 100, 101 dan Jadual 5 kepada akta ini.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif “clerk” dan memasukkan takrif “secretary”.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda jadual kelima seperti berikut:

- (a) subfasal 4(a), ia dipinda bagi menggantikan perenggan 1A untuk memberi kuasa kepada pengurus untuk menentukan sesuatu prosiding perbicaraan rayuan boleh didengar oleh seorang Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dengan kelulusan pengurus. Pada masa ini, pendengaran rayuan di hadapan tiga orang pesuruhjaya khas;
- (b) subfasal 4(b) dipinda bagi memasukkan dipinda bagi memasukkan perenggan 1B yang baru untuk membenarkan prosiding rayuan dengan kebenaran pihak-pihak untuk diteruskan atau didengar semula oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang tinggal jika salah seorang dari tiga orang pesuruhjaya khas yang mendengar rayuan itu tidak dapat menyelesaikan pendengaran rayuan disebabkan oleh penamatkan tempoh pelantikannya atau sebab-sebab lain;
- (c) subfasal 4(c) bertujuan untuk memotong perenggan empat bagi memperuntukkan tiada keperluan bagi setiausaha kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk memaklumkan program persidangan bulanan kepada ketua pengarah hasil dalam negeri;
- (d) subfasal 4(f) dan 4(g) bertujuan untuk menggantikan perenggan 34 dengan perenggan baru serta memasukkan perenggan 34A, 34B dan 34C yang baharu untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan; dan
- (e) subfasal 4(i) dipinda bagi menggantikan perenggan 37A untuk memperuntukkan bahawa perayu hendaklah membayar kos bagi nota prosiding atau apa-apa dokumen lain bagi tujuan pemfailan rayuan kepada mahkamah tinggi pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah merupakan pindaan berbangkit daripada peruntukan baru mengenai tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 5, bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian bagi mana-mana rayuan yang telah didengar di hadapan tiga Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan belum selesai serta belum diputuskan sebelum berkuat kuasanya akta pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Lima minit.

#### 8.07 mlm.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih. Saya hendak minta pandangan ataupun jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 atau bersamaan juga dengan Akta Petroleum berkenaan dengan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ini yang sekarang ini tiga orang ataupun tiga panel diturunkan kepada satu. Apakah justifikasi Timbalan Menteri Kewangan yang membentangkan akta ini untuk pindaan kerana apa kita tengok kalau lebih ramai lagi lebih kepada- kalau tinggal seorang terdedah kepada manipulasi dalam keadaan pesuruhjaya khas ini dimasukkan satu rayuan dan sebagainya.

Akan tetapi tiga, adalah lebih adil kepada orang yang membuat rayuan. Begitu juga lima, kita tengok kaedah mahkamah. Begitu juga apabila panel yang melibatkan perkara-perkara yang besar dia akan meningkatkan panel hakim ini daripada satu kepada tiga, tiga kepada lima sehingga ada ke tujuh, sembilan, sebelas. Jadi, apabila berlaku pengundian ia ada boleh menjadi angka ganjil. .

Jadi ini yang kita hendak tanya pandangan daripada Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan pindaan akta ini untuk apa? Apakah tujuannya? Apakah objektifnya? Walaupun tadi disebut sedikit tetapi saya nampak ada benda yang boleh berlaku di sebaliknya sekiranya tidak dibahaskan betul-betul berkenaan dengan pindaan panel pesuruhjaya khas ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 8.08 mlm.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi, sebenarnya tiga orang *special commissioners* ini masih kekal cumanya kali ini atas apa juga sebab-sebab yang tertentu, mungkin benda yang dibawa itu mungkin agak *trivial*, tidaklah besar sangat dia punya ini- ia boleh didengari oleh satu *commissioner* yang duduk seorang dengan perintah daripada *chairman* ataupun pengerusi.

Boleh sebenarnya tiga-tiga hendak duduk sekalipun boleh tetapi membenarkan atas maknanya budi bicara pengerusi kalau dilihat yang hendak dibangkitkan itu agak *trivial nature* nya ataupun apa juga sebab yang lain. Kalau hendak tunggu bagi tiga-tiga orang ada mungkin kena tunggu masa yang lama sebab *availability* tiga orang lambat jadi dibolehkan dengan *discretion* daripada pengerusi untuk seorang mendengarnya.

### ■2010

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apabila kita pinda akta ini, ia menjadi satu akta daripada Akta Ibu. Maknanya, bila-bila masa- bila kata dibolehkan, maknanya bila-bila masa pun boleh guna seorang. Tidak kiralah, ia ada kes yang melibatkan kepentingan yang besar ataupun kecil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Apabila kita pinda akta ini, ia akan jadi termaktub bila-bila masa eksplotasi atas perseorangan ini boleh- katalah saya jadi pesuruhjaya khas akta ini, dan tanpa diketahui ada *hidden mai* jumpa saya, saya terus dipengaruhi. Akan tetapi kalau ada tiga, dua lagi tidak boleh dipengaruhi. Ini perkara yang merupakan perkara roh dalam setiap pindaan akta. Itu sebab saya bangkitkan tiga adalah lebih baik daripada satu. Jadi saya tidak setujulah pindaan daripada tiga turun kepada satu.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Tidak apa, selepas ini kita hendak mengundi tetapi saya jawab dahululah. Sebenarnya, kalau- walaupun didengari oleh seorang, kemudian ada pihak yang rasa terkilan dengan keputusan yang diberikan, ia masih boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk didengari. Jadi, saya kira fleksibiliti yang telah diletakkan dalam pindaan ini adalah bagi memastikan bahawa *efficiency* pendengaran kes-kes ini adalah baik. Jadi saya ingat itulah yang saya hendak respons.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]**

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) 2019

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 8.13 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah merupakan pindaan berbangkit daripada pindaan ke atas Jadual Kelima, Akta Cukai Pendapatan 1967 bertujuan mempercepatkan perbicaraan dan keputusan rayuan yang dikemukakan pembayar cukai kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan serta untuk menyelaraskan tatacara rayuan ke mahkamah tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai lima fasal sahaja seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019.

Fasal 2 menerangkan pindaan am bertujuan untuk menggantikan perkataan “*Clerk*” di mana-mana jua terdapat perkataan “*Secretary*” dalam seksyen 42, termasuk nota bahu seksyen 44, seksyen 45, dan Jadual Ketiga.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif “*Clerk*” dan memasukkan takrif “*Secretary*”.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Jadual Ketiga seperti berikut.

Subfasal 4(a) dipinda bagi menggantikan perenggan 1A untuk memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menentukan suatu prosiding perbicaraan rayuan boleh didengar oleh seorang Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dengan kelulusan Pengerusi. Pada masa ini, pendengaran rayuan dibuat di hadapan tiga orang Pesuruhjaya Khas.

Subfasal 4(b) dipinda bagi memasukkan perenggan 1B yang baharu untuk membenarkan prosiding rayuan dengan kebenaran pihak-pihak untuk diteruskan atau didengar semula oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang tinggal jika salah seorang daripada tiga orang Pesuruhjaya Khas yang mendengar rayuan itu tidak dapat menyelesaikan pendengaran rayuan disebabkan oleh penamatkan tempoh pelantikannya atau sebab-sebab lain.

Subfasal 4(d) dan 4(e) bertujuan untuk menggantikan perenggan 29 dengan perenggan baharu serta memasukkan perenggan 29A, 29B dan 29C yang baharu untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Perenggan 4(h) dipinda bagi menggantikan perenggan 32A untuk memperuntukkan bahawa perayu hendaklah membayar kos bagi nota prosiding atau apa-apa dokumen lain bagi tujuan pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah merupakan pindaan berbangkit daripada peruntukan baharu mengenai tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian bagi mana-mana rayuan yang telah didengar di hadapan tiga Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan belum selesai serta belum diputuskan sebelum berkuat kuasanya akta pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 kini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada perbahasan. Minta Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]*

■2020

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI  
PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2019**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.20 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bagi untuk menambah baik pentadbiran cukai berhubung dengan taksiran cukai yang dibuat ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu entiti Labuan selaras dengan komitmen Malaysia terhadap piawaian percukaian antarabangsa.

Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 15 fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019 dan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut seperti berikut.

Perenggan 2A dan seksyen 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 11, 12 dan 14 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2020. Perenggan 2B dan seksyen 13 dan 15 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Seksyen 8 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "pemastautin" memandangkan suatu seksyen khusus yang baharu akan dimasukkan untuk definisi "pemastautin". Manakala seksyen 2(b) pula bertujuan untuk memasukkan takrif "Pesuruhjaya Khas" bagi membolehkan entiti Labuan mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan sekiranya tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibangkitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu seksyen 2B. Pada masa ini, mana-mana entiti Labuan yang tidak mematuhi syarat substantif Labuan akan tertakluk kepada kadar cukai pendapatan sebanyak 24 peratus di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu seksyen 2B diperkenalkan untuk membolehkan entiti Labuan yang tidak mematuhi syarat tersebut dikenakan kadar cukai 24 peratus di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (LBATA) 1990 yang sama. Ini akan memudahkan pematuhan cukai untuk entiti Labuan yang hanya akan tertakluk kepada LBATA 1990.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 3B bagi memperuntukkan penentuan status pemastautin entiti Labuan bagi maksud perjanjian pengelakan percukaian dua kali di bawah seksyen 132 ECP 1967. Dengan adanya peruntukan baharu ini, ia akan memperjelas dan memberi ketulusan kepada entiti Labuan yang layak untuk mendapat

*Certificate of Residence (COR)* dan seterusnya layak menikmati manfaat di bawah PPDK antara Malaysia dengan negara perjanjian yang lain.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4 yang memperjelaskan bahawa keuntungan yang dikenakan ke atas entiti Labuan yang boleh dikenakan cukai tertakluk kepada syarat substantif yang ditetapkan di bawah LBATA 1990. Syarat ini adalah selaras dengan kriteria yang ditetapkan di bawah piawaian percukaian antarabangsa.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 bagi memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk membuat taksiran dan taksiran tambahan ke atas entiti Labuan berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan. Keperluan peruntukan ini adalah selaras dengan kriteria yang ditetapkan di bawah piawaian percukaian antarabangsa bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan.

Fasal 7 untuk memasukkan peruntukan baharu dalam seksyen 6A, 6B, 6C dan 6D ke dalam LBATA 1990 berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 6A berhubung borang untuk membuat taksiran.
- (ii) seksyen 6B berhubung notis taksiran dan serahan notis kepada entiti Labuan yang dikenakan cukai.
- (iii) seksyen 6C berhubung tafsiran menjadi muktamad dan konklusif.
- (iv) seksyen 6D berhubung hak untuk merayu oleh entiti Labuan yang tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibuat oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ke atas dirinya dengan merayu kepada PKCP selaras dengan pindaan di subseksyen 2(1) dalam perenggan 2(b).

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi menjelaskan bahawa pendapatan daripada aktiviti bukan perdagangan Labuan adalah tidak termasuk pendapatan daripada royalti dan mana-mana pendapatan yang diperoleh daripada harta intelek dan tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah ACP 1967.

Selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa, pendapatan IP, harta intelek ini yang berpunca daripada aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia sahaja layak mendapat kadar cukai istimewa yang dikenali sebagai, dengan izin, *preferential rate*. Oleh kerana aktiviti perniagaan yang dijalankan di Labuan ini adalah hanya melibatkan hab perkhidmatan kewangan, tiada aktiviti R&D terlibat, maka pendapatan daripada IP tidak layak menikmati kadar cukai pada kadar tiga peratus di bawah LBATA 1990.

Dalam pembentangan Belanjawan 2019, pindaan kepada seksyen 4 LBATA 1990 telah dibuat di mana pendapatan harta intelek telah dikeluarkan daripada pendapatan ke atas aktiviti perdagangan entiti Labuan. Sehubungan itu, pindaan ini adalah untuk memperjelaskan bahawa

aktiviti perdagangan Labuan dan aktiviti bukan perdagangan Labuan kini tidak layak untuk dinikmati bagi pendapatan yang diterima daripada IP.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 13A bagi menjelaskan mengenai cukai yang kena dibayar berbangkit daripada taksiran yang dibuat di bawah seksyen 6 menjadi genap masa dan perlu dibayar, dengan izin, *tax due and payable*.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut.

Seksyen 17C bertujuan untuk tidak mengambil kira, dengan izin, *disregard* dan membuat pelarasan ke atas amaun cukai yang perlu dibayar oleh entiti Labuan dan seksyen 17D untuk menggantikan harga transaksi tertentu berdasarkan kepada penentuan pemindahan harga selengan secara bebas yang dikenali sebagai, dengan izin, *arm's-length price* ke atas transaksi perbekalan dan perolehan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 22B untuk meminta penyata spesifik atau pengemukaan maklumat secara bertulis.
- (ii) seksyen 22C untuk meminta penyata akaun bank atau dokumen lain berkaitan.
- (iii) seksyen 22D untuk mengakses bangunan dan dokumen lain berkaitan.
- (iv) seksyen 22E untuk memastikan entiti Labuan menyimpan rekod bagi tempoh tujuh tahun selepas tamat tahun penyata dikemukakan.
- (v) seksyen 22F yang memperuntukkan sebarang pendakwaan hendaklah mendapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 23 untuk memasukkan peruntukan bagi entiti Labuan yang gagal mematuhi notis yang diberikan di bawah seksyen baharu 22B, 22C dan subseksyen 22D(5).

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 24 bagi memperuntukkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia hanya boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 22 atau 23 dengan keizinan secara bertulis oleh pendakwa raya.

Fasal 14 bertujuan untuk memperjelas peruntukan notis selaras dengan pindaan seksyen 16 LBATA 1990.

Fasal 15 bertujuan memperjelas pemakaian peruntukan kompaun melalui pindaan ke atas seksyen 24 LBATA 1990.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

## ■2030

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]**

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Puan Hannah Yeoh) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 3 Disember 2019. Terima kasih.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.32 malam]**